

**PENDEKATAN DAKWAH MAJLIS AGAMA ISLAM
SELANGOR TERHADAP PEMOHON PENGISYIHKARAN
MURTAD**

SUARIZA@HIDAYAH BINTI MUHAMMAD

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**PENDEKATAN DAKWAH MAJLIS AGAMA ISLAM
SELANGOR TERHADAP PEMOHON
PENGISYTIHARAN MURTAD**

SUARIZA@HIDAYAH BINTI MUHAMMAD

**TESISINI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : SUARIZA@HIDAYAH BINTI MUHAMMAD (No. K.P/Pasport:
[REDACTED] No. Pendaftaran/Matrik : IHA130007

Nama Ijazah : IJAZAH DOKTOR FALSAFAH USULUDDIN

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertai/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

PENDEKATAN DAKWAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR TERHADAP PEMOHON PENGISYTIHARAN MURTAD.

Bidang Penyelidikan: DAKWAH (AGAMA).

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabunya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hal yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya muladarisekarang adalah tuanpunya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja lain samada dengan niat atau sebaliknya saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calo [REDACTED]

Tarikh: 6/7/2018

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi [REDACTED]

Tarikh: 6/7/2018

Nama:

Jawatan: DR NORRODZOH HJ SIREN
Pensyarah Kanan
Jab. Dakwah & Pembangunan Insan
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya

PENDEKATAN DAKWAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR TERHADAP PEMOHON PENGISYTIHARAN MURTAD

ABSTRAK

Permohonan pengisytiharan murtad telah berlaku dalam kalangan mualaf di Majlis Agama Islam Selangor ataupun MAIS. Namun, oleh kerana tiada enakmen yang khusus untuk kes murtad maka program Istitabah diperkenalkan bagi mengembalikan iman mereka. Walaupun begitu terdapat pemohon yang berhasrat untuk memohon murtad. Justeru itu kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti pendekatan dakwah terhadap pemohon pengisytiharan murtad dari perspektif Islam, menganalisis pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisytiharan murtad serta mengenalpasti sejauhmana penerimaan pendekatan dakwah MAIS oleh pemohon pengisytiharan murtad. Bagi mendapatkan data, kajian menggunakan metode kepustakaan dan lapangan menerusi temu bual dan pemerhatian. Temu bual secara semi struktur dilakukan terhadap sepuluh orang pemohon pengisytiharan murtad. Analisis secara diskriptif dilakukan untuk membuat satu kesimpulan terhadap penemuan kajian. Kajian mendapati, faktor kemurtadan adalah disebabkan kecewa dengan kegagalan rumah tangga, putus cinta dan faktor desakan keluarga. Pihak MAIS telah melakukan langkah drastik untuk menangani isu ini. Hasil analisis tentang pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisytiharan murtad, MAIS menggunakan pendekatan dakwah yang bersesuaian dan selari dengan kehendak Islam terhadap pemohon pengisytiharan murtad. Melalui dakwah bil hikmah atau kebijaksanaan, nasihat dan pengajaran yang baik dan berbahas dengan cara yang baik. Namun begitu daripada sepuluh informan pemohon pengisytiharan murtad, tiga daripadanya menerima pendekatan dakwah MAIS dan tujuh pemohon menolak pendekatan ini.

Katakunci : Mualaf, murtad, pendekatan, dakwah.

**PENDEKATAN DAKWAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
TERHADAP PEMOHON PENGISYIHKARAN MURTAD**

ABSTRACT

The apostasy declaration application has occurred among the converts at the Selangor Islamic Religious Council or MAIS. However, since no special enactment for the apostasy case, the Istitabah program was introduced to restore their faith. Even so, there are applicants who intend to apply for apostasy. Hence, this study was conducted to identify the da'wah approach to the apostate declaration from an Islamic perspective, to analyze the MAIS da'wah approach to the apostate declaration and to ascertain how far the MAIS da'wah approach was adopted by the apostate declaration. To obtain data, the study uses library and field methods through interviews, observations. Semi-structured interviews were conducted against ten apostate declaration applicants. Descriptive analysis is done to make a conclusion on the study's findings. Studies have found that apostasy factors are due to disappointment with household failures, heartbroken and family pressure factors. The MAIS party has taken drastic steps to address this issue. The analysis of MAIS da'wah approach to apostasy declaration applicants, MAIS uses the appropriate da'wah approach and is in line with the Islamic will of the apostate declaration. Through da'wah bills of wisdom and wisdom, good advice and teaching and debate in a good way. However, from ten informants of the apostate declaration, three of them received MAIS da'wah approach and seven applicants rejected this approach.

Keywords : Apostasy, converts, approach, da'wah.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji dan syukur kepada Allah SWT dan selawat dan salam kepada junjungan mulia Nabi Muhammad SAW. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Terutama kepada penyelia Dr. Norrodzoh Haji Siren dan Dr. Yusmini Md Yusoff yang banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan kajian tesis yang bertajuk “Pendekatan Dakwah Majlis Agama Islam Selangor Terhadap Pemohon Pengisytiharan Murtad”. Hanya Allah sahaja mampu membalas jasa kalian.

Ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga juga kepada pihak MAIS terutama Ustaz Mohd Noor Lee, Ustaz Faisal Qayyum, Ustaz Mohd Daruddin Hj. Taib@Hasan dan Ustaz Fahimi Mahamad Madani kerana banyak membantu dalam memberi maklumat dan data bagi menyiapkan kajian ini, semoga usaha dakwah MAIS terus diperkuuhkan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih juga kepada YTM Tunku Puan Sri Dato' Hajah Noor Hayati Tunku binti Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, yang menjadi ikon saya, selalu memberi sokongan dari sudut rohani dan jasmani. Begitu juga kepada sahabat saya Dr. Norshahidah Paad, Azirawati Abdul Rahman yang berkongsi idea serta pandangan.

Al-fatihah untuk bonda dan ayahanda tercinta, kepada arwah bonda Zainab binti Ibrahim dan ayahanda Muhammad bin Ibrahim walaupun tidak berkesempatan melihat tesis ini disiapkan kerana titipan doa ayahanda dan bonda yang berterusan memberi semangat dan motivasi sehingga berjaya menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga kepada suami Zamzuri Mohamed Tahir yang sentiasa memberi semangat dan dorongan, serta kedua anakanda Zamzikri Zamzuri dan Zeti Zulaikha Zamzuri sangat memahami perjuangan bonda. Terima kasih juga kepada adik beradik yang sentiasa diingatan dan selalu mendoakan kejayaan, bekanda Suzanee Muhammad, Subiyana Muhammad, Yuhanis@Ismail Muhammad, Kamaruzuhan Muhammad, Shahrul Azwan Muhammad serta kedua adinda Nurul 'Ain Muhammad dan Siti Mazmi@Siti Maziah Muhammad.

Suariza@Hidayah Muhammad
Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2018.

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI KEPENDEKAN	xiii
PANDUAN TRANSLITERASI	xiv

BAB SATU : PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	16
1.3 Objektif Kajian	19
1.4 Definisi Tajuk	20
1.5 Skop Kajian	28
1.6 Kepentingan Kajian	31
1.7 Sorotan Kajian Lepas	32
1.8 Struktur Penulisan	48
1.9 Kesimpulan	49

BAB DUA : PENDEKATAN DAKWAH TERHADAP PEMOHON PENGISYTIHARAN MURTAD DARI PERSPEKTIF ISLAM

2.0	Pengenalan	50
2.1	Mualaf Menurut Islam	50
2.2	Murtad Menurut Islam	57
2.3	Murtad Di Malaysia	63
2.4	Permohonan Pengisytiharan Murtad	75
2.5	Pendekatan Dakwah Terhadap Pemohon Pengisytiharan Murtad Dari Perspektif Islam	85
2.5.1	Pendekatan Hikmah dan Kebijaksanaan (Bil-Hikmah)	89
2.5.2	Pendekatan Nasihat Dan Pengajaran Yang Baik (Mauizah Al-Hasanah)	94
2.5.3	Pendekatan Berbahas Dengan Cara Yang Baik (Mujadalah Billati Hiya Ahṣan)	97
2.6	Kesimpulan	104

BAB TIGA : METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0	Pengenalan	105
3.1	Penyelidikan Kualitatif	105
3.2	Persampelan Kajian	108
3.3	Pengumpulan Data	113
3.3.1	Metode Penelitian Dokumen	113
3.3 .2	Metode Temu Bual	113
3.3.3	Metode Pemerhatian	116

3.4	Menganalisis Data	119
3.4.1	Membaca Data Secara Berulang	119
3.4.2	Mengkod Dan Mengkategorisasi Data	119
3.4.3	Mengenalpasti Persamaan Dan Perbezaan	119
3.4.4	Penetapan Tema	120
3.4.5	Fasa Interpretasi	120
3.5	Kesimpulan	121

BAB 4 : PENDEKATAN DAKWAH MAIS TERHADAP PEMOHON PENGISYIHKARAN MURTAD

4.0	Pengenalan	122
4.1	Faktor Memohon Pengisyiharan Murtad	122
4.1.1	Latar Belakang Pemohon Pengisyiharan Murtad	123
4.1.2	Faktor Permohonan Pengisyiharan Murtad	129
4.2	Proses Istibah MAIS Terhadap Pemohon Pengisyiharan Murtad	134
4.2.1	Masa	135
4.2.2	Panel Penasihat Akidah	136
4.2.3	Pengisian Penasihat Akidah	137
4.2.4	Ziarah Kepada Pemohon Pengisyiharan Murtad	146
4.3	Pendekatan Dakwah MAIS Terhadap Pemohon Pengisyiharan Murtad	147
4.3.1	Pendekatan Hikmah dan Kebijaksanaan (Bil-Hikmah)	148

4.3.2 Pendekatan Nasihat Dan Pengajaran Yang Baik (Mauizah Al-Hasanah)	159
4.3.3 Pendekatan Berbahas Dengan Cara Yang Baik (Mujadalah Billati Hiya Ahsan)	171
4.4 Kesimpulan	185

BAB LIMA : PENERIMAAN PENDEKATAN DAKWAH MAIS OLEH PEMOHON PENGISYIHKARAN MURTAD

5.0 Pengenalan	187
5.1 Penerimaan Pelaksanaan Proses Istitabah MAIS Terhadap Pemohon Pengisytiharan Murtad	187
5.1.1 Masa	187
5.1.2 Panel Penasihatan Akidah	191
5.1.3 Pengisian Penasihatan Akidah	196
5.1.4 Ziarah Kepada Pemohon Pengisytiharan Murtad	200
5.2 Penerimaan Pendekatan Dakwah MAIS Terhadap Pemohon Pengisytiharan Murtad	204
5.2.1 Pendekatan Hikmah dan Kebijaksanaan (Bil- Hikmah)	204
5.2.2 Pendekatan Nasihat Dan Pengajaran Yang Baik (Mauizah Al-Hasanah)	210
5.2.3 Pendekatan Berbahas Dengan Cara Yang Baik (Mujadalah Billati Hiya Ahsan)	218
5.3 Penolakan Pendekatan Dakwah MAIS Oleh Pemohon Pengisytiharan Murtad	223
5.4 Kesimpulan	234

BAB ENAM : RUMUSAN DAN SARANAN

6.0	Pengenalan	236
6.1	Perbincangan	236
6.2	Rumusan	242
6.2.1	Pendekatan Dakwah Terhadap Pemohon Pengisyiharan Murtad dari Perspektif Islam	242
6.2.2	Pendekatan Dakwah MAIS Terhadap Pemohon Pengisyiharan Murtad	245
6.2.3	Penerimaan Pendekatan Dakwah MAIS Oleh Pemohon Pengisyiharan Murtad	246
6.3	Saranan	247
6.3.1.	Memberi Kesedaran Kepada Mualaf Tiada Konsep Murtad Dalam Agama Islam	247
6.3.2	Memahami Isu Permohonan Pengisyiharan Murtad	248
6.3.3	Pendekatan Dakwah Kepada Pemohon Pengisyiharan Murtad	249
6.4	Kesimpulan	251
	Bibliografi	252

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Informan Kajian	110
------------	-----------------	-----

SENARAI RAJAH

Rajah 2.0	Permohonan Untuk Menukar Status Agama dari Tahun 2000-2010	75
Rajah 2.1	Statistik Kes Pengisytiharan Bahawa Seseorang itu Bukan Lagi Orang Islam yang Diterima Oleh MAIS tahun 2011- Julai 2015	80
Rajah 2.2	Carta Aliran Permohonan Pengisytiharan Bukan Islam di MAIS	82
Rajah 2.3	Carta Aliran Pendekatan Dakwah Kepada Pemohon Pengisytiharan Murtad	100
Rajah 2.4	Model Teori Pendekatan Dakwah Terhadap Pemohon Pengisytiharan Murtad	102

SENARAI KEPENDEKAN

et.al	Bagi mengambil nama penulis lain sekiranya buku berkenaan dihasilkan lebih dari dua orang penulis
<i>Ibid</i>	Ibedem, bermaksud pada rujukan yang sama seperti sebelumnya
<i>Op. Cit</i>	Opera Citato, rujukan yang diselangi dengan yang lain
ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
BPPM	Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf
CMS	Persatuan Muslim Colarado
JPM IF	Islamic Foundation Jabatan Perdana Menteri
IFC	Interfaith Commission of Malaysia
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
LZS	Kaunter Express Zakat Selangor
MAIK	Majlis Agama Islam Kelantan
MAIS	Majlis Agama Islam Selangor
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
NGO	<i>Non Government Organisation</i>
PERKIM	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
RTM	Radio Televisyen Malaysia
SAW	Subhanahu wata'ala
SWT	Salallahu alaihi wasalam
SDP	Simpan Dalam Perhatian
YADIM	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

PANDUAN TRANSLITERASI

Ejaan perkataan yang digunakan di dalam tesis ini adalah merujuk kepada ejaan terkini Bahasa Melayu yang diterbitkan dan disahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka¹. Manakala perkataan-perkataan Bahasa Arab dieja merujuk kepada sistem transliterasi yang telah diterima pakai di Universiti Malaya, seperti berikut²:

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ء	a / ‘	ز	z	ق	Q
ب	B	س	s	ك	K
ت	T	ش	Sy	ل	L
ث	Th	ص	ṣ	م	M
ج	J	ض	ḍ	ن	N
ح	ḥ	ط	ṭ	ه	H
خ	Kh	ظ	ẓ	و	W
د	D	ع	‘	ي	Y
ذ	Dh	غ	gh	ة	H
ر	R	ف	f	ال	Al

¹Berpandukan ejaan *Kamus Dewan. Edisi Keempat* (2007), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

²Merujuk kepada Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Pengajian Islam, Prof. Madya Dr. Ab. Mu'min Ab. Ghani (2001) Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, juga buku Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Edisi Ketiga 2012.

Beberapa kaedah lain bagi ejaan :

1. Huruf ‘ه’ (*Hamzah*) di awal perkataan ditransliterasikan kepada (a) bukan kepada (‘a).
2. Huruf ‘ة’ (*Ta Marbūtah*) di akhir perkataan ditransliterasikan kepada (h) bukan kepada (t).
3. Baris dua (*Tanwīn*) di akhir kalimah dieja tidak mengikut sebutan tetapi mengikut tulisan. Contohnya: (سَرْعَةٌ) (*Sur'ah*, سَرْعَةٌ (*Sā'ah*, قُوَّةٌ (*Quwwah*.
4. Alif Lam ditransliterasikan sebagai ‘al’ (samaada *Alif Lām Qamariyyah* atau *Syamsiyyah*) yang dihubungkan dengan perkataan berikutnya dengan tanda sempang. Huruf ‘a’ pada ‘al’ tersebut tidak menggunakan huruf besar menurut kaedah umum Bahasa Melayu. Sebaliknya huruf besar digunakan pada huruf pertama bagi perkataan berikutnya.
5. Perkataan dan Istilah yang berasal dari kalimah Bahasa Arab yang telah menjadi sebutan umum dan digunakan di dalam Bahasa Melayu adalah dieja mengikut kaedah ejaan perkataan Bahasa Melayu.

Kaedah Ejaan Bagi Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh Kalimah	Transliterasi Ejaan
<i>Fathah</i>	A	فَتَّلٌ	Qatala
<i>Kasrah</i>	I	سَلِمٌ	Salima
<i>Dammah</i>	U	جُعْلٌ	Ju'ila

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh Kalimah	Transliterasi Ejaan
ا \ ا	Ā	بَابٌ \ كَبْرٌ	kubrā / bāb
ي	Ī	وَكِيلٌ	wakīl
و	Ū	سُورَةٌ	sūrah

Diftong	Transliterasi	Contoh Kalimah	Transliterasi Ejaan
و _	Aw	قُولٌ	qawl
ي _	Ay	خَيْرٌ	khayr
و _	Aww	قَوَّةٌ	quwwah
ي _	iy/ī	عَرَبِيٌّ	'arabiyy/ī

BAB SATU : PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Dakwah adalah perkara yang sangat penting dalam menyampaikan seruan agama Islam yang benar. Oleh yang demikian pendekatan dakwah yang sesuai perlu digunakan bagi memastikan dakwah yang disampaikan dapat diterima oleh golongan sasaran. Namun begitu, dalam menyampaikan dakwah terdapat pelbagai cara dan kaedah yang dapat digunakan bersesuaian dengan keadaan dan situasi semasa.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Islam menyeru umatnya melakukan dakwah kepada manusia di muka bumi ini supaya tidak melakukan kejahanan dan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Sebagaimana firmanNya dalam surah Al-Imran, ayat 104 yang bermaksud:

وَلْتَكُنْ مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

المُفْلِحُونَ

Ali-Imran 3:104

“Dan hendaklah ada diantara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan mengembangkan Islam, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada perkara yang buruk dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya”

Ayat ini menerangkan supaya manusia melakukan dakwah kebajikan dalam mengembangkan Islam dan melarang daripada melakukan kejahanan. Dakwah termasuk melakukan perkara yang berbentuk kebajikan. Membuat kebajikan sesama manusia, hidup lebih aman dan harmoni. Lebih-lebih lagi membuat kebajikan kepada

orang yang susah dan memerlukan pertolongan. Manakala perbuatan melakukan perkara yang buruk adalah dilarang keras di dalam agama Islam kerana boleh mendatangkan huru-hara. Disifatkan sesiapa yang melakukan dakwah mereka adalah orang yang berjaya. Islam meletakkan ketinggian darjat kepada hambanya yang melakukan dakwah dalam mengembangkan agama.

Sejak zaman Nabi Nuh a.s telah melakukan dakwah kepada kaumnya sebagaimana yang dinyatakan dalam surah Hud, ayat 25 dan 26 yang bermaksud:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَى قَوْمِهِ إِنِّي لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ
أَنَّ لَا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهُ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ أَلِيمٍ

Hud 11:25-26

“Demi sesungguhnya! Kami utuskan Nabi Nuh lalu ia memberitahu kaumnya dengan berkata: “Sesungguhnya aku ini seorang Rasul pemberi amaran yang nyata kepada kamu”. Iaitu janganlah kamu menyembah selain Allah, sesungguhnya aku bimbang (jika engkau menyembah yang lainnya), kamu akan ditimpa azab yang tidak terperi sakitnya pada hari pembalasan”.

Ayat ini menjelaskan tentang dakwah Nabi Nuh terhadap kaumnya supaya menyembah Allah. Sekiranya menyembah selain daripada Allah, maka akan menerima pembalasan azab di hari pembalasan nanti. Allah menerangkan ayat ini kepada Nabi Muhammad SAW dengan membawa dalil dan bukti tentang kebenaran kerasulannya dan kebenaran Al-Quran yang diwahyukan kepadanya. Melalui ayat ini Allah menerangkan mengenai nabi-nabi yang telah diutus kepada kaum masing-masing dan akibat kepada orang yang kufur dan ingkar. Hal ini sebagai memberi semangat motivasi kepada Nabi Muhammad SAW untuk terus berdakwah menyampaikan ajaran

Islam kepada umatnya. Selain itu juga kisah ini menjadi tauladan bagi umat manusia supaya mengambil iktibar dan pengajaran.¹

Dakwah diteruskan oleh Nabi Muhammad S.AW bagi menyampaikan ajaran agama Islam yang benar kepada umatnya. Baginda melaksanakan tugas dakwah dengan sempurna. Sebagaimana ayat al-Quran dalam surah al-Maidah ayat 3 yang bermaksud:

... الْيَوْمَ يَبِسَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا تَخْشُوْهُمْ وَأَخْشَوْنَّ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينِكُمْ وَأَقْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا فَمَنِ اضطُرَّ فِي مُحَمَّصَةٍ غَيْرَ مُتَجَاهِنِي لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ عَلَيْكُمْ بِنِعْمَتِي وَرَحْمَتِي رَحِيمٌ

Al-Maidah 5:3

“Pada hari ini, orang kafir telah putus asa (daripada memesongkan kamu) dari agama kamu (setelah mereka melihat perkembangan Islam dan umatnya). Sebab itu janganlah kamu takut dan gentar kepada mereka, sebaliknya hendaklah kamu takut dan gentar kepadaKu. Pada hari ini Aku telah sempurnakan agama kamu bagi kamu dan aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu dan Aku telah redahkan Islam itu menjadi agama untuk kamu”

Ayat ini menerangkan tentang perkembangan agama Islam yang telah disampaikan oleh Rasulullah s.a.w melalui perintah Allah SWT. Sehingga orang kafir merasa putus asa untuk memperdaya orang Islam supaya ingkar kepada suruhan dan perintah Allah. Allah SWT telah menyempurnakan agama Islam yang disampaikan oleh Rasul kepada umat manusia. Allah SWT menyeru supaya orang Islam jangan takut dan gentar terhadap musuh Islam iaitu orang kafir. Malah orang Islam perlu takut dan gentar hanya kepada Allah.

¹Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran, (Diterjemah oleh Sheikh Abdullah Basmeith Darulfikir, Kuala Lumpur, Dengan Izin dan dibawah kawalan JAKIM, 2001), 511.

Namun begitu pada zaman Rasulullah SAW menyampaikan dakwah telah timbul isu murtad sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran surah Al-Imran ayat 144 yang bermaksud:

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ حَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الْرُّسُلُ أَفَإِنْ مَاتَ أَوْ قُتِلَ أَنْقَلَبُوكُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ وَمَنْ يَنْقَلِبْ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ فَلَنْ يَضُرَّ اللَّهَ شَيْئًا وَسَيَجْزِي اللَّهُ أَشْكَارِينَ

Al-Imran 3:144

“Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul yang sudahpun didahului oleh beberapa orang Rasul (yang telah mati atau terbunuh). Jika demikian, kalau ia pula mati atau terbunuh, (patutkah) kamu berbalik (berpaling tadah menjadi kafir)? Dan ingatlah sesiapa yang berbalik (menjadi kafir) maka ia tidak akan mendatangkan mudarat kepada Allah sedikitpun; dan (sebaliknya) Allah akan memberi balasan pahala kepada orang-orang yang bersyukur (akan nikmat Islam yang tidak ada bandingannya itu).”

Ayat ini menyentuh tentang isu murtad dan menegaskan bahawa Rasul sebelum Nabi Muhammad juga meninggal dunia. Nabi Muhammad SAW adalah manusia biasa yang tidak kekal hidup di dunia akan mengalami situasi yang sama. Menjadi persoalan sekiranya Nabi Muhammad SAW terbunuh atau meninggal dunia adakah pengikutnya akan murtad kerana kematian yang berlaku. Allah SWT juga memberi peringatan bahawa murtad tidak memberi kesan kepadaNya malahan ganjaran pahala dan nikmat diberikan kepada golongan yang bersyukur kepada Allah.

Dapat difahamkan bahawa walaupun dakwah disampaikan dengan baik di zaman Rasulullah SAW masih hidup, telah timbul isu murtad dalam kalangan umat Islam pada ketika itu. Hal ini sebagaimana merujuk kepada peristiwa Isra' dan Mikraj pula, dari Baitul Maqdis Rasulullah SAW meneruskan perjalanannya naik ke langit yang disebut sebagai Mikraj. Di Mikraj, Nabi SAW menerima kewajipan sembahyang

untuk dirinya dan seluruh umatnya sebanyak lima waktu sehari semalam. Selepas itu Baginda SAW menceritakan hal yang berlaku kepada umatnya. Dari penceritaan tersebut ada sebahagian umat Islam yang mempercayainya dan sebahagian lagi mengingkarinya. Umat Islam yang lemah iman mereka menolak cerita tersebut dan menjadi murtad. Ekoran dari kisah ini ada satu golongan yang datang kepada Abu Bakar as-Siddiq untuk meminta pendapat beliau. Menurut Abu Bakar, apapun yang dikatakan oleh Nabi Muhammad s.a.w adalah benar dan beliau percaya. Sejak itulah Abu bakar digelar sebagai as-Siddiq.²

Meskipun begitu penulis Barat Micheal H. Hart dalam bukunya, *Seratus Tokoh yang Paling Berpengaruh Dalam Sejarah*, menyatakan Nabi Muhammad SAW merupakan orang yang paling berpengaruh sepanjang sejarah manusia, kerana Baginda SAW seorang negarawan ulung.

Bagi pendekatan dakwah pula baginda menggunakan pendekatan kebijaksanaan dengan menggunakan diplomasi bagi proses islamisasi.³ Hal ini merupakan ujian dakwah kepada Nabi Muhammad SAW sebagai seorang Rasul. Selepas kewafatan Rasulullah SAW, dakwah telah diteruskan oleh para sahabat, para ṭābiīin, dan manusia selepasnya. Pada ketika itu umat manusia masih menikmati pelaksanaan Islam yang menyeluruh dengan adanya sistem khalifah yang diterajui oleh umat Islam. Namun pemerintahan ini hilang daripada umat Islam pada tahun 1924, iaitu dengan berakhirnya sebuah kepimpinan bersatu bagi muslim selama 1300 tahun. Selepas kejatuhan khilafah, umat Islam semakin jauh dari ajaran Islam yang sempurna hingga ada di kalangan mereka tersangat jauh dari amalan-amalan Islam.

² Dr.Afif Abdullah Fattah Thabarrah, Al Anbiyya' Fil Al-Quran, (Victory Agency, Cet. Ketiga 2005), 830.

³ Micheal H. Hart , *Seratus Tokoh yang Paling Berpengaruh Dalam Sejarah*, Penterjemah : Mahbub Djunaidi, (Jakarta : Pustaka Jaya, 1986), 28.

Mereka mencampuradukkan ajaran Islam dengan yang lain dan cuai dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Muslim.

Maka dengan sebab itulah, bermulanya kesedaran umat Islam tentang pentingnya berpegang teguh kepada ajaran Islam yang sebenar. Justeru itu, bangkitlah para ulama' sama ada melalui individu atau jemaah menulis tentang dakwah, menyedarkan umat Islam dari kelalaian. Oleh yang demikian, maka muncul ilmu baru dinamakan sebagai ilmu dakwah untuk mengembalikan semula manusia kepada Islam yang syumul. Usaha murni ini diteruskan sehingga kini.⁴

Situasi yang hampir sama juga berlaku kepada Malaysia. Secara umumnya kedatangan Islam ke Alam Melayu berlaku pada abad ke -12 atau 13 Masihi. Ia tersebar di Sumatera dan diikuti oleh Melaka pada abad ke-15 Masihi dan seterusnya Pulau Jawa. Pada permulaan abad ke-16 Masihi Islam merupakan agama yang kukuh dianuti di Pulau Maluku. Selepas itu berlaku pula pengislaman di Borneo dan Filipina. Perkembangan dan pemantapan Islam di rantau ini tidak dihasilkan hanya dengan usaha sambil lewa para pedagang dan tidak juga semata-mata kerana sikap mengikut orang Melayu, tetapi berkat usaha gigih dan bijaksana para ḫāfi'ie yang komited, yang terdiri dari para pedagang, mūbālīgh, ulama', kaum sufi, raja dan bala tentera.⁵

Penduduk di Tanah Melayu telah melalui beberapa perubahan dalam pegangan kepercayaan iaitu daripada animisme kepada agama Hindu-Buddha, sebelum beralih kepada agama Islam. Setelah kedatangan Islam, sesetengah kepercayaan animisme dan ajaran Hindu-Buddha masih lagi diamalkan dan agak sukar dihapuskan.⁶

⁴al-Bayanuniyy, Muhammad Abu al-Fath. 2010. *al-Madkhāl Ila Ilmī Ad-Da'wah*, (Beirut, Lubnan: Darul Risalah al-Alamiyah), 22-23.

⁵Muhammad Uthman El- Muhammady, *Peranan Islam Dalam Pembentukan Kebudayaan Melayu*, (Bangi: UKM), 1976, 25-28.

⁶ Ruslan Zainuddin, *Sejarah Malaysia*, Edisi Kedua, (Oxford Fajar Sdn. Bhd), 89.

Animisme merupakan satu kepercayaan kepada makhluk-makhluk halus atau kuasa-kuasa ghaib. Pengaruh Hindu-Buddha dikatakan bertapak di Tanah Melayu pada abad ke 4 Masihi. Terdapat pandangan lain yang menyatakan bahawa agama dan budaya Hindu-Buddha bertapak di Tanah Melayu setelah kewujudan dua buah kerajaan Hindu, iaitu Langkasuka dan Kedah Tua. Agama Hindu-Buddha dipercayai disebarluaskan oleh para pedagang dan mubaligh-mubaligh Hindu dan Buddha.⁷

Ada juga yang menyatakan kedatangan Islam di Kepulauan Melayu dipercayai bermula pada abad ke-7 Masihi. Pandangan ini berdasarkan kemungkinan agama Islam disebarluaskan oleh para pedagang dan pendakwah Islam dari Asia Barat ke negara China. Islam semakin berkembang pesat berikutan dengan kemunculan beberapa buah kerajaan Islam di Pasai dan Perlak di persekitaran Selat Melaka pada abad ke-13 Masihi.

Kedatangan Islam membawa konsep tauhid dengan menafikan kewujudan Tuhan yang banyak. Bermula dengan konsep ‘Keesaan’ Tuhan dan ibadat yang luas, Islam berjaya menarik minat masyarakat tempatan. Kehidupan harian masyarakat Melayu dan adat istiadat tertentu yang didapati bertentangan dengan akidah ditinggalkan secara beransur-ansur. Masyarakat Melayu mula menerima dan mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan mereka. Walaupun masih ada di kalangan masyarakat Melayu yang mengikuti amalan yang bertentangan dengan Islam, tetapi bilangannya agak sedikit. Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah membawa perubahan, sebagaimana yang telah dicatatkan oleh Syed Naquib al-Attas,.....kedatangan Islam di kepulauan Melayu Indonesia harus kita lihat sebagai mencirikan zaman baru dalam persejarahannya, sebagai semboyan tegas, menegaskan

⁷Ruslan Zainuddin, *Sejarah Malaysia*, 89.

sesuatu sistem masyarakat yang berdasarkan kebebasan orang perseorangan, keadilan dan kemuliaan peribadi Insan.⁸

Perubahan yang dibawa oleh Islam merupakan suatu perubahan yang menyeluruh berasaskan paradigma tauhid. Kesan tauhid ini menyebabkan perubahan yang berlaku itu terhadap ‘rupa dan jiwa’ di Alam Melayu ini. Perubahan tersebut bukan hanya melibatkan perubahan sikap luaran, tetapi berkesan daripada falsafah dan pemikiran Islam yang benar.⁹ Ledakan tauhid itu mencetuskan zaman baru dan meninggalkan zaman kehidupan Buddha dengan metodologinya, alam animasi, penyembahan berhala serta dengan kepentingan kepada kesenianya.

Intisari tamadun Islam ialah Islam itu sendiri dan intisari Islam ialah tauhid, iaitu satu perbuatan yang menegaskan tentang keesaan Allah, Pencipta Yang Mutlak dan Transenden, Tuhan dan Pengusa segala-galanya. Kedua-dua prinsip ini jelas dan tidak pernah diragui oleh orang Islam. Hanya sejak kebelakangan ini sahaja wujud gerakan para Orientalis dan pentafsir-pentafsir Islam yang lain meraguinya.¹⁰

Perubahan-perubahan yang dibawa oleh Islam ke Alam Melayu merangkumi dari segenap aspek kehidupan Melayu dari segi beribadah, akhlak bidang politik, perundangan, keilmuan, bahasa dan persuratan. Perubahan ini membawa kepada peningkatan martabat kedudukan Melayu. Ini kerana ajaran Islam menganjurkan kepada nilai persamaan taraf sesama manusia, tidak seperti yang sebelumnya yang mengamalkan ajaran Hindu yang mementingkan sistem kasta yang mempunyai kasta dan darjah yang tertentu.

⁸Ismail Hamid, *Masyarakat dan Budaya Melayu*, (Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1988), 26-7.

⁹Syed Naquib al-Attas, 1972, *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*, (Kuala Lumpur: UKM, 1972), 20.

¹⁰Ismail R. al-Faruqi dan Lois Lamya al-Faruqi, *Atlas Budaya Islam*, Penterjemah Mohd. Ridzuan Othman, Mohd. Sidin Ishak dan Khairuddin Harun,(Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur, 1992), 79.

Di Tanah Melayu perkembangan Islam mula dikenalpasti berlaku di Melaka. Iaitu apabila Raja Melaka yang pertama Parameswara telah memeluk Islam pada 1414 Masihi. Selepas baginda memeluk agama Islam baginda dikenali sebagai Megat Iskandar Syah. Pengislaman baginda sebagai seorang muslim bermulanya perkembangan Islam di Tanah Melayu pada ketika itu. Para pembesar kerajaan dan rakyat jelata juga turut memeluk agama Islam. Bagi memantapkan kefahaman tentang Islam, baginda mempelajari Islam daripada para ulama dan pendakwah yang datang berdakwah ke Melaka.¹¹

Hal yang sama turut dilakukan oleh raja-raja Melaka yang lain. Para pemerintah sangat minat dan belajar serta menghayati agama Islam sehingga mereka menjadikan istana sebagai salah satu tempat mempelajari ilmu. Bukan setakat itu sahaja, mereka turut memberikan sanjungan dan penghargaan yang tinggi terhadap ilmu pengetahuan Islam, ulama-ulama, kitab-kitab agama dan hari-hari kebesaran Islam. Senario ini menunjukkan mereka mempunyai komitmen dan perasaan cinta yang mendalam terhadap agama Islam dan para pendakwah Islam ketika itu.¹²

Para pemerintah Melaka memberi galakan kepada rakyat jelata supaya memberikan perhatian yang sepatutnya terhadap amalan agama Islam. Malahan para pemerintah sendiri juga melakukan perkara yang sama. Contohnya Sultan Muhammad Syah apabila menyambut kedatangan bulan Ramadhan, baginda memuliakan bulan tersebut terutama pada malam dua puluh tujuh disamping menunaikan sembahyang Tarawih di masjid bersama-sama rakyat. Begitu juga sanjungan tinggi yang diberikan

¹¹Mohd Roslan Mohd Nor, et. al. (2008), “*Madrasah System in Malaysia: Its Contribution and Challenges*” (Kertas kerja yang dibentangkan dalam International Conference on Islamic Area Studies, anjuran National Institute of Humanities, Japan & Asia- Europe Institute, Malaysia, 22-24 November 2008).

¹²Abdullah Ishak, (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), 127.

pemerintah kepada kitab-kitab agama dan hukum-hukum agama. Salah seorang pemerintah Melaka iaitu Sultan Mansur Syah memberikan penghormatan yang begitu tinggi dan memuliakan *Kitab Dārūl Māz̄lūm*,¹³ iaitu kitab tasawuf yang dikarang oleh Maulana Abu Ishaq dari Mekah. Kitab ini dibawa ke Melaka oleh Maulana Abu Bakar.¹⁴ Baginda menghantar kitab tersebut ke Pasai untuk diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Baginda juga turut menghantar Tun Bija Wangsa ke Pasai bagi mendapatkan penjelasan daripada ulama Pasai, Makhdum Musa berkenaan dengan kedudukan ahli syurga atau neraka sama ada kekal atau tidak di dalamnya.¹⁵

Oleh kerana para pemerintah, pembesar negeri dan rakyat jelata yang sama-sama melibatkan diri dalam mengembangkan agama dan ilmu pengetahuan Islam di Melaka pada waktu itu, maka terdapat berbagai-bagai institusi pengajian sama ada rumah, masjid, surau atau istana sebagai pusat dakwah dan aktiviti keilmuan. Sistem pendidikan Islam yang diwujudkan pada waktu tersebut ialah kelas mengaji al-Quran. Ia merupakan pelajaran utama kepada semua lapisan masyarakat ketika itu walaupun tidak dilakukan secara formal.¹⁶

Pada waktu yang sama diperkenalkan huruf jawi bagi memudahkan penduduk tempatan mempelajari huruf-huruf Arab. Ini kerana huruf Arab adalah tunjang kepada pembacaan al-Quran. Huruf jawi adalah berindukkan huruf Arab campuran Parsi. Ia turut mengikat satu perpaduan bahasa meliputi seluruh golongan bangsa Melayu.

¹³Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, 127.

¹⁴Mohammad Redzuan Othman, (2006), “The Arabs Migration and Its Importance in the Historical Development of the Late Nineteenth and Early Twentieth Century Malaya”, (Kertas Kerja yang dibentangkan di Persidangan Persatuan Sejarah Dunia yang ke 15 yang diadakan di California, Amerika Syarikat pada 22-25 Jun 2006).

¹⁵Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 127.

¹⁶Ramlah Adam , *Maktab Melayu Melaka 1900-1922*,(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 3.

Justeru pembacaan al-Quran menjadi lebih mudah.¹⁷ Pada peringkat awal, kelas pengajian al-Quran dilakukan di rumah guru yang mengajar al-Quran. Apabila bilangan pelajar-pelajar mulai bertambah, kelas al-Quran kemudiannya berpindah ke surau dan masjid.¹⁸

Agama Islam terus berkembang di Tanah Melayu sehingga Melaka menjadi pusat penyebaran agama Islam di Asia Tenggara pada abad ke-15. Ini merupakan hasil usaha dakwah Islam dari Arab, Pasai dan Gujerat. Seterusnya Islam diterima dan berkembang. Kesan daripada kedatangan Islam terhasilnya Hukum Kanun Melaka yang ditulis pada abad ke 14 Masihi. Keadaan ini menunjukkan bahawa hukum Islam diterima sebagai sebahagian daripada perlumbagaan Melaka. Antara perkara yang dinyatakan dalam undang-undang itu ialah hukum minum arak, membunuh, berzina, memfitnah, murtad, wakaf, riba dan bersumpah.¹⁹

Jelasnya perkembangan dakwah Islam di Tanah Melayu pada ketika ini telah berkembang pesat. Ilmu pengetahuan Islam, pembacaan al-Quran, kedatangan ulama Islam dan komitmen pemerintah sendiri yang berpegang teguh kepada Islam. Pekembangan dakwah berlaku sehingga kejatuhan Melaka pada 1511 Masihi²⁰ ke tangan penjajah Portugis. Penjajahan ini menjadikan bangsa Melayu mulai memasuki zaman kegelapan sama ada dalam bidang ekonomi, politik, kebudayaan, agama dan pendidikan. Kedatangan Barat ke Alam Melayu khususnya ke Melaka bertujuan memusnahkan pusat penyebaran dakwah Islam. Selain penjajahan bermotifkan politik dan ekonomi ia juga bertujuan untuk menghalang perkembangan agama dan ilmu

¹⁷Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, 130.

¹⁸Auni Abdullah, *Tradisi Pemerintahan Islam dan Kolonialisme Dalam Sejarah Alam Melayu*, (Kuala Lumpur: Darulfikir, 2005) ,59.

¹⁹Ruslan Zainuddin, *Sejarah Malaysia*, 92.

²⁰Ahmad Jelani Halimi, *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2008), 236.

pengetahuan Islam serta dapat menghidupkan fahaman Kristian terhadap para penduduk.²¹

Walaupun para penjajah tidak berjaya menukar akidah umat Islam yang sudah dipengaruhi dan dibentuk dengan konsep Islam yang sebenar, kedatangan mereka sedikit sebanyak mengganggu pendekatan dakwah Islam di Tanah Melayu. Perkara ini dapat dilihat apabila penjajahan Portugis di Melaka mengambil sikap berdiam diri tanpa melakukan apa-apa program atau aktiviti dalam membantu perkembangan agama Islam pada waktu itu. Oleh yang demikian dakwah kepada perkembangan Islam serta kegiatan agama Islam menjadi perlahan. Ada yang berpendapat kegiatan dakwah terpaksa dijalankan secara rahsia bagi mengelakkan tentangan ganas daripada penjajah sewaktu penjajahan Belanda di Tanah Melayu.²²

Kesannya dapat dilihat sehingga ke hari ini terdapat permohonan pengisytiharan keluar agama masih berlaku. Sekiranya diteliti laporan kes permohonan keluar Islam di dalam tesis sarjana²³ sama ada di Mahkamah Sivil ataupun di Mahkamah Syariah, kebanyakannya difailkan oleh golongan mualaf²⁴, seperti 21 kes permohonan keluar agama yang melibatkan mualaf, permohonan yang diuruskan oleh Tetuan Tengku Azlina dan Azman bagi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.²⁵ Antara faktor yang menyebabkan golongan ini membuat permohonan keluar Islam di Mahkamah Syariah adalah kerana kecewa dengan

²¹Auni Abdullah, *Tradisi Pemerintahan Islam dan Kolonialisme Dalam Sejarah Alam Melayu*,59.

²²Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, 133.

²³ Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik, *Peruntukan Undang-undang Murtad di Selangor : Satu Kajian Berasaskan Maqasid Shar'iyyah*, Jabatan Syariah dan Undang-undang, (tesis sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2011)

²⁴Sia Kwee Hin lwn. JAIWP [1992] 2 CLJ, 1-4; Lim Yoke Khoon lwn. Pendaftar Muallaf, Majlis Agama Islam Selangor & Yang Lain [2006] 4 CLJ, 513-526; Majlis Agama Islam Pulau Pinang lwn. Siti Fatimah Tan binti Abdullah [1430H] JH 27/2; Sumanthi a/p maniam lwn. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (1434H) JH36/1, 143-159.

²⁵Dokumen rasmi, *Permohonan Keluar Agama Islam (Mualaf)*, Tetuan Tengku Azlina, Azlan Shah dan Azman, Peguambela & Peguamcara, Peguam Syarie, Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur, Januari 2015, 1-6.

kehancuran rumahtangga mereka²⁶, tiada bimbingan mengenai ajaran Islam²⁷ dan tiada tempat bergantung setelah memeluk Islam.²⁸

Perkara ini dapat dilihat dalam kes Wong Chun Chiak @ Kenny Abdullah lawan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Mahkamah Syariah telah mengenepikan permohonan keluar agama beliau. Kenny seorang mualaf membuat permohonan keluar agama kerana kerana ingin berkahwin dengan orang bukan Islam dan ingin kembali kepada agama asal, iaitu Kristian Roman Katolik.²⁹

Kes Suzie Teoh³⁰, seorang budak perempuan dari Kelantan berusia 16 tahun telah memeluk Islam atas kerelaan sendiri. Bapanya amat marah dan telah menyaman anaknya sendiri dan Majlis Agama Islam Negeri Kelantan, sehingga membawa kes ke Mahkamah Persekutuan. Dia telah memohon pada mahkamah, agar diisyiharkan pengislaman anaknya tidak sah. Tun Salleh Abbas sebagai hakim pada ketika itu telah menangguhkan kes Suzie Teoh selama 2 tahun. Selepas Suzie Teoh berumur 18 tahun, Tun Salleh Abbas membuka semula kes ini dan Suzie diberi peluang untuk mengisyiharkan bahawa agamanya sendiri. Terketar-ketar sambil menangis, Suzie berkata:

“Saya yang arif, kekal dalam agama saya, saya masih nak nama Nur Aini.”

²⁶ Mohd Ridhuan Tee Abdullah, *Cabaran Saudara Baharu di Malaysia* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd., 2012), 38; Ann Wang Seng, *Murtad Jangan Pandang Sebelah Mata* (Kuala Lumpur: Mustread Sdn. Bhd., 2009), 127.

²⁷ Mohd Ridhuan Tee Abdullah, *Cabaran Saudara Baharu di Malaysia*, 39.

²⁸ Ann Wan Seng, *Murtad Jangan Pandang Sebelah Mata*, 126.

²⁹ Utusan Malaysia, *Mahkamah Ketepi Permohonan Keluar Islam*, (31 Ogos 2006), 14.

³⁰ Teoh Eng Huat v Kadhi. Pasir Mas & lain-lain[1990] 2 MLJ 300.

Maka Tun Salleh Abas pun dengan bangga mengisyiharkan Islamnya sah dengan namanya Nur Aini. Selamat akidah seorang wanita. Malangnya Tun Salleh Abas dipecat atas 5 tuduhan. Itulah harga yang Tun Salleh Abas terpaksa bayar.³¹

Kisah di atas menggambarkan bagaimana akidah umat Islam di Malaysia terdedah dengan gejala murtad walaupun Perlembagaan Persekutuan melindungi akidah mereka. Begitu juga Hakim yang cuba melindungi akidah muslim dengan kebijaksanaannya, akhirnya dipecat dan diperhinakan sebegitu rupa. Di samping itu mereka yang gagal dipujuk untuk dimurtadkan akhirnya dibunuh. Justeru itu Salleh Ismail merumuskan dalam tesis Ph.D beliau, bahawa jenayah murtad di Malaysia telah sampai ke tahap yang membimbangkan. Keperluan kepada undang-undang yang berwibawa untuk menangani kes murtad amat mendesak.³²

Namun begitu terdapat juga kes yang melibatkan orang Islam seperti kes Azlina Jailani @ Lina Joy, yang menggemparkan negara. Keputusan Ketua Hakim Negara, Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim bersama seorang lagi hakim Dato' Alauddin Dato' Mohd Sheriff mengetepikan permohonan Azlina Jailani. Beliau yang lebih dikenali dengan nama Lina Joy, mahu membuang status agamanya daripada kad pengenalan beliau. Walau bagaimanapun Hakim Besar Sabah dan Sarawak Dato' Richard Malanjun membenarkan permohonan tersebut. Oleh itu keputusan ini dicapai melalui majoriti 2:1 menolak permohonan Lina Joy³³ dan keputusan ini amat melegakan umat Islam di Malaysia.

³¹ Penangguhan kes ini merupakan tuduhan ketiga keatas yang dihormati bekas Ketua Hakim Negara Tun Mohd. Salleh Abbas yang membawa kepada pemecatan beliau. Lihat Tun Salleh Abbas, Singa Di bawah Takhta Di jerat (Satu Kezaliman), cetakan pertama, (Penerbitan Pena Sdn. Bhd. Mac 1989), 119-120.

³² Salleh Bin Ismail, *Murtad Di Malaysia: Satu Kajian Kes*, Tesis PhD, Ukm, 1998, 347.

³³ Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan yang lain [2007] CLJ JT (1) (Mahkamah Persekutuan).

Menurut keputusan mahkamah, Lina Joy, yang telah pun menukar agamanya kepada Kristian perlu mendapatkan sijil pengisytiharan daripada Mahkamah Syariah untuk mengesahkan bahawa dia tidak lagi menganut agama Islam sebelum Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) boleh menggugurkan perkataan "Islam" dalam kad pengenalannya. Tun Ahmad Fairuz berkata JPN berhak untuk mengenakan syarat kepada Lina Joy memintanya mengemukakan sijil atau deklarasi atau satu perintah daripada Mahkamah Syariah untuk mengesahkan dia keluar daripada Islam sebelum bertindak menggugurkan perkataan Islam dalam kad pengenalannya.

Menurut laporan Bernama, Lina mengemukakan rayuan itu kepada Mahkamah Persekutuan setelah Mahkamah Rayuan membuat keputusan pada 19 September 2005 menghalangnya daripada menggugurkan perkataan "Islam" daripada kad pengenalannya dengan alasan bahawa tindakannya keluar daripada Islam tidak mendapat pengesahan daripada Mahkamah Syariah atau pihak berkuasa Islam yang lain.³⁴

Pada April 2001, Mahkamah Tinggi telah menetapkan bahawa sebagai seorang Muslim, dia tidak boleh keluar daripada Islam, dan soal keluar daripada Islam, perlu diputuskan oleh Mahkamah Syariah. Ekoran itu Lina Joy telah memohon kesnya kepada Mahkamah Rayuan. Beliau menamakan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, kerajaan Malaysia dan Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara, Datuk Wan Ibrahim Wan Ahmad, sebagai responden.³⁵ Permohonan ini merupakan permohonan dilakukan oleh seorang yang asalnya beragama Islam.

³⁴Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kerajaan Malaysia dan Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara. Sivil No. 01-2-2006 (w) (Mahkamah Rayuan) 10 Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Anor [2004] 6 CLJ 242 (Mahkamah Tinggi).

³⁵ Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Anor [2004] 6 CLJ 242 (Mahkamah Tinggi).

Justeru itu pendekatan dakwah yang sesuai sangat perlu bagi menangani isu permohonan pengisytiharan murtad. Memandangkan terdapat banyak permohonan pengisytiharan murtad berlaku sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, gejala murtad ini perlu ditangani dengan pendekatan dakwah yang bersesuaian. Oleh yang demikian kajian ini penting bagi mengetahui dengan lebih dekat mengenai pendekatan dakwah yang digunakan kepada pemohon pengisytiharan murtad.

Apakah pendekatan dakwah yang digunakan boleh mengurangkan kadar permohonan pengisytiharan murtad dan seterusnya memberi kesedaran kepada pemohon pengisytiharan murtad supaya kembali kepada agama Islam dengan bertaubat.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Gejala murtad berlaku kerana disebabkan banyak perkara dan implementasi roh Islam perlu diperkasakan. Ini kerana, adalah menjadi suatu tanggungjawab bersama bagi setiap muslim yang mengaku beriman kepada Allah SWT dan RasulNya untuk memberikan bimbingan, didikan dan menyeru kepada kebaikan sesama muslimin.

Proses membimbing dan mendidik boleh dikategorikan sebagai salah suatu agenda dakwah Islamiyyah yang perlu dilaksanakan oleh keseluruhan umat Islam mengikut tahap kemampuan serta pengetahuan diri masing-masing. Para ulama menyatakan bahawa tiada masalah dari sudut perbahasan dalam berdakwah dan membimbing sesama muslim, sama ada ia adalah fardhu ain atau pun fardhu kifayah. Keutamaanya adalah kesalahan yang berlaku wajib diperbetulkan dan intipati dakwah wajib disampaikan. Setiap umat Islam yang berpengetahuan agama wajib untuk

mendidik dan membimbing saudaranya yang jahil tentang hukum serta perihal agama dan membimbing mereka ke jalan yang diredhai Allah SWT.³⁶

MAIS di bawah Sektor Pembangunan Sosial telah menubuhkan Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf (BPPM) pada 1 Februari 2012. BPPM merupakan badan yang berkelayakan untuk menjalankan program-program bagi menjaga kebijakan dan pendidikan serta memberi bimbingan kepada golongan mualaf. Golongan mualaf merupakan mereka yang telah melafazkan kalimah syahadah dan golongan Muslim yang wajar diberi bimbingan dan perhatian oleh golongan yang lebih berkelayakan.³⁷

Program-program pengukuhan Islam adalah pendekatan dakwah yang digunakan bagi membantu saudara Muslim membina kehidupan yang sejahtera³⁸. BPPM komited dalam memainkan peranan membantu menyempurnakan tuntutan dakwah yang bersifat syumul kepada golongan bukan Islam bagi menarik minat mereka untuk memeluk agama Islam serta mendidik golongan mualaf untuk menghayati dan mempraktikkan ajaran Islam dalam segenap aktiviti kehidupan mereka. Maka dengan itu, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi mempertingkatkan mutu pengurusan mualaf yang selari dengan kadar peningkatan jumlah mualaf pada setiap tahun dan tuntutan untuk menangani permasalahan yang dihadapi oleh golongan ini.

Justeru itu, program-program yang dilaksanakan perlulah mempunyai kualiti agar golongan mualaf merasa puas hati dan gembira dengan program-program

³⁶ Ab.Aziz Mohd Zain, *Pengantar Dakwah Islamiah*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997), 28.

³⁷ Audit Ghazali dan Zulkifli Abd Hamid , “Kajian Berkaitan Kepuasan Responden Terhadap Program Bantuan Kepada Muallaf di Selangor”, (Prosiding Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf (ICMUD) 2013, pada 7-8 September 2013 di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bangi (KUIS),57.

³⁸ Nur A’Thiroh Masyaa’il Tan, A. @ Tan Ai Pao., & Fariza Md Sham (2009), *Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim*, Jurnal Hadhari Bil. 2, 83-97.

tersebut. Semua program-program institusi dakwah yang berbentuk dakwah, pendidikan, kebajikan dan akidah adalah bertujuan untuk memantapkan kefahaman dan keimanan seseorang mualaf. Dengan lain perkataan, kefahaman itu akan menjadi benteng yang kuat bagi mencegah mualaf dari meninggalkan agama Islam yang suci.³⁹

Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa program yang dilaksanakan oleh MAIS adalah pendekatan dakwah kepada mualaf. Pihak MAIS menampakkan kesungguhan dalam menjaga semua keperluan mereka yang memeluk Islam yang dikenali sebagai mualaf. Program yang merangkumi kebajikan, pendidikan, bimbingan dan bantuan, sama ada yang berbentuk fizikal mahu pun mental kepada mualaf. Keadaan ini dibuktikan dengan menubuhkan Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf pada tahun 2012 yang bertujuan untuk mengendalikan hal yang berkaitan dengan mualaf, demi menjaga kesejahteraan mereka di dunia dan akhirat. Meskipun begitu Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf sebelum ini dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Insan. Apabila bahagian ini diperkenalkan peranan dan fungsinya dibesarkan dari sudut pentadbiran kepada mualaf sebagaimana yang telah dinyatakan di atas.

Namun demikian persoalan timbul, walau pun dengan adanya usaha murni yang telah dilakukan oleh pihak MAIS, masih ada mualaf yang memohon pengisytiharan murtad. Timbul persoalan apakah pendekatan dakwah yang digunakan tidak sesuai bagi menjaga akidah mualaf atau pemerkasaan dan penguatkuasaan perlu dalam menangani masalah ini. Isu yang timbul di sini juga ialah sejauhmana pendekatan dakwah yang digunakan oleh MAIS dalam menangani masalah golongan pengisytiharan murtad dalam kalangan mualaf. Pendekatan dakwah yang berkesan

³⁹ Audit Ghazali dan Zulkifli Abd Hamid , “Kajian Berkaitan Kepuasan Responden Terhadap Program Bantuan Kepada Muallaf di Selangor”, 55.

sangat diperlukan bagi mengelakkan golongan ini daripada memohon pengisytiharan murtad. Sehubungan dengan itu kajian ini adalah untuk mengetahui tentang pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisytiharan murtad. Terdapat tiga persoalan kajian yang perlu dijawab dalam kajian ini,

1. Bagaimanakah pendekatan dakwah terhadap pemohon pengisytiharan murtad dalam perspektif Islam.
2. Bagaimanakah pendekatan dakwah yang digunakan oleh MAIS terhadap pemohon pengisytiharan murtad.
3. Sejauhmana penerimaan pendekatan dakwah MAIS oleh pemohon pengisytiharan murtad.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Bagi mencapai matlamat kajian ini terdapat tiga objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini iaitu:

1. Mengenalpasti pendekatan dakwah terhadap pemohon pengisytiharan murtad dari perspektif Islam.
2. Menganalisis pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisytiharan murtad.
3. Menganalisis sejauhmana penerimaan pendekatan dakwah MAIS oleh pemohon pengisytiharan murtad.

1.4 DEFINISI TAJUK

Tajuk kajian ini membincangkan tentang Pendekatan Dakwah Majlis Agama Islam Selangor Terhadap Pemohon Pengisyiharan Murtad.

1.4.1 Pendekatan Dakwah

Pendekatan bermaksud perihal mendekati atau mendekatkan, kaedah atau cara, langkah-langkah yang diambil bagi memulakan dan melaksanakan tugas mengatasi masalah yang dihadapi.⁴⁰ Perkataan pendekatan memberi erti yang sama dengan perkataan *approach* dalam bahasa Inggeris.⁴¹ Ia memberi erti cara atau kaedah melaksanakan sesuatu atau yang bersangkutan dengan masalah.⁴² Oleh itu, pendekatan dan approach merupakan perkataan yang memberi erti yang sama. Dakwah bermaksud kegiatan menyeru dan menyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan.⁴³ Dakwah berasal daripada perkataan Arab yang disebut sebagai “maṣdar” bagi fi’l, yang bermaksud kegiatan menyeru, memanggil, mengajak dan menjamu atau mengajak untuk makan.⁴⁴

Merujuk dari sudut bahasa, perkataan dakwah bermaksud kegiatan menyeru dan menyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan.⁴⁵ Ia berasal daripada perkataan Arab yang memiliki pelbagai pengertian seperti menyeru, memohon pertolongan, mengawasi, mengajak dan menjemput.⁴⁶ Dari sudut istilah, dakwah adalah proses mengajak dan memimpin individu lain ke jalan Allah SWT

⁴⁰Kamus Dewan Edis Keempat, (Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 2013), 328.

⁴¹D.J. Prentice et al., Kamus Inggeris -Melayu Dewan, c. 3. (Kuala Lumpur: DBP, 2002),75.

⁴²Chris Fox et al, *Longman Dictionary Of Contemporary English*, (c. 4. England: Pearson Education Limited, 2003),62.

⁴³Chris Fox et al, *Longman Dictionary Of Contemporary English*, 305.

⁴⁴ Prof. H. Mahmud Yunos, ed., *Kamus Arab – Indonesia* (Indonesia : Padang, Jakarta, 1998), 127.

⁴⁵*Kamus Dewan Edisi keempat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, (Kuala Lumpur 2013), 305.

⁴⁶Ābū āl-Fāḍl Mūḥāmmād bīn Mūkārrām ibn Mānzūr, (*Lisān al-‘Arab*, Beirut: Dār al-Šādir, j. 14, 1990), 257-261.

oleh pendakwah atau *da'i* kepada sasaran dakwah atau mad'u dengan tujuan segala perlakuan dan tindakannya akan mendapat keredaan daripada Allah SWT, yang kemudiannya mengarah kepada kesejahteraan hidup mad'u.⁴⁷

Manakala mengikut Syeikh Ali Mahfuz, perkataan dakwah berasal dari bahasa Arab yang bererti memanggil, mengajak, menyeru dan menjemput pada sesuatu untuk merangsang kepada sesuatu tujuan.⁴⁸ Dr. Yusof Al-Qardawi pula mendefinisikan bahawa dakwah sebagai satu usaha yang membawa orang lain kepada Islam supaya mengikut petunjuk agama, melaksanakan segala ketetapan di bumi ini, mengkhususkan segala bentuk perhambaan diri, permohonan dan taat kepada perintah Allah semata-mata. Juga melepaskan diri daripada segala kongkongan yang bukan daripada Allah (*tagħut*) yang terpaksa dipatuhi, memberi hak oleh Allah, menafikan hak ke atas orang yang dinafikan hak Allah, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dan berjihad pada jalannya.⁴⁹

Dakwah menurut Bahi al-Khuli dalam kitab karangannya *Tazkiyah al-Du'at* ialah usaha anjakan paradigma umat manusia ke satu tahap yang relaven dengan tabiat semula jadi manusia yang dicipta oleh Allah SWT.⁵⁰ Dakwah dalam maksud yang lain ia merupakan satu kurikulum dan penerangan yang lengkap, kegiatan ajakan baik dalam bentuk lisan, penulisan maupun tingkah laku. Ia dilakukan secara sedar dan terancang dalam usaha mempengaruhi orang lain⁵¹, iaitu mengajak, memujuk dan

⁴⁷ Ali Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, *Fiqh al-Dā'wah āl-Fārḍīyyāh*, (t.p.: Dār al-Wafā', 1992), 25.

⁴⁸ Ghazali Darul Salam, *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiyah* (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 1996), 1.

⁴⁹ Dr. Yusof Al-Qardawi, *Thaqafah Al-Da'iyyah*, (Beirut : Dar Al-Ahya Al-Turath, 1978), 5.

⁵⁰ Bahi al-Khuli.1983,*Tazkiyah al-Du'at*, Beirut, (Dar al-Qur'an al-Karim Ensiklopedia Islam. 2005),52.

⁵¹ A.Hasjmy.1994. *Dustur Dakwah Menurut Al-Qur'an*. Jakarta. PT Bulan Bintang. Abdullah Muhammad Basmeh. 2000. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertianal- Qur'an*.(Terj. Kuala Lumpur: Darul Fikr),19.

mempengaruhi orang lain untuk menerima Islam sebagai agama yang benar dan mengesakan Allah SWT.

Menurut Rauf Shalabi, ilmu dakwah adalah ilmu yang membawa masyarakat kepada keadaan kegelapan kepada keadaan cahaya dan dari keadaan sempit kepada keadaan lapang, di dunia dan di akhirat.⁵²

Perkataan dakwah sebenarnya memiliki maksud yang lebih luas dan tidak terhad seperti yang dinyatakan di atas. Dalam al-Qur'an, perkataan dakwah menggunakan istilah yang pelbagai dan sarat dengan makna konseptual yang terperinci.⁵³ Malah perkataan dakwah dalam al-Qur'an banyak digunakan dalam bentuk kata kerja yang secara tidak langsung memberi konotasi bahawa kegiatan dakwah perlu dilakukan secara dinamik, serius, sistematik dan profesional dengan gabungan pelbagai unsur yang melibatkan pelaku, tempat dan masa di samping fungsi pengurusan seperti perencanaan, pengorganisasian, pelaksanaan serta penilaian.⁵⁴

Justeru itu disimpulkan bahawa ilmu dakwah adalah kaedah dan ajaran yang dapat menyampaikan Islam kepada manusia, mengajar dan mempraktikkannya. Dilihat dari pengertian ilmu dakwah, objek kajiannya mencakupi pelbagai komponen dengan kegiatan dalam dakwah yang seiring dengan prinsip perbahasan ilmiah. Hal ini dapat dilihat berpandukan sejarah dakwah menjelaskan tentang pendekatan dan kaedah menyampaikan dakwah sebagaimana banyak diterangkan di dalam Al-Quran sejak zaman kenabian dan dipraktikkan sehingga sekarang.

⁵² Ab. Aziz Mohd Zin,*Pengantar Dakwah Islamiah*,(Kuala Lumpur, 1997), 2.

⁵³Kata da'wah dalam pelbagai kosa kata digunakan dalam al-Qur'an sebanyak 212 kali. Dalam bentuk fil mādī sebanyak 25 kali, majhūl 5 kali yang bersamaan 30 kali. Dalam bentuk fi'l muḍāri' sebanyak 100 kali, majhūl 11 kali yang bersamaan 111 kali. Dalam bentuk fil amr, digunakan sebanyak 32 kali, sedangkan dalam bentuk ism dan ism fā'il sebanyak 7 kali, maṣdar 32 kali, iaitu dalam bentuk kata du'a' 20 kali, dalam bentuk kata dakwah 10 kali dan dalam bentuk jamak iaitu kata ad'iyyā' sebanyak 2 kali. Perkataan di'āyah yang membawa maksud propaganda sama sekali tidak digunakan dalam al-Qur'an. H. Asep Muhiddin, *Dakwah dalam Perspektif al-Qur'an*, (Bandung: CV Pustaka Setia,2002), 40.

⁵⁴H. Asep Muhiddin, *Dakwah dalam Perspektif al-Qur'an*, 41.

Selanjutnya pendekatan dakwah menurut Abd al-Karīm Zaydan menjelaskan dengan mengumpamakan pendakwah dengan doktor, pendekatan dakwah dengan cara rawatan, isi dakwah dengan ubat untuk menyembuhkan penyakit dan sasaran dengan pesakit. Beliau menyatakan doktor akan terlebih dahulu mengenal pasti penyakit selepas maklum mengenai jenis penyakit rawatan dijalankan. Ini adalah merupakan pendekatan yang betul dalam rawatan penyakit. Pendakwah mestilah juga melaksanakan pendekatan yang sama seperti doktor iaitu mengenal pasti penyakit terlebih dahulu kemudian barulah bertindak merawatnya. Bukan setakat melihat simptom penyakit dan terus merawat simptom tersebut dengan mengabaikan punca sebenar penyakit.⁵⁵

Mengikut pandangan Abd al-A'ziz Bargħuš, pendekatan dakwah memberi pertolongan dan menjamin kehendak asas pendakwah dengan dua sebab. Pertama, kerana dakwah yang dijalankan tanpa pendekatan dakwah yang terang dan jelas sukar bagi pendakwah untuk mencapai tujuan dakwah. Di samping itu, pendakwah akan gagal dalam menyampaikan ajaran Islam kepada sasaran sama ada orang Islam dan bukan orang Islam. Kedua, kerana pendakwah dapat mengorganisasikan dakwah dengan bersistematis, merancang dakwah dengan strategik dan dapat melaksanakan rancangan dakwah yang telah dirancang iaitu dengan mengenal pasti keadaan sasaran yang sangat kompleks.⁵⁶ Seterusnya Muhammad Khayr Ramadan Yusuf menyatakan pendekatan dakwah merupakan unsur yang penting dan berperanan besar dalam

⁵⁵ Abd al-Karīm Zaydān, *Uṣūl al-Da῾, wah*, c. 3. (Bīrūt: Mu“assasah al-Risālah, 1993) 421.

⁵⁶ Abd al-῾Azīz Bargħuš, *Manāhij al-Da῾, wah fī al-Mujtama῾, al-Muta῾, addid al-Adyān wa al-Ajnās*. (Kuala Lumpur: Research Centre, 2005) 270.

memberi kesan kepada sasaran sehingga dapat membawa kejayaan terhadap dakwah yang dilaksanakan.⁵⁷

1.4.2 Terhadap Pemohon Pengisytiharan Murtad

Terhadap yang membawa maksud mengenai, tentang⁵⁸, kepada⁵⁹, tentang, mengenai, berkenaan dengan, pandangannya. Manakala maksud pemohon pengisytiharan murtad dalam kajian ini fokus kepada mereka yang pada asalnya memeluk Islam berdasarkan Seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003 (Pindaan) 2008. Seksyen ini turut mensyaratkan, tafsiran mualaf hendaklah memenuhi syarat sebagaimana Seksyen 107 Enakmen yang sama iaitu; (a) mengucap dua kalimah syahadah dalam bahasa Arab secara munasabah (mengikut kemampuannya), (b) semasa lafaz syahadah diucapkan, seseorang itu hendaklah sedar bahawa kalimah yang diucapkan itu bermakna: “Aku menjadi saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku menjadi saksi bahawa Nabi Muhammad s.a.w ialah pesuruh Allah. Dan (c) kalimah ini hendaklah dilihat dengan kerelaan hati sendiri.⁶⁰

Di Selangor tempoh maksima 5 tahun diberikan untuk panggilan mualaf berdasarkan *urf* dengan syarat mengikuti kelas-kelas agama yang diiktirafkan dan dianjurkan oleh MAIS. MAIS juga bertanggungjawab membiayai segala kos pembelajaran bagi mualaf-mualaf tersebut. Ia telah diwartakan pada 25 Oktober 2007, Nombor Rujukan: Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM, Akta/Enakmen: Sel. P.U. 332.⁶¹

⁵⁷ Muhammad Khayr Ramadān Yūsuf , *al-Dakwah al-Islamiyyah al-Wasa "il wa al-Asalib*, c. 2. (Riyād: Dār Ṭawīq, 1414H), 69.

⁵⁸Muhammad Khayr Ramadan Yusuf , *al-Dakwah al-Islamiyyah al-Wasa "il wa al-Asalib*, c. 2, 496

⁵⁹ Laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu , Dewan Bahasa dan Pustaka, dicapai 7 Jun 2017, <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=terhadap>

⁶⁰ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Dan Pindaan 2008, Bahagian I (Tafsiran) hlm. 8: Lihat Juga Seksyen 107 (a) (b) (c), Dalam Bahagian IX (Memeluk Agama Islam), 63.

⁶¹“Had Tempoh Panggilan Muallaf”, laman sesawang e-fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia, 27 Mei 2014, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/had-tempoh-panggilan-muallaf>

Namun begitu sekiranya seseorang mualaf itu tidak pernah atau tidak memenuhi syarat yang telah diletakkan oleh MAIS maka mereka masih lagi bergelar mualaf. Ini kerana mereka tidak menghadiri kelas pengajian dan tidak mengetahui tentang agama Islam, maka mereka belum lagi boleh di gelar sebagai mukalaf. Had tempoh masa yang ditentukan tidak semestinya menjadikan status mualaf itu boleh bertukar secara automatik kepada mukalaf sekiranya mereka sangat cetek dan serba tidak tahu tentang ajaran Islam. Bahkan perkara-perkara asas dalam Islam juga tidak dapat difahami dengan baik apa lagi untuk diamalkan.

Seterusnya selepas lima tahun memeluk Islam, mereka telah memohon untuk pengisyiharan murtad. Namun begitu berdasarkan fatwa Negeri Selangor bahawa tempoh maksima diberikan selama lima tahun untuk panggilan mualaf, tetapi mualaf tersebut mestilah menghadiri kelas-kelas yang dianjurkan oleh MAIS. Sekiranya mualaf tersebut tidak menghadiri kelas yang disediakan dan tidak mengetahui, memahami dan mempelajari Islam maka panggilan mualaf masih layak untuk golongan ini. Ini kerana tempoh masa yang diberikan sebagaimana yang ditetapkan lima tahun tidak menentukan kedudukan panggilan untuk golongan mualaf menjadi mukalaf. Ia bergantung kepada sejauhmana pembelajaran dan penghayatan Islam yang telah diaplikasikan dalam kehidupan seseorang mualaf itu. Sekiranya dalam masa kurang lima tahun seseorang mualaf itu telah menguasai ilmu agama Islam dengan baik dan mengamalkannya maka mereka juga layak untuk menjadi mukalaf. Ini sebagaimana syarat yang telah ditetapkan oleh pihak MAIS.

Seterusnya definisi murtad menurut bahasa Arab berasal daripada perkataan *riddah*. Dari segi bahasa, *riddah* bermakna kembali daripada sesuatu kepada

selainnya.⁶² Dari segi istilah syara'nya pula, murtad ditakrifkan dengan pelbagai takrifan. Al-Jūrjānī mendefinisikan murtad atau riddah sebagai “memutuskan Islam dengan niat sama ada dengan niat, percakapan dan perlakuan, sama ada dilakukan secara menghina atau engkar atau dengan i'tiqad seperti menafikan kewujudan Allah.”⁶³

Imam al-Husni menyatakan “keluar daripada Islam dan kembali kepada kufur serta membebaskan diri daripada Islam”.⁶⁴ Al-Shaykh Abd al-Qadir A'wdah mentakrifkan “meninggalkan agama Islam dan keluar daripadanya setelah menganutnya”.⁶⁵

Menurut Dr.Wahbah al-Zuhaily murtad bermaksud “berpaling daripada Islam dan kembali kepada kufur, sama ada dengan niat atau perbuatan yang mengkafirkan atau perkataan, dan sama ada diucapkan dengan gurauan atau penentangan atau i'tiqad”.⁶⁶ Manakala menurut Sayyid Sabiq, murtad bermaksud “kembalinya orang Islam yang berakal dan dewasa ke kekafiran dengan kehendaknya sendiri tanpa ada paksaan dari orang lain. Baik yang kembali itu orang lelaki maupun orang perempuan”.⁶⁷

Murtad (riddah) menurut Dr. Mahmud Abdul Rahman ialah melakukan perkara-perkara yang dengannya terkeluar daripada Islam sama ada secara pertuturan,

⁶² Al-Razi (t.t.), *Mukhtar al sihah*, (Beirut: Maktabah Lubnan, 210); Lihat juga Jabran Mas'ud (1986), *al-Ra'íd*, Beirut: Daral-Ilm al-Malayin, jilid 1,725-726; Lihat juga al-Fayruz Abadi (t.t.), *al-Qamus al Muhit*, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi, jilid 1, 570.

⁶³ Al-Jurjani, *Kitab al-Ta'rifat*,(Dar al-Nafais 2003), 180

⁶⁴ Al-Husni *kifayat al-akhyar fi hil ghayat al-ikhtisar*, Beirut: Dar al khayr, jilid 2, (1995/1416h), 493.

⁶⁵ Awdah, *al-Tashrik al-Jina'i al Islami Muqarinan bi al Qanun al wad'i*, (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, jilid 1,(1994/1415h), 661.

⁶⁶ Al-Zuhaily, *al Fiqh al islami wa adillatuhu*, (Dimashq: Dar al-Fikr, jilid 6, (1989/ 1409h), 183.

⁶⁷ Sābiq, *Fikih Sunnah*, (Victory Agencie, Kuala Lumpur, jil. 9, 1990),159.

i'tiqad atau ragu-ragu terhadap sesuatu yang berkaitan Islam yang kadang-kadang terjelma dengan perbuatan.”⁶⁸

Murtad dari segi istilah bermaksud keluar daripada agama Islam sama ada melalui perbuatan, perkataan atau iktikad.⁶⁹ Oleh itu, murtad bermaksud seseorang yang kembali kepada kekufuran setelah menerima Islam.⁷⁰

Seseorang atau sesuatu kumpulan boleh menjadi murtad dengan mempersekuatkan Allah sama ada melalui iktikad, ucapan ataupun perbuatan, mengingkari agama Islam atau salah satu rukun padanya, atau mengingkari salah satu hukum Islam yang jelas dan sahih, atau orang yang beriktikad bahawa tidak wajib berhukum dengan hukum yang diturunkan oleh Allah. Terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa seseorang Islam juga dianggap murtad sekiranya, ia mencampakkan al-Quran, mencerca Rasul s.a.w, menafikan kefardhuan solat, zakat atau dengan sengaja minum arak dan terlibat dengan perbuatan zina.⁷¹

Melihat kepada beberapa pandangan takrifan murtad dalam kalangan para ulama’, maksud asal murtad tidak jauh berbeza antara satu sama lain, iaitu tidak percaya, yakin, beriman kepada Allah sama ada dalam hati, fikiran, dinyatakan melalui kata-kata ataupun dilakukan dengan perbuatan. Sekiranya tiga perkara ini dilakukan secara jelas dan terang maka keluarlah seseorang muslim daripada menganut Islam.

⁶⁸ Mahmud ‘Abdul Rahman’ Abdul Mun’im, Dr Mu’jam al-Mustalahat wa al-Al-faz al-Fiqhiyyah, (Dar al-Fadilah, juzuk 2,t.t),140

⁶⁹ Mohamed Azam Mohamed Adil, *Undang-Undang Murtad: Suatu Penilaian dari Perspektif Fiqh dan Undang-Undang di Malaysia dalam Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*. Mac 1997, 9 Kanun (1), 1-3; Paizah Hj Ismail, *Undang-Undang Jenayah Islam*, (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam, 1991), 244; Mahfodz Mohamad, *Jenayah Dalam Islam: Suatu Kajian Ilmiah Mengenai Hukum-hukum Hudud*, (Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1993),123-129.

⁷⁰ Bultaji, Ali Abdul Hamid, Al-Mu’tamad fi al-Fiqh al-Imam Ahmad, (Beirut: Dar al-Fikr, 1995), 300.

⁷¹ Mohamed Azam Mohamed Adil, *Hak Tukar Agama dalam Perlembagaan: Konflik Kebebasan Beragama dan Hukum Islam* dalam Jurnal Syariah, Vol. 11 No. 1, (Universiti Malaya (UM): Akademi Pengajian Islam, 2003), 29.

Secara keseluruhannya, berdasarkan huraian beberapa definisi di atas kajian ini bermaksud untuk menganalisa usaha-usaha dakwah yang dilaksanakan oleh MAIS kepada pemohon pengisyiharan murtad. Perkara penting yang akan diberikan tumpuan dalam konteks pendekatan dakwah yang digunakan oleh MAIS yang merangkumi pengisian pendekatan dakwah yang diguna pakai. Selain itu juga menganalisis penerimaan pendekatan dakwah MAIS oleh pemohon pengisyiharan murtad. Perbincangan dalam kajian ini tidak hanya tertumpu kepada pendekatan dakwah MAIS sahaja tetapi dibincangkan juga berkenaan pendekatan dakwah terhadap pemohon pengisyiharan murtad dari perspektif Islam yang merangkumi tentang mualaf dan murtad.

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini memfokuskan perbincangan tentang pendekatan dakwah yang digunapakai oleh MAIS terhadap pemohon pengisyiharan murtad. Kajian ini dijalankan ke atas MAIS dan juga tertumpu Jabatan Mufti Negeri Selangor yang menguruskan pendekatan dakwah kepada pemohon pengisyiharan murtad. Penggunaan perkataan murtad dalam kajian ini merujuk kepada maksud murtad sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab 1.4.2. Namun begitu penggunaan “pengisyiharan bukan Islam” adalah merujuk kepada istilah yang diguna pakai oleh Mahkamah Syariah Selangor, penggunaan istilah permohonan murtad tidak digunakan di dalam enakmen mana-mana negeri biasanya permohonan merujuk kepada “pengisyiharan status agama Islam”, “kesalahan keluar agama Islam” perkara ini sebagaimana dibincangkan dalam bab 2.3. Selain itu juga kajian ini melibatkan dengan

perundangan syariah negeri Selangor kerana pemohon pengisytiharan murtad yang dipanggil sebagai plaintif akan memfailkan Saman dan Pernyataan Tuntutan di Mahkamah Syariah. Dalam saman tersebut, pihak Plaintiff akan menamakan MAIS sebagai pihak Defendan. Plaintiff akan menyerah sampaikan sesalinan Saman dan Pernyataan Tuntutan tersebut kepada pihak MAIS.

Seterusnya pihak MAIS akan memfailkan Pembelaan dan Tuntutan Balas selepas menerima saman daripada pihak Plaintiff. Di Selangor, adalah menjadi kebiasaan kepada pihak MAIS untuk memfailkan suatu permohonan Interlokutori untuk mendapatkan perintah perlaksanaan proses penasihat akidah selama 6 bulan di Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Selanjutnya Jabatan Mufti akan melantik mana-mana individu yang berkelayakan untuk mengendalikan sesi tersebut. Individu ini juga dikenali sebagai “Panel Penasihat Akidah”. Bagi kes mualaf, kebiasaannya panel yang dilantik adalah di kalangan pendakwah yang telah memeluk agama Islam, mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam ajaran Islam dan berkeupayaan untuk bertutur dengan baik dalam bahasa yang mudah difahami oleh pihak Plaintiff.

Justeru itu, plaintif hendaklah mengikuti sesi sebanyak 12 kali secara minimumnya dengan kekerapan sebanyak 2 kali sebulan. Tetapi ia juga bergantung kepada masa Plaintiff dan juga ahli panel yang mengendalikan kes ini, sama ada boleh mengikut jadual yang ditetapkan atau tidak. Sekiranya adanya perkara yang tidak dapat dielakkan maka mungkin masa akan dilanjutkan sehingga sesi pertemuan mencukupi sekurang-kurangnya 12 kali.

Selepas menjalani proses ini Plaintiff masih mahu meneruskan kesnya maka pendirian pihak Plaintiff tersebut akan dipanjangkan kepada pihak mahkamah.

Seterusnya, mahkamah akan mengarahkan kes tersebut dibicarakan berdasarkan pliding⁷² yang telah difailkan di mahkamah. Penghujahan dilakukan di Mahkamah dan yang terakhir keputusan akan diperolehi daripada Mahkamah Syariah.

Dalam tempoh enam bulan berjalan proses penasihatian akidah atau *istitabah*, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf MAIS, sukarelawannya⁷³ akan mengadakan ziarah kepada pemohon pengisytiharan murtad secara berkala, sebulan sekali pada hari Sabtu dan Ahad.⁷⁴

Sukarelawan ini dipilih berdasarkan komitmen mereka dalam menghadiri kelas dan kursus-kursus agama yang dianjurkan oleh MAIS dan mereka menunjukkan potensi yang baik untuk menjadi pendakwah. Kriteria ini dipilih supaya memudahkan komunikasi semasa sesi ziarah berjalan. Pihak MAIS akan memberi garis panduan untuk sesi ziarah. Ziarah pertama kali untuk bertanya khabar, ziarah yang keduanya untuk mengetahui perkembangan kehidupan harian dan yang ketiga bertanyakan tentang status permohonan pengisytiharan murtad yang dipohon. Ziarah seterusnya mengadakan sesi dialog dalam soal ketuhanan dan perbandingan agama.⁷⁵

Oleh yang demikian kajian ini tertumpu kepada MAIS, Jabatan Mufti dan Mahkamah Syariah. Kerana ketiga-tiga institusi ini berkait rapat melakukan pendekatan dakwah terhadap pemohon pengisytiharan murtad. Justifikasi pemilihan MAIS kerana didapati bahawa statistik berakhir pada tahun 2011 menurut sumber Jabatan Perdana Menteri, Mahkamah Syariah yang melibatkan empat belas buah negeri menerima 863 kes permohonan untuk menukar status agama Islam dari tahun

⁷²Permohonan rayuan

⁷³ Sukarelawan MAIS yang melakukan ziarah mereka biasanya adalah dalam kalangan yang memeluk Islam dan benar-benar memahami dan menghayati Islam.

⁷⁴ Temu bual Bersama Ustaz Che Mohd Noorlee Abdullah, Eksekutif Unit Pendaftaran Dan Pengurusan Rekod Mualaf, 2 Februari 2015.

⁷⁵ Che Mohd Noorlee Abdullah, temu bual, 2 Februari 2015.

2000 hingga 2010. Negeri Selangor mencatatkan 99 permohonan untuk pengisyiharan murtad dan tidak ada satu pun yang diluluskan.⁷⁶ Oleh yang demikian kajian di MAIS dipilih bagi mengetahui pendekatan dakwah yang dilakukan oleh MAIS terhadap pemohon pengisyiharan murtad.

Kajian ini juga akan mengkaji mengenai penerimaan pendekatan dan dakwah MAIS oleh pemohon pengisyiharan murtad bagi menjawab objektif yang ketiga dalam kajian ini mengenapasti penerimaan pendekatan dakwah MAIS oleh pemohon pengisyiharan murtad.

Kajian ini dijalankan dengan mendapatkan data-data dari tiga institusi yang terlibat dengan menemubual pegawai MAIS, panel penasihat akidah, sukarelawan MAIS, peguam syarie MAIS, pegawai pejabat Mufti negeri Selangor yang terlibat mengendalikan pemohon pengisyiharan murtad mualaf. Manakala temu bual kepada pemohon pengisyiharan murtad pula adalah dalam kalangan mereka yang telah menjalani proses penasihat akidah atau istitabah MAIS dari tahun 2011 sehingga Julai 2015. Perkara ini akan dibincangkan secara lanjut dalam bab 3.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini, yang pertama ialah dapat mengetahui sejauhmana pendekatan dakwah terhadap pemohon pengisyiharan murtad dari perspektif Islam.

Kedua, kajian ini akan menjelaskan tentang pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisyiharan murtad.

⁷⁶ Faizal Arif Tajul Ariffin, “*Dahulu Mualaf Kini Murtad*”, (Prosiding Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf (ICMUD) 2013, pada 7-8 September 2013 di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bangi (KUIS), 23.

Ketiga, melalui data yang diperolehi kajian akan dapat mengetahui penerimaan pendekatan dakwah MAIS oleh pemohon pengisytiharan murtad.

Keempat, penambahbaikan terhadap kelompangan pendekatan dakwah yang telah dilakukan dapat dilaksanakan melalui kajian ini.

1.7 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Pendekatan dakwah terhadap pemohon pengisytiharan murtad adalah satu perkara yang perlu diberi perhatian sebagaimana yang dinyatakan oleh Mohamad Zaid bin Mohamad Zain dalam kajiannya yang bertajuk *Kesan Pengajaran dan Pendidikan Agama di Kalangan Saudara Baru: Kajian di PERKIM Negeri Sembilan*.

Kajian ini menjelaskan usaha PERKIM Negeri Sembilan memberi pengajaran dan pendidikan kepada Saudara Muslim. Kajian bagi mengenalpasti program pengajaran, pendidikan agama dan keberkesanan pendidikan agama di PERKIM kepada Saudara Baru.

Hasil kajian mendapati kesan pendidikan agama kepada Saudara Muslim belum memuaskan. Oleh yang demikian pihak PERKIM perlu menyediakan modul yang lebih sistematik untuk kepentingan pendidikan dalam kalangan mereka.⁷⁷

Manakala merujuk kepada tesis Ph.D Mariam Abdul Majid bertajuk *Mualaf di Selangor Darul Ehsan : Kajian tentang kepuasan diri dalam kehidupan Islam*, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012 menyatakan majoriti responden berada pada tahap sangat berpuas hati terhadap agama Islam yang dianuti serta dengan dengan keadaan diri setelah memeluk Islam dan pada

⁷⁷Mohamad Zaid bin Mohd Zain, *Kesan Pengajaran dan Pendidikan Agama di Kalangan Saudara Baru: Kajian di PERKIM Negeri Sembilan*, (Kajian Kolej Universiti Islam Malaysia, 2004).

tahap berpuas hati dengan persaudaraan sesama masyarakat Islam dan urusan pengislaman di Bahagian Bina Insan, Majlis Agama Islam Selangor.

Merujuk kepada kajian tesis ini MAIS tidak menghadapi masalah dalam mengislamkan mualaf dan berjaya menjadikan mualaf berpuas hati dengan agama Islam.⁷⁸

Pengkaji mengkaji tentang pendekatan dakwah MAIS yang digunakan untuk menangani permohonan pengisytiharan murtad dalam kalangan mualaf.

Kajian Nur A'thirah Masyaa'il Tan Bin Abdullah, kajian tesis Ph.D beliau bertajuk *Program Dakwah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kepada Saudara Muslim: Kajian Tentang Persepsi dan Keberkesanannya*. Kajian ini membincangkan tentang program yang dijalankan oleh PERKIM dan keberkesanannya serta persepsi Saudara Muslim terhadap program yang disertai.

Kajian ini juga mendapati bahawa Saudara Muslim mempunyai persepsi yang baik terhadap program yang dijalankan. Mereka berpuas hati dengan pengisian program, pegawai yang mengendalikan program, waktu, lokasi dan program yang dilaksanakan. Hasil dapatan kajian tentang keberkesanan program terhadap Saudara Muslim dalam meningkatkan ilmu pengetahuan adalah sederhana dalam memahami ilmu tauhid, fekah, akhlak, al-Quran dan sirah Nabi Muhammad s.a.w.⁷⁹

Penulisan Abdul Ghafar bin Don dalam kajian tesis Ph.D bertajuk *Peranan Institusi Dakwah di Britain: Kajian di Islamic Foundation (IF)* mengkaji tentang peranan Islamic Foundation (IF) di Britain dalam menjalankan dakwah Islamiah.

⁷⁸ Mariam Abdul Majid, Mualaf Di Selangor Darul Ehsan : Kajian Tentang Kepuasan Diri Dalam Kehidupan Islam, (tesis kedoktoran ,Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012).

⁷⁹Nur A'thirah Masyaa'il Tan Bin Abdullah, Program Dakwah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kepada Saudara Muslim: Kajian Tentang Persepsi dan Keberkesanannya, tesis kedoktoran, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2013).

Kajian mendapati Islamic Foundation (IF) telah menjalankan misi dakwah untuk merealisasikan Islam sebagai cara hidup dalam komuniti British, selain itu juga terdapat institusi dakwah lain yang menggunakan pendekatan dakwah Islamiah Britain dan telah mencapai beberapa kejayaan.⁸⁰

Kajian tesis Nur Kareelawati Abd. Karim bertajuk *Metodologi Dakwah Kepada Saudara Baru: Kajian Khusus di Darul Arqam, Singapura*, menyatakan tentang pendekatan atau metodologi dakwah kepada Saudara Muslim di Darul Arqam.⁸¹

Seterusnya, Badlihisham Mohd Nasir dalam kajian Ph.D yang bertajuk *Islamic Movements in Malaysia: A Study Of Da'wah in PAS and ABIM*, membincangkan tentang tentang keadaan gerakan Islam di Malaysia, tertumpu kepada Parti Islam Semalaysia (PAS) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Kajian terfokus kepada pemahaman dakwah dalam PAS bertujuan untuk mengaplikasikan konsep dakwah dalam bentuk politik di Malaysia. Kajian ini merangkumi tentang bagaimana usaha dakwah telah dibincangkan, difahami dan dipraktikkan dalam PAS dan ABIM.⁸²

Ku Md Ali bin Ku Ramli menulis dalam kajian tesisnya bertajuk *Dakwah Kepada Saudara Baru: Satu Kajian Mengenai Pendekatan dalam Aspek Bimbingan dan Kebajikan*, perbincangan tentang definisi Saudara Muslim, organisasi yang berkaitan dengan Saudara Muslim serta pendekatan bimbingan Saudara Muslim.⁸³

⁸⁰Abdul Ghafar Don, Peranan Institusi Dakwah di Britain: Kajian di Islamic Foundation (IF), (tesis kedoktoran Universiti Malaya 2003).

⁸¹Nur Kareelawati Abd. Karim, Metodologi Dakwah Kepada Saudara Baru: Kajian Khusus di Darul Arqam, Singapura, (disertasi sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002).

⁸²Badlihisham Mohd Nasir, Islamic Movements in Malaysia: A Study Of Da'wah in PAS and ABIM, (tesis kedoktoran, The University of Birmingham, United Kingdom, 1998).

⁸³Ku Md Ali bin Ku Ramli, Dakwah Kepada Saudara Baru: Satu Kajian Mengenai Pendekatan dalam Aspek Bimbingan dan Kebajikan (disertasi sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997)

Zulkiple Abdul Ghani dalam kajian tesis Ph.D yang bertajuk *Diffusion of Da'wah Through Broadcasting Media: The Experience of Radio Television Malaysia* (RTM), membincangkan tentang konsep dakwah di Malaysia dan juga beberapa gerakan Islam lain yang terdapat di Malaysia. Kajian tertumpu kepada metodologi dakwah dan penyebaran dakwah melalui media komunikasi penyiaran di Malaysia.⁸⁴

Nuraisyah Chua Abdullah dalam bukunya bertajuk *Kisah Saya: Saudara Baru*, buku ini menerangkan tentang kehidupan zaman kanak-kanak penulis, kehidupan semasa dan selepas beliau memeluk Islam.⁸⁵

Begitu juga dengan buku yang bertajuk *Islam Pilihanku Pengucapan Syahadah 39 Insan di Malaysia*, yang disusun oleh Mazuen Yahya, mengisahkan mengenai 39 kisah benar daipada mereka yang memeluk Islam dan mencari serta menemui kebenaran dalam agama Islam. Selain itu juga dalam buku ini menceritakan insiden-insiden yang membawa mereka kepada Islam dan cabaran serta rintangan dari segi emosi dan mentaliti.⁸⁶

Buku yang bertajuk *Masa Depan Saudara Baru-Harapan, Realiti dan Cabaran*, membincangkan berkenaan keperluan bimbingan kepada Saudara Muslim, sistem zakat dan peranan Saudara Muslim dalam dakwah Islam Hadhari.⁸⁷

Tardjono Abu M.Muaz menulis buku yang bertajuk *Kembali Ke Pangkuhan Islam Kisah Perjalanan Ruhaniah Para Muallaf*, menyentuh tentang perjalanan rohani para mualaf sebelum mereka menemui kebenaran dan kembali ke pangkuhan Islam.

⁸⁴Zulkiple Abdul Ghani, *Diffusion of Da'wah Through Broadcasting Media: The Experience of Radio Television Malaysia* (RTM), (tesis kedoktoran, The University of Edinburgh, United Kingdom, 1997).

⁸⁵Nuraisyah Chua Abdullah, *Kisah Saya: Saudara Baru*, (Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2005).

⁸⁶Mazuen Yahya, *Islam Pilihanku Pengucapan Syahadah 39 Insan di Malaysia*, (Selangor Karya Bestari Sdn. Bhd. , 2005).

⁸⁷Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Dr. Faudzinain Hj. Badaruddin dan Khairil Khuzairi Omar, ed., *Masa Depan Saudara Baru: Harapan, Realiti dan Cabaran*, Bangi Pusat Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005).

Dalam buku ini mempunyai 49 judul menceritakan tentang kisah-kisah mualaf memeluk Islam dalam kehidupan mereka.⁸⁸

Dr. Fariza Md Sham dan Anuar Puteh kertas kerja yang bertajuk *Pendekatan Psikologi Dakwah Dalam Bimbingan Saudara Baru: Pengalaman di Malaysia*, berkisar tentang mualaf dan pendekatan psikologi dalam membimbing golongan ini.⁸⁹

Nawi Jusoh menulis dalam bukunya bertajuk *Mengapa Kami Memeluk Islam*.

Kajian menyentuh tentang untuk mengetahui faktor mualaf memeluk Islam. Dapatan kajian mendapati bahawa mualaf memeluk Islam kerana antaranya kemurniaan Islam, mukjizat al-Quran, rasa tidak puas hati kepada agama asal, ingin tahu tentang ketuhanan, peluang dan kemudahan, persekitaran yang kondusif, pegangan longgar kepada agama asal, mencari ketenangan jiwa, kesedaran kepalsuan dakyah terhadap Islam dan fakta sejarah dan budaya (China). Selain itu juga dapatan diperolehi kefahaman dan kebenaran Islam merupakan faktor utama mereka memeluk Islam.⁹⁰

Penulisan Taqiyah Abdul Hadi bertajuk *Faktor Kecenderungan Saudara Kita Memeluk Islam: Satu Kajian Di Darul Ukhwah, Tampoi, Johor*. Hasil kajian ini mendapati bahawa faktor pembacaan dan penyelidikan merupakan faktor paling dominan yang dimaklumkan responden sebagai faktor mereka memeluk Islam.⁹¹

Anuar Puteh, kajian bertajuk *Khidmat Nasihat Dalam Menangani Masalah Saudara Baru*. Artikel ini membincangkan tentang faktor-faktor yang mendorong

⁸⁸Tardjono Abu M.Muaz, *Kembali Ke Pangkuan Islam Kisah Perjalanan Ruhaniah Para Muallaf*, Selangor Karya Bestari Sdn. Bhd. , 2002).

⁸⁹Fariza Md Sham dan Anuar Puteh, *Pendekatan Psikologi Dakwah Dalam Bimbingan Saudara Baru: Pengalaman di Malaysia*, (Makalah, Seminar Serantau Pemikiran Dakwah: Peranan dan Pengalaman, Jabatan Usuluddin, Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam, Brunei, 19-20 September 2006).

⁹⁰Nawi Jusoh, *Mengapa Kami Memeluk Islam*, DNJ Consultant Sdn. Bhd. 2001.

⁹¹Taqiyah Abdul Hadi, *Faktor Kecenderungan Saudara Kita Memeluk Islam: Satu Kajian Di Darul Ukhwah, Tampoi, Johor*,(tesis, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia,2004)

cabaran dan masalah golongan mualaf memeluk agama Islam serta kepentingan khidmat nasihat kepada mereka.

Penjelasan dari artikel ini menyatakan bahawa faktor mualaf memeluk Islam kerana hidayah daripada Allah SWT, faktor ikut-ikutan, perkahwinan, percintaan dan mempunyai kepentingan tertentu. Masalah serta cabaran yang dihadapi oleh mereka ialah disingkirkan oleh kaum keluarga dan masyarakat asal, pandangan negatif serta prejudis daripada masyarakat Melayu Islam, bidang kerja yang tidak sesuai dengan ajaran agama Islam, kehilangan hak untuk mendapat harta pusaka, kegagalan dalam perkahwinan (penceraihan) serta kecewa dalam percintaan. Kaedah khidmat nasihat merupakan cara yang sangat penting dalam usaha membantu mualaf menyelesaikan masalah yang dihadapi.⁹²

Osman Chuah Abdullah @ Chua Hock Leng dan Abdul Salam Muhamad Shukri, kajian bertajuk *Muslim Converts In Malaysia: The Problem Of Culture Adjustment* meneliti tentang permasalahan penyesuaian budaya dalam kalangan mualaf.⁹³

Namun begitu semua penulisan kajian yang ditulis tidak menjurus dan membincangkan tentang kepada pendekatan dakwah terhadap mualaf yang memohon pengisyiharan murtad.

Kajian luar negara yang berkaitan dengan mualaf juga ditinjau contohnya, Patrik D. Bowen buku bertajuk *Conversion to Islam in the United States: A Case Study in Denver, Colorado*, kajian membincangkan berkenaan pemelukan Islam dalam kalangan mualaf dari sudut faktor-faktor pemelukan Islam. Kajian dilakukan kepada

⁹²Anuar Puteh, *Khidmat Nasihat Dalam Menangani Masalah Saudara Baru, Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, (Bangi: UKM, 2006).

⁹³Osman Chuah Abdullah @ Chua Hock Leng dan Abdul Salam Muhamad Shukri, *Muslim Converts In Malaysia: The Problem Of Culture Adjustment*, (Gombak: Int. Islamic Univ. Malaysia Press, 2008).

golongan muslim Latino di Masjid Sunni Denver, Persatuan Muslim Colarado (CMS). Dapatkan kajian mendapati pelbagai faktor menyebabkan mualaf memilih Islam sebagai agama anutan. Antara penyebab memilih agama Islam kerana melalui pergaulan, kenalan Islam, perkahwinan, dialog agama dan tertarik dengan teologi dalam Islam.⁹⁴

Rafic Ali Al-Banawi kajian bertajuk *Religious Conversions: The Personal Experience Of The Muslim Converts*. Kajian ini melihat kepada pengalaman golongan mualaf setelah memeluk Islam. Kajian terfokus kepada 2 dimensi umum iaitu berkaitan dengan faktor mereka memeluk Islam dan keadaan selepas Islam meliputi hubungan antara pertukaran agama dan kesihatan mental, peranan afektif dalam pertukaran agama, tempoh memeluk Islam serta peranan pertukaran agama dalam membentuk personaliti dan sosial. Hasil kajian yang diperolehi menyatakan terdapat pelbagai faktor yang mencetuskan dorongan dalam memeluk Islam, aspek afektif memberi kesan terhadap pertukaran agama sama ada sebelum, semasa atau selepas pertukaran agama mempengaruhi personalitidan sosial malahan seluruh aspek kehidupan mereka.⁹⁵

Khaled Esseissah dalam kajian yang bertajuk *The Increasing Conversion To Islam Since 9/11: A Study of White American Muslim Converts In Northwest Ohio*. Kajian membincangkan tentang faktor pengislaman masyarakat kulit putih selepas 9/11 di Northwest Ohio menganalisa tentang kuasa sosial dan budaya yang mempengaruhi pengalaman pengislaman individu, hubungannya dengan pengislaman sebelum 9/11 serta hubungan dengan masyarakat Amerika keseluruhan. Lokasi kajian

⁹⁴Patrik D. Bowen, *Conversion to Islam in the United States: A Case Study in Denver, Colorado*, Intermountain West Journal of Religious Studies, v. 1, no. 1, (2009).

⁹⁵Rafic Ali Al-Banawi, *Religious Conversions: The Personal Experience Of The Muslim Converts*, (tesis kedoktoran, School Of Education, Indiana Universiti, 1994).

dilakukan di Pusat Islam Greater Toledo dan Masjid di First Cleveland. Hasil kajian mendapati faktor pengIslamkan mereka adalah kebenaran Islam yang nyata, keesaan Allah SWT dan Islam menyembuhkan masalah sosial.⁹⁶ Pengkaji mendapati penulisan berkaitan mualaf banyak dibincangkan mengenai sebab mereka memeluk Islam dan kehidupan sebelum dan selepas memeluk Islam. Kajian tidak mengkaji tentang pendekatan dakwah terhadap mualaf memohon pengisytiharan murtad.

Merujuk kepada penulisan yang berkaitan dengan murtad pula pengkaji mendapati antaranya ialah kajian oleh ABM Mahbubul Islam dalam tesis kajian Ph.D yang bertajuk *Freedom Of Religion: A Comparative Study Between Malaysian, Bangladesh and Shari'a Law*, tesis ini telah diterbitkan dalam bentuk buku yang bertajuk *Feedom Of Religion in Shari'ah: A Comparative Analysis*, yang diterbitkan oleh AS Noordeen, Kuala Lumpur 2002.⁹⁷ Waheeda Kamalam Ambigay Abdullah pula menulis kajian yang berjudul *Conversion and Apostacy in the Context of Freedom of Religion*.⁹⁸

Penulisan Ahmad Ibrahim bertajuk *Murtad: Hukuman dan Kesannya Dari Segi Undang-undang, Dakwah*, menyatakan bahawa hukuman ta'zir dengan menahan seseorang yang hendak keluar Islam dengan tujuan rundingcara akidah dengan harapan dia kembali kepada Islam merupakan satu langkah yang lebih baik daripada dihukum penjara dan didenda.⁹⁹ Pendekatan yang sama disuarakan oleh Mohamed Azam Mohamed Adil dalam tulisannya berjudul *Pendekatan Ahmad Ibrahim Dalam*

⁹⁶Khaled Esseissah, *The Increasing Conversion To Islam Since 9/11: A Study of White American Muslim Converts In Northwest Ohio*, (tesis Master of Arts, Graduate College Of Bowling Green State University, 2011).

⁹⁷ABM Mahbubul Islam, *Freedom Of Religion: A Comparative Study Between Malaysian, Bangladesh and Shari'a Law*, AS Noorden, (Kuala Lumpur, 2002).

⁹⁸Waheeda Kamalam Ambigay Abdullah ,*Conversion and Apostacy in the Context of Freedom of Religion*,(tesis Sarjana Perbandingan Undang-undang UIAM, 1998).

⁹⁹Ahmad Ibrahim , *Murtad: Hukuman dan Kesannya Dari Segi Undang-undang, Dakwah*, April 1995, 5-8 yang diedarkan dalam Bengkel Menangani Gejala Murtad, Anjuran ABIM, Kuala Lumpur, 8 Mac 1998.

*Undang-undang Murtad: Satu Kupasan, Seminar Ahmad Ibrahim: Sumbangan dan Pemikiran Ilmiah.*¹⁰⁰

Merujuk kepada artikel yang bertajuk *Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Islam Undang-Undang di Malaysia*, ditulis oleh Zulkifli Hasan dan Norfadhilah Mohd Ali, Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia menyatakan di Malaysia, pada asasnya perlembagaan membenarkan setiap orang untuk menganut dan mengamalkan agama masing-masing dan memperuntukkan larangan penyebaran agama selain Islam kepada orang bukan Islam.¹⁰¹

Perlombagaan juga menjamin sesiapa untuk menguruskan hal ehwal agama mereka termasuk menubuhkan institusi untuk tujuan-tujuan keagamaan ataupun pemilikan harta. Ini menunjukkan secara umumnya perlombagaan Malaysia meletakkan hak kebebasan beragama. Namun demikian, hak ini ditafsirkan sesetengah pihak sebagai mutlak dan sesiapa sahaja berhak menukar agamanya pada bila-bila masa. Pentafsiran ini adalah tidak tepat kerana setiap individu yang telah menganut sebarang agama adalah terikat dan berkewajipan dengan peraturan agamanya. Hak beragama ini bukanlah bersifat mutlak bahkan ia adalah berdasarkan prinsip agama masing-masing.

Penulisan artikel yang bertajuk, *Kedudukan Murtad dan Penyebaran Agama Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia: Satu Analisa Isu dan Cabaran*, ditulis oleh Helwa Mohammad Zainal dan Jasri Jamal penulisan ini

¹⁰⁰Mohamed Azam Mohamed Adil, *Pendekatan Ahmad Ibrahim Dalam Undang-undang Murtad: Satu Kupasan, Seminar Ahmad Ibrahim: Sumbangan dan Pemikiran Ilmiah*. Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), bertempat di Hotel PJ Hilton, 21-22 Ogos 2007.

¹⁰¹Zulkifli Hasan dan Norfadhilah Mohd Ali, *Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Islam Undang-Undang di Malaysia*, (Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia, 2007).

mengupas dan membincangkan isu murtad dan penyebaran agama selain Islam di Malaysia dengan memfokuskan perbincangan menerusi perspektif undang-undang.¹⁰²

Buku karya Ahmad Mohamed Ibrahim yang bertajuk *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia* yang antaranya memperincikan tentang Konsep Perundangan Islam dan Penghayatannya di Malaysia, ke arah Islamisasi Undang-undang di Malaysia, Murtad dan Kesannya dari segi undang-undang dan sebagainya.¹⁰³

Karya Abdul Aziz Bari iaitu *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia* yang memperincikan tentang Islam menurut Perlembagaan Persekutuan dan beberapa senarai kes yang berkaitan.¹⁰⁴

Kajian Farid Sufian Shuaib bertajuk *Murtad Kedudukannya di Sisi Islam dan Perlembagaan Malaysia* yang membahaskan tentang murtad menurut Perundangan Islam dan Perlembagaan Persekutuan.¹⁰⁵

Buku tulisan Muhammad Isa Selamat yang bertajuk *Murtad, Kesan dan Kisah Mengenainya* yang menjelaskan tentang pengertian murtad, konsep serta kejadian murtad yang pernah berlaku di zaman nabi dan para sahabat serta langkah penyelesaian yang diambil oleh mereka dalam menangani permasalahan ini.¹⁰⁶

Tulisan daripada Mohd Azam Mohd Adil berkenaan *Hak Kebebasan Beragama Dari Perspektif Islam dan Perlembagaan Persekutuan: Satu Perbahasan*,

¹⁰² Helwa Mohammad Zainal dan Jasri Jamal, *Kedudukan Murtad dan Penyebaran Agama Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia: Satu Analisa Isu dan Cabaran*, (Jurnal UUM, 2013).

¹⁰³ Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*, 1997.

¹⁰⁴ Abdul Aziz Bari, *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*, (Petaling Jaya, Selangor, Intel Multimedia, Kuala Lumpur, 2005) .

¹⁰⁵ Farid Sufian , *Murtad :Kedudukannya di Sisi Islam dan PerlembagaanMalaysia*, Petaling Jaya, Selangor,(Intel Multimedia, Kuala Lumpur, 2005).

¹⁰⁶ Muhammad Isa Selamat, *Murtad: Kesan dan Kisah Mengenainya* , (Kuala Lumpur, Darul Nu'man, 1998).

menghuraikan tentang konsep kebebasan beragama menurut Islam dan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan serta realiti yang berlaku di Malaysia.¹⁰⁷

Seterusnya jurnal yang berjudul, *Jenayah Murtad di Malaysia: Permasalahan dar Perspektif Undang-undang Syariah*, ditulis oleh Mohd Sopiee Shiddeq, menganalisis isu murtad di Malaysia yang mengemukakan cadangan mekanisme ke arah penambahbaikan serta penyeragaman undang-undang murtad di Malaysia.¹⁰⁸

Penulisan Mohamed Azam Mohamed Adil, *Hak Tukar Agama Dalam Perlembagaan Malaysia: Konflik Antara Kebebasan Beragama dan Hukum Islam*, membincangkan tentang persoalan murtad dari perspektif hukum Islam dan undang-undang di Malaysia yang merujuk kepada Perlembagaan Malaysia.¹⁰⁹

Selain itu juga penulisan berkenaan, *Kebebasan Beragama : Gambaran Malaysia*, yang di tulis oleh Faridah Jalil, yang membincangkan tentang kedudukan prinsip kebebasan beragama berkaitan hak untuk menukar agama yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Perbincangan untuk memahami aliran pendapat pelbagai pihak dalam isu berkenaan kebebasan beragama di Malaysia.¹¹⁰

Penulisan artikel mengenai, *Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah*, tulisan oleh Pg Ismil dan Siti Zubaidah Ismail, kajian ini menunjukkan kebanyakan kes permohonan keluar Islam di Mahkamah Syariah di Sabah sebenarnya difaiklan dan diputuskan di bawah premis pengesahan status agama. Namun begitu, ini bukan bererti Mahkamah Syariah tidak

¹⁰⁷ Mohd Azam Mohd Adil,*Hak Kebebasan Beragama Dari Perspektif Islam dan Perlembagaan Persekutuan: Satu Perbahasan*, (Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor, 2005).

¹⁰⁸ Mohd Sopiee Shiddeq, *Jenayah Murtad di Malaysia: Permasalahan dar Perspektif Undang-undang Syariah*,(Jurnal UUM, 2015).

¹⁰⁹ Mohamed Azam Mohamed Adil, *Hak Tukar Agama Dalam Perlembagaan Malaysia: Konflik Antara Kebebasan Beragama dan Hukum Islam*, (Jurnal Syariah, Universiti Malaya, 2003).

¹¹⁰ Faridah Jalil, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia,(UKM) Rohaizan Halim, Kolej Undang-undang , Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), *Kebebasan Beragama : Gambaran Malaysia*, (2014).

berhadapan dengan masalah yang serius. Kerana isu penentuan status agama berdasarkan senario yang berlaku di Sabah, amat menuntut kebijaksanaan Mahkamah dan agensi-agensi lain yang terlibat dalam menentukan status agama pemohon. Justeru itu, isu kes permohonan keluar Islam di Mahkamah Syariah di Sabah perlu difahami secara lokal agar masyarakat umum tidak beranggapan kes yang diluluskan di Mahkamah Syariah Sabah telah diputuskan atas merit keluar Islam atau murtad.¹¹¹

Kajian lain juga mengenai murtad tesis sarjana, *Peruntukan Undang-undang Murtad di Selangor : Satu Kajian Berasaskan Maqasid Shar'iyyah*, Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2011. Kajian ini mendapati bahawa jenayah murtad telah berlaku di Selangor dan kelompok mualaf yang paling ramai murtad. Ini kerana negeri Selangor tiada peruntukan undang-undang untuk membendung jenayah murtad. Oleh itu agensi yang diamanahkan untuk membendung jenayah ini tidak dapat berfungsi dengan berkesan. Malahan infrastruktur yang disediakan bagi memulihkan pesalah murtad tidak dapat berfungsi dengan baik.

Bagi menangani masalah ini, konsep hafz al-din dalam maqasid shar'iyyah telah menggariskan empat perkara penting iaitu al-hakimiyyah, al-tarbiyyah, al-wiqayah dan al-'uqubah.

Kajian ini mencadangkan supaya kerajaan negeri Selangor menggubal Enakmen Kawalan Akidah Negeri Selangor bagi memberi kuasa kepada MAIS, JAIS, Jabatan Mufti, Mahkamah Syariah dan Baitul Iman.¹¹²

¹¹¹Pg Ismil dan Siti Zubaidah Ismail, *Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah*, Jurnal Syariah, (Universiti Malaya, 2015)

¹¹² Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik, *Peruntukan Undang-undang Murtad di Selangor : Satu Kajian Berasaskan Maqasid Shar'iyyah*, Jabatan Syariah dan Undang-undang, (tesis sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2011)

Kajian ini tidak mengkaji pendekatan dakwah terhadap pemohon pengisytiharan murtad. Kajian berkisar tentang perundangan yang dicadangkan perlu digubal bagi menangani murtad di Selangor. Perundangan secara penguatkuasaan adalah jalan yang terakhir untuk menangani masalah pengisytiharan murtad di Selangor. Penyelidik juga melihat perkara ini penting, malah ia adalah satu keperluan dalam menangani masalah pengisytiharan murtad di Selangor khasnya dalam kalangan mualaf. Kajian ini juga lebih umum sifatnya kerana ia merujuk kepada pengisytiharan murtad dalam kalangan orang Islam asal bukan terfokus kepada mualaf. Sedangkan mereka yang memeluk Islam dan mereka yang Islam asal, sejak dilahirkan adalah sesuatu yang jauh berbeza dari segenap sudut sama ada dari segi budaya, adat resam, pegangan hidup, persekitaran dan perkara yang berkaitan. Pengkaji memberi tumpuan kepada pendekatan dakwah MAIS kepada pemohon pengisytiharan murtad.

Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Datuk Mohd Nakhaie Ahmad, menjelaskan bahawa berdasarkan satu kajian Yadim berhubung isu murtad tahun lalu mendapati gejala murtad di kalangan orang Melayu kini berada di tahap yang membimbangkan. Menurut beliau, meskipun kajian itu mendapati gejala murtad di kalangan saudara baru mencatat jumlah tertinggi, tetapi jumlah orang Melayu yang murtad juga membimbangkan. Menurutnya; “Walaupun kebanyakan orang yang murtad ini daripada saudara baru... masuk agama Islam dan kemudian kembali ke agama asal, ada juga orang Melayu yang mula (memilih untuk murtad). “Saya tak kata sedikit (jumlahnya), tetapi ia membimbangkan,” katanya yang tidak menyatakan jumlah orang Melayu yang murtad,”¹¹³

Manakala kajian Nor Azilah Abdul Ghani bertajuk *Murtad: Kajian Kes di Wilayah Persekutuan*, yang menghuraikan kejadian murtad yang berlaku di sekitar

¹¹³Harian Metro, 28 Julai 2008.

Kuala Lumpur serta langkah-langkah penyelesaian yang telah diambil oleh semua pihak meliputi kerajaan, agensi swasta serta orang awam dalam menangani permasalahan ini.¹¹⁴

Kajian tesis Noor Hanim Mohd Ghazali pula yang bertajuk *Kaedah Menangani Isu Murtad di Selangor*, mengenal pasti jalan penyelesaian yang terbaik tentang permasalahan pertukaran agama dikalangan orang Melayu - Islam di negeri Selangor.¹¹⁵

Azhar Yaakub, kajian bertajuk *Murtad Di Kalangan Saudara Baru Keturunan India; Satu Kajian Di Wilayah Persekutuan*, menumpukan kajiannya mengenai gejala murtad yang berlaku di kalangan mualaf berketurunan India di Wilayah Persekutuan. Berdasarkan kajian mendapati masalah murtad yang berlaku dalam kalangan mualaf berketurunan India ada kalanya bermula daripada diri seseorang itu dan kadang-kadang berlaku secara terancang dan dirancang (exstrintik) oleh anasir-anasir luar. Gambaran ini menjadikan fenomena murtad dalam kalangan mualaf berketurunan India menjadi lebih merbahaya dan perlu kepada penyelesaian yang lebih menyeluruh dan pantas.¹¹⁶

Kajian kepada masyarakat Cina mualaf, walaupun kes murtad di kalangan Cina mualaf tidak setinggi seperti dalam kalangan India mualaf tetapi kes murtad di kalangan Cina mualaf juga telah berlaku dan tindakan mesti diambil bagi membendung masalah murtad ini.¹¹⁷

¹¹⁴Nor Azilah Abdul Ghani, Murtad: Kajian Kes di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, (Universiti Malaya, 1999).

¹¹⁵Noor Hanim Mohd Ghazali , Kaedah Menangani Isu Murtad di Selangor, (tesis Master, Jabatan Syariah Dan Undang-Undang Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012).

¹¹⁶Azhar Yaakub @ Ariffin, Murtad Di Kalangan Saudara Baru Keturunan India; Satu Kajian Di Wilayah Persekutuan , (tesis Master Universiti Malaya, 2000).

¹¹⁷Dina Imam Supaat, Bidah Abdul Ghafar dan Abdul Manan Ismail , *Pertukaran Agama Dan Murtad Dikalangan Orang-Orang Cina Di Malaysia; Isu cabaran dan Perundangan*, Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Masyarakat Cina dan Perkembangan Islam Di Malaysia Di Selangor, 2004.

Nabilah Yusof, beliau telah menganalisa usaha-usaha pemerintah melalui Jabatan Kemajuan Malaysia (JAKIM) selaku agensi yang bertanggungjawab menyelaras hal ehwal agama Islam di peringkat Kebangsaan dan menangani masalah ini. Seterusnya menilai usaha-usaha tersebut untuk melihat sejauhmana keselariannya dengan roh al syar'iyyah dan konsep al siyasah al syar'iyyah. Hasil kajian ini mendapati segala usaha yang dilaksanakan oleh JAKIM selari dengan tuntutan syarak dan teori atas al siyasah al syar'iyyah. Namun demikian terdapat beberapa kelemahan dari sudut praktikaliti yang perlu diperbaiki.¹¹⁸

Penyelidikan mengenai *Kaedah Penyelesaian Dalam Menangani Pertukaran Agama Dalam Kalangan Masyarakat Melayu-Islam di Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur* yang diketuai oleh Farahwahida Mohd Yusof. Kajian ini berusaha membantu pihak kerajaan mengenal pasti jalan penyelesaian yang terbaik mengatasi permasalahan pertukaran agama di kalangan masyarakat Melayu Islam di Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Beberapa kaedah penyelesaian dalam menangani masalah murtad telah dicadangkan dalam penyelidikan ini. Setiap individu yang membentuk masyarakat dalam negara ini mempunyai peranan masing-masing dalam menangani masalah murtad.

Kebanyakan mereka yang ter dorong untuk menukar agama terdiri daripada golongan mualaf sama ada yang berpendidikan tinggi atau rendah. Kajian ini mendapati bahawa faktor murtad berlaku kerana faktor dalaman iaitu kurang didikan agama, putus cinta, penceraian, ibu bapa, ekonomi keluarga dan peribadi.

Faktor luaran pula ialah persekitaran, rakan sebaya, gerakan kristianisasi dan modenisasi, kelonggaran undang-undang, pemerintahan dan pentadbiran negara,

¹¹⁸ Nabila Yusof, Usaha-Usaha Kerajaan Pusat Dalam Menangani Gejala Murtad: Satu Penilaian Menurut Perspektif Siyasah Syar'iyyah, (Tesis Master Jabatan Siyasah Syar'iyyah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2006)

dakwah kurang peranan dan diskriminasi kepada mualaf. Dapatan kajian ini faktor murtad adalah secara keseluruhan tidak tertumpu kepada mualaf sahaja, tetapi juga kepada orang Islam asal. Kajian penyelidik pula tertumpu kepada dakwah kepada golongan mualaf memohon untuk pengisytiharan murtad.

Merujuk kepada akhbar Utusan Malaysia bertarikh 13hb Ogos 2009, Dr. Prihatin, mengulas “*Nasib Mualaf Di Malaysia*” mereka terpaksa hidup merempat akibat tiada bantuan disalurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat setelah melebihi lima tahun memeluk Islam. Perkara ini secara tidak langsung menyedarkan penyelidik mengenai kesusahan yang terpaksa ditanggung golongan ini hampir menyebabkan mereka menjadi murtad. Perkara ini berlaku akibat daripada kelemahan perhubungan di antara badan terbabit yang perlu dilakukan bagi menyelesaikan masalah mualaf yang memohon untuk pengisytiharan murtad.¹¹⁹

Secara keseluruhannya kajian yang lepas tidak menjurus kepada kajian tentang pendekatan dakwah terhadap pemohon pengisytiharan murtad. Oleh yang demikian kajian ini lebih memfokuskan kepada pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisytiharan murtad.

Kajian berdasarkan beberapa sumber berkaitan yang terdiri daripada tesis, jurnal dari dalam dan luar negara, buku-buku ilmiah dan akhbar-akhbar tempatan pengkaji akan memberi komen terhadap kekuatan dan kelemahan bahan-bahan yang diperolehi dan membuktikan pentingnya penyelidikan ini perlu dijalankan.

Berdasarkan sorotan kajian yang lepas didapati bahawa ada kajian yang dikaji berkenaan dengan murtad dan dakwah. Namun begitu tidak ada kajian yang menjurus kepada pendekatan dakwah secara khusus kepada pemohon pengisytiharan murtad dalam kalangan mualaf.

¹¹⁹Utusan Malaysia, 13hb Ogos 2009.

Kajian ini mengkhususkan kepada pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisytiharan murtad dan pemohon adalah dalam kalangan mualaf. Pendekatan dakwah yang dikaji dalam kajian ini membezakan di antara kajian ini dengan kajian lepas. Malahan kajian ini merupakan kajian yang baru, justeru kajian ini dilakukan bagi mendapatkan dapatan kajian untuk dijadikan rujukan dalam menangani isu murtad di Selangor khususnya dan di Malaysia secara amnya.

1.8 STRUKTUR PENULISAN

Secara keseluruhan tesis ini dibahagikan kepada enam bab. Bab pertama merupakan bab pendahuluan yang terdiri daripada pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, definisi tajuk kajian, skop kajian, kepentingan kajian serta sorotan kajian lepas.

Selanjutnya bab kedua bagi menjawab objektif kajian pertama yang membincangkan tentang pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisytiharan murtad dari perspektif Islam. Perkara yang dibincangkan dalam bab ini ialah mualaf menurut Islam, murtad menurut Islam, permohonan pengisytiharan murtad dan pendekatan dakwah terhadap pemohon pengisytiharan murtad dari perspektif Islam.

Bab ketiga pula membincangkan secara khusus mengenai metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini. Manakala bab keempat merupakan bab analisis dapatan kajian bagi menjawab objektif kajian kedua iaitu berhubung dengan pengisian pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisytiharan murtad yang melibatkan masa, panel penasihat akidah, pengisian penasihat akidah dan ziarah yang dilakukan kepada pemohon pengisytiharan murtad.

Seterusnya bab kelima menganalisis dapatan kajian bagi menjawab objektif kajian yang ketiga dan terakhir iaitu berhubung sejauhmana penerimaan pendekatan dakwah MAIS oleh pemohon pengisytiharan murtad yang membincangkan tentang masa, panel penasihat akidah, pengisian penasihat akidah dan ziarah. Bab enam merupakan bab penutup yang mengandungi rumusan keseluruhan dapatan kajian serta beberapa cadangan untuk tujuan penambahbaikan.

1.9 KESIMPULAN

Kajian ini diharapkan akan menghasilkan dapatan yang dapat mendedahkan pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisytiharan murtad khasnya di MAIS dan secara amnya di Malaysia. Seterusnya pendekatan dakwah yang relevan dan bersesuaian adalah perlu untuk menangani masalah permohonan pengisytiharan murtad. Pendekatan dakwah yang sedia ada menjadi panduan dan amalan yang boleh di perkemaskan serta diperkasakan dengan pendekatan yang lebih sesuai dan berkesan.

BAB DUA : PENDEKATAN DAKWAH TERHADAP PEMOHON

PENGISYTIHARAN MURTAD DARI PERSPEKTIF ISLAM

2.0 PENGENALAN

Golongan yang telah memilih Islam sebagai agama baru untuk dianuti perlu diberi perhatian yang khusus dalam memastikan mereka boleh memahami dan menghayati agama Islam dengan baik. Adalah menjadi satu kewajipan kepada mukalaf¹²⁰ memberi didikan dan bimbingan yang sebaiknya kepada golongan ini. Ia bertujuan untuk menjaga akidah mereka supaya terus kekal dalam agama Islam. Secara umumnya di Malaysia setiap negeri mempunyai Majlis Agama Islam Negeri yang bertanggungjawab dalam mendidik golongan ini untuk memberi bimbingan yang sepatutnya kepada mereka. Majlis Agama Islam Negeri bertindak dalam memastikan keperluan rohani dan jasmani mereka dapat dipenuhi selain dibantu oleh badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan yang lain. Ini kerana setiap aspek telah diambil kira untuk memberi keselesaan kepada mereka iaitu dari sudut ekonomi, tempat tinggal, hubungan kekeluargaan dan apa jua yang berkaitan menjadi keperluan kepada mereka selepas mereka memeluk agama Islam. Selain itu juga dakwah yang berterusan perlu dilaksanakan kepada mereka.

2.1 MUALAF MENURUT ISLAM

Perkataan Mualaf berasal daripada *allafa* yang mempunyai pelbagai maksud. Antaranya menjadikan sesuatu angka itu seribu, mengumpulkan sesuatu antara satu

¹²⁰ Orang yang cukup umur yang wajib melaksanakan perintah Allah

dengan yang lain dan mengarang buku¹²¹. Mualaf ataupun Saudara Baru terdapat pelbagai takrifan dan pengertian dikemukakan dalam kamus-kamus, ulama semasa dan sebagainya. Perkataan ini disebut sekali dalam al-Quran di dalam surah al-Taubah ayat 60: Firman Allah SWT, yang bermaksud:

﴿إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسِكِينِ وَالْعَدِيلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي أَرْقَابِ وَالْغَرِيمِينَ﴾

﴿وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ الْسَّيِّلِ فَرِيضَةٌ مِّنْ رَبِّ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ﴾

Al-Taubah 9:60

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah SWT, dan orang-orang musafir (yang keputusan kewangan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah SWT. Dan (ingatlah) Allah SWT amat Mengetahui lagi amat Bijaksana.”

Istilah Mualaf adalah istilah Al-Quran iaitu *muallafah qulubuhum*, iaitu satu masyarakat atau individu yang hatinya cenderung, minat, damai dengan Islam¹²². Makna lain bagi mualaf ialah individu yang dipujuk dan dijinakkan hatinya dengan harapan dapat menguatkan pegangan mereka terhadap ajaran Islam atau orang yang dipujuk supaya tertarik untuk memeluk Islam¹²³.

Ahmad Redzuwan dan Nur Kareelawati mentakrifkan mualaf adalah kalangan manusia yang baru memeluk agama Islam dan berhak mendapat zakat dan pemberian

¹²¹ Ibn Manzur, *Lisan al-cArab* (Cet. berwarna), (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al- Arabi, 1416H/1996M), 178-181.

¹²² Nabih Amin Faris, *The mysteries of almsgiving*, (Bairut: The Haildeberg Press, 1996).

¹²³ Amran Kasimin, *Saudara baru Cina di Wilayah Persekutuan*, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1985).

tersebut bertujuan untuk melunakkan hati dan menguatkan keislaman mereka¹²⁴. Manakala Dusuki menyebut, mualaf adalah orang yang baru memeluk agama Islam dan imannya belum teguh, mereka juga berhak menerima sebahagian tertentu daripada harta zakat¹²⁵.

Menurut Kamus Dewan perkataan mualaf bermaksud orang yang baru memeluk Islam atau saudara baru¹²⁶. Wahbah al-Zuhayli yang mendefinisikan mualaf sebagai mereka yang lemah hatinya, lalu diberikan zakat untuk menguatkan pegangan mereka terhadap Islam.¹²⁷ Mualaf juga mampu menjadi pendakwah. Pendakwah ialah seseorang yang sanggup mengorbankan diri, harta dan waktunya untuk Allah SWT bagi menegakkan risalah yang agung dan meneruskan tugas mulia para nabi dan rasul yang diutuskan oleh Allah SWT untuk menyeru manusia ke jalan Tuhan mereka yang lurus serta menyuruh manusia membuat kebaikan dan menjauhi kemungkaran.¹²⁸

Manakala Al-Jaza‘iri mendefinisikan mualaf kepada beberapa jenis, iaitu, golongan yang lemah imannya, iaitu yang baru memeluk Islam dan berhak diberi zakat, golongan yang berpengaruh di kalangan satu-satu masyarakat dan kewujudan mereka ini boleh menyebabkan orang lain memeluk agama Islam, mereka yang kuat imannya. Apabila diberikan habuan zakat kepadanya menyebabkan orang lain tidak melakukan kejahanan. Golongan yang boleh menarik orang lain untuk mengeluarkan zakat.¹²⁹

¹²⁴ Ahmad Redzuwan Mohd Yunus & Nur Kareelawati Abd. Karim, Dlm. Razaleig Muhamat@Kawangit, Faudzinaim Badaruddin & Khairil KhuzairiOmar (pnyt.). *Masa Depan Saudara Baru: Harapan, Realiti dan Cabaran*, (Bangi: Pusat Islam UKM, 2005).

¹²⁵ Dusuki Haji Ahmad. *Kamus Pengetahuan Islam*. (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1980).

¹²⁶ Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013), 1046.

¹²⁷ ʻal-Zūḥāyī, Wāḥbāḥ, *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuhu*. (Cet. ulangan), (Damsyiq: Dar al-Fikr, 1417H/1996M), 871.

¹²⁸ Ahmad Mahmud Abu Zaid, *Pendakwah Masa Kini; Sikap & Pendekatan*. Cet. 2. (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), 2003), xv.

¹²⁹ Al-Jaza‘iri, cAbd al-Rahman, *Kitab al-fiqh cala al-madhahib al-arba‘ah*. (Beirut. Dar al-Fikr, 1990).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-71 yang bersidang pada 22-24 November 2005 telah membincangkan Had Tempoh Panggilan Mualaf. Muzakarah telah memutuskan bahawa di dalam Islam tiada sebarang nas yang mewajibkan seseorang yang baru memeluk agama Islam dipanggil sebagai Mualaf. Sebutan dan had tempoh panggilan Mualaf ini lebih bersifat *ūrf* semata-mata yang mana ia adalah sesuatu perkara yang menjadi kebiasaan masyarakat dan sering dilakukan oleh mereka dalam urusan kehidupan seharian sama ada berbentuk perkataan atau perbuatan yang tidak bertentangan dengan al-Qur'an dan al-Sunnah.¹³⁰

Ekoran daripada hal ini, ulama telah menjadikan al-'ūrf atau adat sebagai salah satu dari prinsip atau kaedah umum fiqhiyyahaitu al-'Adah Muhakkamah (adat yang diperakui dan dijadikan rujukan dan hukum).¹³¹ Namun aplikasi *al-'ūrf* mempunyai batas-batas yang tertentu. Oleh sebab itu, ulama telah membahagikan 'ūrf itu kepada tiga bahagian.¹³² Iaitu 'ūrf yang berbentuk perkataan dan amalan, 'urf yang berbentuk umum dan khusus dan ūrf yang sah dan rosak.

Selain itu, ulama telah menetapkan beberapa syarat untuk menjadikan *al-'ūrf* itu dianggap sesuai dan boleh diamalkan, di antaranya ialah¹³³ 'ūrf itu hendaklah berbentuk umum hukumnya dan ia kerap kali diamalkan. Selain itu, ia hendaklah bersifat berterusan dan telah diamalkan sebelum itu dan yang terakhir, ia mestilah tidak bertentangan dengan dalil-dalil dan dasar-dasar syariat. Antara contoh nilai-nilai

¹³⁰ al-Bardisi Muhammad Zakariyya, *Usul al-Fiqh*. Beirut: T.P,1969.

¹³¹ al-Suyuti Jalal al-Din 'Abd al-Rahman ibn Abu Bakr, 1990. *al-Asybah wa al-Naza'ir*, (Beirut: Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah, 1990).

¹³² Abd al-Karim Zaydan, *al-Madkhal li Dir'sat al-Shariah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah, (Baghdad: Maktabah al-Quds, 1989).

¹³³ Sufi Hasan Abu Talib, *Tatbiq al-Syari'ah al-Islamiyyah fi Bilad al- 'Arabiyyah*, (Kaherah: Dar al-Nahdah al- 'Arabiyyah, 1990).

fleksibiliti *al-‘ūrf* adalah terhadap maksud *tafarruq* atau berpisah dalam suatu hadis

Rasulullah yang bermaksud:

“Dua orang yang melakukan akad jual beli iaitu penjual dan pembeli boleh melakukan khiyar (diberi pilihan) selama kedudukannya belum berpisah.”

(*Hadis riwayat Bukhari dan Muslim*)

Begitu juga maksud *ihya’* atau menghidupkan dalam suatu hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

“Barang siapa yang menghidupkan tanah terbiar, maka ia adalah miliknya.”

(*Abu Dawud dan al-Tirmizi*)

Menurut Yusuf al-Qaradawi, semua maksud tersebut iaitu ‘berpisah’ dan ‘menghidupkan’ tertakluk kepada al-‘ūrf atau adat kebiasaan yang diguna pakai oleh masyarakat kerana Allah SWT tidak menentukan hukum secara terperinci mengenainya. Ini bermakna Allah menyerahkan kepada al-‘ūrf yang berlaku dalam masyarakat¹³⁴.

Terdapat sesuatu hukum yang berlandaskan al-‘ūrf boleh berubah disebabkan berlaku perubahan tempat dan masa¹³⁵. Antara contoh yang mengambil kira al-‘ūrf kerana meraikan perubahan tempat ialah masalah membuka kepala. Imam al-Shaṭibi pernah mengutarakan permasalahan tersebut dengan menegaskan bahawa masalah membuka kepala berbeza-beza hukumnya sesuai dengan tempatnya. Menurutnya lagi, bagi mereka yang berada di negara-negara Timur, membuka kepala adalah sifat yang kurang sopan dan tidak melambangkan ketinggian maruah. Namun ia tidak dianggap keji jika berlaku di negara-negara Barat.

¹³⁴ al-Qaradawi, *al-Madkhal li Dirasat al-Shariah al-Islamiyyah*, (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1990).

¹³⁵ ‘Abd al-Wahhab Khallaf. t.t. ‘Ilm Usul al-Fiqh. Kaherah: Maktabah al-Da’wah al-Islamiyyah Shabab al-Azhar.

Oleh yang demikian hukum tersebut berbeza-beza sesuai dengan perbezaan tempat.¹³⁶ Manakala contoh yang mengambil kira al-‘ūrf kerana meraikan perubahan masa adalah apa yang dinyatakan oleh al-Qarafi dalam bukunya al-Aḥkam yang menukilkan pandangan daripada Imam Malik; “Jika isteri memberitahu, ia belum menerima mas kahwin padahal suaminya telah menggaulinya (bersetubuh), maka kata-kata yang diambil kira adalah dari pihak suami meskipun hukum asalnya adalah isteri belum menerimanya”. Salah seorang ulama Maliki iaitu Qadi Isma’il pernah memberi ulasan berhubung masalah tersebut. Bagi beliau, hukum di atas adalah berdasarkan al-‘ūrf atau adat kebiasaan yang diterima pakai oleh penduduk Madinah ketika itu. Menurut al-‘ūrf ketika itu, suami tidak boleh menggauli isterinya kecuali setelah ia membayar mas kahwin kepada isterinya.

Namun begitu, sekarang al-‘ūrf atau adat kebiasaan mereka telah berubah. Oleh itu, kata-kata yang diambil kira adalah dari pihak isteri pula.¹³⁷ Dengan ini, al-‘ūrf mempunyai nilai-nilai fleksibiliti kerana memainkan peranan yang penting dalam menafsirkan perkataan-perkataan hukum yang terdapat di dalam nas-nas, menghasilkan hukum-hukum yang baru serta mengubah hukum-hukum terdahulu yang tidak sesuai dengan keadaan dan realiti. Justeru ia termasuk di dalam sumber perundangan yang berbentuk ijtihadiyyah yang boleh mengubah mengikut kehendak al-‘ūrf dan adat. Walaubagaimanapun, sesuatu hukum itu tidak berubah dengan sebab berlakunya perubahan keadaan dan masa dalam perkara yang melibatkan hukum-hukum yang sabit secara qat’ī, seperti wajib menunaikan janji, memelihara segala hak

¹³⁶ al-Shatibi, Ibrahim ibn Musa. t.t, *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari’ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

¹³⁷ al-Qaradawi, *al-Madkhāl li Dirasat al-Shariah al-Islamiyyah*, (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1990).

dan sebagainya. Ini kerana, ia melibatkan sesuatu yang mendatangkan kemaslahatan dan menghindari kemudaratan.¹³⁸

Semua perbuatan yang dilakukan berdasarkan ūrf yang telah ditetapkan disesbuah tempat bagi masa tertentu selagi ia tidak bercanggah dengan tuntutan syara' dan tidak memudaraskan penduduk maka boleh digunakan. Sebagaimana negeri Selangor telah mentakrifkan had panggilan mualaf bagi mereka yang memeluk agama Islam di Selangor. Kerana ia mempunyai justifikasi yang tertentu bersesuaian dengan negeri atau tempat tersebut.

Di Selangor tempoh maksima 5 tahun diberikan untuk panggilan mualaf berdasarkan ūrf dengan syarat mengikuti kelas-kelas agama yang diiktirafkan dan dianjurkan oleh MAIS. MAIS juga bertanggungjawab membiayai segala kos pembelajaran bagi mualaf-mualaf tersebut. Ianya telah diwartakan pada 25 Oktober 2007, Nombor Rujukan: Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM, Akta/Enakmen: Sel. P.U. 332.¹³⁹

Kajian ini memfokuskan kepada mereka yang pada asalnya memeluk Islam berdasarkan Seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003 (Pindaan) 2008. Seksyen ini turut mensyaratkan, tafsiran mualaf hendaklah memenuhi syarat sebagaimana Seksyen 107 Enakmen yang sama iaitu (a) mengucap dua kalimah syahadah dalam bahasa Arab secara munasabah (mengikut kemampuannya), (b) semasa lafaz syahadah diucapkan, seseorang itu hendaklah sedar bahawa kalimah yang diucapkan itu bermakna: aku menjadi saksi bahawa tiada Tuhan

¹³⁸al-Shatibi, Ibrahim ibn Musa. t.t, *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah*.

¹³⁹"Had Tempoh Panggilan Muallaf", laman sesawang e-fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia, 27 Mei 2014, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/had-tempoh-panggilan-muallaf>

melainkan Allah dan aku menjadi saksi bahawa Nabi Muhammad SAW ialah pesuruh Allah. Dan (c) kalimah ini hendaklah dilihat dengan kerelaan hati sendiri.¹⁴⁰

2.2 MURTAD MENURUT ISLAM

Murtad menurut bahasa arab berasal daripada perkataan riddah. Dari segi bahasa, riddah bermakna kembali daripada sesuatu kepada selainnya,¹⁴¹ ia juga membawa maksud kembali atau rujuk; iaitu kembali daripada sesuatu kepada sesuatu yang lain.¹⁴² Dari segi istilah syara'nya pula, murtad ditakrifkan dengan pelbagai, yang membawa maksud keluar daripada agama Islam sama ada melalui perbuatan, perkataan atau iktikad.¹⁴³ Oleh itu, murtad bermaksud seseorang yang kembali kepada kekufuran setelah menerima Islam.¹⁴⁴

Seseorang atau sesuatu kumpulan boleh menjadi murtad dengan mempersekuatkan Allah sama ada melalui iktikad, ucapan ataupun perbuatan; mengingkari agama Islam atau salah satu rukun padanya, atau mengingkari salah satu hukum Islam yang dapat diketahui secara jelas dan sahih, atau orang yang beriktikad bahawa tidak wajib berhukum dengan hukum yang diturunkan oleh Allah. Terdapat

¹⁴⁰ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Dan Pindaan 2008, Bahagian I (Tafsiran) hlm. 8: Lihat Juga Seksyen 107 (a) (b) (c), Dalam Bahagian IX (Memeluk Agama Islam):,hlm. 63.

¹⁴¹ Al-Razi (t.t.), *Mūkhṭār ăl ṣīḥāh*, Beirut: Maktabah Lubnan,210; Lihat juga Jabran Mas'ud (1986), *al-Ra'íd*, Beirut: Daral-Ilm al-Malayin, jilid 1,725-726; Lihat juga al-Fayruz Abadi (t.t.), *ăl-Qāmūṣ ăl Mūhīt*, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi, jilid 1,570.

¹⁴²Terdapat banyak ayat-ayat al-Quran yang menyebut perkataan tersebut, seperti; surah al-Maidah (5:21), surah Yusuf (12:96), surah al-Kahfi (18:64), surah Muhammad (47:25) dan surah al-Naml (27:40). Lihat; *Lisan al-'Arab*, Jilid 3. 1374H/ 1955M. Beirut: Dar Sadir, 173; Bustani. 1987, *Mūhīt ăl-Mūhīt*. Beirut: Maktabah Lubnan, hlm. 330.

¹⁴³ Mohamed Azam Mohamed Adil, *Undang-undang Murtad: Suatu Penilaian dari Perspektif Fiqh dan Undang-undang di Malaysia*, dalam Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia, Mac 1997, 9 Kanun(1) hlm. 1-3; Paizah Haji Ismail. *Undang-undang Jenayah Islam*,Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1991, hlm. 244;Mahfodz Mohamad. *Jenayah Dalam Islam: Satu Kajian Ilmiah Mengenai Hukum-hukum Hudud*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise,1993, 123-129.

¹⁴⁴Bultaji, Ali Abdul Hamid, *Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Imam Ahmad*, (Beirut, 1991), 446; Sayid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*. (Beirut: Dar al-Fikr, 1995), 300.

juga pandangan yang mengatakan bahawa seseorang Islam juga dianggap murtad sekiranya; ia mencampakkan al-Quran, mencerca Rasulullah s.a.w., menafikan kefardhuan solat, zakat, atau dengan sengaja meminum arak dan terlibat dengan perbuatan zina.¹⁴⁵ Dalam jenayah murtad, terdapat dua unsur penting, iaitu tindakan keluar daripada agama Islam,¹⁴⁶ contohnya melakukan perbuatan yang boleh membawa syirik seperti sujud kepada sesuatu yang selain daripada Allah¹⁴⁷ dan mempunyai niat melakukannya dengan sengaja.

Islam mengkategorikan murtad adalah satu kesalahan jenayah. Sebagaimana dalam bahasa Arab disebut dengan perkataan al-Jinayah atau al-Jarimah. Perkataan al-Jinayah ditakrifkan sebagai segala bentuk tindakan yang dilarang dan merosakkan, samada tindakan itu ke atas badan, harta atau sebagainya. Al-Mawardi mentakrifkan jenayah sebagai segala bentuk kesalahan menurut syariah yang boleh dihukum berdasarkan hukum Allah samada ia adalah qisaş, hudud atau ta’zir.¹⁴⁸

Islam menganggap jenayah satu kesalahan yang mesti dihukum kerana ia melanggar hak Allah dan hak manusia atau makhluk lain. Islam memandang tinggi kemuliaan agama, nyawa, akal, harta dan maruah. Pencabulan kepada lima perkara ini adalah jenayah yang perlu dihukum. Untuk menjadikan sesuatu tindakan itu dianggap jenayah, ia perlu memenuhi elemen-elemen berikut:¹⁴⁹

- a. Elemen perundangan iaitu peruntukan yang jelas melarang tindakan jenayah itu dan menjadikannya sebagai kesalahan yang boleh dihukum.

¹⁴⁵ Mohamed Azam Mohamed Adil, *Hak Tukar Agama dalam Perlembagaan: Konflik Kebebasan Beragama dan Hukum Islam* dalam Jurnal Syariah, Vol. 11 No. 1. (Universiti Malaya (UM):Akademi Pengajian Islam, 2003), 29.

¹⁴⁶ Menolak al-Quran dan wahyu juga menjadikan seseorang itu terkeluar dari agama Islam selain menafikan perkara-perkara syariat yang tetap dalam nas-nas *qāti’i*, sama ada perkara akidah, syariah atau akhlak. Lihat; Bultaji, Ali Abdul Hamid. *Al-Mu’tamad fi al-Fiqh al-Imam Ahmad*. Beirut, 1991, 446; Sayid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Fikr, 1995, 300-305.

¹⁴⁷ Sayid Sabiq, *Fiqh al-Sunah*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1995), 300-305.

¹⁴⁸ Al-Mawardi, *Al-Ahkam al-Sutaniyyah*, 192.

¹⁴⁹ Anwarullah, *Criminal Law of Islam*, A.S.Noordeen, (Kuala Lumpur, 1997), 3-4.

- b. Elemen tindakan iaitu melakukan tindakan yang menjadi kesalahan itu
- c. Elemen kelayakan iaitu melihat kepada umur, keupayaan, dan tanggungan penjenayah berkenaan

Dalam jenayah murtad, terdapat dua unsur penting, iaitu tindakan keluar daripada Islam.¹⁵⁰ Contohnya melakukan perbuatan yang boleh membawa syirik seperti sujud kepada sesuatu selain daripada Allah¹⁵¹ dan mempunyai niat melakukannya dengan sengaja.

Para fuqaha membahagikan undang-undang jenayah Islam kepada tiga kategori, iaitu hudud, qisas dan ta'zir. Hudud (perkataan jamak dari hadd) merujuk kepada kesalahan-kesalahan yang mana hukumannya telah ditentukan tanpa sebarang budi bicara jika telah diputuskan kesalahan tersebut.¹⁵² Manakala qisas pula, merangkumi kesalahan pembunuhan dan mencederakan, di mana hukumannya adalah berbentuk balasan balik (*retaliation*) atau bayaran diyat kepada waris si mangsa jika sesuatu kesalahan itu dimaafkan dan termasuk dalam kesalahan yang dikenakan diyat.¹⁵³

Ta'zir pula meliputi apa-apa kesalahan yang selain daripada hudud dan qisas, di mana ia banyak terletak ke atas budi bicara hakim atau pemerintah. Ia juga merujuk kepada kesalahan-kesalahan hudud yang penyaksian dan pembuktianya tidak mencapai syarat yang dikehendaki untuk menjatuhkan hukuman hudud.

¹⁵⁰Menolak al-Quran dan wahyu juga menjadikan seseorang itu terkeluar dari agama Islam selain menafikan perkara-perkara syariat yang tetap dalam nas-nas qat'i, sama ada perkara akidah, syariahatau akhlak. Lihat; Bultaji, Ali Abdul Hamid. Al- Mu'tamad fi al-Fiqh al-Imam Ahmad, (Beirut, 1991), 446; Sayid Sabiq, (Fiqh al-Sunnah. Beirut: Dar al-Fikr, 1995),300-305.

¹⁵¹Sayid Sabiq, Fiqh al-Sunnah,(Beirut: Dar al-Fikr, 1995),300-305.

¹⁵²'Abdul Qadir 'Audah, *Al-Tasyri' al-Jinali' al-Islami, muqararan bi Qanun al-Wadi'e*, (Jilid 1, Beirut: Muassasah al-Resalah, 1998),74-75.

¹⁵³Majid Abu Rukhail, *al-Wajiz fi ahkam al-hudud wa al-qisas*, ('Amman: Maktabah al-Aqsa, 2001),190.

Walau bagaimanapun, ulama berbeza pendapat mengenai jumlah kesalahan yang dikategorikan di bawah hudud. Sebenarnya, al-Quran hanya menyebut empat jenis kesalahan berserta hukumannya di bawah hudud, iaitu sariqah (mencuri), hirabah (merompak), zina dan qazf (menuduh zina). Manakala bagi kesalahan shrub (minum arak), tiada bentuk hukuman tertentu yang disebut dalam al-Quran, begitu juga bagi kesalahan murtad.

Namun, para fuqaha seperti Imam Shafie meletakkan hukuman bunuh ke atas orang murtad sedangkan dalam masa yang sama al-Quran menegaskan bahawa tidak ada paksaan dalam agama,¹⁵⁴ manakala terdapat hadith yang menyebut bahawa golongan ini perlu dikenakan hukuman mati adalah ditolak oleh sesetengah fuqaha yang lain.¹⁵⁵

Oleh yang demikian, persoalan sama ada kesalahan murtad dikategorikan di bawah kesalahan hudud atau ta'zir sebenarnya tidak mendapat kesepakatan fuqaha. Majoriti fuqaha termasuklah Imam al-Syafi'e berpendapat bahawa seseorang yang murtad hendaklah dibunuh berikutan kesalahan tersebut dikategorikan di bawah hudud.¹⁵⁶ Bagi pandangan minoriti fuqaha termasuklah Imam Hanafi berpendapat bahawa murtad tidak termasuk dalam jenayah hudud maka hukuman ke atas orang murtad hanyalah bersifat ta'zir sahaja.¹⁵⁷

Sesetengah fuqaha seperti Ibn Hazm al-Zahiri beranggapan bahawa orang yang murtad bebas dari segala bentuk hukuman memandangkan al-Quran tidak menjelaskan mengenai sebarang bentuk hukuman di dunia. Ini berikut, walaupun subjek murtad

¹⁵⁴ Al-Quran, Al-Baqarah 2:256.

¹⁵⁵ Mohamad Hashim Kamali, *Freedom of Expression in Islam*, (Cambridge: Islamic Text Society, 1997), 93.

¹⁵⁶ Mat Saad Abd Rahman, *Undang-undang Jenayah Islam, Jenayah Hudud*, (Shah Alam: Hizbi, 1993), 4-5.

¹⁵⁷ Mohamed Salim El-Awa, *Punishment in Islamic Law*. Indianapolis: American Trust Publication, 2000, hlm. 50.

disebut tidak kurang dari tiga belas kali di dalam al-Quran, namun tidak terdapat satu ayat pun yang menyentuh tentang hukuman yang perlu dijatuahkan di dunia. Apa yang ada hanyalah hukuman itu ditangguhkan di hari akhirat kelak sepetimana yang dinyatakan dalam al-Quran surah al-Baqarah ayat 54.

Pada dasarnya, pandangan ulama mengenai hukuman murtad dalam Islam boleh dirumuskan kepada dua golongan seperti berikut,¹⁵⁸ hukuman murtad adalah hudud. Golongan ini dipelopori oleh ulama tradisional seperti mazhab al-Syafi'e, Maliki dan Hanbali, di mana mereka berpendapat bahawa murtad tergolong didalam dosa-dosa besar yang tidak diampunkan oleh Allah melainkan dengan bertaubat. Firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat, 217, yang bermaksud:¹⁵⁹

وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنِ دِينِهِ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حَبَطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا^{١٥٩}
وَالْآخِرَةُ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَلِدُونَ^{١٦٠}

Al-Baqarah 2:217

“... dan sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tada) dari agamanya (Islam), lalu dia mati sedang ia tetap kafir, maka orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya (selama-lamanya).”

Ini ditambah lagi dengan hadith Rasulullah SAW yang lain pula, baginda bersabda yang bermaksud:

“Tidak halal darah seseorang muslim itu kecuali dengan salah satu daripada tiga perkara: orang yang telah berkahwin melakukan zina, nyawa dibalas dengan nyawa (membunuh dengan sengaja) dan meninggalkan agama yang berpisah dengan jama'ah muslimin”.¹⁶⁰

¹⁵⁸ Zulkifli Hasan & Norfadhilah Mohd Ali. *Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia*. Kertas Kerja dalam Diskusi Syariah dan Undang-undang anjuran Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 17 Januari 2007, hlm. 3-4.

¹⁵⁹ Al-Quran, Al-Baqarah, 1:217.

¹⁶⁰ Riwayat Bukhari dan Muslim.

Hukuman murtad hanya akan dilaksanakan sekiranya tempoh untuk bertaubat yang diberikan telah tamat, seperti memberikan tempoh selama tiga hari untuk bertaubat. Namun demikian, terdapat beberapa pandangan mengenai tempoh masa yang diberikan untuk bertaubat dan tiada sebarang ketetapan bentuk hukuman murtad adalah ta'zir.

Pendapat ini dipelopori oleh ulama kontemporari seperti Abd al-Muta'ali al-Sa'idi, Salem al-Ewa, Muhammad Abduh, Mohamad Hashim Kamali dan lain-lain lagi.¹⁶¹ Pada dasarnya, hukuman murtad bukanlah hudud tetapi hanya ta'zir. Golongan ini berpendapat seperti pandangan Abd al-Muta'ali al-Sa'idi, iaitu manusia diberikan kebebasan beragama mengikut pilihannya. Faktor yang menyebabkan Rasulullah SAW menyatakan hukuman bunuh pada kesalahan murtad bukanlah kerana kemurtadan mereka, tetapi atas sebab pemberontakan mereka menentang Islam. Terdapat juga kritikan ulama terhadap kesahihan dan darjat hadith,

“Barangsiapa yang menukar agamanya, maka bunuhlah ia”.¹⁶²

Hadith ini adalah hadith Ahad dan tidak kuat untuk dijadikan hujah kepada sesuatu hukum menurut ilmu usul al-fiqh.¹⁶³ Secara ringkasnya, kebanyakan ulama terdahulu berpegang teguh bahawa murtad dikenakan hukuman hudud, manakala terdapat ulama kontemporari yang mengatakan tiada ketetapan mengenai hukuman murtad atau dalam erti kata lain, ia adalah ta'zir. Namun begitu, isu penentuan hukuman murtad bukanlah menjadi perkara utama yang ingin dibincangkan di dalam penyelidikan ini. Kerana

¹⁶¹Mohamed Azam Mohamed Adil, *Kebebasan Beragama dan Hukuman ke Atas Orang Murtad di Malaysia*, (Universiti Malaya(UM): Akademi Pengajian Islam, 2005),172-173.

¹⁶² Shahih, HR al-Bukhari (no 3017, 6922), Ahmad (1/27), Abu Dawud (no. 4351), at-Tirmidzi (no. 1458), an-Nasa'I (VII/105), Ibnu Majah (no. 2535) dan Ibn Hibban (no. 4458-atTaliqatul-Hisan) dari Sahabat Ibnu 'Abbas Radhiyallahu 'anhuma.

¹⁶³Mohamad Hashim Kamali, *Freedom of Expression in Islam*, (Cambridge: Islamic Text Society, 1997), 93.

dapat difahamkan bahawa dalam agama Islam tiada istilah keluar dari agama Islam selepas menganutinya, iaitu orang Islam tidak boleh murtad.

2.3 MURTAD DI MALAYSIA

Di Malaysia sehingga kini tiada sebarang peruntukan dalam perlembagaan Malaysia yang memperuntukkan satu rang undang-undang sama ada dalam bentuk mlarang atau membenarkan seseorang yang beragama Islam untuk menukar agama (murtad).¹⁶⁴ Istilah ‘murtad’ juga tidak diguna pakai di dalam enakmen kesalahan jenayah syariah di kebanyakan negeri di Malaysia.¹⁶⁵

Sebaliknya, apa yang ada hanyalah peruntukan ‘keluar agama Islam’ yang diguna pakai di beberapa buah negeri. Penggunaan istilah ‘kesalahan murtad’ juga tidak diperuntukkan oleh mana-mana enakmen jenayah syariah negeri-negeri melainkan undang-undang hudud, qisāṣ dan ta’zir yang cuba dilaksanakan di Kelantan dan Terengganu¹⁶⁶ satu ketika dahulu. Enakmen Undang-undang Kanun Jenayah Syariah II (Kelantan) 1993 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud & Qisas) Terengganu 2002 yang akhirnya tidak dapat dilaksanakan kerana faktor-faktor tertentu. Kedua-dua enakmen ini ada menyebut sesiapa yang disabitkan melakukan kesalahan irtidad, hendaklah sebelum dijatuhkan hukuman supaya bertaubat dalam tempoh yang tidak kurang daripada tiga hari setelah dia didapati bersalah dan sekiranya dia enggan bertaubat, maka mahkamah boleh memenjarakannya selama lima

¹⁶⁴ Utusan Malaysia, (Tiada peruntukan gubal undang-undang murtad), 22 Januari 1998, hlm. 14. (Kenyataan Tan Sri Dato’ Dr Abdul Hamid Othman kepada pihak akhbar tentang undang-undang murtad).

¹⁶⁵ Kebanyakan negeri di Malaysia menggunakan istilah ‘keluar agama Islam’, manakala negeri Melaka di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 1991, Seksyen 66 menggunakan istilah ‘percubaan murtad’.

¹⁶⁶ Seksyen 22, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) (Negeri Kelantan) 1993 dan Bahagian VII, Rang Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Negeri Terengganu 2002.

tahun dan jika tidak bertaubat juga boleh mengisyiharkan hukuman bunuh ke atasnya.¹⁶⁷

Antara faktor yang menyebabkan penggunaan istilah ‘keluar agama Islam’ dan bukan istilah ‘kesalahan murtad’ adalah kerana hukuman ke atas kesalahan murtad merupakan hukuman mati yang menjadi khilaf di kalangan ulama. Oleh yang demikian, sekiranya disabitkan ia adalah melampaui bidang kuasa Mahkamah Syariah.¹⁶⁸ Tidak terdapat undang-undang yang jelas mengenai kesalahan murtad termasuk hukumannya.

Pengesahan kepada kejadian pengisyiharan murtad yang berlaku berdasarkan kepada pengakuan tertuduh, iaitu seseorang yang telah pengisyiharan murtad telah merujuk kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk urusan pertukaran namanya kepada nama yang baru. Pertukaran nama tersebut dibuat berdasarkan pemohon tadi telah bertukar agama (murtad) dan inginkan namanya yang baru bersesuaian dengan agamanya yang baru. Menurut perundangan Islam, pengakuan yang dibuat oleh pemohon yang ingin bertukar nama kerana bertukar agama (murtad) merupakan perkara yang boleh disabitkan bahawa pemohon itu telah murtad dari Islam.¹⁶⁹

Perkara ini berikutan undang-undang jenayah Islam yang boleh dikuatkuasakan oleh Mahkamah-mahkamah Syariah negeri-negeri di Malaysia hanyalah merangkumi hukuman maksima; tiga tahun penjara, atau enam kali sebatan, atau denda RM5,000,

¹⁶⁷ Zulkifli Hasan, *Isu Undang-Undang Jenayah Islam Di Malaysia Dan Sejauh Manakah Perlaksanaannya*, Ketua Program Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

¹⁶⁸ Zulkifli Hasan, Norfadhilah Mohd Ali, *Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia*, Kertas Kerja dalam *Diskusi Syariah dan Undang-undang* anjuran Fakulti Syariah dan Undang undang, Universiti Sains Islam Malaysia pada 17 Januari 200, 5.

¹⁶⁹ Menurut perundangan Islam, dalam menghukum dan mengabitkan bahawa seseorang itu telah murtad dari Islam, maka terdapat dua cara pembuktian dibuat iaitu: pertamanya melalui pengakuan tertuduh dan keduanya melalui keterangan saksi. Sila rujuk :Ib Qudamah, Abu Abdullah, (M 630 H) Al-Mughni, (1969), Maktabah al-Qahirah, jld 9, 18.

atau kombinasi mana-mana hukuman berkenaan.¹⁷⁰ Jelasnya, bidang kuasa jenayah bagi Mahkamah Syariah adalah terhad dan hanya boleh dikuatkuasakan kepada orang Islam sahaja.¹⁷¹

Namun demikian, terdapat peruntukan kesalahan keluar agama Islam diguna pakai di beberapa buah negeri. Sebagai contoh, Melaka telah memperuntukkan kesalahan keluar dari agama Islam sebagai satu kesalahan¹⁷². Seksyen 66(1) Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991 menyatakan bahawa apabila seseorang Islam dengan sengaja mengaku hendak keluar dari Agama Islam atau mengisyiharkan dirinya sebagai orang yang bukan Islam, Mahkamah boleh memerintahkan orang itu supaya ditahan di Pusat Bimbingan Islam untuk tempoh tidak melebihi enam bulan dengan tujuan pendidikan dan orang itu diminta bertaubat mengikut hukum syarak.

Terdapat salah faham sesetengah pihak mengenai prosedur permohonan keluar agama Islam.¹⁷³ Ada yang beranggapan bahawa Mahkamah Syariah yang telah bertanggungjawab mengesahkan bahawa seseorang itu murtad. Harus diingat bahawa Mahkamah Syariah tidak pernah mengisyiharkan seseorang itu murtad, sebaliknya membuat pengisyiharan status agama seseorang individu. Penggunaan istilah permohonan murtad juga tidak digunakan di dalam mana-mana enakmen negeri-negeri, malahan terdapat dengan jelas menyatakan bahawa ia merupakan permohonan merujuk kepada ‘pengisyiharan status agama Islam’. Sebagai contoh, dalam kes

¹⁷⁰ Akta Bidang Kuasa Mahkamah Syariah (Jenayah) Pindaan 1984.

¹⁷¹ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, Seksyen 74 menyatakan bahawa: “Tiada keputusan Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah boleh melibatkan hak atau harta seseorang bukan Islam”.

¹⁷² Di Perlis, satu Rang Undang-undang Perlindungan Aqidah Islam (Perlis) 2000 mengenakan hukuman rehabilitasi selama tidak lebih satu tahun sekiranya didapati cuba menukar agama Islam.

¹⁷³ Zulkifli Hasan, Norfadhilah Mohd Ali. *Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia*. Kertas Kerja dalam *Diskusi Syariah dan Undang-undang* anjuran Fakulti Syariah dan Undangundang, Universiti Sains Islam Malaysia pada 17 Januari 2007.

Nyonya Tahir¹⁷⁴ Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan telah mengisyiharkan bahawa beliau bukanlah seorang Muslim kerana tidak pernah mengamalkan ajaran Islam dan beberapa alasan lain. di sini, Mahkamah Syariah tentunya tidak mengisyiharkan bahawa plaintiff telah murtad kerana sememangnya beliau tidak pernah bergelar Muslim dan mengamalkan ajaran agamanya. Walaupun pada asalnya Nyonya Tahir dilahirkan sebagai Islam tetapi tidak pernah mengamalkan ajaran Islam sejak dari kecil lagi kerana Nyonya Tahir telah dipelihara oleh keluarga bukan Islam sejak kecil.

Merujuk kepada kes-kes permohonan pengisyiharan keluar agama yang difaikkan di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia, ia diklasifikasikan sebagai kes mal. Justeru, prosedur permohonan hendaklah mematuhi apa yang digariskan dalam enakmen tatacara mal Mahkamah Syariah dan enakmen pentadbiran agama Islam negeri. Jika ditinjau dari sudut prosedur, terdapat ketidakseragaman dalam hal ehwal permohonan pertukaran agama ini.¹⁷⁵

Terdapat sesetengah negeri yang mengklasifikasikan kes-kes pertukaran agama melalui proses saman, seperti Wilayah Persekutuan; manakala ada pula yang memulakan kes melalui permohonan, seperti di Negeri Sembilan; dan terdapat juga negeri yang menggunakan kedua-dua prosedur tersebut seperti negeri Melaka. Walau bagaimanapun, sekiranya perkara mengenai pertukaran agama disebut untuk dimulakan dengan permohonan di dalam Jadual 290 Enakmen Tatacara Mal tersebut

¹⁷⁴Tarmizi Abdul Halim, *Nyonya Tahir Bukan Islam: Mahkamah Syariah Benarkan Si Mati Disemadi Cara Buddha* dalam akhbar *Utusan Malaysia* bertarikh 23 Januari 2006. Perlu juga dirujuk kesMoorthy dan kes Fatimah Tan di Pulau Pinang berkaitan prosedurmasuk dan keluar dari Islam melalui keputusan Mahkamah Syariah.

¹⁷⁵Tarmizi Abdul Halim, *Nyonya Tahir Bukan Islam: Mahkamah Syariah Benarkan Si Mati Disemadi Cara Buddha* dalam akhbar *Utusan Malaysia* bertarikh 23 Januari 2006. Perlu juga dirujuk kesMoorthy dan kes Fatimah Tan di Pulau Pinang berkaitan prosedurmasuk dan keluar dari Islam melalui keputusan Mahkamah Syariah.

atau mana-mana undang-undang bertulis, ia hendaklah dimulakan dengan permohonan.

Lazimnya, kes-kes yang dibawa ke Mahkamah Syariah adalah di dalam bentuk permohonan dan ada kalanya mahkamah memerintahkan sesetengah kes dibuat melalui saman untuk memudahkan prosedur memanggil defendan memberikan keterangan menentang plaintiff. Defendan atau responden yang lazimnya terlibat sama ada Majlis Agama Islam negeri, Jabatan Agama Islam negeri atau Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Negeri Sembilan memperuntukkan prosedur yang jelas bagi permasalahan pengisytiharan keluar agama.¹⁷⁶ Ia adalah satu-satunya negeri yang meletakkan prosedur yang lengkap menangani permohonan murtad dalam enakmen pentadbiran negerinya.

Berbeza dengan negeri Melaka, Terengganu dan Kelantan, peruntukan di Negeri Sembilan adalah lebih prosedural dan berbentuk pentadbiran, sebaliknya bukannya sebagai kesalahan jenayah. Peruntukan keluar daripada agama Islam dinyatakan di dalam Seksyen 119, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 yang mengkehendaki seseorang yang mahu keluar Islam membuat permohonan perisytiharan. Setelah menerima permohonan, mahkamah hendaklah menasihati pemohon untuk bertaubat dan jika enggan, mahkamah hendaklah menangguhkan permohonan selama 90 hari supaya pemohon menjalani sesi runding cara dan bimbingan bagi memberi peluang mereka bertaubat. Jika selepas tempoh 90 hari pemohon masih enggan bertaubat, mahkamah boleh memerintahkan pemohon menjalani sesi runding cara serta bimbingan selanjutnya selama tempoh tidak melebihi satu tahun.

¹⁷⁶ Lihat; *Majlis Agama Islam Negeri Sembilan v Hun Mun Meng* [1992] 2 MLJ 676.

Selepas tempoh itu, jika pemohon tetap dengan pendiriannya, mahkamah boleh mengisyiharkan pemohon telah meninggalkan agama Islam. Sebelum perisyiharan itu, mahkamah hendaklah membuat perintah mengenai pembubaran perkahwinan, pembahagian harta sepencarian, hak perwalian, hak pusaka dan hadanah.¹⁷⁷ Jelasnya dalam peruntukan mengenai pengisyiharan keluar Islam yang ada di Negeri Sembilan, ia memberikan ruang kepada mahkamah untuk benar-benar memastikan bahawa pemohon sudah tidak mahu bertaubat sebelum memberikan pengisyiharan status agama. Jangka masa penangguhan yang berada di tangan mahkamah bertujuan memberikan masa kepada pemohon untuk berfikir secara mendalam mengenai perkara tersebut.

Bagi negeri yang mengklasifikasikan permohonan pengisyiharan keluar agama Islam dimulakan melalui saman seperti Wilayah Persekutuan, prosedurnya sedikit berlainan. Sesuatu saman hendaklah diisikan dalam Borang MS2 yang mengkehendaki defendan menjawab suatu tuntutan tukar agama di mahkamah. Sekiranya defendan gagal hadir pada hari dan masa yang ditetapkan, mahkamah boleh terus mendengar dan memutuskan tanpa kehadiran defendan. Defendan juga diminta untuk memfailkan di mahkamah dan menyampaikan kepada plaintiff suatu pembelaan sebelum kehadiran di mahkamah. Saman tersebut hendaklah disertakan dengan suatu pernyataan tuntutan¹⁷⁸ yang ditandatangani oleh plaintiff atau peguam syarienya dan hendaklah mengandungi pernyataan yang ringkas dan padat, dalam perenggan-perenggan yang bernombor, tentang fakta-fakta yang dijadikan sandaran oleh plaintiff, butiran tuntutan yang mencukupi dan di dalam kes ini pernyataan tentang apa yang dituntut.

¹⁷⁷ Perkara ini bersesuaian dengan hukum syarak, di mana perkara perkara disebutkan hendaklah diselesaikan juga berdasarkan peruntukan enakmen negeri-negeri.

¹⁷⁸ Seksyen 63, Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor), 2003.

Sesuatu permohonan pula hendaklah dibuat melalui notis dalam Borang MS3¹⁷⁹ dan disokong dengan affidavit yang diangkat sumpah. Borang MS3 mengarahkan pihak responden untuk hadir ke mahkamah untuk mendapatkan perintah tukar agama pada tarikh dan masa yang tertentu. Pemohon hendaklah melampirkan alasan-alasan yang konkret yang menyokong hujahnya untuk menukar agama. Afidavit hendaklah mengikut bentuk afidavit seperti di dalam Borang MS26¹⁸⁰ yang menghendaki pemohon mengisi butiran lengkap peribadi dan alasan-alasan yang hendak dideposkan. Afidavit tersebut hendaklah diangkat sumpah sama ada di hadapan mana-mana Hakim Syarie atau Pendaftar atau mana-mana pegawai Islam Kedutaan Malaysia atau Konsulat atau Misi Tetap tempat itu sekiranya di luar negara untuk menentukan kesahihannya di mahkamah.¹⁸¹ Apa-apa dokumen yang hendak digunakan berhubungan dengan sesuatu afidavit seperti salinan kad pengenalan diri sendiri atau ibu bapa,kad memeluk agama Islam, salinan surat beranak, atau sijil pembaptisan hendaklah dilampirkan pada affidavit tersebut sebagai ekshhibit¹⁸² yang mempunyai perakuan dan diangkat sumpah dalam Borang MS27.¹⁸³

Sekiranya mana-mana pihak ingin mengambil khidmat peguam syarie, mereka boleh dilantik dengan memfailkan satu wakalah dalam Borang MS5.¹⁸⁴ Melalui pemerhatian yang dilakukan, didapati bahawa terdapat peguam-peguam Melayu Islam yang mewakili pihak yang memohon pengisyiharan keluar agama.¹⁸⁵

¹⁷⁹Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor), 2003.

¹⁸⁰Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor), 2003.

¹⁸¹Seksyen 112, Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor), 2003.

¹⁸²Seksyen 114, Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor), 2003.

¹⁸³Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor), 2003.

¹⁸⁴Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor), 2003.

¹⁸⁵Zulkifli Hasan, Norfadhilah Mohd Ali. *Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia*. Kertas Kerja dalam *Diskusi Syariah dan Undang-undang* anjuran Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia pada 17 Januari 2007.

Jika seseorang telah bertaubat, maka taubatnya itu mestilah disahkan di Mahkamah dan kemudian barulah dia boleh dibebaskan. Jika pula seseorang itu bertaubat semasa dalam tahanan, Pegawai Penjaga hendaklah melaporkan perkara itu kepada mahkamah dan taubatnya juga perlu disahkan oleh Mahkamah. Seksyen 6 (1) pula memperuntukkan seseorang yang bersyubahat dibawah seksyen 66 adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-dua nya sekali.

Ini menunjukkan bahawa Malaysia menganggap tidak akan berlakunya murtad dalam kalangan orang Islam di Malaysia. Namun begitu gejala murtad berlaku disebabkan faktor yang pelbagai dan keadaan ini menuntut organisasi yang terlibat menghadapi dan menangani masalah pengisytiharan murtad sama ada golongan Islam asal atau mualaf.

Perbincangan agama Islam dalam Perlembagaan Persekutuan sering menjadi kontroversi dalam kalangan masyarakat khususnya pada dekad 90 an dan milenium. Isu yang menggugat kedudukan Islam di Malaysia mula dibangkitkan melalui saluran perundangan. Ini dapat ditunjukkan melalui beberapa kes yang menjadi perbahasan masyarakat seperti Azlina Jailani, Kamariah Ali, Muhammad Abdullah@Moorthy, desakan meminda atau memansuhkan perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan, cadangan penubuhan *Interfaith Commission of Malaysia* (IFC), penubuhan kumpulan pendesak hak kebebasan beragama yang dikenali sebagai Article 11 dan lain-lain.¹⁸⁶ Perlembagaan Malaysia ada menyatakan dalam Perkara 3(1) Perlembagaan menyebut:

¹⁸⁶Nazri Muslim, *Islam dan Melayu dalam Perlembagaan*, Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, (Bangi, 2014), 21.

Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.¹⁸⁷

Manakala Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan menyebut:

Undang-undang Negeri dan berkenaan dengan Wilayah wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang Persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.¹⁸⁸

Perlembagaan Malaysia telah menjaga akidah orang Islam dengan meletakkan Islam adalah agama bagi Persekutuan yang meliputi Wilayah wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Selain itu juga melalui perundangan boleh menyekat mana-mana fahaman kepada orang Islam iaitu ajaran sesat ataupun ajaran yang bertentangan dengan Islam. Ia juga merujuk kepada ajaran selain daripada agama Islam, seperti ajaran Kristian, Hindu mahupun Buddha. Maka tindakan undang-undang boleh dikenakan kepada mereka yang menyampaikan dakyah agama selain Islam kepada orang Islam.

Manakala Fatwa berkenaan Hukum Menulis Dan Menerbit Bahan-Bahan Yang Mengandungi Ayat-Ayat Al-Qur'an, Hadis Beserta Pandangan-Pandangan Agama Lain (Cina, Buddha, Hindu, Sikh Dan Kristian), menyatakan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-69 yang bersidang pada 13-15 Jun 2005 telah membincangkan Hukum Menulis Dan Menerbit Bahan-Bahan Yang Mengandungi Ayat-Ayat Al- Qur'an, Hadis Beserta Pandangan-Pandangan Agama Lain (Cina, Buddha, Hindu, Sikh Dan Kristian).

¹⁸⁷ Perlembagaan Persekutuan, Hingga 10 Oktober 2014, (International Law Books Servis, 2014) ,26.

¹⁸⁸Perlembagaan Persekutuan, 39.

Muzakarah telah memutuskan bahawa menulis dan menerbit bahan-bahan yang mengandungi ayat-ayat al-Qur'an, Hadis beserta pandangan-pandangan agama lain (Cina, Buddha, Hindu, Sikh dan Kristian) adalah dilarang kecuali pandangan Islam dan ayat-ayat al-Qur'an serta Hadis diasingkan daripada agama lain dan agama Islam perlu mendominasikan keseluruhan penerbitan tersebut.¹⁸⁹

Manakala Fatwa Hukum Menggunakan Barang Yang Mempunyai Lambang Agama Lain dinyatakan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1-3 Februari 2008 telah membincangkan Hukum Menggunakan Barang Yang Mempunyai Lambang Agama Lain. Muzakarah telah memutuskan bahawa orang Islam adalah dilarang menggunakan barang yang mempunyai lambang agama lain seperti salib sekiranya lambang-lambang tersebut dinyatakan secara zahir dan jelas.¹⁹⁰

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-71 yang bersidang pada 22-24 November 2005 telah membincangkan Hukum Orang Islam Menyambut Perayaan Valentine's Day. Muzakarah berpandangan bahawa ajaran Islam amat mengutamakan kasih sayang dan tidak ada hari tertentu di dalam Islam bagi meraikannya. Oleh itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa amalan merayakan Valentine's Day tidak pernah dianjurkan oleh Islam. Roh perayaan tersebut mempunyai unsur-unsur Kristian dan

¹⁸⁹Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-69 yang bersidang pada 13-15 Jun 2005 telah membincangkan Hukum Menulis Dan Menerbit Bahan-Bahan Yang Mengandungi Ayat-Ayat Al- Qur'an, Hadis Beserta Pandangan-Pandangan Agama Lain (Cina, Buddha, Hindu, Sikh Dan Kristian)

¹⁹⁰Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1-3 Februari 2008 telah membincangkan Hukum Menggunakan Barang Yang Mempunyai Lambang Agama Lain.

amalannya yang bercampur dengan perbuatan maksiat adalah bercanggah dan dilarang oleh Islam.¹⁹¹

Seterusnya Fatwa Isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah menyatakan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-82 yang bersidang pada 5-7 Mei 2008 telah membincangkan Isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah. Muzakarah telah memutuskan bahawa lafaz Allah merupakan kalimah suci yang khusus bagi agama dan umat Islam dan ia tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam lain. Oleh itu wajib bagi umat Islam menjaganya dengan cara yang terbaik dan sekiranya terdapat unsur-unsur penghinaan atau penyalahgunaan terhadap kalimah tersebut, maka ia perlu disekat mengikut peruntukan undang-undang yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.¹⁹²

Dapat disimpulkan bahawa dalam Islam tiada sebarang proses untuk permohonan pengisytiharan murtad, kerana selepas seseorang itu menjadi orang Islam maka perlu kekal dalam agama Islam sehingga ke akhir hayat. Sebagaimana ayat-ayat al-Quran yang menyatakan tentang murtad dalam surah al-Imran ayat 86 sehingga ayat 90 menyatakan bahawa:

كَيْفَ يَهْدِي اللَّهُ قَوْمًا كَفَرُوا بَعْدَ إِيمَانِهِمْ وَشَهِدُوا أَنَّ الرَّسُولَ حَقٌّ وَجَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ
وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٨٦﴾ أُولَئِكَ جَرَأُوهُمْ أَنَّ عَلَيْهِمْ لَعْنَةُ اللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ
أَجْمَعِينَ ﴿٨٧﴾ خَلِدِينَ فِيهَا لَا تُخْفَفُ عَنْهُمْ الْعَذَابُ وَلَا هُمْ يُنْظَرُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ

¹⁹¹Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-71 yang bersidang pada 22-24 November 2005 telah membincangkan Hukum Orang Islam Menyambut Perayaan Valentine's Day

¹⁹²Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-82 yang bersidang pada 5-7 Mei 2008 telah membincangkan Isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah.

بَعْدِ ذَلِكَ وَأَصْلَحُوا فَإِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٨٦﴾ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بَعْدَ إِيمَانِهِمْ ثُمَّ أَزَادُوا كُفْرًا
لَّنْ تُقْبَلَ تَوْبَتُهُمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Ali-Imran 3:86-90

“Bagaimana Allah akan memberi petunjuk kepada sesuatu kaum yang kufur ingkar sesudah mereka beriman dan sesudah mereka menyaksikan bahawa Rasulullah (Nabi Muhammad) adalah benar, dan telah datang pula kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas dan nyata. Dan (ingatlah) Allah tidak akan memberikan petunjukNya kepada kaum yang zalim.”

“Mereka itu, balasannya ialah bahawa mereka ditimpaknakan Allah dan MalaikatNya serta sekalian orang yang beriman.”

“Mereka kekal di dalamnya, tidak diringankan azab seksa daripada mereka dan mereka pula tidak diberi tempoh atau perhatian.”

“Kecuali orang yang bertaubat sesudah engkar, serta memperbaiki keburukan mereka, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.”

“Sesungguhnya orang-orang yang kafir sesudah mereka beriman kemudian mereka bertambah kufur lagi, tidak sekali-kali akan diterima taubat mereka, dan mereka itulah orang-orang yang sesat.”

Ayat-ayat ini menyatakan pembalasan Allah kepada golongan yang murtad dan golongan yang pada asalnya kufur dan beriman dan kembali kufur semua golongan ini akan dimasukkan ke dalam api neraka dan akan kekal di dalamnya selama-lamanya.

Keampunan akan diberikan kepada mereka yang bertaubat selepas menyedari kesilapan yang telah dilakukan. Namun begitu sekiranya tidak bertaubat dan meninggal dunia maka mereka digolongkan dari golongan orang kafir. Allah tidak akan memberi petunjuk kepada golongan yang zalim merujuk kepada golongan yang murtad dan Allah melaknat mereka, kekal dalam api neraka dan tidak ada tempoh bagi mereka kecuali mereka yang bertaubat. Orang-orang yang kafir selepas mereka beriman dan bertambah kufur taubat mereka tidak akan diterima dan mereka adalah golongan yang sesat.

Jelasnya dalam Islam tidak ada sebarang proses untuk pengisytiharan murtad kerana ayat-ayat Al-Quran hanya menyatakan hukuman kepada golongan yang murtad. Selari dengan Negara Malaysia secara umumnya telah menjaga akidah umat Islam dan memandang serius berkenaan murtad. Perkara ini terbukti dengan adanya muzakarah berkenaan perkara yang berkaitan dengan akidah umat Islam di Malaysia dengan mengeluarkan hukum yang jelas melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Maka umat Islam wajib untuk mengikut setiap hukum yang telah dikeluarkan oleh majlis tersebut.

2.4 PERMOHONAN PENGISYTIHARAN MURTAD

Berdasarkan statistik berakhir 2011 menurut sumber Jabatan Perdana Menteri, Mahkamah Syariah menerima 863 kes permohonan untuk menukar status agama Islam dari tahun 2000 hingga 2010, pecahan negeri sebagaimana dinyatakan dalam Rajah 2.0¹⁹³

Rajah 2.0 : Permohonan untuk menukar status agama Islam dari tahun 2000 hingga 2010

Bil	Negeri	Permohonan	Lulus
1	Sabah	238	67
2	Negeri Sembilan	172	33
3	Selangor	99	-
4	W. Persekutuan	56	10
5	Perak	47	12
6	Penang	36	1

¹⁹³ Faizal Arif Tajul Ariffin, *Dahulu Mualaf Kini Murtad*, (Prosiding Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf (ICMUD) 2013, pada 7-8 September 2013, (Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bangi (KUIS), 2003), 23.

7	Melaka	12	3
8	Pahang	8	7
9	Johor	8	-
10	Kedah	5	1
11	Perlis	3	1
12	Sarawak	1	-
13	Terengganu	1	-
14	Kelantan	-	-
	JUMLAH	863	135

Sumber: Jabatan Perdana Menteri

Negeri Selangor mencatatkan seramai 99 permohonan untuk pengisytiharan murtad dan tidak ada satu pun yang diluluskan, jika dilihat pada angka tersebut adalah tinggi dan menduduki tempat ketiga di Malaysia. Statistik tersebut adalah berdasarkan kes yang dipohon. Permasalahan juga timbul kerana terdapat juga kes yang ingin isytihar murtad yang tidak dinyatakan permohonan untuk isytihar murtad tetapi pada hakikatnya golongan ini telahpun keluar daripada menganut agama Islam. Sebagaimana dalam al-Quran, surah an-Nisa' ayat 137 yang bermaksud:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا ثُمَّ كَفَرُوا ثُمَّ ءَامَنُوا ثُمَّ كَفَرُوا ثُمَّ أَرْدَادُوا كُفَّارًا لَمْ يَكُنْ اللَّهُ لِيَغْفِرَ لَهُمْ وَلَا
لَهُمْ يَجِدُونَا لِنَهَيْنَاهُمْ سَبِيلًا

لَهُمْ يَجِدُونَا لِنَهَيْنَاهُمْ سَبِيلًا

An-Nisa' 4:137

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman, kemudian mereka kafir, kemudian mereka beriman semula, kemudian mereka kafir sekali lagi, kemudian mereka bertambah-tambah lagi dengan kekufuran, Allah tidak sekali-kali akan memberi ampun kepada mereka, dan tidak akan memberi petunjuk hidayah kepada mereka ke jalan yang benar”.

Allah menyatakan bahawa orang yang sudah beriman dan menjadi kafir dan beriman dan menjadi kafir semula. Malahan kekafirannya semakin bertambah, orang seperti ini

tidak akan berkesempatan untuk bertaubat dan dosanya tidak akan diampunkan oleh Allah. Selain itu juga golongan ini tidak akan diberi petunjuk kembali ke jalan yang benar dan diredhai oleh Allah. Maka usaha dakwah terhadap golongan ini sukar untuk diberikan kerana tidak dapat mengenalpasti status sebenar agama mereka. Melainkan adanya pengisyhtiharan keluar dari agama Islam dari aspek undang-undang syariah.

Kesemua permohonan untuk diisytiharkan keluar daripada Islam melibatkan golongan yang telah memeluk Islam kerana ingin berkahwin dengan pasangan Islam dan pada masa yang sama, pasangan Muslim yang mengahwini mereka jahil tentang Islam, dan pernah bersekedudukan dengan pasangannya sebelum berkahwin serta tidak mendidik pasangannya. Pada masa yang sama, mereka juga dipulau dan dibuang oleh keluarga asal yang bukan Islam. Mereka hidup sebatang kara dan hanya bergantung dengan pasangan Muslim. Apabila perkongsian hidup menghadapi masalah, bagi membolehkan mereka kembali kepada keluarga asal bukan Islam, mereka kembali kepada agama asal mereka. Oleh itu mereka memohon kepada Mahkamah Syariah untuk pengisyiharan murtad.¹⁹⁴

Walau bagaimanapun menurut Zulkifli Hasan tiada enakmen perundungan yang jelas mengenai bagaimana untuk berurus dengan permohonan pengisyiharan murtad atau orang yang mahu menukar agama. Meskipun tiada kelulusan yang direkodkan di negeri Selangor, ia tetap merupakan satu isu kritikal yang perlu diberi perhatian.¹⁹⁵ Ini kerana kegagalan memberi pendidikan, bimbingan, pendekatan yang sepatutnya menjadikan penambahan berlakunya gejala murtad dalam kalangan mualaf.

¹⁹⁴Faizal Arif Tajul Ariffin, *Dahulu Mualaf Kini Murtad*, 28.

¹⁹⁵Zulkifli Hasan, *Islamic Criminal Offenses in Malaysia and the Extent of its Application*, <http://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/06/isu-undgjnyhmsia.pdf>, 2008.

Hasil kajian yang lepas menunjukkan bahawa fenomena murtad di Malaysia berlaku peningkatan dari tahun ke tahun¹⁹⁶.

Seksyen 4-8 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 dan seksyen 3-6 Akta Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 telah memperuntukkan kesalahan berhubungan dengan akidah yang merangkumi pemujaan¹⁹⁷, mendakwa orang bukan Islam untuk mengelakkan tindakan¹⁹⁸, takfir atau mengatakan mana-mana orang Islam adalah kafir¹⁹⁹, doktrin palsu²⁰⁰ dan dakwaan palsu²⁰¹. Terdapat beberapa kes murtad yang dilaporkan di dalam jurnal hukum seperti Pendakwa Mahkamah Syariah Perak v Shah Pandak Othman (1991) 8 JH 99 dan Akbar Ali v Majlis Agama Islam (1996) 10 JH 197.

Menurut Ustaz Fahimi bin Mahamad Madani, Pegawai Syariah Bahagian Undang-undang MAIS, menyatakan sebenarnya murtad bukanlah suatu “hak” yang boleh dituntut di mahkamah. Amalan yang berlaku di Malaysia dan khususnya di Negeri Selangor ialah pihak-pihak akan membuat tuntutan pengisyiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam (rujuk sek. 61 (3) (x) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003).²⁰²

Tuntutan ini hendaklah diberikan dengan tuntutan murtad menurut undang-undang. Ini kerana dari sudut perundangan, murtad dikategorikan sebagai kes jenayah.

¹⁹⁶ Nur Suriya, M. N., The phenomenon of apostasy in Malaysia: A study of its causes from 2003 until 2006. Unpublished dissertation Master of Islamic Revealed Knowledge and Heritage, UIA, 2008,

¹⁹⁷ Boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

¹⁹⁸ Boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

¹⁹⁹ Boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

²⁰⁰ Boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam rotan atau kombinasi mana-mana hukuman.

²⁰¹ Boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

²⁰² Temubual Bersama Ustaz Fahimi bin Mahamad Madani, Pegawai Syariah Bahagian Undang-undang MAIS, 23 Julai 2015.

Dalam kes jenayah, hanya pihak pendakwa yang boleh memulakan prosiding²⁰³ dakwaan di mahkamah. Mana-mana pihak yang menuduh orang Islam yang lain sebagai telah murtad boleh disabitkan dengan kesalahan “takfir”²⁰⁴ di bawah peruntukan seksyen 6 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995. Pengecualian hanya diberikan kepada Mahkamah dan pihak berkuasa agama sahaja (rujuk Sek. 6 (2) Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.²⁰⁵

Oleh kerana permohonan pengisytiaran murtad di kategorikan sebagai kes jenayah, maka mereka memohon tuntutan pengisytiaran bahawa mereka bukan lagi orang Islam, di bawah kategori kes “Mal”, yang mana sesiapa sahaja boleh memohon di Mahkamah Syariah jika mereka merasakan status agama Islam mereka meragukan atau telah direkodkan secara salah oleh mana-mana agensi awam (Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, dan juga NGO seperti PERKIM).²⁰⁶

²⁰³ Tindakan Guaman

²⁰⁴(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang yang mengatakan atau mengaitkan melalui kata-kata, sama ada secara lisan atau tulisan, atau dengan isyarat, atau dengan gambaran tampak, atau dengan apa-apa perbuatan, kegiatan atau kelakuan, atau dengan mengelolakan, menganjurkan atau mengaturkan apa-apa kegiatan, atau selainnya dengan apa-apa jua cara, bahawa mana-mana orang yang menganuti agama Islam, atau orang-orang yang tergolong dalam mana-mana kumpulan, kelas atau perihalan orang yang menganuti agama Islam-

(a) adalah orang kafir;
(b) telah berhenti menganuti agama Islam;
(c) tidak patut diterima, atau tidak dapat diterima sebagai menganuti agama Islam; atau
(d) tidak mempercayai, mengikuti, menganuti atau tergolong dalam agama Islam,
adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi-

(a) apa-apa jua yang dilakukan oleh mana-mana Mahkamah atau pihak berkuasa agama yang ditubuhkan, dibentuk atau dilantik melalui atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan yang diberi oleh undang-undang bertulis kuasa untuk memberikan atau mengeluarkan apa-apa fatwa atau keputusan tentang apa-apa perkara mengenai agama Islam; atau
(b) apa-apa jua yang dilakukan oleh mana-mana orang menurut atau mengikut apa-apa fatwa atau keputusan yang diberikan atau dikeluarkan oleh Mahkamah atau pihak berkuasa agama itu, sama ada atau tidak fatwa atau keputusan itu adalah secara bertulis atau, jika bertulis, sama ada atau tidak disiarkan dalam *Warta*.


²⁰⁵(1) Tertakluk kepada subseksyen (2),

²⁰⁶(1) Tertakluk kepada subseksyen (2),

Hal ini juga boleh berlaku kepada seorang mualaf yang memeluk agama Islam secara tidak sah atau tidak sempurna menurut hukum syarak dan undang-undang, seperti dipaksa dan diugut untuk memeluk agama Islam. Namun demikian, beban pembuktian untuk mendakwa sedemikian adalah terletak kepada pihak yang menuntut iaitu pihak Plaintiff dalam kes tersebut.²⁰⁷

Statistik kes pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam yang diterima oleh MAIS adalah sebagaimana perincian dalam Rajah 2.1.

Rajah 2.1 : Statistik Kes Pengisytiharan Bahawa Seseorang Itu Bukan Lagi Orang Islam Yang Diterima Oleh MAIS Tahun 2011 Sehingga Julai 2015



Sumber: temu bual bersama Pegawai Syariah Bahagian Undang-undang MAIS, Ustaz Fahimi bin Mahamad Madani.²⁰⁸

Jumlah keseluruhan permohonan sejak tahun 2011 sehingga Julai 2015 ialah sebanyak 81 kes, permohonan yang paling banyak ialah bangsa India sebanyak 63 kes, Cina 16

²⁰⁷(1) Tertakluk kepada subseksyen (2),

²⁰⁸ Fahimi bin Mohamad Madani, temu bual 23 Julai 2015

kes dan lain-lain ialah Punjabi 1 kes dan Filipina 1 kes. Terdapat kes yang ditutup disebabkan perkara-perkara berikut:-

- 1) Plaintiff menarik balik kes,
- 2) Kes dibuang disebabkan Plaintiff tidak hadir ke mahkamah,
- 3) Bantahan awal pihak Defendan diterima akibat ketidakakuratan pemfailan kes dan isu bidang kuasa Mahkamah (isu pemastautinan pihak Plaintiff)²⁰⁹

Dalam kes pengisyiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam, biasanya pihak Plaintiff akan memfailkan Saman dan Pernyataan Tuntutan di Mahkamah Syariah. Dalam Saman tersebut, pihak Plaintiff akan menamakan MAIS sebagai pihak Defendan. Jabatan Agama Islam dan Jabatan Pendaftaran Negara juga turut menjadi Defendan.²¹⁰

Setelah itu, Plaintiff akan menyerah sampaikan sesalinan Saman dan Pernyataan Tuntutan tersebut kepada pihak MAIS. Pihak MAIS pula akan memfailkan Pembelaan dan Tuntutan Balas selepas menerima Saman daripada pihak Plaintiff. Di Selangor, adalah menjadi kebiasaan kepada pihak MAIS untuk memfailkan suatu permohonan Interlokutori²¹¹ untuk mendapatkan perintah perlaksanaan proses penasihat akidah selama 6 bulan di Jabatan Mufti Negeri Selangor. Dalam proses ini, Plaintiff akan diminta datang ke Jabatan Mufti untuk menjalani proses penasihat akidah selaras dengan nas syarak iaitu “ad-din itu nasihat”²¹².

Justeru itu dapat difahamkan bahawa Institusi yang terlibat dalam proses permohonan pengisyiharan murtad di MAIS ialah Mahkamah Syariah, Jabatan Mufti

²⁰⁹ Ibid


²¹⁰ Ibid

²¹¹ Permohonan sampingan yang dilakukan daripada permohonan yang asal.

²¹² Ibid

Selangor dan MAIS sendiri. Secara ringkasnya, boleh dilihat dari carta aliran sebagaimana Rajah 2.2.

Rajah 2.2 : Jadual Carta Aliran Permohonan Pengisytiharan Bukan Islam di MAIS



Sumber: temu bual bersama Pegawai Syariah Bahagian Undang-undang MAIS, Ustaz Fahimi bin Mahamad Madani.²¹³

Lazimnya apabila Plaintiff [pemohon] memfailkan Saman dan Pernyataan Tuntutan di Mahkamah Syariah, dalam Saman tersebut, pihak Plaintiff akan menamakan MAIS sebagai pihak Defendan. Plaintiff akan menyerah sampaikan sesalinan Saman dan Pernyataan Tuntutan tersebut kepada pihak MAIS.

²¹³ Fahimi bin Mohamad Madani, temu bual 23 Julai 2015

Seterusnya MAIS akan memfailkan Pembelaan dan Tuntutan Balas selepas menerima Saman daripada pihak Plaintiff. Di Selangor, adalah menjadi kebiasaan kepada pihak MAIS untuk memfailkan suatu permohonan Interlokutori untuk mendapatkan perintah perlaksanaan proses penasihat akidah selama 6 bulan di Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Selanjutnya Jabatan Mufti akan melantik mana-mana individu yang berkelayakan untuk mengendalikan sesi tersebut. Individu ini juga dikenali sebagai “Panel Penasihat Akidah”. Bagi kes mualaf, kebiasaannya panel yang dilantik adalah di kalangan pendakwah yang telah memeluk agama Islam, mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam ajaran Islam dan berkeupayaan untuk bertutur dengan baik dalam bahasa yang mudah difahami oleh pihak Plaintiff.

Seterusnya plaintiff hendaklah mengikuti sesi sebanyak 12 kali secara minimumnya dengan kekerapan sebanyak 2 kali sebulan. Tetapi ia juga bergantung kepada masa Plaintiff dan juga ahli panel yang mengendalikan kes ini, sama ada boleh mengikut jadual yang ditetapkan atau tidak. Sekiranya adanya perkara yang tidak dapat dielakkan maka mungkin masa akan dilanjutkan sehingga sesi pertemuan mencukupi sekurang-kurangnya 12 kali.

Sekiranya selepas menjalani proses ini Plaintiff masih mahu meneruskan kesnya maka pendirian pihak Plaintiff tersebut akan dipanjangkan kepada pihak mahkamah. Seterusnya, mahkamah akan mengarahkan kes tersebut dibicarakan berdasarkan pliding²¹⁴ yang telah difailkan di mahkamah. Keenam penghujahan di Mahkamah dan yang ketujuh keputusan daripada Mahkamah Syariah.

²¹⁴Permohonan rayuan.

Semasa tempoh enam bulan berjalannya proses penasihatan akidah atau istiqabah, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf MAIS sukarelawannya²¹⁵ akan mengadakan ziarah kepada pemohon pengisyiharan murtad secara berkala, sebulan sekali pada hari Sabtu dan Ahad.²¹⁶

Sukarelawan ini dipilih berdasarkan komitmen mereka dalam menghadiri kelas dan kursus-kursus agama yang dianjurkan oleh MAIS dan mereka menunjukkan potensi yang baik untuk menjadi pendakwah. Kriteria ini dipilih supaya memudahkan komunikasi semasa sesi ziarah berjalan. Pihak MAIS akan memberi garis panduan untuk sesi ziarah. Ziarah pertama kali untuk bertanya khabar, ziarah yang keduanya untuk mengetahui perkembangan kehidupan harian dan yang ketiga bertanyakan tentang status permohonan pengisyiharan murtad yang dipohon. Ziarah seterusnya mengadakan sesi dialog dalam soal ketuhanan dan perbandingan agama.²¹⁷

Secara keseluruhannya dapat difahamkan bahawa permohonan pengisyiharan murtad di Selangor melibatkan tiga institusi utama iaitu MAIS di bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf, Jabatan Mufti dan Mahkamah Syariah. Ketiga-tiga institusi ini mempunyai fungsi dan bidang kuasa masing-masing.

²¹⁵ Sukarelawan MAIS yang melakukan ziarah mereka biasanya adalah dalam kalangan yang memeluk Islam dan benar-benar memahami dan menghayati Islam.

²¹⁶ Temubual Bersama Ustaz Che Mohd Noorlee Abdullah, Eksekutif Unit Pendaftaran Dan Pengurusan Rekod Mualaf, 2 Februari 2015.

²¹⁷ Che Mohd Noorlee Abdullah, temubual, 2 Februari 2015.

2.5 PENDEKATAN DAKWAH TERHADAP PEMOHON
PENGISYTIHARAN MURTAD DARI PERSPEKTIF ISLAM

Murtad adalah jelas perbuatan yang mugkar kerana ia bertentangan dengan kepercayaan utama orang Islam iaitu mentauhidkan Allah, apabila murtad maka ingkar dalam mentauhidkan Allah. Dalam surah an-Nisa' ayat 17 bermaksud:

إِنَّمَا الْتَّوْبَةُ عَلَى اللَّهِ لِلَّذِينَ يَعْمَلُونَ الْسُّوءَ بِجَهَلٍ ثُمَّ يَتُوبُونَ مِنْ قَرِيبٍ فَأُولَئِكَ يَتُوبُ اللَّهُ عَلَيْهِمْ وَكَانَ اللَّهُ عَلَيْهَا حَكِيمًا

An-Nisa' 4:17

“Sesungguhnya penerimaan taubat itu disanggup oleh Allah hanya bagi orang-orang Yang melakukan kejahanan disebabkan (sifat) kejihilan kemudian mereka segera bertaubat, maka (dengan adanya dua sebab itu) mereka diterima Allah taubatnya; dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

Golongan murtad adalah golongan yang ingkar dan termasuk dalam golongan yang melakukan kejahanan, iaitu tidak percaya kepada Allah. Maka golongan ini diseru untuk bertaubat kepada Allah dengan sebenar-benar taubat dan kembali kepada beriman kepada Allah. Ayat al-Quran dalam surah at-Tahrim ayat 8, yang bermaksud:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِذَا مَنُوا تُوبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا

At-Tahrim 66:8

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah SWT dengan “taubat nasuha”

Taubat nasuha²¹⁸ ialah cara taubat dan meminta ampun yang bersungguh-sungguh, untuk membersihkan segala kekotoran dosa. Perkataan Nasuha juga dalam ayat tersebut membawa maksud suatu taubat yang membersihkan nasihat baik kepada diri

²¹⁸Tafsir Pimpinan Ar Rahman Kepada Pengertian Al-Quran,1534

sendiri serta yang dilakukan dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh kerana mengharapkan keredhaan Allah SWT.²¹⁹ Pendekatan dakwah yang baik dan berkesan perlu disampaikan kepada golongan isytihar murtad supaya mereka bertaubat kembali ke jalan yang benar.

Taubat dengan erti kata lain iaitu istiqabah, apabila telah melakukan kesalahan ataumengingkari perintah Allah SWT maka wajiblah untuk bertaubat dan kembali kepada Allah SWT. Taubat ialah kembali ke jalan hidup yang direhui Allah SWT dengan menyesali dan menginsafi perbuatan-perbuatan mungkar dan maksiat yang telah dilakukan lalu memohon keampunan dari Allah SWT dan berjanji tidak akan mengulangi perbuatan yang keji itu kembali.²²⁰ Allah SWT menganjurkan hambaNya untuk bertaubat dan memohon keampunan daripadaNya setelah melakukan perbuatan yang melanggar perintahNya. Allah SWT Maha Pengampun dan akan mengampunkan hambanya yang sentiasa bertaubat dan menyesali perbuatan mungkar yang telah dilakukan. Murtad adalah kafir yang paling keji dan segala amalan yang dilakukan oleh orang yang murtad tidak diterima oleh Allah s.w.t serta amalan ibadahnya yang lalu tidak dikira dan terhapus dengan sendirinya.²²¹

Murtad adalah seburuk-buruk jenayah dalam syariat Islam. Jenayah murtad termasuk dalam kesalahan jenayah yang boleh dijatuhkan hukuman hudud jika sabit kesalahan. Hukuman bagi pesalah murtad amat berat iaitu dihukum bunuh.²²² Seperti yang telah ditegaskan murtad termasuk dalam kesalahan hudud, dengan itu kesalahan jenayah hudud telah memberi hak kepada pemerintah untuk melaksanakan hukuman

²¹⁹ Imam Al-Ghazali Al- Syeikh Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi Ad- Dimasqi, *Mutiara Ihya' Ulumuddin*, (Buku-buku, Ipoh Perak, Cetakan Ketujuh 2014), 1039.

²²⁰ K.H Mawardi Labay El Sultahani, *Taubat Penghapus Dosa*,(Penerbit Al-Mawardi Prima:Jakarta, 2000), 84.

²²¹ Haji Mohd Amin Abdul Rahim, *Undang-undang Jenayah Islam*, (Dewan Bahasa dan Pustaka:Brunei, 2009), 55.

²²² Zulkifly bin Muda, *Jenayah Hudud dan Pembunuhan Menurut Perundangan Islam*,Universiti Malaysia Terengganu:Terengganu, 2010), 25.

ke atas penjenayah berkenaan apabila ianya benar-benar disabitkan kesalahan.²²³ Namun begitu dalam kajian ini tidak memberi fokus kepada hukum murtad tetapi pendekatan dakwah kepada pemohon isytihar murtad.

Buku penulisan Imam Ghazali terjemahan Syed Ahmad Semait “Taubat dan Liku-likunya” di dalam buku ini penulis memperincikan masalah taubat dan liku-likunya yang dapat dijadikan manusia sebagai penawar untuk mengubati diri yang berdosa sehingga menjadi bersih semula. Prof. Dr. Yusuf al-Qardhawi, menulis dalam buku “Taubat untuk Allah” banyak membincangkan mengenai kewajipan dan keperluan bertaubat kepada Allah SWT yang mana telah tertakluk di dalam al-Quran. Dibincangkan juga di dalam penulisan ini kelebihan bertaubat serta ciri-ciri asas untuk bertaubat. Selain itu, ia juga ada membincangkan tentang dosa yang dituntut untuk bertaubat. Muhammad Husain Yakob, dalam buku “Mengapa Saya Harus Bertaubat” membincangkan mengenai bagaimana cara untuk bertaubat kepada Allah SWT. Kebanyakan masyarakat kurang memahami dan kurang pendedahan tentang cara untuk bertaubat. Ramai juga yang tidak mengetahui kadar taubat dan hakikat disebalik taubat itu sendiri teutama mengenai perlaksanaannya samada melalui teori atau amalan. Moh Abdul Kholiq Hasan, dalam buku “Kehebatan Bertaubat” membincangkan tentang maksud taubat, cara untuk bertaubat, etika bertaubat serta amalan selepas bertaubat.

Usul al-Da’wah yang merupakan perbahasan dalil-dalil tentang dakwah beserta sumbernya yang diambil dari al-Quran dan as-Sunnah, termasuk perbahasan tentang rukun dakwah, juru dakwah, sasaran dakwah dan tujuan dakwah. Manahij al-Da’wah yang berkaitan langkah-langkah serta program dakwah. Asalib al- Da’wah tentang cara penerapan langkah-langkah dan program dakwah. Wasail al-Da’wah iaitu media

²²³ Haji Mohd Amin Abdul Rahim, *Jenayah Hudud dan Pembunuhan Menurut Perundangan Islam*, 58.

yang digunakan dalam berdakwah. Masyakil al-Da'wah iaitu masalah yang dihadapi dalam dakwah dan cara mengatasinya. Dalam hal ini kaedah melakukan dakwah tidak hanya terhad kepada proses melakukan seruan dan laungan semata-mata.²²⁴ Malah boleh dilakukan melalui kaedah menarik perhatian orang ramai terhadap ajaran serta pendekatan yang dibawa oleh Islam.²²⁵ Sasaran dakwah juga tidak hanya terbatas kepada satu kelompok masyarakat tertentu, tetapi perlu diperluaskan kepada pelbagai golongan tanpa mengira bangsa dan warna kulit.²²⁶

Merujuk kepada salah satu definisi dakwah menjelaskan bahawa maksud dakwah secara ilmu dan seninya bermaksud seni yang membahaskan tentang cara yang munasabah untuk mengajak orang lain tentang Islam.²²⁷ Maka ilmu dakwah tidak dapat lari dari perbincangan mengenai metode dakwah. Metode atau perkataan sempurnanya adalah metodologi didefinisikan sebagai sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan disiplin dan sebagainya.²²⁸

Dakwah yang dimaksudkan dan difahami dapat dirumuskan ialah mengajak, menyampaikan, menyeru membuat perkara kearah kebaikan yang ajarannya bersumberkan al-Quran dan sunnah. Kebaikan ialah apa jua yang di suruh, digalakkan

²²⁴ Ab. Aziz Mohd Zain, *Pengantar Dakwah Islamiyah*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003), 4.

²²⁵ Ahmad Redzuan Mohd Yunus dan Che Yusoff Che Mat, "Pendekatan Dakwah kepada Masyarakat India Muslim: Kajian ke Atas Persekutuan Muslimin Indo-Malaysia (PERMIM)", (*Jurnal Usuluddin*, bil. 17, 2003), 137-152.

²²⁶ Apabila merujuk kepada sejarah para Nabi, memang diakui bahawa usaha dakwah yang dilakukan hanyalah untuk kaum mereka sendiri sebagaimana Nabi Musa a.s. kepada kaum Bani Israil, begitu juga dengan Nabi Isa a.s. Nabi Hud kepada kaum 'Ad dan Nabi Salih kepada kaum Thamud. Namun, berbeza dengan Nabi Muhammad s.a.w. yang diutus kepada seluruh umat manusia dan risalah yang dibawanya membawa rahmat kepada sekalian alam dan seluruh umat manusia selepasnya tanpa mengira sempadan geografi, warna kulit, bangsa, bahasa, budaya serta merentasi zaman dan masa. Abdul Majid Omar (2007), "Pengenalan Dakwah" (Makalah Kursus Pendekatan Dakwah Kontemporari, Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, Bangi, 28-30 Mei 2007), 2.

²²⁷ A'bdul 'Aziz Barghus, *Manahij al-Da'wah fi al-Mujtama' al-Muta'adid al-Adyan Wal Ajnas*, (Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2011), 18.

²²⁸ *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 1030, entri "metodologi".

oleh oleh agama Islam. Keburukan, kemungkaran, dosa adalah sesuatu yang dilarang, haram, berdosa apabila melakukannya.

Maka kaedah dakwah disimpulkan pengertiannya sebagai ilmu yang bersifat kajian dan sistematik mengenai cara dakwah atau kajian tentang cara dakwah. Ia juga difahami sebagai ilmu yang istimewa atau disiplin yang menekankan soal bagaimana untuk berdakwah yang melibatkan cara, pengertian, perancangan dan sebarang penghubung kepada persempahan secara sistematik untuk menyebarluaskan Risalah Islam.²²⁹

Prinsip asas dalam menyampaikan dakwah adalah terdiri dari dua perkara utama iaitu mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Perkara ini dijelaskan dalam al Quran dalam surah Ali-Imran ayat 104. Ayat ini menerangkan tentang definisi dakwah dari segi pelaksanaan penyampaian iaitu bermaksud mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran untuk mendapatkan kebahagiaan dan terhindar dari kesesatan dan kejahatan.²³⁰ Dakwah adalah mengajak, menyeru dan membimbing ke arah perkara kebaikan dan menyatakan perkara-perkara tentang larangan dari Allah. Sebagaimana menurut Muḥammad Khayr Ramaḍān Yūsuf menyatakan pendekatan dakwah merupakan unsur yang penting dan berperanan besar dalam memberi kesan kepada sasaran sehingga dapat membawa kejayaan dakwah.²³¹

2.5.1 Pendekatan Hikmah dan Kebijaksanaan (Bil-Hikmah)

Pendekatan dakwah untuk golongan yang ingkar dan perlu bertaubat ini dapat dilihat kaedahnya sebagaimana mengikut ayat al Quran bagaimana kaedah pendekatan

²²⁹ Badlihisham Mohd Nasir. *Da'wah and The Malaysian Islamic Movements* (Kajang: Synergymate Sdn.Bhd, 2003), 27

²³⁰ Abdu'l 'Āzīz Bārqhūs, *Manahij al-Da'wah fī al-Mujtama'* al-Muta'adid al-Adyan Wal Ajnas, 15

²³¹ Muḥammad Khayr Ramaḍān Yūsuf , *al-Dawah al-Islāmiyyah al-Wasā'il wa al-Asālib*, c. 2. Riyāḍ: Dār Ṭawīq h, 1414 H), 69.

dakwah kepada golongan isytihar murtad, sebagaimana surah an-Nahl, ayat 125 yang bermaksud:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالْتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ

بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ ۱۲۵

An-Nahl 16: 125

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat dan kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslan dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik, sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk”

Maksud daripada ayat di atas jelas membuktikan Allah SWT menggunakan perkataan dakwah dalam bentuk kata kerja suruhan atau *āmr* dalam menyeru umat Islam melakukan gerak kerja dakwah selain dikemukakan kaedah berkesan bagi menarik minat orang ramai terhadap dakwah yang disampaikan iaitu secara berhikmah dan dengan memberi peringatan yang baik.

Sayyid Qutub menjelaskan ayat tersebut merupakan asas utama yang meletakkan dakwah dan kaedah-kaedahnya, menentukan saranan-saranan dan cara-cara perjuangannya serta menggariskan peraturan dakwah kepada Rasulullah SAW dan kepada para pendakwah selepasnya dalam rangka usaha menyampaikan agama Allah SWT yang benar.²³²

Selain itu ayat ini menerangkan cara tatertib pendekatan dakwah Islamiyah. Maka hendaklah pendekatan yang telah dinyatakan dilaksanakan dalam menjalankan dakwah kepada golongan yang disasarkan.

²³²Sayyid Qutub, *Fi Zilal al-Quran*, j. 4, c. 22, (Birut: Dar al-Shuruq, 1994), 2201.

Cara yang pertama ialah dengan hikmah. Kata hikmah disebutkan dalam al-Quran dengan pelbagai pengertian. Perkataan *al-hikmah* adalah perkataan yang berasal daripada bahasa Arab yang memberi maksud yang pelbagai iaitu pengetahuan tentang kelebihan sesuatu perkara dengan ilmu yang paling baik, ilmu dan kefahaman, keadilan, sebab, percakapan yang sedikit tetapi memberi maksud yang tinggi, kebijaksanaan, tahan marah, kenabian, sesuatu yang tidak memperlihatkan kejahilan, setiap perkataan yang bertepatan dengan kebenaran, meletakkan sesuatu pada tempatnya, perkataan yang betul dan tepat dan sesuatu yang menegah daripada berlakunya kerosakan.²³³

Seterusnya maksud dari sudut istilah pula terdapat pelbagai pengertian yang diberikan oleh para ulama antaranya ialah percakapan yang benar selaras dengan realiti jiwa pada masa itu,²³⁴ al-Quran dan sunah,²³⁵ dalil yang menerangkan kebenaran dan menghilangkan keraguan,²³⁶ perkataan dan perbuatan serta meletakkan sesuatu pada tempatnya,²³⁷ segala usaha dan cara, tindakan yang sesuai bijaksana²³⁸ dan berdasarkan kesesuaian untuk mempengaruhinya.²³⁹

²³³ Wan Hussein Azmi, *Ilmu Dakwah*, (Kuala Lumpur: DBP, 1984), 34.

²³⁴ Abi al-Fadl Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud al-Alusi, *Ruh al-Ma,,ani fi Tafsir al-Qur''an al-azim wa al-Sab,, al-Mathani*, j. 13. Birut: Dar al-Fikr, 1994,376. Abi Muhammad Abd al-Hak b. Ghalib b. Atiyyah al-Andalusi, *al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-,,Aziz*, j. 3, (Birut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2001), 432.

²³⁵ Abi Jafar Muhammad b. Jarir al-Tabari, *Jami,, al-Bayan „an Ta''wil ay al-Qur''an*, j. 14, c. 3,(Misr: Maktabah Mustafa al-Babi al-Hilbi, 1967),194. Abi al-Fida'' Isma,,il Ibn Kathir, *Tafsir al-Quran al-,,Azim*, j. 2, c. 3. (Qahirah: Mu''assasah al-Mukhtar, 2002), 593.

²³⁶ Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi,*Tafsir al-Qasimi al-Musamma Mahasin al-Tawil*, j. 4. Birut: Dar al-Ihya, al-Turath al-Arabi, 1994), 558.

²³⁷ Said b. Ali b. Wahaf al-Qahtani, *al-Hikmah fi al-Dawah ila Allah Taala*, (Riyad: Maktabah al-Malik Fahad al-Wataniiyah, (1421H), 27.

²³⁸ Bijaksana bererti sesuatu yang sesuai. Manakala sesuai pula bergantung kepada keadaan. Sesuatu tindakan boleh menjadi sesuai bagi seseorang, tetapi tidak sesuai bagi orang lain. Ia menjadi sesuai bagi satu masa, tetapi tidak sesuai dengan masa lain. Dengan itu, tindakan itu hikmah bagi seseorang atau bagi masa tertentu, tetapi tidak hikmah bagi orang lain atau masa yang lain. Maka hikmah berkait rapat dengan keadaan untuk menentukan ia bersesuaian. Lihat, Ab. Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, (Universiti Malaya, 2004), 8.

²³⁹ Ab. Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, 10.

Abi Hayyan menyatakan pengertian al-hikmah terdapat dua puluh sembilan pengertian al-hikmah yang dinyatakan oleh para pentafsir.²⁴⁰ Manakala menurut Wan Hussein Azmi, pendekatan dalam berdakwah dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:²⁴¹

- a. Al-hikmah yang berhubung dengan sifat-sifat pendakwah. Pendakwah perlulah bersifat menurut sifat-sifat para nabi iaitu benar, cerdik, amanah dan tabligh, meletakkan sesuatu pada tempatnya, sabar, mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas.
- b. Al-hikmah yang berhubung dengan isi kandungan dakwah iaitu mengambil isi kandungan daripada al-Quran dan segala penerangan yang di berikan sewajarnya bertepatan dengan kebenaran serta dalil-dalil yang kuat dan tepat yang boleh menerangkan kebenaran dan menghilangkan segala keraguan.
- c. Al-hikmah yang berhubung dengan alat dan strategi dakwah hendaklah digunakan betul-betul sesuai dengan tempatnya untuk menegah berlakunya kerosakan dalam gerakan dakwah.

Pelaksanaan pendekatan al-hikmah kepada sasaran dakwah, Sayyid Qutub telah menjelaskan hal tersebut iaitu melihatkan suasana persekitaran dan keadaan sasaran dakwah. Maklumat-maklumat yang hendak disampaikan pada setiap kali itu perlu mengikut sekadar kemampuan mereka sehingga tidak membebankan mereka dan tidak menyusahkan mereka dengan paksaan sebelum mereka bersedia. Di samping itu juga, cara penyampaian haruslah pelbagai mengikut keperluan dan jangan sekali-kali

²⁴⁰ Muhammad b. Yusuf b. Ali b. Yusuf b. Hayyan al-Andalusi (t.t.), *Tafsir al-Bahr al-Muhit*, j. 2. Riyad: Maktabah al-Nasr al-Hadithah, 320.

²⁴¹ Wan Hussein Azmi Abdul Kadir, *Islam Agama Dakwah: Suatu Pengenalan*, dalam Abdullah Muhammad Zin et al. (eds.), *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*, c. 2, (Bangi: Penerbit UKM, 1998), 34-35.

menekan dengan semangat yang bergelora, cara cepat dan kedengkian kerana akan menyebabkan terkeluar daripada al-hikmah²⁴²

Manakala menurut al-Fairuz Abady berkata “hikmah berasal daripada sisi Allah sedangkan pengetahuan terhadap sesuatu dan pengadaannya secara sempurna berasal daripada diri manusia, termasuk pengetahuan tentang pelbagai makhluk dan pengamalan kebaikan”.²⁴³

Dakwah dengan hikmah merupakan dakwah yang dilakukan dengan memahami secara mendalam segala persoalan yang berhubungan dengan proses dakwah yang meliputi persoalan sasaran dakwah, tindakan-tindakan yang dilakukan masyarakat yang menjadi objek dakwah. Situasi, tempat dan waktu di mana dakwah akan dilaksanakan dan sebagainya.²⁴⁴ A. Mukti Ali mendefinisikan dakwah dengan hikmah itu sebagai “kesanggupan pendakwah untuk menyebarkan ajaran Islam dengan berkorban waktu dan tempat demi masyarakat yang dihadapinya”²⁴⁵

Dakwah secara hikmah ialah menggunakan pendekatan dakwah yang bersesuaian dengan golongan sasaran, dengan menggunakan kebijaksanaan pendakwah yang berhadapan dengan mad’u nya. Menyampaikan dakwah secara lemah lembut dengan memberi penerangan dan menyatakan kebenaran serta hakikat dakwah Islamiyah secara jelas dan nyata. Hikmah dan kebijaksaan adalah perkara yang selari perlu didakwah kepada pemohon isytihar murtad. Dengan cara berhikmah dan

²⁴² Sayyid Qutub, *Fī Zilāl al-Qur’ān*, j. 4, c. 22. (Bīrūt: Dār al-Shurūq, 1994), 2202.

²⁴³Kata Hikmah dalam al-Quran dapat dibezakan menurut enam sisi iaitu Surah Ali ‘Imran: 48. Shad: 20, al-Baqarah: 251, 206, Maryam: 12, al-Nisa: 54, al-An’ām: 89, al-Nahl: 125, Luqman: 12. Penafsiran al-Hikmah dalam al-Quran dapat dibahagi kepada empat bahagian iaitu pengajaran (surah al-Baqarah: 231), pemahaman dan ilmu (Maryam:12), Nubuwah (al-Nisa: 54, Shad: 20), al-Quran (al-nahl: 125, al-Baqarah: 269). 1 Kata Hikmah dalam al-Quran dapat dibezakan menurut enam sisi iaitu Surah Ali ‘Imran: 48. Shad: 20, al-Baqarah: 251, 206, Maryam: 12, al-Nisa: 54, al-An’ām: 89, al-Nahl: 125, Luqman: 12. Penafsiran al-Hikmah dalam al-Quran dapat dibahagi kepada empat bahagian iaitu pengajaran (surah al-Baqarah: 231), pemahaman dan ilmu

(Maryam:: 12), Nubuwah (al-Nisa: 54, Shad: 20), al-Quran (al-nahl: 125, al-Baqarah: 269).

²⁴⁴ Abd Rasyad Shaleh, *Manajemen Da’wah Islam*, (Jakarta Bulan Bintang, 1977),73.

²⁴⁵Mukti Ali, *Faktor-faktor Penyiaran Islam*, YPTDI, Jakarta, 1971.

menggunakan kebijaksanaan mampu untuk menjawab dan merungkai persoalan yang tidak difahami dan membantu memulihkan akidah tidak kukuh.

Penyampaian dakwah secara hikmah ialah menggunakan pendekatan dakwah yang bersesuaian dengan golongan sasaran. Pendakwah yang berhadapan dengan mad'ū nya perlu seorang yang bijaksana mampu untuk menyampaikan dan merungkaikan permasalahan yang dihadapi oleh mad'ū. Pendekatan dakwah secara lemah lembut dengan menyatakan kebenaran dan hakikat dakwah Islamiyah secara jelas dan nyata maka proses penerimaan akan berlaku oleh golongan yang disasarkan.

Merujuk kepada pandangan Al-Qurtubi berkenaan ayat 125, dari surah al-Nahl menyatakan bahawa dalam ayat ini Allah memerintahkan kepada Nabi Muhammad saw untuk mengajak umat manusia ke jalan Allah dan syari'at Nya dengan cara halus dan lemah lembut, tidak boleh dengan kasar dan keras. Pendekatan sebegini yang seharusnya dilakukan oleh kaum muslimin dalam memberikan pengajaran kepada sesama umat sampai hari kiamat.²⁴⁶

2.5.2 Pendekatan Nasihat Dan Pengajaran Yang Baik (Mauizah Al-Hasanah)

Maksud al-*hasanah* ialah kebaikan.²⁴⁷ Oleh itu, al-mawizah al-*hasanah* memberi erti nasihat yang baik. Al-Alusi menjelaskan bahawa *al-mawizah al-*hasanah** ialah kata-kata yang memberikan kepuasan dan memberikan pengajaran bermanfaat yang tidak tersembunyi kepada sasaran dakwah.²⁴⁸ Manakala al-Qasimi menyatakan *al-mawizah al-*hasanah** iaitu memberi pengajaran dengan lemah lembut dan mengingatkan

²⁴⁶ Muhammad al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Quran*, (Juz 10, Bairut: Dar al-Kutub al-Arabiyyah, 1993), 131.

²⁴⁷ Hj. Abdullah Hanafi b. Hj. Dollah *et al*, *Kamus al-Khalil*. (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2006), 124.

²⁴⁸ Abī al-Fadl Shihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd al-Alusi, *Rūh al-Maāni fi Tafsīr al-Qurān al-azīm wa al-Sab al-Mathānī*, j. 13, (Bīrūt: Dār al-Fikr, 1994), 376.

kejadian-kejadian yang buruk dengan menimbulkan perasaan takut kepada sasaran supaya mereka mengingatkan balasan Allah SWT.²⁴⁹

Mengikut Ahmad Abu Zayd *al-mawizah al-hasanah* merupakan cara yang berkesan yang dapat memuaskan jiwa sasaran dan merangsang rasa ingin dalam jiwanya untuk mengikuti jalan yang benar dan membuat kebaikan serta menjauhi diri daripada kemungkaran, kerosakan dan kejahanatan.²⁵⁰

Memberi nasihat ialah peringkat pendekatan dakwah kepada mereka yang melakukan kesalahan atau dosa yang dikategorikan sebagai nahi mungkar. Dalam al-Quran Surah Fatir ayat 24, bermaksud:

إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَإِنْ مِنْ أُمَّةٍ إِلَّا حَلَّ فِيهَا نَذِيرٌ

Fatir 35:24

“Sesungguhnya Kami mengutusmu dengan agama yang benar, sebagai membawa berita gembira (kepada orang yang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang yang ingkar), dan tidak ada sesuatu umat pun melainkan telah ada dalam kalangannya dahulu seorang rasul pemberi ingatan dan amaran.”

Ayat ini telah memberi nasihat yang berbentuk dorongan bagi melakukan kebaikan dan menjauhi kejahanatan. Nasihat berupa ingatan iaitu dengan memaklumkan tentang perkara yang baik dan perkara yang buruk yang akan berlaku nanti. Manakala dalam Surah Surah Al-Baqarah ayat 213, bermaksud:

كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ الْنَّبِيِّنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنْذِرِينَ وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِيَحُكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِيمَا اخْتَلَفُوا فِيهِ وَمَا اخْتَلَفَ فِيهِ إِلَّا الَّذِينَ أُوتُوهُ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ

²⁴⁹ Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi, *Tafsir al-Qasimi al-Musamma Mahasin al-Ta'wil*, j. 4. Birūt: Dār al-Iḥyā al-Turāth al-,Arabi, 1994), 558.

²⁵⁰ Ahmad Abu Zayd, *Manhaj al-Daiyah*, (Makkah: Rabitah al-Alam al-Islami, 1994), 111.

الَّذِينَ تُبَغِّيْنَهُمْ فَهُدَى اللَّهُ الَّذِيْنَ كَعَمَنُوا لِمَا احْتَلَفُوا فِيهِ مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِهِ وَاللَّهُ يَهْدِي

مَن يَشَاءُ إِلَى صِرَاطِ مُسْتَقِيمٍ

Al-Baqarah 2:213

“Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu (menurut agama Allah yang satu, tetapi setelah mereka berselisihan), maka Allah SWT mengutuskan nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang yang beriman dengan balasan syurga dan pemberi amaran kepada orang yang ingkar dengan balasan azab neraka), dan Allah SWT menurunkan bersama nabi-nabi itu kitab-kitab suci yang mengandungi keterangan-keterangan yang benar untuk menjalankan hukum di antara manusia mengenai apa yang merek perselisihkan dan sebenarnya tidak ada yang melakukan perselisihan melainkan orang yang telah diberi kepada mereka kitab-kitab suci itu, iaitu sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata, mereka berselisih semata-mata kerana hasad dengki sesama sendiri. Maka Allah SWT memberikan petunjuk kepada orang yang beriman ke arah kebenaran yang diperselisihkan oleh mereka yang derhaka itu, dengan izinNya dan Allah SWT sentiasa memberi petunjuk hidayahNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya ke jalan yang lurus (menurut undang-undang peraturanNya)”

Nasihat yang berunsur ingatan diberikan kepada manusia dengan menyatakan bahawa pada mulanya manusia menyembah Allah yang satu tetapi selepas mereka berselisih faham dan berlaku penyelewengan akidah dalam kalangan mereka maka Allah telah mengutuskan para nabi dan Rasul bersama kitab ajaran mereka untuk disampaikan kepada umat manusia. Kitab yang suci yang dibawa bersama para Rasul adalah untuk menjelaskan perselisihan yang berlaku dalam kalangan mereka, dengan memberi penjelasan yang benar dan ia bertindak sebagai rujukan bagi sebarang kemosykilan dan keraguan yang dihadapi oleh manusia.

Namun begitu selepas adanya penjelasan yang nyata tetap berlakunya perselisihan kerana hasad dengki sesama mereka. Sesungguhnya Allah memberi

petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakinya menuju jalan yang lurus dan benar dan mengikut segala pengajaran yang telah diberikan. Allah berkuasa dalam memberikan petunjuk atau hidayah kepada hamba yang dikehendakinya.

2.5.3 Pendekatan Berbahas Dengan Cara Yang Baik (Mujadalah Billati Hiya Ahsan)

Al-Mujadalah bi al-lati hiya ahsan dalam bahasa Melayu ialah perdebatan yang terbaik. Mengikut peristilahan, al-mujadalah bi al-lati hiya ahsan ialah kata-kata untuk memahamkan kepada sasaran serta menunaikan tujuan syariat melalui perdebatan. Perdebatan yang terbaik adalah memuaskan sasaran dengan hujah dan dalil untuk menerangkan kebenaran supaya mereka dapat menerima hujah yang telah dikemukakan melalui dalil akal dan dalil al-Quran dan sunah.²⁵¹

Zaydan menjelaskan pendekatan al-mujadalah bi al-lati hiya ahsan bukanlah pendekatan yang bermatlamatkan kemenangan. Pendakwah perlu berdebat dengan baik iaitu menggunakan kata-kata yang baik, berakhhlak mulia, merendah diri, tenang dan penuh kasih sayang. Di samping itu juga, pendakwah tidak seharusnya meninggikan suara, tidak marah, tidak menghina dan pendakwah seharusnya menggunakan kata-kata yang bersesuaian dengan kedudukannya yang tinggi, sikapnya yang lemah lembut dan pengasih, tanpa menggunakan kata-kata yang boleh menyinggung perasaan pendengar.

²⁵¹Muhammad b. Hamid Al Uthman al-Ghamiri, *al-Dawah ila Allah fi Mayadiniha al-Thalathah al-Kubra*, (T.T.P.: Dar al-Tarfiyn, 1999), 192.

Namun, pendakwah perlu menggunakan kata-kata yang meyakinkan dan boleh menerang kebenaran. Jika sasaran dakwah masih degil dan menggunakan emosi serta menolak kebenaran, pendakwah seharusnya menghentikan perdebatan.²⁵²

Kaedah pendekatan yang ketiga ini sebagaimana dinyatakan dalam ayat al-Quran surah Al-Baqarah ayat, 258 bermaksud:

اَلْمَ تَرَ إِلَى الَّذِي حَاجَ إِبْرَاهِيمَ فِي رَبِّهِ اَنْ اَتَهُ اللَّهُ الْمُلْكَ اِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّي الَّذِي يُحِبِّي - وَيُمِيتُ قَالَ اَنَا اُحِبُّي - وَأُمِيتُ قَالَ إِبْرَاهِيمُ فَإِنَّ اللَّهَ يَأْتِي بِالشَّمْسِ مِنَ الْمَشْرِقِ فَأَنِّي هِيَ مِنَ الْمَغْرِبِ فَبُهِتَ الَّذِي كَفَرَ وَاللَّهُ لَا يَهِدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٢٥٨﴾

Al-Baqarah 2:258

“Tidakkah engkau (pelik) memikirkan (wahai Muhammad) tentang orang yang berhujjah membantah Nabi Ibrahim (dengan sombongnya) mengenai Tuhanmu, kerana Allah memberikan orang itu kuasa pemerintahan? Ketika Nabi Ibrahim berkata: Tuhanku ialah Yang menghidupkan dan yang mematikan”. Ia menjawab: Aku juga boleh menghidupkan dan mematikan”. Nabi Ibrahim berkata lagi: “Sesungguhnya Allah menerbitkan matahari dari timur, oleh itu terbitkanlah ia dari barat?” Maka tercenganglah orang kafir itu (lalu diam membisu). Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberikan petunjuk kepada kaum yang zalim”.

Ayat ini menerangkan semasa Nabi Ibrahim menyampaikan dakwah kepada kaumnya ingkar dengan dakwah yang disampaikan olehnya. Perbahasan bertujuan untuk mendapatkan satu jawapan penyelesaian tentang sesuatu perkara yang dibincangkan. Maka pendekatan secara berbahas digunakan bagi mendekati golongan seperti ini. Setiap perkara yang disampaikan diserukan kepada umatnya perlu ada perbahasan bagi memberi kefahaman yang lebih dalam seterusnya dapat membina keyakinan serta kepercayaan akidah dengan mentauhidkan Allah kepada sasaran yang dikehendaki.

²⁵² Abd al-Karīm Zaydān , *Uṣūl al-Dawah*, c. 3, (Bīrūt: Mu”assasah al-Risālah 1993), 478.

Ayat al-Quran surah Al-An'am ayat, 76-78 bermaksud:

فَلَمَّا جَنَّ عَلَيْهِ الَّيلُ رَءَاءَ كَوَكِبًا قَالَ هَذَا رَبِّي فَلَمَّا أَفَلَ قَالَ لَا أَحِبُّ الْأَفْلَيْتَ ﴿٧٦﴾ فَلَمَّا رَءَاءَ
الْقَمَرَ بَازِغًا قَالَ هَذَا رَبِّي فَلَمَّا أَفَلَ قَالَ لِئِنْ لَّمْ يَهْدِنِي رَبِّي لَا كُونَنَّ مِنَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ
فَلَمَّا رَءَاءَ الشَّمْسَ بَازِغَةً قَالَ هَذَا رَبِّي هَذَا أَكْبَرُ فَلَمَّا أَفْلَتْ قَالَ يَنْقُومُ إِنِّي بَرِيءٌ مِّمَّا
تُشْرِكُونَ ﴿٧٧﴾

Al-An'am 6:76-78


“Maka ketika ia berada pada waktu malam yang gelap, ia melihat sebuah bintang (bersinar-sinar), lalu ia berkata: “Inikah Tuhanaku” Kemudian apabila bintang itu terbenam, ia berkata pula: “Aku tidak suka kepada yang terbenam hilang”. Kemudian apabila dilihatnya bulan terbit (menyinarkan cahayanya), ia berkata: “Inikah Tuhanaku?” Maka setelah bulan itu terbenam, berkatalah ia: “Demi sesungguhnya, jika aku tidak diberikan petunjuk oleh Tuhanaku, nescaya jadilah aku dari kaum yang sesat”. Kemudian apabila ia melihat matahari sedang terbit (menyinarkan cahayanya), berkatalah ia: “Inikah Tuhanaku? Ia lebih besar”. Setelah matahari terbenam, ia berkata pula: Wahai kaumku, sesungguhnya aku berlepas diri (bersih) dari apa yang kamu sekutukan (Allah dengannya).

Ayat ini menunjukkan bahawa golongan tersebut masih ragu-ragu mencari pencipta dirinya yang layak untuk disembah. Kedangkan fikiran mereka menyebabkan kegagalan mencari kebenaran untuk menghambakan diri mereka kepada yang berhak. Perbahasan secara melihat kepada objek yang ada dilangit dan bumi dengan mencari kekuatan dan kehebatan yang ada pada objek tersebut. Tetapi bagi masa yang tertentu sahaja kekuasaan tersebut akan hilang. Matahari tidak mampu menyinarkan cahayanya apabila malam menjelma, bintang pula menjalankan tugasnya. Maka perbahasan sebegini membuktikan segala apa yang ada di langit dan di bumi bersifat tidak kekal dan ia akan rosak. Kekuasaan yang sebenar adalah bersifat kekal, tiada tandingannya. Iaitu kekuasaan Allah SWT yang kekal selamanya.

Peristiwa yang sama berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan rasul-rasul yang terdahulu sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran. Seterusnya di zaman sahabat sehingga membawa kepada zaman sekarang. Pendekatan dakwah kepada golongan yang ingkar bersumberkan al-Quran sebagai panduan kepada seluruh umat Islam supaya mengikutinya.

Merujuk kepada surah al-Nahl ayat 215, terdapat tiga pendekatan dakwah yang utama iaitu hikmah kebijaksanaan, (bil-hikmah), nasihat dan pengajaran yang baik (mauiżah al-ḥasanah) dan berbahas dengan cara yang baik (al-mujadalah bi al-lati hiya aḥsan). Ia merupakan pendekatan dan metodologi dakwah yang diterangkan dalam al-Quran untuk dijadikan panduan dan seterusnya menggunakan kaedah yang telah dinyatakan sebagai sumber atau rujukan utama dalam metodologi berdakwah kepada umat manusia. Sehubungan itu carta aliran pendekatan dakwah kepada golongan pemohon pengisytiharan murtad sebagaimana Rajah 2.3.


Rajah 2.3 : Jadual Carta Aliran Pendekatan Dakwah Kepada Pemohon Pengisytiharan Murtad



Sumber al-Quran surah al-Nahl ayat 215.

Berdasarkan beberapa pandangan penting ilmuan Islam yang bersumberkan al-Quran dan Hadith yang membincangkan tentang pendekatan dakwah, maka hasil perbincangan tersebut dihasilkan model teori pendekatan dakwah terhadap pemohon pengisytiharan murtad sebagaimana Jadual 2.4.

Rajah 2.4 : Model Teori Pendekatan Dakwah Terhadap Pemohon Pengisyiharan Murtad



Sumber: Muhammad al-Qurtubi, 1993, Hj. Abdullah Hanafi b. Hj. Dollah, 2006, Abī al-Fadl Shihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd al-Alūsī, 1994, Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī, 1994, Āḥmād Ābū Zāyd, 1994, Mūḥammād b. Ḥāmid Āl Ūthmān āl-Ghāmīrī, 1999, Abd al-Karīm Zaydān ,1993.

Berdasarkan model teori pendekatan dakwah terhadap pemohon pengisyiharan murtad dapat dirumuskan bahawa dalam perspektif Islam telah memberi garis panduan dalam menyampaikan dakwah kepada pemohon pengisyiharan murtad. Iaitu dengan menggunakan pendekatan hikmah dan kebijaksanaan dengan secara lemah lembut dan merungkaikan masalah. Pendekatan dakwah yang kedua pula memberi nasihat dan pengajaran yang baik dengan memberi dorongan, mengatakan perkara yang baik serta memberi ingatan. Seterusnya pendekatan dakwah yang ketiga berbahas dengan cara yang baik dengan memberi kefahaman dan membina keyakinan.

Ketiga-tiga pendekatan dakwah yang utama ini perlu disampaikan kepada pemohon pengisyiharan murtad dan diberikan tempoh masa kepada pemohon untuk kembali bertaubat. Selain itu juga perlu menggunakan uslub dakwah yang sesuai seperti pemilihan pendakwah yang berilmu pengetahuan tentang agama Islam, pengisian ilmu agama Islam yang sesuai dengan keperluan pemohon pengisyiharan murtad, berakhlek baik bersesuaian untuk mendekati pemohon pengisyiharan murtad. Pendekatan dakwah dengan lemah lembut, merungkai masalah, memberi dorongan, mengatakan perkara yang baik, memberi ingatan, memberi kefahaman dan membina keyakinan adalah nilai-nilai mulia dan dituntut oleh syara' bagi mendekati pemohon pengisyiharan murtad supaya mereka kembali bertaubat dan mentauhidkan Allah SWT.

2.6 KESIMPULAN

Kesan daripada kurangnya pemahaman tentang Islam diperingkat awal maka terjadinya permohonan pengisytiharan murtad dalam kalangan mualaf. Pengislaman yang rapuh menyebabkan mualaf tidak bersungguh-sungguh menjaga agama Islam sebagai agama yang dipercayai dan diyakini. Niat dan tujuan asal seseorang mualaf memeluk Islam juga penting bagi memastikan mulaf benar beriman dengan apa yang di syahadahkan semasa memeluk agama Islam. Ini kerana iman yang tidak kukuh serta rapuh menjadikan hati mereka leka dan lalai dengan kehidupan sehari-hari. Oleh yang demikian perlu ditanamkan dengan pemahaman mentauhidkan Allah secara jitu dan kukuh menjadi perkara utama untuk menguatkan akidah golongan ini. Sekiranya akidah tidak kuat permohonan pengisytiharan murtad akan berlaku dengan mudah dalam kalangan mereka.

BAB TIGA : METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 PENGENALAN

Bab ini menerangkan tentang metodologi penyelidikan yang digunakan dalam kajian Pendekatan Dakwah MAIS Terhadap Pemohon Pengisytiharan Murtad. Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini. Secara umumnya kajian kes kualitatif ini melibatkan beberapa peringkat iaitu pertama, penentuan reka bentuk. Peringkat kedua, persediaan, pengumpulan dan analisis data. Peringkat terakhir proses analisis serta membuat rumusan sebagaimana yang telah dicadangkan oleh Yin.²⁵³

3.1 PENYELIDIKAN KUALITATIF

Kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya. Menurut Othman Lebar, pendekatan kualitatif merupakan suatu proses penyiasatan untuk memahami masalah sosial dan masalah manusia berdasarkan kepada gambaran yang menyeluruh dan kompleks melalui pandangan informan yang mendalam serta dijalankan dalam keadaan semula jadi.²⁵⁴ Antara kelebihan pendekatan kualitatif adalah maklumat yang diperoleh lazimnya lebih mendalam dan menyeluruh berikutan kepelbagaiannya kaedah pengumpulan data yang boleh yang digunakan.²⁵⁵

Selain itu, pendekatan kualitatif juga sering menjadi pilihan apabila pengkaji berminat untuk meneroka, membuat tafsiran serta mendapatkan pemahaman yang

²⁵³Robert K. Yin, *Case Study Research: Design and Methods*, 2nd Edition (London: SAGE Publications, 1994), 49.

²⁵⁴Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*, (Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), 109-110.

²⁵⁵Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan*, (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education, 2010), 287.

mendalam tentang sesuatu kes selain memfokuskan kepada penerangan yang holistik.²⁵⁶

Berdasarkan beberapa pandangan di atas, kajian kualitatif dilihat paling ideal memandangkan kajian ini memerlukan pengkaji untuk turun terus ke lapangan dan melihat sendiri bagaimana pendekatan dakwah MAIS kepada pemohon pengisyiharan murtad dilakukan. Menurut Noraini Idris, kajian kes dipilih apabila sesuatu kajian memerlukan jawapan terhadap persoalan seperti “Bagaimana” atau/dan “Apa sebenarnya yang berlaku?” Namun kajian tidak hanya terhad kepada persoalan bagaimana, apa dan kenapa kerana kajian kes juga boleh digunakan untuk melihat fenomena kompleks yang diselidiki.²⁵⁷

Justeru itu kajian kes sesuai bagi menjawab tiga persoalan kajian, yang pertama bagaimanakah pendekatan dakwah terhadap pemohon pengisyiharan murtad dalam perspektif Islam dan bagaimana pendekatan dakwah yang digunakan oleh MAIS terhadap pemohon pengisyiharan murtad. Persoalan ketiga sejauhmana penerimaan pendekatan dakwah MAIS oleh pemohon pengisyiharan murtad. Pengkaji juga percaya bahawa kes yang ingin dikaji begitu kompleks dan sukar untuk difahami sekiranya pengkaji tidak melihat sendiri realiti yang berlaku. Selain itu, gabungan pelbagai teknik pengumpulan data digunakan melalui pendekatan kualitatif juga memberikan peluang kepada pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang kaya berhubung dengan pendekatan dakwah yang digunakan oleh MAIS terhadap pemohon pengisyiharan murtad.

Kajian ini menggunakan pendekatan reka bentuk kajian kes yang melibatkan MAIS. Pencerapan dilakukan terhadap pendekatan dakwah terhadap pemohon pengisyiharan murtad. Oleh yang demikian kajian kes merupakan pilihan yang ideal

²⁵⁶ Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*, (Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), 109-110.

²⁵⁷ Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan*, 349.

sekiranya suatu penyelidikan secara mendalam diperlukan.²⁵⁸ Kajian kes juga dapat menyediakan maklumat yang kaya dan mendalam yang biasanya tidak terdapat pada lain-lain metode. Ia juga merupakan metode kajian yang fleksibel selain menggabungkan penggunaan pelbagai metode pengumpulan data.²⁵⁹

Menurut Merriam pula dapat memberi fokus dan memahami secara mendalam sesuatu fenomena dan membolehkan penyelidik untuk menyelidik, memerhati dan meneliti sesuatu isu dan permasalahan yang berlaku dalam persekitaran sebenar²⁶⁰. Hanya mereka yang terlibat sahaja yang dapat menjelaskan tentang pendekatan dakwah yang digunakan kepada pemohon pengisytiharan murtad dan pemohon pengisytiharan murtad sahaja dapat memaklumkan tentang penerimaan pendekatan dakwah MAIS terhadap mereka.

Oleh itu, berasaskan kepada paradigma ini kaedah kajian secara kualitatif adalah kaedah yang paling sesuai digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Ini kerana, kajian secara kualitatif ini membolehkan pengkaji untuk memperolehi maklumat secara lebih dekat dengan informan.²⁶¹

Kajian berhubung dengan pengalaman, pandangan, sikap, kepercayaan dan motif perbuatan informan dapat diperoleh secara lebih holistik dalam konteks sebenar diri mereka.²⁶² Pelbagai strategi pengumpulan data dibenarkan melalui pendekatan ini untuk mendapatkan maklumat seperti temu bual, analisis dokumen dan observasi.

²⁵⁸ Hisham Dzakiria, *Pragmatic Approach to Qualitative Case Study Research, learning by doing: A Case of Distance Learning Research in Malaysia*, (Sintok: UUM Press, 2008), 85.

²⁵⁹ Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial* (Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 2005), 155.

²⁶⁰ Merriam,B.S, *Case Study Research In Education: A Qualitative Approach*, California: Josey – Bass Inc.,(1998).

²⁶¹ Nelson, M. L., & Quintana, S. M. Qualitative clinical research with children and adolescents. *Journal of Clinical Child and Adolescent Psychology*, 34, (2005)344–356.

²⁶² Wiersma,W. *Research methods in education: An introduction* (6th ed.), Boston, MA: Allyn and Bacon, 1995.

Justeru itu, menerusi kepelbagaiannya kaedah ini, pengkaji dapat memahami suatu fenomena yang dikaji dalam keadaan yang lebih natural dan realistik.²⁶³

Oleh yang demikian dalam konteks kajian ini, keupayaan pendekatan kajian kualitatif dalam mendapatkan data-data maklumat secara mendalam serta fleksibiliti strategi yang boleh digunakan, membantu pengkaji untuk mengenalpasti secara terperinci mengenai pendekatan dakwah terhadap pemohon pengisytiharan murtad dari perspektif Islam. Seterusnya menganalisis pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisytiharan murtad dan menganalisis sejauhmana penerimaan pendekatan dakwah MAIS oleh pemohon pengisytiharan murtad.

3.2 PERSAMPELAN KAJIAN

Kaedah pemilihan sampel yang betul membolehkan data diperoleh adalah tepat dan menjawab persoalan kajian. Ini kerana menurut Stewart dan Cash menjelaskan terdapat beberapa kriteria yang boleh dipertimbangkan dalam menentukan informan iaitu tahap pengetahuan dan pengalaman, kesediaan untuk ditemui bual, kesanggupan untuk mengambil bahagian serta kebolehan memberikan maklumat secara tepat.²⁶⁴ Dalam kajian ini, pemilihan sampel *purposive*, iaitu persampelan bertujuan digunakan kerana menurut Creswell menyatakan pemilihan sampel ini amat baik atau sesuai dalam kajian kualitatif kerana sampel yang dipilih mempunyai maklumat yang ingin diketahui oleh penyelidik. Merriam pula menjelaskan amat baik kerana mereka berkeupayaan memberi maklumat sehingga mencapai tahap tiada lagi maklumat baru atau maklumat bertindan. Kaedah *purposive* digunakan bagi memastikan pemilihan

²⁶³ Patton,M. Q. *Qualitative research and evaluation methods* (3rd ed.), (Thousand Oaks, CA: Sage, 2002), 39.

²⁶⁴ Charles Stewart, dan William Cash, *Interviewing: Principles and Practices* (10th ed), (Boston: McGraw Hill, 2003), 6.

informan benar-benar menepati kehendak kajian dan kriteria yang telah ditetapkan.²⁶⁵

Justeru itu, pengkaji menggunakan persampelan bertujuan dalam kajian ini.

Kajian ini membahagikan kepada dua bahagian sampel kajian. Bahagian pertama adalah golongan pelaksana yang terlibat dalam pendekatan dakwah terhadap pemohon pengisytiharan murtad. Bahagian ini bagi menjawab objektif kajian yang kedua, menganalisis pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisytiharan murtad. Beberapa kriteria yang telah ditentukan untuk pemilihan informan bahagian ini ialah:

1. Golongan yang dikenalpasti terlibat secara langsung menguruskan pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisytiharan murtad, iaitu
 - a) Pegawai Syariah MAIS
 - b) Eksekutif Unit Pendaftaran dan Pengurusan Rekod Mualaf
 - c) Eksekutif Pengurusan Kes Mahkamah
 - d) Sukarelawan Ziarah 3 orang
 - e) Penolong Mufti, Bahagian Khidmat Nasihat
 - f) Panel Penasihat Akidah 2 orang

Sampel bahagian kedua pula ialah informan yang terdiri daripada pemohon pengisytiharan murtad. Beberapa kriteria yang telah ditentukan untuk pemilihan informan bagi pemohon pengisytiharan murtad ialah:

1. Pemohon pengisytiharan murtad yang telah memeluk Islam dan selepas lima tahun memeluk Islam memohon untuk murtad
2. Semua pemohon murtad telah menjalani proses istitabah MAIS

²⁶⁵ Ghazali Darusalam, Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian*, (Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016), 432.

3. Pemohon murtad yang memberi kerjasama dalam kajian ini. Pemilihan responden juga adalah berdasarkan khidmat nasihat daripada MAIS. Pihak MAIS telah mengenalpasti responden yang boleh memberi kerjasama, maka responden tersebut telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini.

Menurut Othman Lebar, menjelaskan bahawa jumlah informan bagi kajian kualitatif tidak dapat ditentukan dari awal kajian sebagaimana kajian kuantitatif. Pemilihan informan berjalan serentak dengan proses analisis data hingga sampai ke satu tahap di mana lagi ditemui maklumat yang baru atau maklumat yang diperoleh sudah bertindan dengan maklumat yang diperoleh sebelumnya.²⁶⁶

Selain tidak tertakluk kepada jumlah tertentu, ia juga tidak memerlukan kepada jumlah yang besar memandangkan kajian dilakukan secara mendalam. Hanya setelah mencapai titik ketepuan daripada data yang telah dikumpul baru pengkaji akan merasa pasti bahawa kajian telah dijalankan secara menyeluruh. Kajian yang dijalankan dengan teliti melalui pemilihan yang dibuat secara bertujuan akan berkembang dan berurutan yang boleh mencapai titik ketepuan apabila jumlah informan mencapai jumlah dua belas orang dan mungkin tidak lebih dari dua puluh orang.²⁶⁷

Justeru itu, dalam kajian ini telah memilih informan dalam kalangan pemohon pengisytiharan murtad seramai sepuluh orang yang memenuhi kriteria bagi menjawab objektif ketiga dalam kajian ini. Jadual 3.1 menunjukkan butiran mengenai informan yang dipilih.

Jadual 3.1 : Informan Kajian

Perkara	Informan	Jumlah
MAIS	Eksekutif Unit Pendaftaran dan Pengurusan Rekod Mualaf	8 orang
	Eksekutif Pengurusan	

²⁶⁶ Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*, 70.

²⁶⁷ Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*, 70.

	Kes Mahkamah Pegawai Syariah Sukarelawan Ziarah x 3 orang Panel Penasihat Akidah x 2 orang	
Jabatan Mufti Negeri Selangor	Penolong Mufti, Bahagian Khidmat Nasihat	1 orang
Pemohon Pengisytiharan Murtad	10 orang	10 orang
Jumlah		19 orang

Sumber: Teknik Persampelan Bertujuan

Memandangkan aspek yang dikaji adalah isu sensitif dan bersifat peribadi pengkaji menggunakan etika penyelidikan kualitatif semasa melaksanakan kajian ini. Etika kualitatif merujuk kepada peraturan-peraturan yang harus dipatuhi ketika kajian dilakukan mengikut semua bentuk ciri, sifat, kriteria dan kod etika utama kualitatif. Tujuan mematuhi etika kualitatif bagi menjaga dan melindungi kebajikan responden yang mencakupi, melindungi hak-hak responden, kerelaan pengakuan responden, kerahsiaan maklumat responden, anonymity atau merahsiakan maklumat profil responden, jujur dalam pengurusan dan penganalisaan data tanpa mengubah maklumat, pembersihan dan persetujuan data dan atas sebab faktor-faktor kebudayaan seperti menghormati agama, budaya, bahasa dan sebagainya.²⁶⁸ Oleh yang demikian butiran lengkap kesemua pemohon pengisytiharan murtad yang di temu bual tidak akan dinyatakan dalam kajian ini bagi menghormati kerahsiaan pemohon.

²⁶⁸ Ghazali Darusalam, Sufean Hussin , *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian*, 393.

Pengkaji menghantar surat kepada pihak yang terlibat seperti MAIS, Jabatan Mufti negeri Selangor untuk permohonan membuat kajian ini. Setelah mendapat persetujuan daripada pihak berkenaan dan dikenalpasti informan yang terlibat, sesi temu bual dilakukan. Sebelum sesi temu bual dijalankan, pengkaji memastikan tempat temu bual selesa untuk pengkaji dan informan tanpa sebarang gangguan. Pengkaji juga membuat perjanjian bersama informan serta memaklumkan beberapa perkara penting berkenaan etika temu bual khususnya membabitkan aspek kerahsiaan. Perkara ini digunakan kepada informan bahagian kedua kajian. Namun begitu bagi informan bahagian pertama tidak membabitkan aspek kerahsiaan, disebabkan hal ini dinyatakan jawatan serta nama informan.

Pengkaji memulakan temu bual dengan memperkenalkan diri, menjelaskan secara ringkas tujuan temu bual, keperluan temu bual serta tempoh temu bual yang akan berlangsung. Dalam sesi temu bual mengambil masa lebih kurang satu hingga dua jam. Dalam masa tersebut pengkaji memberi kebebasan kepada informan untuk meluahkan pandangan namun masih fokus kepada topik asal yang dibincangkan. Semasa temu bual dijalankan pengkaji merakam temu bual dengan perakam suara digital bertujuan memudahkan pengkaji supaya lebih fokus kepada butiran perkataan yang diperkatakan oleh informan. Pada masa yang sama juga pengkaji membuat catatan ke atas semua perbincangan yang dibincangkan. Keadaan ini bagi memastikan informan menjawab semua persoalan yang diperlukan oleh pengkaji.

Selesai sesi temu bual, bahan temu bual yang telah direkodkan melalui alat perakam suara digital dipindahkan ke dalam bentuk transkrip. Proses transkripsi penuh bagi setiap sesi temu bual telah mengambil masa kira-kira 6 hingga 10 jam untuk disiapkan. Proses ini sangat penting bertujuan menyusun data untuk memudahkan proses seterusnya iaitu proses analisis.

3.3 PENGUMPULAN DATA

Terdapat tiga metode dan kaedah pengumpulan data digunakan dalam kajian ini.

3.3.1 Metode Penelitian Dokumen

Othman Lebar menjelaskan, penelitian ke atas maklumat yang diperoleh daripada dokumen boleh menambah dan menjelaskan data dan maklumat yang telah diperoleh melalui temu bual dan pemerhatian.²⁶⁹ Data ini penting bagi mengetahui tentang latar belakang kajian yang di kaji seperti sejarah perkembangan dakwah dalam Islam, di Malaysia, isu murtad, pembinaan teori kajian dan permohonan pengisytiharan murtad serta perkara-perkara yang berkaitan dengan kajian.

Selain itu, penyelidik turut merujuk dan menganalisis keputusan-keputusan fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri dan Kebangsaan. Metode ini banyak digunakan dalam bab satu dan bab dua kajian. Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan data-data yang asli dan berautoriti berkaitan kajian yang akan dijalankan. Dokumen yang dikaji termasuk tesis, jurnal, buku dan majalah dan surat khabar. Selain dari itu teks al-Quran dan Hadis juga merupakan rujukan utama dalam kajian ini.

3.3.2 Metode Temu Bual

Bagi Kahn dan Cannel menjelaskan bahawa temu bual sebagai ‘perbualan yang mempunyai tujuan tertentu’,²⁷⁰ Justeru itu dalam kajian ini menggunakan metode temu bual semi struktur untuk mendapatkan keterangan daripada dua pihak. Iaitu golongan pelaksana yang terlibat dalam permohonan pengisytiharan pemohon murtad. Informan yang terlibat sebagaimana dinyatakan dalam jadual 3.1. Bahagian ini bagi menjawab

²⁶⁹ Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*, 138.

²⁷⁰Ghazali Darulsalam, Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur , 2016, 446.

objektif kajian yang kedua, menganalisis pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisytiharan murtad. Bagi mendapatkan data untuk menjawab objektif ketiga kajian temu bual dilakukan kepada sepuluh orang pemohon pengisytiharan murtad.

Temu bual dilakukan untuk mendapatkan data-data penting, tentang pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisytiharan murtad dan penerimaan pendekatan dakwah MAIS oleh pemohon pengisytiharan murtad. Soalan temu bual dirangka dan disemak serta dinilai oleh individu yang layak dan mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan penyelidikan dakwah dan mualaf. Panel penilai soalan temu bual yang pertama ialah Dr. Mariam Binti Abd Majid,²⁷¹ Dekan Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Dr. Mariam dipilih kerana beliau juga membuat kajian berkenaan mualaf di negeri Selangor. Panel penilai kedua pula Dr. Norsazali Bin Abdullah,²⁷² Pensyarah Kanan Universiti Kuala Lumpur. Beliau dipilih kerana kajian yang dilakukan oleh beliau juga menggunakan pendekatan kualitatif.

Pengkaji menentukan jumlah soalan temu bual serta penambahan soalan semasa sesi temu bual berlangsung bagi mendapatkan maklumat tambahan daripada perkara-perkara yang kurang jelas atau kurang menjawab kajian bagi mengetahui kajian yang dikaji. Soalan telah ditentukan oleh pengkaji namun semasa temu bual dilakukan terdapat jawapan yang bersifat terbuka daripada informan maka ada penambahan soalan lain bagi mengembangkan dan mengenalpasti dengan jelas dan tepat jawapan yang diberikan.

²⁷¹ Dr. Mariam Abd Majid, Dekan Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

²⁷²Dr. Norsazali Bin Abdullah, Pensyarah Kanan Universiti Malaysian Institute of Information Technology, Kuala Lumpur, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur.

Menurut Bryman, proses bermulanya kajian yang dilaksanakan dengan mengemukakan persoalan kajian yang dibuat secara umum²⁷³, bertanyakan tentang latar belakang responden, soalan yang merangkumi tentang status keluarga kaya atau miskin, hubungan dengan ibu bapa, saudara mara, kawan-kawan, status perkahwinan, pendidikan, kerjaya, kecenderungan minat semua yang berkaitan dengan responden dan diikuti dengan objektif kajian yang dikaji iaitu berkenaan penerimaan pendekatan dakwah MAIS terhadap mereka. Soalan temu bual telah dibina mengikut bagi menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan.

Sebanyak tiga kali pertemuan dilakukan kepada setiap pemohon pengisytiharan murtad. Pertemuan pertama telah menjawab semua persoalan yang dikemukakan kepada pemohon pengisytiharan murtad. Manakala pertemuan kedua pengkaji mendapatkan kesahan jawapan yang telah ditranskrip daripada temu bual yang diperolehi dari temu bual yang pertama. Pertemuan ketiga bertujuan untuk mengetahui tentang status terkini pemohon pengisytiharan murtad terhadap permohonan yang telah dilakukan sama ada pemohon masih meneruskan permohonan pengisytiharan murtad di Mahkamah Syariah atau menarik balik permohonan selepas menjalani proses istitabah MAIS.

Keterangan serta maklumat yang lebih jelas diperoleh daripada pegawai yang terlibat secara langsung di MAIS yang diberi tanggungjawab mengendalikan kes permohonan pengisytiharan murtad. Temu bual yang dijalankan berdasarkan kepada soalan-soalan berkaitan dan dihantar kepada setiap responden seperti pegawai MAIS, panel penasihat akidah, peguam syarie MAIS, sukarelawan yang mengendalikan kes permohonan pengisytiharan murtad, dan mereka yang berkaitan. Selain itu bagi memperkemaskinikan lagi data, jabatan mufti negeri juga dirujuk bagi mendapatkan penjelasan tentang kajian. Penyelidik telah menemuramah pegawai di pejabat mufti

²⁷³Byman, A., Integrating Quantitative And Qualitative Research: How Is It Done? Qualitative Research , 6, (2008), 97-113.

kerajaan negeri Selangor bagi mendapatkan maklumat tentang pendekatan dakwah kepada pemohon pengisytiharan murtad.

Pemilihan temu bual semi struktur digunakan dalam kajian ini kerana ia bersifat fleksibel. Keadaan ini membolehkan informan menghuraikan apa yang difikirkannya untuk dimaklum kepada penyelidik. Dalam temu bual ini responden menjawab soalan berdasarkan rangka soalan yang telah diberikan setelah mendapat semakan, penambahan soalan dan kelulusan daripada pihak panel penilai soalan untuk informan. Seterusnya hasil analisis melalui transkripsi temu bual dan dipersembahkan dalam bentuk petikan percakapan pelaksana yang terlibat dalam pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisytiharan murtad dan pemohon pengisytiharan murtad. Dapatan kajian melalui sumber ini dicatat, direkod, ditranskripsikan serta dibersihkan sebelum kerja-kerja analisis data dilakukan.²⁷⁴

3.3.3 Metode Pemerhatian

Pemerhatian juga merupakan teknik pengumpulan data melalui pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian bertujuan melengkapkan data dan mengetahui kesahihan maklumat yang diperoleh melalui teknik pengumpulan data yang lain. Cara pemerhatian ini amat berkesan sekali untuk melihat perkembangan dan perubahan yang berlaku ke atas perkara yang diperhatikan.²⁷⁵ Justeru itu tujuan metode pemerhatian dilakukan dalam kajian ini kerana untuk mengkaji interaksi dalam latar sosial sebenar terhadap pemohon pengisytiharan murtad berkenaan penerimaan dakwah MAIS. Bagi setiap pertemuan pengkaji akan membuat pemerhatian kepada

²⁷⁴ Suseela Malakolunthu, *Pengumpulan Dan Analisis Data Kualitatif: Satu dalam Marohaini Mohd Yusoff, Penyelidikan Kualitatif:Pengalaman Kerja Lapangan* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013), 139.

²⁷⁵ Samarudin Rejab dan Nazri Abdullah, *Panduan Menulis Tesis* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1982), 33.

pemohon pengisytiharan murtad mengenai cara percakapan, menjawab soalan, intonasi suara, kontak mata, cara pemakaian dan keadaan rumah.

Pemerhatian membolehkan pengkaji merekodkan perlakuan yang sedang berlaku, melihat sesuatu peristiwa secara langsung dan menggunakan pengetahuan, pengalaman dan kepakaran dalam membuat interpretasi tentang apa yang diperhatikan.²⁷⁶ Pemerhatian dilakukan bersama temu bual dengan pemohon pengisytiharan murtad dan menganalisis dokumen serta maklumat yang diperolehi digabungkan untuk menjelaskan dapatan yang diperolehi dengan lebih mendalam dan mempunyai kesahan.²⁷⁷ Pemerhatian dilakukan secara berstruktur berpandukan senarai semak, kepada deskripsi perlakuan yang lebih holistik.²⁷⁸ Metode ini digunakan bagi menjawab objektif kajian ketiga untuk menganalisis sejauhmana penerimaan dakwah MAIS oleh pemohon pengisytiharan murtad.

Ketiga-tiga data yang diperolehi melalui penelitian dokumen, temu bual dan pemerhatian digunakan dalam kajian ini. Data kualitatif merupakan sumber maklumat yang sangat luas, terperinci dan kaya dengan keakraban maklumat dalam konteksnya. Bagi memastikan maklumat yang diperoleh lebih tepat dan sah serta boleh dipercayai, maka maklumat yang diperoleh dari satu sumber boleh disahkan dengan merujuk kepada perkara yang sama dari sumber yang lain. Kaedah ini amat digalakkan dalam sesebuah kajian kualitatif dan dikenali sebagai proses triangulasi data.²⁷⁹

Triangulasi

Proses triangulasi data boleh dilakukan dengan beberapa kaedah iaitu triangulasi ke atas pelbagai sumber data serta triangulasi terhadap teori.²⁸⁰ Dalam konteks kajian ini,

²⁷⁶ Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*, 109-110.

²⁷⁷ Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan Kepada Teori dan Metod*, Universiti Sultan Idris, Tanjong Malim, (2012), 110.

²⁷⁸ Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan Kepada Teori dan Metod*, 111.

²⁷⁹ Siti Uzairiah Mohd. Tobi, *Qualitative Research and Nvivo 10 Exploration*, 29.

²⁸⁰ M. Puvenesvary et al., *Qualitative Research: Data Collection & Data Analysis Techniques*, 11.

ketiga-tiga kaedah triangulasi yang disarankan telah digunakan. Data yang dikumpul dan diproses diperoleh dari pelbagai sumber iaitu temu bual, audio, pemerhatian serta penelitian dokumen penting termasuk membuat rujukan serta asas perbincangan terhadap sumber yang pelbagai. Dalam kajian ini menjadikan al-Quran dan Hadis sebagai asas rujukan utama bagi memastikan keaslian serta kesahihan maklumat serta teori yang dibahaskan. Bagi membentuk kerangka konsep juga pandangan daripada pelbagai sumber yang penting dengan kajian ini difahami dan dibincangkan dengan menyeluruh supaya asas perbincangan menjadi lebih kukuh dan mendalam melalui penelitian ke atas beberapa kajian terdahulu. Seterusnya, dalam menjalankan kajian ini juga pengkaji telah mendapatkan pandangan daripada beberapa pengkaji lain yang berpengalaman luas khususnya dalam bidang yang dikaji.

Selain proses triangulasi, pengkaji juga menggunakan strategi penilaian rakan serta individu yang berpengalaman luas dan berpengetahuan dalam bidang yang sama bagi mendapatkan komen, kritikan serta pandangan berhubung isu kajian ini. Apa yang lebih penting, pemilihan dibuat berdasarkan kepada kesanggupan individu tersebut untuk membaca, meneliti dan memberikan pandangan yang bernas khususnya berkaitan kaedah atau reka bentuk kajian, penganalisisan data serta sorotan yang telah dibuat sama ada relevan atau tidak untuk digunakan. Secara keseluruhannya, proses pengumpulan dan analisis data bagi kajian kes kualitatif ini berjalan dalam mod induktif di mana konsep dan teori yang dibina akan terus berkembang meskipun setelah data dikumpul.²⁸¹ Mod induktif yang digunakan dalam kajian ini di dalam bab satu dan dua dengan menumpukan kepada aspek kerangka kajian secara khusus. Seterusnya perbincangan mengenai kerangka konsep menjadi lebih mendalam dan luas seiring dengan dapatan kajian yang diperoleh dari pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisytiharan murtad.

²⁸¹ Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*, 28.

3.4 MENGANALISIS DATA

Pengkaji membuat beberapa proses dalam menganalisis data yang menjurus kepada pembinaan konsep dan kategori terhadap pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisytiharan murtad. Melalui data yang dipungut ini akan dijadikan kesimpulan. Oleh yang demikian data ini bersifat deskriptif yang berbentuk pemerihalan, penghuraian dan penceritaan.²⁸² Justeru itu analisis data kajian ini kaedah utama yang digunakan ialah analisis secara manual untuk menginterpretasikan semua data yang diperolehi melalui temu bual, dokumentasi dan pemerhatian.

3.4.1 Membaca Data Secara Berulang

Tanpa merujuk kepada kerangka teori, transkrip data-data telah dibaca terlebih dahulu secara berulang agar gambaran dan kefahaman isi secara menyeluruh diperoleh. Pada peringkat ini, ayat, frasa atau perenggan yang mempunyai perkaitan dengan dengan topik kajian ditandakan. Pendekatan dakwah MAIS dan penerimaan pendekatan dakwah MAIS oleh pemohon pengisytiharan murtad dicatat.

3.4.2 Mengkod Dan Mengkategorisasi Data

Setelah cuba memahami keseluruhan isi temu bual, pembacaan yang lebih terperinci dilakukan. Kali ini teori dan persoalan kajian adalah asas yang memandu pengkaji untuk menanda isi-isi penting data dan juga membuat saringan bagi melindungi data yang sensitif. Isi-isi yang dianggap penting atau menarik tetapi tidak berkait dengan teori dan persoalan kajian telah diasingkan dan disimpan untuk semakan kemudian.

²⁸²Ghazali Darulsalam, Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian*, 390.

3.4.3 Mengenalpasti Persamaan Dan Perbezaan

Selepas selesai fasa tersebut, pengkaji sekali lagi telah membuat pembacaan berulang kepada keseluruhan data. Kali ini, fokus pembacaan ialah untuk melihat sekiranya terdapat persamaan dan perbezaan diantara setiap pengalaman informan yang terlibat dengan pendekatan dakwah MAIS dan informan yang terdiri daripada pemohon pengisyiharan murtad penerimaan terhadap pendekatan dakwah MAIS. Proses ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan pelbagai lagi perspektif informan, menganalisis pendekatan dakwah dan menganalisis sejauhmana penerimaan pendekatan dakwah MAIS bagi setiap informan. Dalam proses ini, isi-isi penting yang diasing dan disimpan sebelum ini, dikeluarkan semula untuk disemak.

3.4.4 Penetapan Tema

Penentuan dan penetapan tema dilakukan selepas selesai melakukan tiga analisis di atas. Bagi melakukan proses ini, penelitian secara kolektif terhadap hasil ketiga-tiga analisis tersebut dibuat bagi memastikan data, kod-kod, dan kategori yang terbentuk benar-benar selari dengan tema awal yang telah ditentukan. Selain itu, pengkaji juga mengenalpasti sekiranya terdapat tema-tema baru yang timbul dalam proses analisis tersebut. Dalam hal ini, selepas kesesuaian, kepentingan dan konsistensi bagi kesemua tema yang timbul dipastikan dengan betul penetapan tema-tema telah dilaksanakan.

3.4.5 Fasa Interpretasi

Pada fasa ini, pengalaman yang dilalui oleh informan akan dihirai dan dibincangkan secara terperinci dan disusun berdasarkan kepada tema-tema yang dibentuk dan ditetapkan.

3.5 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian ini, dapatan kajian dipersembahkan dalam bentuk tema, iaitu perbincangan secara deskriptif dan holistik. Ia bertujuan supaya isu yang dibentangkan tersusun, bersifat mendalam dan difahami. Justeru itu, proses metodologi penyelidikan penting untuk memandu arah kaedah penyelidikan selari dengan objektif kajian yang disasarkan. Dapatan kajian adalah kejayaan atau penemuan bagi sesuatu kajian yang dikaji.

BAB EMPAT : PENDEKATAN DAKWAH MAIS TERHADAP PEMOHON PENGISYTIHARAN MURTAD

4.0 PENGENALAN

Bab ini membincangkan dapatan kajian bagi menjawab objektif kedua kajian iaitu mengenai pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisytiharan murtad. Kaedah pengumpulan data adalah temu bual secara bersemuka. Analisis data secara manual digunakan ke atas dapatan kajian pendekatan dakwah MAIS yang digunakan kepada pemohon pengisytiharan murtad yang diperolehi daripada temu bual yang dilakukan kepada sembilan orang informan yang terdiri daripada pelaksana yang terlibat dalam pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisytiharan murtad. Hasil dapatan kajian seterusnya dianalisis dan dibincangkan dalam bentuk tema dan sub tema agar sepadan dengan objektif kajian yang telah ditetapkan.

4.1 FAKTOR MEMOHON PENGISYTIHARAN MURTAD MURTAD

Terdapat faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya permohonan pengisytiharan murtad dalam kalangan pemohon. Sebelum merujuk kepada faktor berlakunya permohonan pengisytiharan murtad dinyatakan terlebih dahulu mengenai latar belakang pemohon.

4.1.1 Latar Belakang Pemohon Pengisytiharan Murtad

Terdapat sepuluh orang pemohon pengisytiharan murtad yang telah ditemu bual sebagaimana berikut :

1. Pemohon Pertama

Beliau telah memeluk Islam di Klang, Selangor. Ketika itu beliau berusia 25 tahun. Berbangsa India dan agama asal adalah Hindu. Beliau dibesarkan di tempat yang sama dan biasa bergaul dengan rakan-rakan yang berbangsa Melayu Islam dan juga rakan-rakan dari kalangan bangsa Cina. Pemohon dibesarkan oleh kedua ibu bapanya. Mempunyai dua orang adik beradik dan beliau anak yang sulung. Semasa menganut agama Hindu beliau hanya mengikut anutan agama ibu bapanya sahaja, tanpa memahami ajaran agama Hindu dengan jelas. Manakala semasa menganut agama Islam beliau tidak berkesempatan untuk mendalami ajaran Islam, kerana kekangan masa memandangkan beliau pada ketika itu adalah seorang pelajar sepenuh masa di peringkat Ijazah Sarjana, di salah sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam dalam jurusan Sains.²⁸³

Pemohon mendapat pendidikan yang sempurna daripada kedua orang tuanya. Beliau telah meneruskan pengajian di peringkat Diploma dalam bidang Sains dan meneruskan pengajian dalam bidang yang sama di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana. Beliau merupakan pelajar sepenuh masa dan tidak bekerja, keperluan kewangannya ditanggung oleh keluarganya. Beliau tidak pernah berkahwin.²⁸⁴

²⁸³ Temu bual bersama Pemohon Pertama, pada 25 April 2015.

²⁸⁴ Pemohon Pertama, temu bual, 25 April 2015.

2. Pemohon Kedua

Pemohon memeluk Islam di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pemohon berbangsa India dan agama asal agama Hindu. Beliau dilahirkan dan dibesarkan di Perak dan menetap di Selangor, bekerja di Putrajaya sebagai seorang penjawat awam. Beliau dibesarkan oleh kedua ibu bapanya. Beliau dan keluarga kuat berpegang kepada agama Hindu, selalu pergi ke kuil untuk sembahyang. Beliau belajar dan mendalami ajaran Hindu. Semasa menganut agama Islam beliau tidak berminat untuk mempelajari dan mendalami ajaran Islam. Dibesarkan di persekitaran yang membolehkan dia bergaul dengan rakan-rakan yang berlainan bangsa. Beliau juga fasih berbahasa Melayu.²⁸⁵

Pemohon mendapat pendidikan daripada kedua orang tuanya. Beliau memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan dengan sijil tersebut telah melayakkan beliau menjawat jawatan sekarang, sebagai seorang pekerja di bahagian Khidmat Sokongan, dengan tangga gaji sebagaimana yang diselaraskan oleh Kerajaan Persekutuan.²⁸⁶

3. Pemohon Ketiga

Pemohon ketiga telah memeluk Islam, di Majlis Agama Islam Cawangan Klang, Selangor. Pemohon berbangsa India dan agama asal agama Hindu. Beliau dilahirkan dan dibesarkan di Selangor. Pemohon bekerja sebagai pencuci pejabat “cleaner”. Beliau dibesarkan oleh kedua ibu bapanya. Beliau dan keluarga berpegang kepada agama Hindu, mengikut agama asal nenek moyang. Beliau tidak begitu memahami dan mendalami agama Hindu sekadar ikutan sahaja. Semasa menganut agama Islam beliau tidak belajar tentang agama Islam dan tidak mengamalkan ajaran Islam kerana

²⁸⁵ Temu bual bersama Pemohon Kedua, pada 25 April 2015.

²⁸⁶ Pemohon Kedua, temu bual, 25 April 2015.

suami tidak mendidik beliau tentang agama Islam. Dibesarkan di persekitaran masyarakat India tidak begitu bergaul dengan mereka yang berlainan bangsa. Beliau tidak fasih berbahasa Melayu kerana bahasa harian yang digunakan adalah bahasa Tamil.²⁸⁷

Suami beliau berketurunan India, beragama Islam atau lebih dikenali dengan panggilan keturunan “*Mamak*”. Oleh kerana pegangan agama Islam suaminya sangat rapuh maka bagi membolehkan perkahwinan ini berlangsung suami merahsiakan status agamanya dan berkahwin dengan pemohon mengikut cara Hindu. Oleh sebab itu pemohon menyangka suaminya adalah Hindu.²⁸⁸

4. Pemohon Keempat

Pemohon telah memeluk Islam di Majlis Agama Islam Shah Alam, Selangor. Beliau berbangsa India dan beragama Kristian, dilahirkan dan dibesarkan di Kedah. Sekarang menetap di Selangor dan meneruskan pengajian di peringkat Diploma di Institut Pengajian Tinggi Swasta. Beliau dibesarkan oleh kedua ibu bapanya, dipersekutaran masyarakat Melayu dan biasa bergaul dengan bangsa selain bangsa India. Beliau fasih berbahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris Keluarga beliau berpegang kepada agama Kristian, namun begitu pemohon tidak mendalami agama Kristian sekadar ikutan sahaja. Beliau pergi ke gereja apabila diajak oleh ibu dan bapanya untuk mengikuti upacara keagamaan. Semasa menganut agama Islam beliau belajar tentang agama Islam tetapi tidak sempat menghayati tentang agama Islam sepenuhnya, kerana mengikut suami.²⁸⁹

²⁸⁷ Temu bual bersama Pemohon Ketiga, pada 25 April 2015.

²⁸⁸ Pemohon Ketiga, temu bual, 25 April 2015.

²⁸⁹ Temu bual bersama Pemohon Keempat, pada 26 April 2015.

5. Pemohon Kelima

Pemohon memeluk Islam di Majlis Agama Islam Shah Alam, Selangor. Beliau berbangsa India dan agama asal agama Hindu. Beliau dilahirkan dan dibesarkan di Selangor dan menetap di Selangor. Beliau dibesarkan oleh kedua ibu bapanya. Keluarga beliau berpegang kepada agama Hindu dan beliau berpegang kepada agama Hindu disebabkan kedua ibu bapanya adalah Hindu. Beliau selalu pergi ke kuil mengikut upacara keagamaan bersama ibu bapa dan adik beradik yang lain. Semasa memeluk agama Islam beliau belajar tentang agama Islam tetapi tidak menghayati tentang agama Islam sepenuhnya. Dibesarkan di persekitaran masyarakat Melayu dan biasa bergaul dengan bangsa selain bangsa India. Beliau boleh berbahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris. Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Selepas menamatkan pengajian beliau mula bekerja untuk menampung kehidupannya sambil membantu keluarganya.²⁹⁰

6. Pemohon Keenam

Memeluk Islam di Kedah, menjalankan hubungan cinta dengan gadis Melayu. Nama Islam pemohon dipilih oleh kekasihnya. Pemohon berbangsa India dan agama asal adalah agama Hindu. Beliau dilahirkan dan dibesarkan di Kedah, sekarang menetap di Selangor. Beliau dibesarkan oleh kedua ibu bapanya. Ibu dan bapanya berpegang kepada agama Hindu, begitu juga dengan pemohon. Ini kerana disebabkan kedua ibu bapanya adalah Hindu. Hanya sekali sekala pergi ke kuil, sekadar memenuhi suruhan dan kehendak ibu dan bapanya. Semasa memeluk agama Islam beliau hanya belajar sedikit sahaja tentang asas agama Islam bagi membolehkan beliau berkahwin. Beliau

²⁹⁰ Temu bual bersama Pemohon Kelima, pada 26 April 2015.

dibesarkan di persekitaran masyarakat Melayu dan biasa bergaul dengan bangsa selain bangsa India. Beliau boleh berbahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris.²⁹¹

7. Pemohon Ketujuh

Pemohon memeluk Islam pada di MAIS. Berbangsa India dan agama asal agama Hindu. Beliau dilahirkan dan dibesarkan di Selangor, dan menetap di Selangor. Beliau dibesarkan oleh kedua ibu bapanya. Ibu dan bapanya berpegang kepada agama Hindu, beliau juga berpegang kepada agama Hindu disebabkan kedua ibu bapanya adalah Hindu. Beliau jarang ke Kuil untuk sembahyang, kecuali apabila diminta oleh ibu dan bapanya. Semasa memeluk agama Islam beliau hanya belajar sedikit sahaja tentang asas agama Islam bagi membolehkan beliau untuk berkahwin. Beliau dibesarkan di persekitaran masyarakat Melayu dan biasa bergaul dengan bangsa selain bangsa India. Beliau boleh berbahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris. Selepas menamatkan pengajian beliau di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) beliau mula bekerja bagi menampung kehidupannya serta membantu keluarganya.²⁹²

8. Pemohon Kelapan

Memeluk Islam di MAIS, berbangsa India dan agama asal agama Hindu. Beliau dilahirkan dan dibesarkan di Selangor dan menetap di Selangor. Beliau dibesarkan oleh kedua ibu bapanya. Ibu dan bapanya berpegang kepada agama Hindu. Beliau juga berpegang kepada agama Hindu mengikut agama ibu dan bapanya. Beliau selalu pergi ke Kuil bersama ibu dan bapanya. Semasa memeluk agama Islam beliau hanya belajar sedikit sahaja tentang asas agama Islam bertujuan untuk berkahwin sahaja. Beliau dibesarkan di persekitaran masyarakat Melayu dan biasa bergaul dengan bangsa selain

²⁹¹ Temu bual bersama Pemohon Keenam, pada 26 April 2015.

²⁹² Temu bual bersama Pemohon Ketujuh, pada 9 Mei 2015.

bangsa India. Beliau boleh berbahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris. Beliau mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan selepas menamatkan pengajian beliau mula bekerja untuk menampung kehidupannya sambil membantu keluarganya.²⁹³

9. Pemohon Kesembilan

Pemohon memeluk Islam di MAIS, berbangsa Cina dan agama asal agama Kristian. Beliau dilahirkan dan dibesarkan di Selangor dan menetap di Selangor. Beliau dibesarkan oleh kedua ibu bapanya. Ibu dan bapanya berpegang kepada agama Kristian. Beliau juga berpegang kepada agama Kristian mengikut agama anutan ibu dan bapanya. Beliau sangat jarang ke Gereja, sekiranya ibu dan bapa pergi maka baru beliau turut sama. Semasa memeluk agama Islam, beliau belajar tentang asas agama Islam bagi persiapan untuk perkahwinan beliau dengan bakal suaminya. Beliau dibesarkan di persekitaran masyarakat Cina namun begitu beliau juga mempunyai ramai kawan yang berbangsa Melayu dan India. Beliau boleh berbahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris. Selepas menamatkan pengajian diperingkat diploma beliau bekerja.²⁹⁴

10. Pemohon Kesepuluh

Pemohon memeluk Islam di MAIS, berbangsa India dan agama asal agama Hindu. Beliau dilahirkan dan dibesarkan di Selangor, dan menetap di Selangor. Beliau dibesarkan oleh kedua ibu bapanya. Ibu dan bapanya berpegang kepada agama Hindu. Beliau juga berpegang kepada agama Hindu disebabkan kedua ibu bapanya adalah Hindu. Beliau jarang pergi sembahyang di Kuil. Semasa memeluk agama Islam beliau hanya belajar sedikit sahaja tentang asas agama Islam bertujuan untuk perkahwinan

²⁹³ Temu bual bersama Pemohon Kelapan, pada 9 Mei 2015.

²⁹⁴ Temu bual bersama Pemohon Kesembilan, pada 9 Mei 2015.

sahaja. Beliau dibesarkan di persekitaran masyarakat Melayu dan biasa bergaul dengan bangsa selain bangsa India. Beliau boleh berbahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris. Selepas menamatkan pengajian di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) beliau mula bekerja untuk menampung kehidupannya sambil membantu keluarganya.²⁹⁵

4.1.2 Faktor Permohonan Pengisyiharan Murtad

Berdasarkan hasil temu bual kepada sepuluh orang informan faktor berlakunya permohonan pengisyiharan murtad dapat dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu kegagalan rumahtangga, putus cinta dan desakan keluarga.

1. Kegagalan Rumahtangga

Kegagalan rumahtangga menyebabkan berlakunya permohonan pengisyiharan murtad ini kerana sikap curang yang ditunjukkan oleh isteri pemohon menyebabkan beliau kecewa. Beliau pernah melihat kecurangan isterinya yang berpelukan dengan lelaki lain di dalam kereta. Selain itu juga pemohon menyatakan isteri beliau tidak mengamalkan ajaran Islam iaitu tidak mengerjakan solat dan bergaul bebas dengan lelaki. Ujarnya:²⁹⁶

”...isteri saya curang, saya pernah nampak isteri menaiki kereta dengan seorang lelaki dan berpelukan dengan lelaki tersebut..isteri saya pun tidak mengamalkan ajaran Islam, isteri tidak mengerjakan solat, bergaul dengan lelaki secara bebas.”

Pemohon keenam juga gagal dalam rumahtangganya, dia kecewa dengan sikap isterinya yang cemburu, menyebabkan mereka bercerai dan membawa kepada

²⁹⁵ Temu bual bersama Pemohon Kesepuluh, pada 10 Mei 2015.

²⁹⁶ Pemohon Kedua, temu bual, 25 April 2015.

permohonan pengisytiharan murtad. Sikap cemburu isteri menjadikan beliau tidak selesa, mula rasa rimas dan bosan. Baginya isteri tidak memahami dirinya yang mempunyai ramai kenalan kawan perempuan dan mereka hanya rakan sekerja sahaja. Tetapi isteri seolah-olah tidak dapat menerima dan mengatakan beliau mempunyai hubungan sulit dengan kawan perempuannya, sedangkan beliau hanya berkawan sahaja. Pemohon menjelaskan,

“..sikap terlalu cemburu isteri terhadap saya, membuatkan saya terlalu rimas dan bosan dengan keadaan ini. Isteri tidak memahami saya dan dia tidak boleh bersabar dengan saya, yang ramai kenalan perempuan. Sedangkan kawan perempuan adalah rakan sekerja sahaja, isteri kata saya ada hubungan sulit dengan kawan perempuan saya..saya kawan saja.”²⁹⁷

Perkara yang sama berlaku kepada Pemohon Ketujuh yang kecewa dengan sikap curang suami selepas dua tahun berkahwin dengannya suami beliau ada hubungan sulit dengan perempuan lain. Hancur hati pemohon kerana suami tidak setia dan mensia-siakan cintanya. Perasaan benci pada suaminya kerana suaminya curang menduakan dirinya. Segala pengorbanan beliau tidak bererti buat suaminya. Disebabkan hal ini pemohon bercerai dan memohon untuk pengisytiharan murtad. Pemohon memberitahu bahawa:

”Saya tidak sangka suami sanggup menduakan saya, kami baru berkahwin dua tahun dan dia dah ada kekasih hati yang lain... Saya sangat bencikan dia, saya bercerai dan mahu murtad.”²⁹⁸

Setiap pasangan yang berkahwin perlukan perhatian dan sokongan dari pasangan masing-masing. Namun begitu pemohon kecewa kerana suaminya mengabaikannya. Selepas berkahwin hidupnya dengan suami tidak seperti yang diharapkan. Suami telah meninggalkan beliau hidup bersama dengan mertuanya di

²⁹⁷ Pemohon Keenam, temu bual, 26 April 2015.

²⁹⁸ Pemohon Ketujuh, temu bual, 9 Mei 2015.

tempat yang berjauhan dengan suami. Sebagai pasangan suami isteri mereka tidak hidup sebumbung. Beliau tidak sanggup lagi menanggung penderitaan disebabkan sikap suami terhadap dirinya. Baginya suami telah menganiaya dan melakukan kezaliman terhadap dirinya. Sehingga menyebabkan dia bercerai dengan suami dan memohon untuk pengisytiharan murtad. Menurutnya:

”Selepas saya berkahwin dengan suami kehidupan tidak seperti yang diharapkan. Suami saya tinggalkan saya hidup bersama maknya dan dia kerja di tempat lain. Saya tidak dapat hidup bersama dengan suami... Saya sudah tidak tahan lagi menanggung penderitaan ini. Suami tak bagi duit belanja pada saya, mak dia layan saya teruk maki hamun saya. Perbuatan yang dilakukan oleh suami saya kepada diri saya adalah satu penganiayaan dan bersifat zalim. Sebab itu saya telah membuat keputusan untuk bercerai dengan suaminya dan keluar dari agama Islam”²⁹⁹

Pemohon Kesepuluh, mengalami perkara yang sama, kecewa dengan sikap pasangannya, apabila isterinya tidak faham apa yang diperlukan olehnya. Isterinya juga selalu melawan dan membantah beliau. Kesannya mereka sering bergaduh, dia memaklumkan bahawa:

”Isteri saya tidak faham apa yang saya mahu, dia selalu tidak dengar cakap dan melawan apa yang saya cakap. Selalu bergaduh dengan saya, saya sudah tidak tahan dengan dia.”³⁰⁰

2. Putus Cinta

Seterusnya disebabkan putus cinta terjadinya permohonan pengisytiharan murtad. Apa yang berlaku kepada Pemohon Kelima apabila teman lelakinya yang beragama Islam tidak jadi mengahwininya setelah dia memeluk Islam. Keputusan beliau untuk memeluk Islam kerana ingin berkahwin dengan teman lelakinya

²⁹⁹ Pemohon Keempat, temu bual, 26 April 2015

³⁰⁰ Pemohon Kesepuluh, temu bual, 10 Mei 2015.

menunjukkan dia memeluk Islam kerana cintanya kepada kekasihnya. Perkahwinan yang dirancang tidak kesampaian dia kecewa. Walaupun beliau telah belajar agama Islam demi untuk perkahwinannya dengan kekasihnya, tetapi kekasihnya tetap memutuskan hubungan percintaan mereka. Oleh sebab itu pemohon membenci kekasihnya. Ini kerana kekasih pemohon membuat keputusan untuk berkahwin dengan calon isteri yang telah dipilih oleh kedua ibu bapanya. Pemohon bukan sekadar kecewa dengan teman lelakinya tetapi juga kecewa dengan agama Islam sebab itu beliau telah memohon pengisytiharan untuk murtad:

”Kekasih saya, telah memberitahu saya bahawa dia tidak boleh berkahwin dengan saya kerana kedua ibu bapanya telah mencari calon isteri untuknya...terpaksa membatalkan rancangan untuk berkahwin dengan saya. Dia tidak mahu jadi anak yang derhaka dia terpaksa berkahwin dengan calon isteri pilihan ibu bapanya. Selepas saya memeluk Islam dan mempelajari agama Islam bagi memenuhi tuntutan untuk hidup sebagai seorang muslim..saya benci sangat sebab tu saya nak murtad.”³⁰¹

Begitu juga dengan Pemohon Kelapan yang kecewa dengan sikap kekasihnya yang tidak menepati janji. Beliau mengimpikan kehidupan sebagai suami isteri bersama kekasihnya tetapi kekasih beliau telah memutuskan hubungan cinta mereka selepas pemohon memeluk Islam. Kekasihnya telah berjanji untuk menjadikan beliau sebagai isteri tetapi akhirnya menghilangkan diri entah ke mana, keadaan ini menyebabkan pemohon hilang kepercayaan kepada kekasihnya dan memohon untuk murtad. Beliau menyatakan bahawa:

”Saya sangat kecewa dan kekasih saya, saya sangat cinta pada dia sehingga saya sanggup masuk Islam demi untuk bersama dengannya. Tetapi selepas saya masuk Islam dia pula pergi tinggalkan saya, saya tidak tahu dia pergi ke mana, telah berjanji untuk berkahwin dengan saya, tetapi selepas itu dia hilang, saya tidak

³⁰¹ Pemohon Kelima, temu bual, 26 April 2015.

percayakan dia, saya mahu kembali ke agama asal saya.”³⁰²

Pemohon Ketiga merasakan hidupnya kosong, sunyi dan sepi apabila suaminya telah meninggal dunia. Beliau sangat sedih dengan kematian suaminya, disebabkan hal ini dia mahu keluar dari Islam dan mengikut agama sebelumnya:

”Selepas suami saya meninggal dunia, saya sedih sangat, hidup saya sunyi dan saya mahu kembali kepada agama asal saya..saya masuk Islam pun sebab ikut suami saja.”³⁰³

Begitu juga apa yang terjadi kepada Pemohon Kesembilan, selepas kematian suaminya hidupnya menjadi sunyi dan dia sedih dengan kehilangan suami buat selama-lamanya. Oleh sebab itu dia mahu isytihar keluar agama Islam dan kembali kepada agama asalnya:

”Saya masuk Islam sebab ikut agama suami..lepas suami saya meninggal dunia, saya sedih sangat, hidup saya sunyi dan saya mahu kembali kepada agama asal saya.”³⁰⁴

Bagi Pemohon Ketiga dan Pemohon Kesembilan tiada sebarang alasan yang kukuh untuk mereka terus menjadi seorang Islam apabila suami mereka meninggal dunia kerana sebab utama mereka memeluk Islam adalah kerana mengikut suami masing-masing.

3. Desakan Keluarga

Desakan keluarga menyebabkan permohonan pengisytiharan murtad berlaku. Pemohon mengakui bahawa dia masih di bawah jagaan kedua ibu dan bapanya. Kebergantungan kepada kedua ibu bapanya sangat perlu kepada beliau untuk meneruskan keperluan kehidupannya dalam segala aspek terutamanya dalam keperluan kewangan. Jelas pemohon:

³⁰² Pemohon Kelapan, temu bual, 9 Mei 2015.

³⁰³ Pemohon Ketiga, temu bual, 25 April 2015.

³⁰⁴ Pemohon Kesembilan, temu bual, 9 Mei 2015.

”Saya masih lagi dalam jagaan dan kawalan kedua ibu bapa, segala gerak geri dan perilaku serta perbelanjaan adalah dikawal dan ditanggung oleh bapa saya..saya kena ikut *family* saya sebab tu saya nak murtad...”³⁰⁵

4.2 PROSES ISTITABAH MAIS TERHADAP PEMOHON PENGISYTIHARAN MURTAD

Istiṭabah bermaksud memohon taubat atau menganjurkan taubat. Taubat merupakan langkah pertama yang dilakukan oleh golongan yang menuju ke jalan Allah SWT. Taubat merupakan inisiatif awal penampilan orang yang berkehendak kepada redha Allah SWT. Sebaliknya orang yang melakukan kesalahan tetapi tidak mahu bertaubat, adalah golongan yang tidak mencontohi Nabi Adam, yang bertaubat selepas melakukan kesalahan. Oleh itu, mereka telah tergelincir jiwanya.³⁰⁶ Taubat ialah kembali ke jalan hidup yang diredhai Allah SWT iaitu menyesali dan menginsafi perbuatan-perbuatan mungkar dan maksiat yang telah dilakukan lalu memohon keampunan dari Allah SWT dan berjanji tidak akan mengulangi perbuatan yang keji itu kembali.³⁰⁷ Justeru, pemohon pengisyiharan murtad di MAIS melalui beberapa proses pemulihan akidah yang dikenali sebagai proses istitabah. Pelaksanaan proses istitabah yang digunakan oleh MAIS dapat dibahagikan kepada empat elemen utama iaitu masa, panel penasihat akidah, pengisian penasihat akidah dan ziarah kepada pemohon pengisyiharan murtad.³⁰⁸

³⁰⁵ Pemohon Pertama, temu bual, 25 April 2015.

³⁰⁶ Muhammad Ramzi Omar, *Emergency Taubat*, (PSN Publication Sdn Bhd:Selangor,2014), 1.

³⁰⁷ K.H Mawardi Labay El Sultahani,*Taubat Penghapus Dosa*, (Penerbit Al-Mawardi Prima:Jakarta,2000),84.

³⁰⁸ Che Mohd Noorlee Abdullah, temu bual, 2 Febuari 2015.

4.2.1 Masa³⁰⁹

Sebelum menerima kes-kes perintah mahkamah, sesi penasihatahan dijalankan kepada mereka yang datang membuat permohonan ke Jabatan Mufti. Keadaan ini bergantung kepada persetujuan pemohon untuk hadir. Bagi pemohon yang enggan hadir atau tidak mahu meneruskan sesi penasihatahan, tidak ada sebarang tindakan yang diambil. Kedudukannya dikategorikan sebagai kes dianggap selesai berstatus simpan dalam perhatian (SDP). Begitu juga bagi kes-kes aduan yang tidak mempunyai maklumat yang lengkap.

Sesi Istatabah bermula setelah menerima perintah mahkamah melalui MAIS yang mengandungi tempoh dan kekerapan sesi penasihatahan yang perlu dilaksanakan. Secara amnya sesi tersebut dilaksanakan dua kali sebulan dalam tempoh enam bulan. Tindakan berikutnya ialah mendapatkan profil diri plaintif melalui peguam. Seterusnya menghantar nama panel yang telah dikenal pasti ke MAIS untuk tujuan perlantikan panel penasihatahan akidah.³¹⁰

Tarikh-tarikh penasihatahan akan diselaras berdasarkan persetujuan klien dengan panel. Terdapat beberapa kekangan untuk menentukan ketetapan tarikh oleh panel dan klien. Ada kalanya sesi penasihatahan terpaksa ditangguh dengan kehendak panel atau kehendak klien kerana masalah cuti bagi klien yang bekerja dengan swasta, masalah pengangkutan dan perbelanjaan.³¹¹

Plaintif juga perlu mengikuti sesi ini sebanyak 12 kali secara minimumnya dengan kekerapan sebanyak 2 kali sebulan. Meskipun begitu bergantung kepada masa Plaintiff dan juga ahli panel yang mengendalikan kes ini, sama ada boleh mengikut jadual yang ditetapkan atau tidak. Namun sekiranya berlaku perkara yang tidak dapat

³⁰⁹ Che Mohd Noorlee Abdullah, temu bual, 2 Februari 2015.

³¹⁰ Che Mohd Noorlee Abdullah, temu bual, 2 Februari 2015.

³¹¹ Che Mohd Noorlee Abdullah, temu bual, 2 Februari 2015.

dielakkan, masa akan dilanjutkan sehingga sesi pertemuan mencukupi sekurang-kurangnya 12 kali.³¹²

Seandainya selepas menjalani proses ini Plaintiff masih mahu meneruskan kesnya maka pendirian Plaintiff tersebut akan dipanjangkan kepada pihak mahkamah. Seterusnya, mahkamah akan mengarahkan kes tersebut dibicarakan berdasarkan pliding³¹³ yang telah difailkan di mahkamah. Seterusnya mahkamah, menetapkan suatu tempoh untuk sesi penghujahan dan diikuti dengan keputusan yang diputuskan oleh mahkamah.³¹⁴

4.2.2 Panel Penasihat Akidah

Pihak Jabatan Mufti akan melantik mana-mana individu yang berkelayakan untuk mengendalikan sesi penasihat akidah. Individu ini dikenali sebagai “Panel Penasihat Akidah”. Bagi kes mualaf, panel yang dilantik adalah dalam kalangan pendakwah yang telah memeluk agama Islam, mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam ajaran Islam dan berkeupayaan untuk bertutur dengan baik dalam bahasa yang mudah difahami oleh pihak Plaintiff. Sebagai contoh, saudara Shah Kirit dan Ustaz Fitri Abdullah akan diminta untuk mengendalikan kes bagi plaintiff yang menggunakan bahasa Tamil dan Saudara Nicholas Slyvester bagi plaintiff yang selesa berbahasa Cina.³¹⁵

Terdapat 10 orang panel yang aktif menjalankan tugas penasihat di jabatan ini. Mereka adalah Shah Kirit, Fitri Abdullah, Nicholas Slyvester, Kamrul Zaman Noor Mohamed, Abu Shariz Badr Sarjun Hoda, Syar Meeze Mohd Rashid, Borhan Abdullah, Warjeet Kaur Nurwathiqahinani, Nurul Nadirah Liew Abdullah, Firdaus Wong Wai Hung dan Daniel Hakim Boey Abdullah. Mereka terdiri daripada

³¹² Che Mohd Noorlee Abdullah, temu bual, 2 Februari 2015.

³¹³ Permohonan Rayuan

³¹⁴ Che Mohd Noorlee Abdullah, temu bual, 2 Februari 2015.

³¹⁵ Temu bual Bersama Ustaz Fahimi Mahamad Madani, Peguam Syarie, MAIS, 23 Julai 2015.

kakitangan kerajaan, pekerja swasta dan bekerja sendiri. Manakala pemilihan sukarelawan MAIS pula dalam kalangan mualaf, aktif dengan NGO Islam yang melakukan aktiviti dakwah dan sesiapa yang berpengalaman dalam melakukan kerja-kerja dakwah kepada mualaf. Selain itu juga sukarelawan perlu dalam kategori mereka yang sanggup dan bersedia untuk melaksanakan tugas pendekatan dakwah kepada golongan pemohon murtad yang mencabar ini.³¹⁶

4.2.3 Pengisian Penasihat Akidah

Perjalanan sesi penasihat akan dipantau oleh Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Penasihat Akidah dengan dibantu oleh Pembantu Hal Ehwal Islam. Hampir setiap hari ada sesi penasihat yang dijalankan melibatkan dua hingga lapan orang klien, dan seorang hingga tiga orang panel sehari. Peralatan disediakan bagi elemen pengisian akidah, iaitu satu set televisyen dan alat rakaman serta bahan bacaan dan rujukan pelbagai bahasa seperti naskhah al-Quran.³¹⁷

Setakat ini belum ada modul khusus yang sempurna untuk dijadikan panduan dan rujukan. Meskipun begitu terdapat draf awal modul pengisian penasihat akidah yang disediakan bercampur aduk antara modul dan pendekatan yang tidak konsisten. Justeru, pemurnian modul terpaksa ditangguhkan kerana perlu disesuaikan dengan kaedah atau pendekatan mediasi yang telah dirancang untuk dilaksanakan. Namun begitu, setakat ini pendekatan pre-mediasi sebagai pengenalan kepada pendekatan mediasi sebenar telah diadakan dan mendapat maklum balas yang memberangsangkan.³¹⁸

Format penasihat adalah berdasarkan format yang dicadangkan oleh Jabatan Kehakiman Syarie, Selangor. Ia mengandungi tujuan pertemuan diadakan di antara

³¹⁶ Temu bual bersama Mohd Daruddin Hj. Taib@Hasan, Penolong Mufti, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Selangor, pada 18 Mac 2015.

³¹⁷ Mohd Daruddin Hj. Taib@Hasan, temu bual, 18 Mac 2015.

³¹⁸ Mohd Daruddin Hj. Taib@Hasan, temu bual, 18 Mac 2015.

panel penasihat akidah dan pemohon pengisytiharan murtad, profil klien, tarikh sesi penasihat, laporan bagi setiap sesi, kesimpulan dan syor oleh panel penasihat akidah.³¹⁹ Seterusnya plaintif perlu menjalani sesi dialog, sesi penerangan, dan perbincangan mengenai pelbagai isu yang berkaitan dengan agama Islam.³²⁰

Justeru, pendekatan menjinakkan pemohon memerlukan pendakwah memulakan perkenalan serta menjalinkan hubungan kasih sayang bersama golongan ini. Ini bertujuan memahami latar belakang kehidupan, corak pemikiran dan bagaimana pengertian dan pandangannya terhadap diri dan agama Islam. Pendekatan mendampingi sasaran sangat penting dan mampu memberi kesan yang memberangsangkan kerana pendakwah akan lebih memahami diri orang yang didakwah dan ia boleh dijadikan sebagai batu loncatan untuk mengetuk pintu hati manusia.³²¹

Setakat ini elemen pengisian penasihat akidah yang diguna pakai oleh panel penasihat istitabah mengandungi perkara-perkara berikut;

1. Perintah Mahkamah

Perjumpaan panel penasihat akidah dan pemohon pengisytiharan murtad bagi sesi pertama dan kedua panel akan memaklumkan tentang perintah mahkamah. Penjelasan bagi memberi kefahaman kepada pemohon tentang sesi penasihat berlaku kerana perintah Mahkamah. Sesi ini adalah sesi taaruf dengan pemohon.³²² Panel akan mewujudkan kejeleketan dan membina kepercayaan dalam sesi taaruf dengan pemohon, iaitu bertanya khabar tentang keadaan pemohon. Oleh itu, panel akan

³¹⁹ Mohd Daruddin Hj. Taib@Hasan, temu bual, 18 Mac 2015.

³²⁰ Temu bual Bersama Ustaz Fahimi Mahamad Madani, Peguam Syarie, MAIS, 23 Julai 2015.

³²¹ Ab. Majid, Kamil & Yusuf, Muhammed (2007) Kaedah Pendekatan Dakwah Silam Dan Masa Kini: Perbezaan Dan Kesesuaian from <http://kamilmajid.blogspot.com/2007/08/ikaedah-pendekatan-dakwah-silam-dan.html>

³²² Mohd Daruddin Hj. Taib@Hasan, temu bual, 18 Mac 2015.

memperkenalkan diri mereka kepada pemohon. Seterusnya panel berkongsi pengalaman sebagai seorang yang bukan Islam dan bagaimana panel memeluk Islam, kehidupan sebelum Islam dan kepercayaan agama yang lepas. Diceritakan juga indikator yang menyebabkan panel memeluk Islam, melalui petunjuk dari Allah SWT. Selain itu juga panel menyatakan tentang kebaikan yang dinikmati selepas memeluk Islam namun begitu terdapat juga cabaran serta ujian menjadi seorang muslim. Selanjutnya berkongsi tentang latar belakang pemohon mengenai status perkahwinan, kerjaya dan apa jua yang berkaitan dengan diri pemohon.³²³

2. Latar Belakang Pemohon Pengisytiharan Murtad

Mengenai latar belakang pemohon pengisytiharan murtad juga dibincangkan semasa sesi bersama panel penasihat akidah. Perbincangan berkisar tentang kepentingan ibu, bapa dan keluarga dalam kehidupan. Walaupun berlainan akidah dan pegangan agama bagaimana penerimaan keluarga terhadap pemohon selepas memeluk agama Islam.

Perbincangan diikuti dengan pertanyaan kenapa pemohon memohon untuk isytihar murtad dan perkara yang menyebabkan pemohon ingin keluar dari agama Islam. Sedangkan dalam agama Islam tidak ada kaedah atau cara untuk keluar dari Islam, kerana tidak ada agama yang benar melainkan Islam.³²⁴ Oleh itu, panel akan memberi ruang yang secukupnya kepada pemohon untuk meluahkan, menceritakan permasalahan yang mereka hadapi sehingga pemohon memohon untuk murtad. Kebanyakan pemohon menunjukkan rasa tidak puas hati dan mereka merasakan sangat teraniaya, oleh yang demikian permohonan pengisytiharan murtad dilakukan.

³²³ Mohd Daruddin Hj. Taib@Hasan, temu bual, 18 Mac 2015.

³²⁴ Mohd Daruddin Hj. Taib@Hasan, temu bual, 18 Mac 2015.

3. Asas Agama Islam³²⁵

Asas agama Islam dibincangkan bagi menjelaskan lagi punca pemohon memohon pengisytiharan murtad. Maka perbincangan diteruskan bagi sesi yang ketiga berkenaan perkara asas tentang agama Islam iaitu Rukun Islam dan Rukun Iman. Perbincangan menjelaskan tentang konsep ketuhanan dalam Islam. Tentang keesaan Allah dan Allah adalah tunggal. Panel mengingatkan kembali tentang pengucapan dua kalimah syahadah yang dilafazkan yang dijanjikan sewaktu memeluk Islam sebagaimana dengan penyaksian telah diikrarkan bahawa, “aku naik saksi bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad pesuruh Allah”. Justeru pengakuan yang telah dilafazkan wajib ditaati janji yang termeterai di antara pemohon dan Allah. Oleh itu, pemohon tidak boleh mungkir janji dengan menduakan, mensyirikkan atau menafikan Allah SWT.

Panel menjelaskan tentang kepentingan syahadah yang telah diikrarkan oleh pemohon. Sehubungan itu dijelaskan kembali tentang pengakuan syahadah yang telah diikrarkan dan disaksikan oleh dua orang saksi semasa proses pengislaman dilakukan. Persoalan yang ditanya adakah mereka sedar, tidak dipaksa, faham dan atas kerelaan hati semasa pemohon melakukan ikrar pengakuan semasa memeluk agama Islam. Sekiranya pemohon sedar adalah dinasihatkan supaya bertaubat kembali kepada Allah.

Seterusnya perbincangan mengenai Rukun Iman dan Rukun Islam dalam sesi keempat. Perkara ini penting bagi memberi kesedaran kepada pemohon tentang kedudukan Rukun Iman dan Rukun Islam dalam Islam. Rukun Islam yang pertama adalah mengucap dua kalimah syahadah, menerangkan bahawa selepas mengucapkan kalimah syahadah perlu mengetahui maknanya dan beramal dengan isi kandungan secara zahir dan batin. Perlu difahami dalam kalimah syahadah mempunyai dua

³²⁵ Mohd Daruddin Hj. Taib@Hasan, temu bual, 18 Mac 2015.

perkara utama iaitu yang pertama menafikan semua tuhan yang lain selain daripada Allah dan yang kedua hanya Allah tuhan yang Esa, tidak ada sekutu bagi Nya.

Rukun Islam dan rukun iman adalah rukun asas yang wajib diketahui, difahami, dihayati dan dilaksanakan oleh orang Islam. Orang Islam wajib percaya kepada kedua-dua rukun ini. Kewajipan mengucap dua kalimah syahadah, menunaikan solat menunjukkan sentiasa mengingati Allah dan sentiasa bersyukur kepada Allah di atas setiap nikmat yang diberikan. Mengerjakan solat adalah ibadat yang dilakukan oleh hamba secara langsung dengan memohon segala permohonan dan hajat kepada Allah tanpa ada sebarang perantaraan. Segala pengucapan dan bacaan dalam solat merupakan permohonan hamba kepada Allah.

Perbincangan tentang rukun Islam yang kelima iaitu tentang kewajipan membayar zakat. Pembayaran zakat bertujuan untuk menyucikan harta. Sekiranya seseorang muslim itu mampu maka harta yang dimilikinya perlu dikeluarkan zakat. Sama ada ia berbentuk perniagaan (wang) dan pertanian. Ia bertujuan untuk membantu golongan yang memerlukan yang telah ditetapkan oleh Islam iaitu golongan asnaf terdiri daripada lapan golongan iaitu fakir, miskin, amil, mualaf, riqab, gharimin, fisabilillah dan ibnu sabil. Perkara ini dijelaskan dalam surah al-Taubah, ayat 60. Maksud golongan fakir adalah orang yang tiada harta dan tidak dapat bekerja. Golongan ini tidak mempunyai keluarga untuk mencukupkan nafkahnya seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal, keperluan perbelanjaan sepuluh ringgit sehari untuk perbelanjaan tetapi hanya mampu mengadakan tiga ringgit sahaja.

Golongan miskin pula ialah golongan yang mempunyai kemampuan usaha untuk mendapatkan keperluan kehidupannya akan tetapi pendapatan yang diperolehi tidak mencukupi keperluannya. Seperti keperluannya RM 10.00 tetapi hanya memperolehi RM 8.00 sahaja. Manakala golongan mualaf, adalah seorang yang baru memeluk agama Islam, dengan pemberian zakat diharapkan semakin jinak hatinya

dengan Islam. Seterusnya amil adalah golongan yang dilantik untuk memungut dan mengagih wang zakat. Diikuti dengan golongan riqab ialah orang yang terbelenggu dan tiada kebebasan diri, gharimin adalah penghutang muslim yang tidak mampu untuk menjelaskan hutangnya. Fisabilillah ialah orang yang berjuang, berusaha dan melakukan aktiviti untuk menegakkan dan meninggikan agama Allah dan Ibnu Sabil ialah musafir yang kehabisan bekalan dalam perjalanan atau semasa memulakan perjalanan dari negaranya. Perkara yang dilakukannya mendatangkan pulangan yang baik kepada Islam dan umatnya.

Seterusnya perbincangan mengenai kewajipan berpuasa di bulan Ramadhan. Orang Islam diwajibkan berpuasa di bulan Ramadhan selama dua puluh sembilan hari atau tiga puluh hari. Bermula dari terbit fajar (subuh) hingga terbenam matahari (maghrib). Oleh itu, dalam waktu tersebut perlu menahan diri dari melakukan perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa seperti makan, minum dan melakukan hubungan kelamin. Manakala kepada perempuan yang datang haid diharamkan berpuasa, namun hari yang tidak berpuasa itu perlu diganti. Kelebihan berpuasa dapat mengawal nafsu seseorang itu dari rasa marah dan lebih bersabar.

Perbincangan diikuti dengan rukun Islam kelima, mengerjakan Haji. Ibadat Haji wajib dilakukan sekali seumur hidup umat Islam bagi yang berkemampuan dari segi kewangan dan mempunyai kesihatan yang baik. Ibadat haji mengandungi manfaat yang besar bagi umat Islam seluruhnya yang meliputi manfaat di dunia dan akhirat. Ibadat yang wajib yang perlu dilakukan dalam mengerjakan ibadah Haji ialah tawaf mengelilingi Ka'bah, sa'ie di antara Safa dan Marwah, wuquf di Arafah, di Mina dan di Muzdalifah, melontar Jamrah, bermalam di Mina, sembelih hadyu (korban dan dam), cukur kepala dan banyak berzikir kepada Allah. Perkara ini dilakukan bertujuan untuk mendekatkan diri, merendahkan diri dan kembali kepada Allah. Justeru itu,

ibadah haji merupakan salah satu sebab utama yang boleh menghapuskan dosa dan masuk syurga. Ibadat haji dilakukan pada bulan Zulhijjah.

Penerangan seterusnya tentang rukun Imam percaya kepada Allah. Wajib beriman dan percaya bahawa Allah itu ada yang memiliki kekuasaan dan kesempurnaan. Wajib yakin bahawa Allah menjadikan semua yang berada di langit dan di bumi. Beriktikad bahawa Allah Maha Esa dan tidak ada sekutu bagi Nya.

Perbincangan dan penerangan berkenaan kepercayaan kepada Malaikat merupakan iktikad dengan sepenuh keyakinan bahawa Allah menjadikan malaikat daripada cahaya yang bersifat taat sepenuhnya kepada Allah. Para Malaikat tidak melakukan sebarang maksiat terhadap Allah dan melaksanakan semua perintah Allah. Selain itu juga mereka sentiasa bertasbih kepada Allah sama ada waktu malam mahupun siang, tanpa merasa jemu. Manakala merujuk kepada sebanyak mana bilangan Malaikat, hanya Allah yang mengetahui. Malaikat mempunyai tugas yang telah ditetapkan oleh Allah seperti menulis amalan kebaikan dan keburukan yang dilakukan oleh manusia, menjaga syurga dan neraka.

Selanjutnya perbincangan tentang beriman dengan kitab-kitab Allah yang diturunkan ke atas rasul-rasul merupakan Rukun Iman yang ketiga. Allah SWT telah mengutuskan rasul-rasulNya dengan bukti-bukti yang jelas serta menurunkan kepada mereka kitab-kitab yang menjadi petunjuk serta panduan kepada para Rasul dan umatnya bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Selain itu kitab yang diturunkan berfungsi sebagai pedoman hidup yang dilalui dan penyelesaian kepada semua perkara yang menjadi perselisihan dalam kalangan umat manusia. Perkara ini jelas dinyatakan dalam kitab al-Quran yang merupakan kitab diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dan sehingga ke hari ini ia menjadi panduan kepada seluruh umat Islam.

Perbincangan diteruskan dengan beriman kepada Hari Kiamat iaitu iktikad (percaya) akan berakhirnya kehidupan dunia dan memasuki kehidupan akhirat selepasnya, ia bermula dengan kematian dan kehidupan di alam barzakh (kubur), diikuti dengan berlakunya kiamat kemudian dibangkitkan semula (seluruh manusia) dan dihimpunkan di Padang Mahsyar, selepas itu penerimaan pembalasan sama ada ke syurga atau neraka. Beriman dengan Hari Akhirat merupakan salah satu daripada Rukun Iman. Tidak sempurna iman seseorang kecuali beriman dengannya, sesiapa yang mengingkarinya adalah kafir.

Seterusnya perbincangan mengenai qada' dan qadar. Adalah menjadi satu kewajipan untuk meredhai semua ketentuan (qadar) kerana ia merupakan tanda kesempurnaan redha dengan rububiyyah Allah. Setiap mukmin wajib meredhai Qada' Allah kerana semua perbuatan Allah dan ketentuanNya adalah baik, adil dan mempunyai hikmah. Sesiapa yang yakin bahawa semua perkara yang telah ditakdirkan ke atasnya tidak mungkin terlepas daripadanya dan perkara yang tidak ditakdirkan ke atasnya tidak akan menimpanya. Oleh yang demikian, terlepas daripada perasaan bimbang dan tidak tenang. Sebaliknya hidup akan menjadi tenang dan sentiasa yakin dengan ketentuan Allah SWT.

Sesiapa yang mengetahui bahawa ajal dan rezekinya sudah ditetapkan, tidak akan ada perasaan takut kerana sifat penakut tidak dapat memanjangkan usianya, bahkan tidak bersifat bakhil kerana sifat bakhil tidak dapat menambahkan rezeki. Kesedaran akan wujud kerana semuanya telah ditentukan oleh Allah. Kesabaran juga akan wujud untuk menghadapi semua bencana yang menimpa. Malahan keampunan akan dipohon kepada Allah SWT bagi semua dosa yang telah dilakukan. Redha dengan ketentuan yang ditetapkan oleh Allah SWT.

Penerangan yang diberikan kepada mereka yang memohon untuk isytihar murtad mengenai rukun Islam dan rukun Iman biasanya akan diikuti dengan persoalan

yang akan ditanya oleh pemohon isytihar murtad kepada panel. Dialog akan berlaku antara panel penasihat akidah dan juga pemohon murtad. Ada juga dalam kalangan pemohon isytihar murtad yang mengetahui tentang rukun Islam dan rukun Iman tetapi kerana mereka terlalu mengikut emosi marah dan tidak puas hati kepada sesuatu perkara yang menyebabkan mereka memohon untuk isytihar murtad justeru mereka telah menafikan segala kebenaran tentang rukun Islam dan rukun Iman.

4. Perbandingan Agama

Perbincangan diteruskan mengenai perbandingan agama. Perkara ini penting bagi menjelaskan serta memberi kefahaman kepada pemohon tentang kesucian dan kebenaran agama Islam. Tajuk perbincangan berkisar mengenai agama terdahulu yang dianuti oleh pemohon. Seterusnya perbandingan agama akan dibincangkan oleh panel bersama pemohon mengenai agama Islam dan agama yang dianuti oleh pemohon sebelum memeluk Islam. Perbandingan tentang agama Kristian, Hindu dan Buddha dengan agama Islam mengenai konsep kepercayaan kepada tuhan. Agama Kristian mempercayai tentang dosa, penyelamat, keselamatan. Dari sudut ketuhanan pula mereka percaya bahawa Tritunggal iaitu tiga tuhan dalam satu termasuk ketuhanan al-Masih dan Roh al-Qudus. Jesus adalah anak tuhan turunnya ke bumi untuk mengorbankan dirinya untuk menebus dosa manusia.

Seterusnya dalam kepercayaan agama Hindu memanggil nama tuhan dengan nama “Brahma” yang membawa maksud Tuhan Yang Maha Esa yang memerintah seluruh alam semesta dan segala isinya. Namun begitu keadaan ini tidak selari dengan kepercayaan dalam agama Hindu apabila dari sudut aplikasi dan pengamalan agama Hindu adalah menyembah banyak tuhan yang diukir dengan pelbagai rupa seperti manusia yang mempunyai banyak tangan serta rupa binatang. Kepercayaan kepada

tuhan dalam agama Buddha pula tidak dapat digambarkan dengan jelas ajarannya kerana ia bersifat falsafah berbanding dengan kepercayaan dalam agama.

Sedangkan dalam agama Islam pula konsep ketuhanan adalah lebih jelas hanya Allah Yang Maha Esa, tiada Tuhan melainkan Allah. Konsep tunggal dan Maha Besar ditekankan yang melangkaui segala-galanya. Justeru, perkara yang sama diamalkan oleh penganut agama Islam selari dengan kepercayaan dalam pengamalan agama. Perkara ini adalah berbeza dengan konsep ketuhanan dalam agama yang lain.

Walau bagaimanapun cara dan kaedah pendekatan digunakan mengikut kepakaran yang digunakan oleh ahli panel penasihat akidah itu sendiri. Hasil perbincangan kesannya sebahagian klien mengakui memahami Islam setelah mengikuti sesi penasihat. Namun begitu terdapat klien tetap berpendirian mahu keluar daripada agama Islam. Hal ini kerana pegangan agama lama telah sebat dengan dirinya, di samping tidak mendapat sokongan dan dorongan yang kuat dari orang yang paling rapat dan terdekat.³²⁶

4.2.4 Ziarah Kepada Pemohon Isytihar Murtad

Semasa tempoh enam bulan berjalannya proses penasihat akidah atau istiṭabah, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf MAIS sukarelawannya³²⁷ akan mengadakan ziarah kepada pemohon pengisyiharan murtad secara berkala, sebulan sekali pada hari Sabtu dan Ahad.³²⁸

Sukarelawan ini dipilih berdasarkan komitmen mereka dalam menghadiri kelas dan kursus-kursus agama yang dianjurkan oleh MAIS dan mereka menunjukkan potensi yang baik untuk menjadi pendakwah. Kriteria ini dipilih supaya memudahkan komunikasi semasa sesi ziarah berjalan. Pihak MAIS akan memberi garis panduan

³²⁶ Mohd Daruddin Hj. Taib@Hasan, temu bual, 18 Mac 2015.

³²⁷ Sukarelawan MAIS yang melakukan ziarah mereka biasanya adalah dalam kalangan yang memeluk Islam dan benar-benar memahami dan menghayati Islam.

³²⁸ Che Mohd Noorlee Abdullah , temu bual, 2 Februari 2015.

untuk sesi ziarah. Pada kali pertama ziarah diadakan kepada pemohon isytihar murtad adalah untuk bertanya khabar mengenai pemohon tentang kehidupannya. Seterusnya ziarah pada kali kedua bertujuan untuk mengetahui tentang perkembangan kehidupan pemohon yang merangkumi mengenai hubungan keluarga, kerjaya, emosi dan status permohon pengisyiharan murtad yang dimohon. Selanjutnya ziarah dilakukan bagi menjelaskan tentang kesucian dan kebenaran agama Islam serta menyatakan tentang perbandingan agama Islam dan agama terdahulu kepada pemohon. Perkara ini sangat penting bagi menjelaskan dan menerangkan kedudukan yang sebenar mengenai agama Islam kepada pemohon.³²⁹

4.3 PENDEKATAN DAKWAH MAIS TERHADAP PEMOHON PENGISYIHIRAN MURTAD

Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab dua, Islam telah menyediakan tiga bentuk pendekatan utama yang boleh diberikan perhatian khususnya dalam menyampaikan dakwah kepada pemohon pengisyiharan murtad. Semasa pelaksanaan proses istitabah dijalankan kepada pemohon pengisyiharan murtad pendekatan dakwah yang sesuai telah dipraktikkan oleh MAIS. Pendekatan yang dimaksudkan ialah pendekatan hikmah dan kebijaksanaan (*bil-hikmah*), pendekatan nasihat dan pengajaran yang baik (*mauizah al-hasanaḥ*) dan pendekatan berbahas dengan cara yang baik (*mujadalah billati ḥiya ahsan*). Oleh yang demikian analisis ke atas dapatan kajian diperolehi akan mengambil kira tiga pendekatan dakwah yang telah dinyatakan.

³²⁹ Ibid

4.3.1 Pendekatan Hikmah dan Kebijaksanaan (Bil-Hikmah)

Kajian mendapati MAIS menggunakan pendekatan dakwah secara hikmah dan kebijaksanaan (bil-hikmah) kepada pemohon pengisyiharan murtad semasa pelaksanaan proses istiqabah dijalankan. Pendekatan hikmah dan bijaksana digunakan semasa mengaplikasi pendekatan dakwah di MAIS terutamanya semasa pemohon bersama panel penasihat dan sukarewan menziarahi pemohon. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ustaz Faisal Qayyum Ismail:³³⁰

“Masa selama enam bulan diberikan kepada pemohon isytihar murtad untuk memberi ruang kepada mereka berfikir semula tentang keputusan mereka untuk isytihar murtad, supaya mereka tidak membuat keputusan yang terburu-buru.”

Pendekatan secara hikmah yang dilakukan oleh pihak MAIS dengan memberi tempoh masa yang sesuai kepada pemohon pengisyiharan murtad untuk membuat keputusan yang betul dan tepat. Pihak MAIS telah memberi tempoh masa kepada pemohon pengisyiharan murtad supaya berfikir dan menjalani program istiqabah MAIS dalam masa yang sama MAIS dapat mendekati pemohon pengisyiharan murtad supaya kembali kepada agama Islam. Keadaan dan situasi ini bersetujuan dengan hukum syarak berkaitan perintah taubat sebelum dijatuhkan hukuman bunuh ke atas orang yang murtad. Walau bagaimanapun hukuman bunuh ke atas mereka yang murtad tidak dijatuhkan dengan segera. Namun begitu diarahkan dan disarankan supaya mereka bertaubat terlebih dahulu.³³¹

Dalam konteks agama Islam sebelum menjatuhkan hukuman ke atas mereka yang murtad adalah menjadi kewajipan untuk memberikan mereka tempoh supaya bertaubat. Terdapat beberapa cara dan langkah yang perlu dilakukan sebelum

³³⁰ Temu bual Bersama Ustaz Faisal Qayyum Ismail, Eksekutif Pengurusan Kes Mahkamah, 2 Februari 2015.

³³¹ Abdul Karim Zaidan, *al-Mufassol fi ahkam al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim*, (Beirut : al-Muassasah al-Risalah, 1994), 315.

menjatuhkan hukuman bunuh tersebut, iaitu yang pertama, menurut pandangan mazhab As-Syafie, pemohon murtad hendaklah bertaubat dengan segera dan sekiranya tidak bertaubat terus dibunuh. Namun begitu menurut pandangan mazhab Hanafi pula, meminta pemohon supaya bertaubat hanyalah sekadar sunat dan perlu diberi tempoh untuk bertaubat selama tiga hari. Seterusnya perkara kedua, memberi amaran kepada orang yang murtad, mengenai hukuman berat yang akan menimpanya sekiranya dia berterusan untuk murtad.

Manakala perkara ketiga pula, wajib dibunuh orang yang murtad itu sekiranya masih berdegil dan enggan bertaubat. Meskipun begitu hukuman ke atas orang murtad tidak boleh dilaksanakan melainkan telah memenuhi syarat yang telah ditetapkan iaitu baligh dan berakal, pemohon telah dinasihatkan supaya bertaubat serta sabit perbuatan murtad yang dilakukan melalui ikrar atau kesaksian.³³²

Perkara yang sama dinyatakan oleh Ustaz Daruddin:³³³

“Kita (MAIS, Jabatan Mufti Negeri Selangor) akan sentiasa melayan pemohon dengan cara baik walaupun pemohon datang untuk murtad ini kerana nak jaga perasaan dan emosi mereka supaya sentiasa tenang.”

Pihak MAIS berusaha untuk melayan pemohon dengan baik meskipun pemohon yang datang adalah untuk memohon untuk murtad. Hal ini kerana bagi memastikan perasaan pemohon tidak terganggu dan sentiasa tenang dalam menghadapi kemelut untuk keluar agama Islam. Selain itu juga untuk mengelakkan pemohon dari terus untuk memohon isytihar keluar Islam dan supaya pemohon kembali bertaubat kepada agama Islam.

Pendekatan secara hikmah bererti sesuatu yang sesuai dengan keadaan. Sesuatu tindakan boleh menjadi sesuai bagi seseorang, tetapi tidak sesuai bagi orang lain. Ia

³³²Mustafa al-Khin,*al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Mazhab al-Imam al-Syafie*, Damsyik : Dar al-Qalam, 1996, 468.

³³³ Mohd Daruddin Hj. Taib@Hasan, temu bual, 18 Mac 2015.

menjadi sesuai bagi satu masa, tetapi tidak sesuai dengan masa lain. Dengan itu, tindakan itu hikmah bagi seseorang atau bagi masa tertentu, tetapi tidak hikmah bagi orang lain atau masa yang lain. Justeru itu, hikmah berkait rapat dengan keadaan untuk menentukan ia bersesuaian.³³⁴ Pendekatan ini diaplikasikan oleh MAIS yang bersesuaian dengan pemohon pengisytiharan murtad. Pendekatan ini juga digunakan oleh Borhan.³³⁵

“Saya akan memahami setiap perkara yang pemohon bagi tahu supaya senang untuk saya menasihati mereka dan mereka tidak buat keputusan yang salah untuk murtad. Sebab masalah yang mereka hadapi boleh diselesaikan dengan baik tetapi kita kena faham masalah mereka dan faham diri pemohon juga penting.”

Pada pandangan panel dengan memahami setiap permasalah pemohon adalah penting kerana memudahkan panel untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pemohon yang menjadi sebab utama pemohon memohon untuk murtad. Panel bertindak dengan hikmah apabila memahami terlebih dahulu pemohon sebelum membantu memberi nasihat yang sesuai untuk pemohon bagi menyelesaikan permasalahan yang dihadapi. Keadaan ini memudahkan kedua-dua pihak iaitu pemohon dan panel penasihat akidah berinteraksi semasa sesi penasihatkan berjalan.

Oleh itu, ketika mendekati sasaran dakwah semasa melakukan hubungan dengannya pendakwah yang baik harus mempelajari terlebih dahulu keadaan komuniti atau peribadi yang berkaitan dengan sasaran dakwahnya.³³⁶ Kaedah ini digunakan oleh Pihak MAIS.

Ustaz Noor Lee juga menggunakan pendekatan secara hikmah, beliau menyatakan:³³⁷

“Apabila pemohon dah mohon untuk murtad itu biasanya jalan terakhir mereka untuk keluar dari

³³⁴ Abdul Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, (Kuala Lumpur. Universiti Malaya, 2011), 8.

³³⁵ Temu bual bersama Borhan Abdullah, panel penasihat akidah MAIS, pada 18 Disember 2015.

³³⁶ Munzier Suparta dan Harjani Hefni, *Metode Dakwah*. Jakarta. Perdana Media, 2003, 102.

³³⁷ Che Mohd Noor Lee Abdullah, temu bual, 2 Februari 2015.

agama Islam sebab marah atau tak puas hati dengan sesuatu perkara, maka pihak kami (MAIS) perlu sabar menghadapi pemohon, sebab pemohon nak murtad biasanya sebab putus cinta dan ada masalah rumahtangga”

Sifat sabar adalah teguh dan dapat mengawal hawa nafsu demi untuk mencapai keredhaan Allah,³³⁸ dalam menghadapi pemohon pengisyiharan murtad adalah perlu bersifat sabar bagi mendekati pemohon justeru pemohon dapat meluahkan dan menyatakan sebab kenapa permohonan pengisyiharan murtad dilakukan. Pemohon mempunyai alasan dan sebab yang tersendiri yang menyebabkan mereka memohon untuk murtad. Seperti kegagalan dalam hubungan percintaan dan keruntuhan rumahtangga oleh itu, perkara ini membuatkan pemohon rasa sangat marah, tidak berpuas hati dengan perkara yang berlaku ke atas dirinya kesannya mendorong pemohon untuk memohon murtad.

Kelembutan dalam berdakwah dapat membuka hati sasaran untuk berubah dan membuat kebaikan. Sebagaimana Allah memerintahkan kepada Nabi Musa dan Harun supaya berbicara dengan lemah lembut ketika berhadapan dengan Firaun.³³⁹ Malahan sabar pula merupakan ciri pendakwah yang termasuk dalam memiliki sifat mulia.³⁴⁰

4.3.1.1 Pendekatan Hikmah dan Kebijaksanaan (Bil-Hikmah) Dengan Lemah Lembut

Pendekatan hikmah dan kebijaksaan dengan lemah lembut juga digunakan dalam pendekatan dakwah MAIS. Sebagaimana dilakukan oleh panel penasihat akidah dan sukarelawan ziarah MAIS. Saudara Borhan Abdullah menyatakan:

³³⁸ Imam al-Ghazali, *Mutiara Ihya' Ulumuddin Hak Milik Muslim*, Imam al-Ghazali, (Buku-buku, Ipoh, Perak, Darul Ridwan, cetakan 2014), 1093.

³³⁹ Ibn Qasim dan Abu M.Baqir, *Bagaimana Menyeru Kepada Islam*, terj. Al-Ustadh Fathi Yakan, (Kuala Lumpur, Dewan Pustaka Fajar), 1987, 53.

³⁴⁰ Ali Abdul Halim Mahmud, *Fiqh Ad-Dā'i wāhī Ilā Allāh (II)*, (Cairo: Dar Al-Wafa, 1993), 840.

“Saya mendengar rintihan hati dan perasaan pemohon murtad, kadang-kadang ada juga mereka meninggikan suara sebab tak boleh kawal perasaan...kalau hal macam ni jadi saya diam sekejap biarkan pemohon melepaskan perasaannya, selepas itu baru saya pujuk pemohon supaya sabar”,³⁴¹

Pendekatan yang digunakan adalah dengan hikmah dan kebijaksanaan dengan lemah lembut. Walaupun pemohon bercakap dengan menggunakan suara yang tinggi tetapi panel penasihat tetap menggunakan nada suara yang perlahan dan boleh didengar oleh pemohon. Ini kerana panel memahami perasaan emosi pemohon yang terganggu selepas mendengar rintihan yang dimaklumkan dan dikongsi dengan panel. Panel sedar dan tahu hal ini berlaku kerana pemohon tidak dapat mengawal perasaannya. Malahan panel memberi ruang kepada pemohon untuk melepaskan perasaannya. Selepas habis luahan perasaan pemohon, panel diam seketika, bagi menenangkan pemohon. Setelah itu baru panel memulakan perbincangan semula dan memujuk pemohon supaya bersabar. Selepas panel mengetahui tentang situasi pemohon maka beliau akan memberi maklum balas yang sesuai kepada pemohon. Dapat difahamkan bahawa dengan memaklumkan pemilihan isi dakwah yang sesuai akan memberikan maklum balas yang baik daripada sasaran. Namun begitu, dengan menyatakan pemilihan pengisian dakwah yang tidak tepat dan betul akan menyebabkan tercetusnya pelbagai kontroversi dalam usaha pendekatan dakwah yang dilakukan.³⁴² Oleh itu, panel telah memberi pendekatan yang sesuai kepada pemohon.

Perkara yang sama diaplikasikan oleh sukarewan MAIS, semasa mengadakan ziarah kepada pemohon isytihar murtad, saudara Yazid Abdullah memaklumkan:

“Bila saya pergi jumpa pemohon saya dengar dia cerita semua masalah dia, lepas habis dia bercerita

³⁴¹ Temu bual bersama Borhan Abdullah, panel penasihat akidah MAIS, pada 18 Disember 2015.

³⁴² Abdul Aziz Mohd Zin, *Dakwah Islam Di Malaysia*, (Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2006), 101.

saya akan respon dengan suara perlahan dan tidak menyakitkan hatinya”³⁴³

Kaedah lemah lembut digunakan semasa sesi ziarah dilakukan. Apabila sukarelawan MAIS mengadakan ziarah kepada pemohon, sukarelawan akan mendengar perkara yang disampaikan oleh pemohon sehingga selesai dengan memberi ruang dan peluang kepada pemohon untuk meluahkan perasaannya. Selepas itu sukarelawan akan menunjukkan respon yang baik kepada perkara yang telah disampaikan. Dalam hal ini nada suara perlahan digunakan dan menggunakan kata-kata yang tidak menyinggung perasaan pemohon. Sesungguhnya fitrah kejadian manusia dijadikan dengan sifat yang suka kepada kebesaran dan kemuliaan dan banyak terikat dengan adat kebiasaan. Sehubungan dengan itu untuk mengajak manusia ke arah kebaikan mestilah menggunakan perkataan yang lemah lembut.³⁴⁴ Selain itu juga berbicara dengan menggunakan perkataan yang lemah lembut mampu untuk merangsang, mempermudahkan dan menanam kesukaan sasaran kepada penyampaian.³⁴⁵ Kaedah ini juga digunakan oleh Nur Ain T. Abdullah memaklumkan:³⁴⁶

“Bila jumpa dengan pemohon saya akan bercakap dengan menggunakan bahasa yang lembut serta suara yang perlahan dan lembut, saya cuba bercakap dengan pemohon dengan sebaik mungkin, cara ini pun apa yang diajar dalam agama Islam”

Nur Ain telah maklum tentang pendekatan yang perlu digunakan kepada pemohon pengisytiharan murtad. Walaupun mereka ingin memohon murtad cara yang berlemah lembut diaplikasikan bagi menunjukkan ajaran Islam itu adalah baik dan perlu

³⁴³ Temu bual bersama Yazid Abdullah, sukarelawan ziarah MAIS, pada 20 Disember 2015.

³⁴⁴ Dato' Wan Hussein Azmi, *Panduan Dakwah Islamiah*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), 72.

³⁴⁵ Jum'ah Amin Abdul Aziz, *Fiqih Dakwah*, (Panjang Solo: Era Intermedia, 2008), 92.

³⁴⁶ Temu bual bersama Nur Ain T. Abdullah, sukarelawan ziarah MAIS, pada 20 Disember 2015

diamalkan. Ini kerana bahasa memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan dakwah kepada pemohon. Malahan melalui bahasa yang digunakan dapat menyampaikan gagasan baru kepada pemikiran.³⁴⁷ Justeru Nur Ain mengamalkan kaedah bercakap dengan lemah lembut dalam kehidupannya terutamanya semasa beliau berhadapan dengan pemohon.

Ajakan dilakukan dengan kebijaksanaan, lemah-lembut dan tingkah laku yang baik. Seperti menjadi *role model* dan mempraktikkan dalam amalan-amalan mulia dalam agama Islam. Orang Islam sepatutnya menasihati orang lain dengan menggunakan pendekatan yang lemah-lembut bertujuan untuk menarik dan menawan hati mereka yang perlu tahu tentang kebenaran Allah SWT.³⁴⁸ Puteri Abdullah juga menggunakan pendekatan secara lemah lembut, sebagaimana beliau menyatakan:³⁴⁹

“Saya cakap dengan lemah lembut dengan pemohon, saya mahu mereka selesa dengan saya, macam saya juga la, suka orang cakap baik-baik dan lemah lembut jadi saya cakap elok-elok dengan mereka (pemohon)”

Puteri memahami bahawa pendekatan secara berlemah lembut dengan pemohon membolehkan pemohon rasa selesa semasa perbualan di antara dia dan pemohon berlangsung. Ini kerana Puteri juga mahu dilayan dengan layanan yang baik iaitu dengan sikap yang baik dan perkataan yang lemah-lembut, keadaan ini membuatkan Puteri rasa selesa dan seronok. Oleh yang demikian Puteri menggunakan pendekatan secara berlemah lembut dengan pemohon pengisytiharan murtad. Komunikasi dengan cara berlemah lembut serta tidak memanjangkan perbicaraan

³⁴⁷ M.Isa Anshary, *Mujahid Dakwah, Pembimbing Mubaligh Islam*, Cet. 2, (Bandung, Depanegara, 1979), 27.

³⁴⁸ Prof. Datin Dr. Mizan Adillah Ahmad Ibrahim, Prof. Madya Dr. Ali Yakob Matondang, Asma Abdul Rahman, *Pembentukan Pengukuran Personaliti Pendakwah*, Laporan Penyelidik: UPU (1)/D/ 2003, (Kolej Universiti Malaysia, Kuala Lumpur, Julai 2004), 12.

³⁴⁹ Temu bual bersama Puteri Abdullah, sukarelawan ziarah MAIS, pada 20 Disember 2015.

dalam masa yang singkat merupakan unsur dakwah yang berkesan.³⁵⁰ Pendekatan ini digunakan oleh Saudara Yazid Abdullah:³⁵¹

“Bila kita tahu sebab pemohon nak murtad, kita akan cakap yang baik-baik bagi hati dan jiwa pemohon tenang bila bercakap dengan kita, sebab pemohon nak murtad ada la perkara yang dia tak puashati, sakit hati...jadi kena cakap elok-elok la dengan dia”

Yazid menjelaskan bahawa dengan menggunakan perkataan yang baik semasa bercakap dengan pemohon pengisyiharan murtad akan membantu pemohon lebih tenang dan selesa. Perkara ini dijelaskan oleh ‘Aidh Abdullah Al-Qarni yang berpendapat bahawa seorang penasihat umat mestilah sentiasa menunjukkan rasa belas kasih kepada umatnya. Dan ia harus mengetahui bagaimana keadaan mereka. Lalu memberi mereka nasihat, dengan penuh rasa cinta dan sayang.³⁵²

Yazid perlu mengetahui terlebih dahulu kenapa pemohon memohon untuk murtad kerana dengan mengetau sebab tersebut lebih senang bagi Yazid untuk berkomunikasi bersama pemohon. Oleh yang demikian Yazid menggunakan pendekatan dengan lemah-lembut kepada pemohon pengisyiharan murtad.

4.3.1.2 Pendekatan Hikmah dan Kebijaksanaan (Bil-Hikmah) Dengan Merungkaikan Masalah

Didapati bahawa pendekatan hikmah dan kebijaksanaan (*bil-hikmah*) dengan merungkaikan masalah ini digunakan dalam pendekatan dakwah MAIS, saudari Nur Ain T. Abdullah memaklumkan:³⁵³

³⁵⁰ Hasan Al-Bana, *Detik-detik Hidupku*, (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1990), 119.

³⁵¹ Borhan Abdullah, temu bual, 18 Disember 2015.

³⁵² ‘Aidh Abdullah Al-Qarni, *Petunjuk Berdakwah Dengan Berkesan*, (Kuala Lumpur, Jasmin Enterprise, 2007), 127.

³⁵³ Temu bual bersama Nur Ain T. Abdullah, sukarelawan ziarah MAIS, pada 20 Disember 2015.

“Biasanya mualaf yang nak murtad sebab dia ada masalah dengan pasangan suami atau isteri, selalu bergaduh tak ada persefahaman, jadi apa yang dia alami saya sendiri sebagai mualaf juga rasa....dalam hal ini saya bagi la pandangan saya seperti kalau ada masalah suami tak bertanggungjawab kena bagi nasihat pada suami kalau takjalan juga, bagi tau pada ustaz atau orang tengah pasal sikap suami..kalau keadaan masih sama isteri kenalah buat keputusan pasal hubungan dia dan suami, jangan hidup dalam kesusahan dan sedih selalu, kalau masalah dah ok tak perlu la nak murtad”³⁵⁴

Sukarelawan MAIS seolah-olah sudah tahu masalah yang dihadapi oleh pemohon. Oleh yang demikian adalah lebih mudah sukarelawan ini mendekati pemohon dan mendapatkan maklumat yang tepat mengenai permasalahan yang dihadapi. Malahan juga apa yang di alami oleh pemohon pernah juga dialami oleh sukarelawan. Justeru itu sukarelawan memahami permasalah yang dihadapi oleh pemohon dan cuba merungkaikan masalah pemohon. Sukarelawan akan berkongsi masalah kehidupan yang pernah dilaluinya dahulu dan bagaimana dia menyelesaikan permasalahan yang dihadapi tanpa melibatkan permohonan untuk murtad. Hubungan yang tidak baik di antara pasangan suami dan isteri dalam kalangan mualaf biasa berlaku. Panel akan mendengar permasalahan yang dihadapi oleh pemohon dan memahami permasalahan yang dihadapi.

Pendekatan ini dalam usaha bagi memastikan proses komunikasi mencapai matlamatnya, dalam komunikasi Islam mahupun Barat meletakkan beberapa prinsip yang perlu dipatuhi. Dalam komunikasi Barat berteraskan lima prinsip utama iaitu kesedaran (*aware*), mesej lisan (*verbal*), dan bukan lisan (*nonverbal*), mendengar dan

³⁵⁴ Nur Ain T. Abdullah, temu bual, 20 Disember 2015.

maklum balas (*listen and respons*) dan penyesuaian (*adapt*).³⁵⁵ Hal yang sama di nyatakan oleh Puteri:³⁵⁶

“Pemohon nak murtad biasanya dia ada masalah, macam suami isteri yang selalu bergaduh, suami tak didik isteri mualaf dan suami pun tak solat, puasa, pukul isteri jadi bila bergaduh mereka tak tau cara nak selesai masalah tu, *so* tolong pasangan yang bermasalah ni supaya kembali kepada ajaran Islam...jumpa mereka bagi nasihat supaya berbaik semula, perlu ada rasa kasih sayang antara suami dan isteri, perlu terima kelemahan pasangan dan ingat-mengingati, tegur menegur untuk kebaikan pasangan, sebagai seorang Islam wajib solat, puasa, didik isteri dengan baik, ajak mereka datang kelas untuk belajar pasal Islam..bagi tau juga pada mereka dalam rumah tangga pergaduhan adalah perkara biasa tapi perlu selesaikan masalah yang dihadapi dan yang paling penting tak perlu sampai nak mohon murtad, sebab tu kena tolong mereka cara nak selesai masalah yang ada”.

Puteri seperti faham permasalahan yang dialami oleh pemohon. Oleh yang demikian Puteri bertindak sebagai orang yang ingin membantu pemohon untuk merungkaikan permasalahan yang dihadapi oleh pemohon. Ini kerana pemohon merasakan masalah yang dihadapi dapat diselesaikan hanya dengan keluar dari agama Islam. Dengan berkongsi permasalahan yang ada akan dapat membantu pemohon supaya meringankan beban masalah yang dipikul oleh pemohon, dengan harapan pemohon akan bertaubat dan kembali kepada ajaran Islam. Puteri juga berpandangan bahawa ada cara yang boleh menyelesaikan masalah yang dialami oleh pemohon tanpa memohon untuk keluar Islam. Pendekatan merungkaikan masalah turut sama digunakan oleh Saudara Shah Kirit, beliau memaklumkan bahawa:³⁵⁷

³⁵⁵ Steven A.Beebe Susan J.Beebe dan Diana K.Ivy, *Communication Principles For A Lifetime*, ed. Ke-3 rev, (Amerika: Person Education, Inc, 2007), 17-18.

³⁵⁶ Puteri Abdullah, temu bual, 20 Disember 2015.

³⁵⁷ Temu bual bersama Shah Kirit bin Kakulal Govindji, panel penasihat akidah MAIS, pada 18 Disember 2015

“Kita tahu bahawa pemohon biasanya sudah rasa sedih, kecewa dengan permasalahan yang dialami, seperti masalah rumah tangga, suami, isteri atau kekasih curang, tidak bertanggungjawab, jadi perkara begini biasanya yang menyebabkan mereka mohon murtad, kita cuba bantu selesai masalah yang mereka hadapi dengan mendengar semua penjelasan yang dimaklumkan dan bagi jalan nak selesai masalah tu, dengan memberi nasihat supaya suami atau isteri yang curang tu meminta maaf dengan pasangan dan tidak melakukan kesilapan yang sama, menuntut supaya pasangan jujur dalam perhubungan serta hormat-menghormati dan percaya antara satu sama lain...sekiranya perkara yang sama masih berlaku maka pasangan perlu berbincang tentang hubungan mereka dengan berbicara secara matang dan ada rasa hormat tanpa melibatkan permohonan nak murtad.”

Kebiasaan pemohon mengalami masalah yang melibatkan konflik rumah tangga yang melibatkan suami dan isteri. Kekasih yang curang dan tidak bertanggungjawab menyebabkan pasangan kecewa dengan apa yang berlaku kepada dirinya. Keadaan ini menyebabkan pemohon memohon untuk murtad. Pada pandangan pemohon kesedihan yang dihadapi hanya boleh diselesaikan dengan keluar dari agama Islam. Dalam situasi sebegini Shah Kirit berpendapat perlu membantu pemohon untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh pemohon. Oleh itu, Shah perlu mendengar penjelasan terlebih dahulu mengenai isu yang dihadapi oleh pemohon untuk tindakan selanjutnya bagi membantu pemohon supaya kembali kepada agama Islam. Hal ini selari dengan konteks berdakwah yang perlu mengajak manusia kepada akidah yang benar dan melarang mereka mengikuti akidah yang rosak, pendakwah sebaiknya perlu banyak menggunakan kaedah memberi nasihat yang baik daripada cara berbantah. Menggunakan pendekatan menyayangi dan berbelas kasih daripada

pendekatan mengingkari dan mencela. Justeru itu perlu memilih metode yang disukai dan ucapan-ucapan yang baik dan beradab.³⁵⁸

4.3.2 Pendekatan Nasihat Dan Pengajaran Yang Baik (Mauiżah Al- Ḥasanah)

Dapatkan kajian mendapati Ustaz Daruddin menggunakan pendekatan dakwah secara nasihat dan pengajaran yang baik (mauiżah al-ḥasanah) kepada pemohon pengisyiharan murtad semasa pelaksanaan proses istitabah dijalankan. Pendekatan ini digunakan terutamanya semasa panel penasihatan akidah bersama pemohon dan sesi ziarah dilakukan kepada pemohon pengisyiharan murtad, seperti yang dinyatakan:³⁵⁹

“Kita (Jabatan Mufti Negeri Selangor) bimbang dengan masalah murtad dalam kalangan mualaf ni dan seboleh-bolehnya muah pemohon kembali kepada agama Islam dan bertaubat, sebab tu nasihat, bimbingan yang berterusan diberikan kepada pemohon supaya mereka kembali kepada agama Islam”

Pihak Jabatan Mufti Negeri Selangor bimbang dengan permasalah isu murtad yang berlaku dalam kalangan mualaf oleh sebab itu pihaknya sangat berharap agar pemohon bertaubat dan kembali kepada agama Islam. Usaha yang dilakukan bagi mengajak pemohon kembali kepada agama Islam adalah dengan memberikan nasihat, tunjuk ajar dan bimbingan yang berterusan kepada pemohon. Agar pemohon bertaubat dan kembali kepada agama Islam.

Keadaan ini selaras dengan perkataan mauiżah al-ḥasanah membawa maksud sebagai jalan untuk menyampaikan dakwah dan uslub berdakwah bertujuan untuk mendekati bukan menjauhkan, memudahkan bukan menyusahkan, mengasihi dan bukan menakutkan. Hal ini sebagaimana menurut Imam al-Ghazali menyatakan,

³⁵⁸ Muhammad Abu Fath Al-Bayanun, *Fiqih Dakwah, Panduan Sukses Dan Nasihat Para Dai*, (Surakarta. Indiva Pustaka, 2008), 9.

³⁵⁹ Mohd Daruddin Hj. Taib@Hasan, temu bual, 18 Mac 2015.

mauiżah al-ħasanaħ adalah beberapa pengajaran dan nasihat yang berdasarkan kepada apa yang terkandung dalam al-Quran dan aspek perkhabaran yang menggembirakan serta peringatan dan ancaman yang menakutkan kemudian disertai dengan kesabaran dan keikhlasan dalam nasihat yang diberikan.³⁶⁰

Pandangan yang sama dinyatakan oleh Ustaz Qayyum, sebagaimana beliau menyatakan.³⁶¹

“Usaha kita (MAIS) nak dakwah pemohon dengan memberi nasihat yang baik kepada pemohon supaya dapat memberi kesedaran kepada mereka tentang kebenaran agama Islam, seperti menasihati pemohon supaya tetap dengan akidah Islam, ini kerana masalah yang menimpa mereka seperti kegagalan dalam rumahtangga dan bercerai adalah ujian dalam kehidupan, setiap perkara yang berlaku ada kebaikannya disebaliknya, mungkin jodoh yang lebih baik Allah gantikan selepas berlakunya penceraian”

Pendekatan memberi nasihat kepada pemohon pengisytiharan murtad adalah perkara yang diberi keutamaan. Menasihati pemohon dengan menyatakan ajaran Islam yang benar supaya mereka sedar tentang kebenaran agama Islam yang dianutinya. Tujuan menasihati pemohon adalah supaya pemohon kembali kepada ajaran Islam yang benar. Memberi kesedaran untuk pemohon bertaubat kembali kepada ajaran Islam yang benar adalah menjadi objektif utama MAIS dalam menangani isu mualaf mohon keluar dari agama Islam.

Nasihat yang baik diberikan iaitu untuk memberi peringatan, teguran, ucapan yang ikhlas tidak menggunakan perkataan yang boleh menyinggung perasaan dan memupuk perasaan kasih sayang serta hubungan silaturrahim bersama sasaran.³⁶² Kepentingan pendakwah untuk memahami keperluan pemohon seterusnya memberi nasihat dengan penuh lemah lembut, keikhlasan dan kejujuran dapat meruntuhkan

³⁶⁰Hj. Abdul Majid bin Omar, *Pengenalan Dakwah*, (Selangor, Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2007), 6-7.

³⁶¹Faisal Qayyum Ismail, temu bual, 2 Februari 2015.

³⁶²Ab. Aziz Mohd Zain, *Metodologi Dakwah*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2000), 10.

segala kemosyikilan.³⁶³ Kerana tanpa pendekatan dakwah yang sesuai dan baik maklum balas yang negatif akan diperolehi walaupun isi kandungan dakwahnya menarik dan bermutu.³⁶⁴ Justeru keseimbangan dalam berdakwah adalah penting sama ada dalam aspek menyampaikan dakwah berbentuk memberi nasihat dan pengajaran dan mengenalpasti penerimaannya.

Yazid sukarelawan MAIS juga menggunakan pendekatan memberi nasihat dan pengajaran yang baik semasa melakukan ziarah terhadap pemohon pengisytiharan murtad, beliau menjelaskan:³⁶⁵

“Bagi tahu perkara yang baik-baik pasal Islam macam kena maafkan kalau ada orang buat silap dengan kita, sebab manusia biasa mesti ada buat salah dan bila kita maafkan kesalahan orang lain kita jadi tenang, sebab kita kena ingat kita juga buat salah dan silap dan kita pun harapkan orang maafkan salah dan silap kita dan yang paling penting apa pun yang jadi tak perlu sampai nak murtad”

Yazid Menggunakan pendekatan nasihat dan pengajaran yang baik dengan menyatakan perkara yang baik tentang ajaran agama Islam. Dengan menyatakan konsep berkenaan kemaafan dalam Islam dan menerima serta mengakui bahawa manusia biasa melakukan salah dan silap. Oleh yang demikian memaafkan kesilapan orang yang melakukan kesalahan adalah perkara yang dianjurkan dalam agama Islam. Perkara berkenaan memaafkan jelas dinyatakan dalam al-Quran dalam surah at-Taghaabun, ayat 14 yang bermaksud:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِنَّ مِنْ أَزْوَاجِكُمْ وَأَوْنَدِكُمْ عَدُوًا لَّكُمْ فَآخِذُوهُمْ

وَإِنْ تَعْفُوا وَتَصْفَحُوا وَتَغْفِرُوا فَإِنَّ اللَّهَ غُفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٤﴾

At-Taghaabun 64:14

“Wahai orang beriman sesungguhnya ada di antara isteri-isteri kamu dan anak-anak kamu menjadi musuh bagi kamu, oleh itu awaslah serta berjaga-jaga terhadap mereka. Dan kalau kamu maafkan mereka dan tidak marah kepada mereka serta mengampunkan kesalahan mereka (maka Allah akan berbuat demikian kepada kamu),

³⁶³ Ghazali Darusalam, *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiyah*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1996), 28.

³⁶⁴ Roslan Mohamed, *Dakwah Non-Muslim: Satu Introspeksi Ringkas*, (Jurnal YADIM, bil. 3, Jun 2002), 121.

³⁶⁵ Yazid Abdullah, temu bual, 20 Disember 2015.

kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.”

Ayat ini menerangkan bahawa sekiranya kita memaafkan orang yang melakukan kesilapan dan sekaligus menghilangkan kemarahan kepada mereka maka Allah akan membala perbuatan yang sama kepada orang yang memberi kemaafan. Kerana Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani. Justeru dengan menasihati dan memberi pengajaran yang baik adalah pendekatan yang digunakan dalam pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisyiharan murtad.

4.3.2.1 Pendekatan Nasihat Dan Pengajaran Yang Baik (Mauiyah Al-Hasanah) Dengan Memberi Dorongan

Pendekatan nasihat dan pengajara yang baik dengan memberi dorongan telah diaplikasikan oleh pihak Shah Kirit. Perkara ini dinyatakan oleh panel penasihat akidah MAIS:

“Apabila pemohon menceritakan sebab untuk murtad biasanya mereka akan mengatakan dianaya oleh pasangan seperti dipukul, tidak memberi nafkah untuk perbelanjaan, ada teman lelaki atau teman wanita yang lain serta mereka juga tidak diberi pendidikan agama Islam dengan sepatutnya. Saya simpati dan bersetuju dengan apa yang mereka nyatakan. Apabila saya menunjukkan sikap ambil berat dan simpati dengan apa yang berlaku ke atas pemohon, pemohon mula timbul rasa percaya dan ingin berkongsi dengan saya....sebab itu saya perlu memberi motivasi kepada mereka untuk meneruskan hidup dalam keadaan yang lebih baik dengan memberitahu kepada pemohon supaya lupakan kisah sedih yang dah berlalu bina hidup yang baru...contohnya Nabi Muhammad SAW dilahirkan tanpa bapa dan dibesarkan tanpa ibu tapi boleh jadi orang yang sangat mulia dan berpengaruh..kenapa Allah jadikan seperti itu sebab nak umat manusia ambil pengajaran dari kisah hidup baginda, jadi pemohon juga boleh

bangkit kembali dari kehidupan mereka, tak perlu nak mohon murtad”³⁶⁶

Panel menyatakan bahawa berlakunya permohonan pengisytiharan murtad adalah kerana pasangan mendera isteri dengan memukul dan tidak memberi nafkah untuk perbelanjaan. Begitu juga dengan pasangan kekasih yang curang dengan mengadakan hubungan cinta dengan wanita atau lelaki lain. Disebabkan hal ini pemohon merasakan diri mereka dianiyai oleh pasangan yang dipercayai dan disayangi. Selain itu juga juga keadaan semakin rumit apabila pasangan suami atau isteri atau kekasih tidak mendidik dan membimbing pemohon tentang ajaran agama Islam. Shah menyedari hal ini adalah sesuatu yang berat untuk dihadapi oleh pemohon yang melibatkan penderaan emosi dan juga fizikal. Oleh itu, dengan sikap simpati yang ditunjukkan oleh Shah menimbulkan kepercayaan kepada pemohon untuk berkongsi permasalahan yang dihadapi sehingga membawa kepada permohonan murtad.

Pendakwah mestilah mengetahui ilmu-ilmu semasa yang berkaitan dakwah selaras dengan perkembangan dalam masyarakat. Kadangkala berlakunya kegagalan dalam dakwah, justeru pendakwah tidak menjawai peranannya dan menghalusi permasalahan yang berlaku dalam masyarakat.³⁶⁷ Oleh yang demikian dengan memberi dorongan motivasi kepada pemohon supaya menjadi seorang muslim yang sejati agar pemohon dapat meneruskan kehidupan sebagai seorang muslim. Keadaan kehidupan yang lebih baik, gembira dan harmoni tanpa melibatkan permohonan untuk murtad. Meskipun adalah suatu perkara yang berat perlu dilalui oleh pemohon selepas mengalami kejadian yang tidak diingini dalam hidupnya.

³⁶⁶ Temu bual bersama Shah Kirit bin Kakulal Govindji, panel penasihat akidah MAIS, pada 18 Disember 2015.

³⁶⁷ Mustafa Ar-Rafie yang telah diterjemahkan oleh Abd. Wahab Latif, Badlihisham Mohd Nasir dan Mashitah Ismail, *Dakwah Dan Keunggulan Para Daie*, (Shah Alam, Karisma Publications Sdn. Bhd, 2004), 11.

Saudara Borhan juga menggunakan pendekatan nasihat dan pengajaran yang baik dengan memberi dorongan:³⁶⁸

“Pemohon mempunyai masalah tertentu sebab itu mohon untuk murtad, jadi masa berbincang dengan mereka perlu dorong mereka supaya menjadi cekal dan tabah melalui cabaran dan dugaan dalam hidup, bukan sebab jadi Islam ada masalah kalau bukan Islam pun ada masalah sama juga...sebab tu motivasi dan suntikan semangat perlu diberi kepada pemohon supaya mereka jangan murtad”

Borhan menggunakan pendekatan memberi dorongan dan semangat kepada pemohon pengisyiharan murtad semasa sesi perbincangan dilakukan. Dorongan supaya membentuk jiwa dan diri pemohon menjadi cekal dan kuat sebagai seorang Islam. Penggunaan pendekatan galakan dan ancaman atau dalam bahasa Arab sebagai *targhib* dan *tarhib* merupakan salah satu metode penyampaian yang paling baik dan berkesan dalam pendidikan. Kaedah ini digunakan dengan meluas dalam hadis Nabi. Perkataan *targhib* berasal dari bahasa Arab diambil daripada kata kerja *raghaba* yang bermaksud menjadikannya suka atau hendak atau memberikan sesuatu apa yang dia sukai.³⁶⁹ Penggunaan kaedah ini selari dengan keperluan pendekatan dakwah kepada pemohon pengisyiharan murtad. Begitu juga dengan Nur Ain T. Abdullah menyatakan bahawa:³⁷⁰

“Saya faham masalah pemohon sebab dulu saya pun alami masalah yang sama tapi itu tak bermaksud kita boleh murtad nak lari dari masalah yang ada, contohnya kalau kita didera oleh suami tidak bertanggungjawab takkan selamanya kita begitu, kita kena bertindaklah ubah hidup kita dan bina hidup yang baru yang lebih bahagia, negara kita kan ada undang-undang gunakan jalan yang betul dengan mengelakkan dari suami yang tak bertanggungjawab dengan cara berpisah dan mohon dan doa selalu kepada

³⁶⁸ Borhan Abdullah, temu bual, 18 Disember 2015.

³⁶⁹ Al-Bustani, Fuad Afram, *MunjidAl-Tullab*, (Bairut. Dar Al-Masriq), 1956, 251.

³⁷⁰ Nur Ain T. Abdullah, temu bual, 20 Disember 2015.

Allah cari kehidupan yang baru yang lebih baik, mesti boleh setel masalah...saya selalu bagi dorongan pada pemohon supaya mereka bertindak dengan cara yang betul dan tak perlu nak murtad”

Beliau menunjukkan bahawa dia faham tentang masalah yang dialami oleh pemohon pengisytiharan murtad. Nur Ain menyatakan bahawa permasalahan yang dihadapi oleh pemohon dapat diselesaikan dengan baik. Misalnya disebabkan penderaan yang dilakukan oleh suami terhadap isteri yang berstatus mualaf penyelesaian perlu dilakukan dengan merujuk perundangan yang ditetapkan. Beliau memaklumkan kepada pemohon supaya mengambil tindakan yang sepatutnya bagi menyelesaikan permasalahan yang dihadapi. Dorongan diberikan kepada pemohon supaya pemohon sedar tentang hak serta kedudukan pemohon sebagai seorang isteri dan mualaf. Oleh itu, pemohon hanya perlu menyelesaikan permasalahan yang dihadapi dengan suami sahaja tanpa perlu untuk memohon murtad.

Oleh yang demikian dengan memberi dorongan kepada pemohon mengenai saluran perundangan yang betul dapat menyelesaikan permasalahan yang dihadapi. Namun begitu beliau menjelaskan bahawa pemohon perlu membuat perubahan demi kelangsungan hidup yang lebih bahagia daripada sebelumnya. Pada pendapat Nur Ain juga pemohon tidak perlu untuk memohon untuk murtad apabila menghadapi situasi begini. Sehubungan itu kaedah memberi dorongan kepada pemohon pengisytiharan murtad digunakan oleh Nur Ain semasa beliau melakukan ziarah kepada pemohon. Sebagaimana Imam Al-Ghazali telah membahagikan tingkah laku manusia kepada dua tingkat. Beliau menjelaskan tingkat pertama tingkah laku manusia dikuasai oleh motivasi-motivasi dan faktor-faktor kegopohan manakala tingkat kedua pula dikuasai oleh kemahuan dan akal.³⁷¹

³⁷¹ Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary, *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim*, (Skudai, Universiti Teknologi Malaysia, 2010), 52.

Tingkah laku yang bersifat kegopohan adalah perkara yang perlu dijauhi. Malahan sebaiknya bertindak mengikut akal yang rasional. Justeru, dapat difahamkan bahawa pendekatan memberi dorongan adalah perlu dalam menyampaikan dakwah kepada pemohon pengisytiharan murtad supaya pemohon tidak dikuasi atau menurut dan bertindak mengikut faktor kegopohan tetapi bertindak mengikut akal dan fikiran.

4.3.2.2 Pendekatan Nasihat Dan Pengajaran Yang Baik (Mauizah Al-Hasanah) Dengan Mengatakan Perkara Yang Baik

Pendekatan nasihat dan pengajaran yang baik (mauizah al-hasanah) dengan mengatakan perkara yang baik direalisasikan semasa ziarah MAIS terhadap pemohon isytihar murtad, hal ini dijelaskan oleh, saudari Puteri Abdullah:

“Mualaf nak murtad ni, biasanya sebab mereka tak pernah belajar pun pasal Islam sebab tu nak murtad bila ada masalah, saya cakap pada mereka belajar la pasal Islam kalau tak tahu minta bantuan pada mereka yang tahu dan ramai yang nak bantu ajar pasal agama Islam, sebab Islam ni agama mendidik manusia supaya hidup dalam keadaan baik, aman dengan hormat-menghormati, bertolak ansur, tolong-menolong antara satu sama lain, bersangka baik, menyelidik dulu berita yang disampaikan tu dari sudut akhlak, dari sudut tauhid dan akidah pula percaya dan beriman sepenuh hati kepada Allah SWT ...jadi amalan fardu yang wajib dilakukan dapat dibuat dengan rasa ikhlas sebab bila dah belajar dan faham pasal Islam tak perlu nak murtad sebab jiwa pun dah tenang ,³⁷²

Pada pandangan Puteri, tidak berminat atau tidak mahu belajar tentang agama Islam selepas memeluk Islam adalah punca kepada terjadinya permohonan untuk murtad. Lebih-lebih lagi apabila mualaf menghadapi suatu masalah. Mereka menganggap masalah yang dihadapi merupakan beban yang menyusahkan hidup mereka sehingga berlakunya permohonan murtad. Puteri menjelaskan tentang

³⁷² Temu bual bersama Borhan Abdullah, panel penasihat akidah MAIS, pada 18 Disember 2015.

kebaikan konsep akidah yang diajar oleh agama Islam kepada pemohon supaya pemohon faham dan sedar tentang kebenaran agama Islam. Perkara ini dibuktikan lagi oleh pihak MAIS dalam usaha membantu mualaf supaya mempelajari dan memahami agama Islam dengan menyediakan kelas pengajian kepada mualaf.

Terdapat 10 daerah yang menyediakan kelas pengajian kepada mualaf iaitu di Pejabat Agama Daerah Klang, Hulu Langat, Kuala Langat, Hulu Selangor, Sepang, Kuala Selangor, Gombak Barat, Gombak Timur, Sabak Bernam dan Petaling. Mualaf boleh memilih kawasan yang berdekatan dengan kediamannya bagi memudahkan untuk menghadiri kelas agama. Malahan insentif diberikan kepada mualaf setiap kali menghadiri kelas, mualaf akan diberi saguhati berjumlah RM50.00. Ia bertujuan supaya mualaf rasa seronok dan mahu menghadiri kelas.³⁷³ Sukarelawan juga memaklumkan bahawa mualaf yang lain juga menghadapi permasalahan yang sama tetapi apabila belajar tentang agama Islam, dan mendapatkan bantuan orang yang sepatutnya maka masalah yang dihadapi dapat diatasi. Kaedah yang sama digunakan oleh Qayyum:³⁷⁴

“Walaupun pemohon datang ke MAIS untuk mohon murtad, kami di MAIS tetap menasihati mereka dengan menyatakan perkara-perkara yang baik minta pemohon bertengang dan berfikiran secara rasional sebelum membuat sesuatu keputusan, fikirkan kesan-kesan baik dan buruk selepas buat keputusan nak murtad...sebab dalam Islam sentiasa suruh kita bertengang dan jangan gopoh-gapah..tak dapat dinafikan kami di sini sebolehnya tak mahu mualaf ni murtad...dan kami buat yang terbaik untuk jaga akidah mereka supaya kekal dalam Islam”

Qayyum menjelaskan bahawa walaupun mualaf datang ke MAIS untuk memohon pengisytiharan murtad pihak MAIS tetap melayan pemohon dengan baik. Murtad adalah suatu isu yang berat oleh yang demikian pendekatan menasihati

³⁷³ Che Noor Lee Abdullah, temu bual, 2 Februari 2015.

³⁷⁴ Faisal Qayyum Ismail, temu bual, 2 Februari 2015.

pemohon serta mengatakan perkara yang baik dilakukan dengan menasihati pemohon supaya sentiasa bertenang dalam membuat keputusan untuk memohon murtad. Ini kerana menjadi tanggungjawab serta amanah pihak MAIS dalam memelihara akidah pemohon terus kekal dalam agama Islam.

Sebagaimana tuntutan dalam agama Islam yang perlu dilaksanakan oleh setiap Muslim ialah dengan berdakwah yang merupakan satu keperluan bagi manusia mencapai kebaikan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Bersesuaian dengan maksud dakwah yang bermaksud meminta tolong, beribadat, memandu, menjemput, mengajak, memanggil, menyeru dan melaung. Malahan dakwah juga satu program (barnamij) yang lengkap, semua peringkatnya mempunyai ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup serta bagi menyingkap petunjuk jalan kepada mereka.³⁷⁵

4.3.2.3 Pendekatan Nasihat Dan Pengajaran Yang Baik (Mauiżah Al-Hasanah)

Dengan Memberi Ingatan

Pendekatan ini digunakan semasa ziarah kepada pemohon. Saudari Puteri Abdullah, memaklumkan:

“Saya selalu cakap pada mualaf nak murtad supaya banyak bersabar sebab Allah bagi ujian bila kita jadi orang Islam...bila sabar InsyaAllah semua okay, sebab masa mula-mula masuk Islam dulu saya pun mengalami perkara yang sama ada je ujian dari Allah, saya akan mengingatkan pemohon pasal syahadah yang dilakukan semasa mula-mula memeluk agama Islam supaya pemohon tidak melanggar perjanjian yang telah dijanjikan, wajib beriman dengannya”³⁷⁶

Sukarelawan ini kerap menggunakan pendekatan dengan memberi ingatan kepada pemohon supaya kembali mengingati tentang lafaz syahadah yang dilafazkan

³⁷⁵ Ab. Aziz Mohd Zain, *Pengantar Dakwah Islamiah*, (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1997), 1-2.

³⁷⁶ Temu bual bersama Puteri Abdullah, sukarelawan ziarah MAIS, pada 20 Disember 2015.

semasa memeluk agama Islam. Puteri mengingatkan supaya pemohon tidak ingkar dengan pengakuan syahadah yang telah dilakukan oleh pemohon ketika pemohon memeluk Islam. Puteri menjelaskan tentang kepentingan pengucapan dua kalimah syahadah dalam Islam yang wajib untuk mentaatinya. Sepertimana Al-Bayanuni menyenaraikan beberapa bentuk kata-kata yang termasuk dalam nasihat yang baik iaitu, kata-kata yang berterus terang, tetapi dengan lembut dan halus, suatu penjelasan yang lembut dan difahami, suatu kiasan beradab, bentuk cerita jenaka, penjelasan tentang pujian dan celaan dari Allah, ransangan yang baik dari Allah dan janji-janji buruk dariNya yang menakutkan, penjelasan tentang janji-janji Allah dengan kemenangan dan kekuatan serta penerangan supaya tahan diuji dan sabar.³⁷⁷

Uslub memberi ingatan dan kepada pemohon pengisyiharan murtad turut diaplikasikan oleh Ustaz Daruddin, beliau menjelaskan:³⁷⁸

“Murtad ni dosa besar tak diampunkan Allah, jadi saya akan nasihat mualaf supaya jangan keluar agama Islam lepas dia dah lafaz syahadah, dia dah mengaku hanya Allah layak disembah...tiada tuhan lain selain Allah, sebab dosa murtad tidak akan diampunkan oleh Allah kecuali kena taubat saya mesti ingatkan pemohon supaya akidah mereka tak rosak”

Pendekatan nasihat dengan memberi ingatan kepada pemohon pengisyiharan murtad digunakan bagi menjaga akidah pemohon supaya kekal dalam agama Islam. Murtad merupakan dosa besar dan Allah tidak akan mengampunkan dosa murtad. Oleh yang demikian diberi ingatan kepada pemohon supaya kekal dalam agama Islam selepas memeluk Islam. Kerana semasa memeluk agama Islam pemohon telah membuat pengakuan syahadah bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan nabi

³⁷⁷ Al-Bayanuni, Muhammad Abu al-Fath, *Al-Madkhal ila 'Ilm al-Da'wah, al-risalah*, (Beirut, 1993), 259

³⁷⁸ Mohd Daruddin Hj. Taib@Hasan, temu bual, 18 Mac 2015.

Muhammad pesuruh Allah. Ingatan diberikan kepada pemohon supaya akidah mereka terpelihara dengan sentiasa percaya dan beriman kepada Allah yang Esa. Sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat al-Quran, surah al-Taubah ayat 71 yang bermaksud:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ.....



Al-Taubah 9:71

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong kepada setengah yang lain, mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang dari berbuat kejahatan.”

Manakala sabda Rasulullah SAW bermaksud “Perumpamaan orang-orang yang beriman dalam rasa sayang, kasihan belas dan simpati mereka umpama satu jasad, apabila salah satu anggota jasad tersebut mengadu kesakitan maka seluruh anggota lain saling mengajak untuknya dengan berjaga malam dan merasa sakit sama”.³⁷⁹

Sehubungan dengan itu pendekatan ini digunakan menunjukkan rasa sayang dan cinta kepada pemohon pengisytiharan murtad dan pihak MAIS berusaha sedaya upaya untuk menyelamatkan akidah pemohon.

4.3.3 Pendekatan Berbahas Dengan Cara Yang Baik (Mujadalah Billati Hiya Ahsan)

Dapatan kajian menunjukkan pendekatan dakwah MAIS mengaplikasi pendekatan berbahas dengan cara yang baik (mujadalah billati hiya ahsan) kepada pemohon

³⁷⁹ Imam al-Nawawi, Abu Zakariya, Yahya Ibn Syaraf al-Nawawi, (1981), *Syarh Sahih Muslim*, (Beirut: Dar al-Fikr, kitab “al-birr wa al-silah wa al-adab” bab “tarahum al-mukminun wa ta`atufihim wa ta`adudihim”, juz 16), 160.

pengisyiharan murtad semasa pelaksanaan proses istiqabah dilakukan. Pendekatan ini biasanya digunakan oleh panel penasihat akidah semasa bersama pemohon pengisyiharan murtad, perkara ini dijelaskan oleh Ustaz Che Mohd Noorlee Abdullah, Eksekutif Unit Pendaftaran Dan Pengurusan Rekod Mualaf:

“MAIS biasanya akan memilih panel penasihat akidah dalam kalangan mualaf yang baik perangainya, tahu pasal agama Islam secara mendalam dan tahu pasal agama-agama yang lain, kerana dalam sesi bersama pemohon isytihar murtad ada bincang pasal perbandingan agama, jadi bila panel tahu pasal perbandingan agama panel berbahas, berdialog, dengan pemohon secara baik, supaya pemohon dapat terima apa yang dibincangkan semasa sesi perbincangan...contohnya pasal konsep kepercayaan dalam Islam dan agama lain yang berbeza, Islam percaya keeesan Allah, hanya Allah yang Esa..begitu juga dengan amalan penyembahan orang Islam...hanya menyembah Allah sahaja tiada selain Allah dan hal ini jelas,,, agama Kristian percaya tuhan tu satu tetapi hakikatnya tuhan yang dipercayai ada tiga iaitu tuhan bapa, tuhan anak yang merujuk kepada Jesus dan yang ketiga roh kudus yang dikenali sebagai konsep triniti, Hindu pula percaya tuhan itu satu tetapi dari sudut praktikal dan kepercayaan yang diamalkan agama Hindu menyembah banyak tuhan, segala sesuatu tu wujudnya tuhan dengan penyembahan dewa...perbahasan mengenai konsep ketuhanan dibahaskan dalam keadaan mencari kebenaran secara baik, supaya pemohon dapat membuat pertimbangan yang baik”³⁸⁰

Pendekatan ini sangat penting untuk disampaikan kepada pemohon isytihar murtad. Oleh yang demikian kriteria pemilihan panel penasihat akidah bersama pemohon isytihar murtad juga perlu dalam kalangan mualaf yang dikenalpasti bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang agama Islam. Selain itu juga panel juga mesti arif dalam agama selain Islam. Oleh itu, panel dapat melaksanakan tugas mendekati pemohon dengan berbahas dan berbincang tentang perbandingan

³⁸⁰ Che Mohd Noorlee Abdullah, temu bual, 2 Februari 2015.

agama dengan baik. Seterusnya pemohon dapat menerima setiap perbincangan yang dibincangkan. Contohnya agama Islam mempercayai bahawa Tuhan itu esa, tiada tuhan kecuali Allah yang layak disembah. Begitu juga dari sudut pengamalan orang Islam hanya menyembah Allah SWT. Namun begitu bagi agama Kristian dan Buddha secara umumnya percaya tuhan mereka satu tetapi hakikat pengamalan dan kepercayaan tuhan yang disembah lebih dari satu. Perkara ini dibahaskan bersama pemohon pengisyiharan murtad bagi mencari kebenaran agama tentang agama Islam.

Kaedah ini bagi membahaskan tentang perbandingan agama semasa penasihat akidah berlaku. Hal ini selari dalam konteks pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam, keperibadian mulia yang ada pada guru itu sendiri memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk nilai-nilai yang baik dalam diri pelajar. Bagi mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan ini, para pendidik Islam dituntut agar mencontohi keperibadian Rasulullah SAW sebagai “*role model*” dalam semua aspek kehidupan. Sehubungan dengan ini guru perlu mempelajari dan melengkapkan diri dengan amalan dan penghayatan Islam yang sejati, agar barakah sebagai seorang guru dirasai dan dimanfaatkan oleh pelajar.³⁸¹ Metode yang sama dilakukan oleh pihak MAIS dalam melakukan pendekatan dakwah terhadap pemohon pengisyiharan murtad. Seterusnya perasaan hormat dan sedar akan wujud dalam diri pemohon terhadap pendakwah MAIS. Perkara yang sama juga dinyatakan oleh Ustaz Daruddin:³⁸²

“Kita (MAIS, Jabatan Mufti Negeri Selangor) menggunakan kaedah berbincang dan berbahas dengan pemohon bertujuan untuk memberi kefahaman kepada mereka tentang sesuatu yang isu mengenai agama Islam yang mereka kurang jelas dan faham..seperti kenapa dalam Islam bila dah memeluk Islam tak boleh keluar Islam kerana dah buat perjanjian semasa memeluk Islam

³⁸¹ Suhaimi Muhamad, *Tahap kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi Bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam*, (Johor, Universiti Teknologi Malaysia, 2007), 35.

³⁸² Mohd Daruddin Hj. Taib@Hasan, temu bual, 18 Mac 2015.

perjanjian pemohon dengan Allah SWT, beserta penyaksian saksi semasa pemohon melafazkan dua kalimah syahadah kepada Allah dan ini bukan perkara mai-main yang boleh ditarik balik, dengan cara ini kita memberi kefahaman yang betul kepada pemohon”

Tujuan penggunaan pendekatan berbahas dengan cara yang baik kepada pemohon pengisytiharan murtad adalah untuk memberi kefahaman kepada pemohon tentang perkara berkenaan agama Islam yang pemohon kurang jelas ataupun tidak faham. Ini kerana keberkesanan sesuatu dakwah adalah penting dalam usaha memperbaiki masyarakat dan menghilangkan punca-punca kerosakan dan kehancuran. Ustaz Daruddin seperti maklum bahawa perlakunya permohonan pengisytiharan murtad adalah disebabkan oleh pemohon kurang jelas atau tidak faham tentang ajaran dan kepercayaan dalam agama Islam. Sehubungan itu pendekatan ini diperaktikkan kepada pemohon pengisytiharan murtad. Perkara ini diperakui juga oleh Ustaz Qayyum, beliau menjelaskan:³⁸³

“Pendekatan berbahas ni bagi menjelaskan lagi segala kekeliruan yang pemohon tak jelas pasal Islam, jadi perbincangan secara dua hala perlu bagi menjawab semua kekeliruan yang timbul seperti keliru dengan perjanjian tuhan yang lama, tapi perjanjian yang lama dan terbatal apabila adanya pengakuan syahadah yang telah dilakukan malahan sebagai pembuktian pengakuan yang dibuat telah didokumentasikan, oleh itu tidak ada lagi kekeliruan yang timbul oleh pemohon sehingga berlaku permohonan nak murtad”

Pendekatan dakwah secara berbahas dengan cara yang baik dianggap penting bagi Ustaz Qayyum kerana ia bertujuan untuk memberi penjelasan kepada pemohon secara tepat mengenai ajaran Islam yang benar. Melalui perbincangan dua hala di antara pemohon dan pihak MAIS membolehkan segala kekeliruan yang ada pada pemohon berkenaan agama Islam dapat diberi pendedahan tentang ajaran Islam yang

³⁸³ Faisal Qayyum Ismail, temu bual, 2 Februari 2015.

sepatutnya. Bagi pandangan Ustaz Qayyum kerana kekeliruan tentang agama Islam yang timbul pada pemohon pengisytiharan murtad menyebabkan berlakunya permohonan pengisytiharan murtad oleh pemohon. Oleh yang demikian pendekatan ini digunakan bagi menjelaskan semua tentang agama Islam yang benar kepada pemohon.

Kaedah ini perlu digunakan dengan baik dan mengikut disiplin dalam perdebatan. Pendakwah perlu menggunakan perkataan yang beradab dan sopan, merendah diri, tidak menunjukkan sikap marah, tidak mengeluarkan kata-kata penghinaan, lemah-lembut, tidak meninggikan suara serta berusaha menarik hati pendengar dengan berkesan. Pendekatan ini akan memberi peluang kepada pendakwah dan sasaran dakwah untuk berhujah serta memberi pendapat bagi mempertahankan pendapat masing-masing. Objektif perdebatan adalah untuk mencari kebenaran dan bukan untuk menjatuhkan serta menjatuhkan di antara satu sama lain.³⁸⁴

4.3.3.1 Pendekatan Berbahas Dengan Cara Yang Baik (Mujadalah Billati Hiya Ahsan) Dengan Memberi Kefahaman

Pendekatan berbahas dengan cara yang baik (mujadalah billati hiya ahsan) dengan memberi kefahaman digunakan oleh saudara Shah Kirit bin Kakulal Govindji, panel penasihat akidah MAIS, beliau menjelaskan:

“Dalam pengisian penasihat akidah ada bahagian perbandingan agama jadi masa pertemuan ini biasanya dibincangkan tentang perbezaan antara agama Islam dengan agama yang lain, dalam agama Islam konsep kepercayaan hanya keesaan kepada Allah sahaja, Allah sama sekali tidak menyerupai manusia dari sudut rupa atau sifat. Perkara ini tidak dapat digambarkan oleh akal fikiran manusia. Berbeza dengan konsep agama seperti Hindu yang menyembah patung berukiran manusia bertangan enam, berupa haiwan. Begitu juga dengan agama

³⁸⁴ Ghazali Darusalam, *Dinamika Ilmu Dakwah*, 35.

yang menyembah patung yang dibuat oleh manusia...diberitahu begini supaya pemohon mudah faham dan benar-benar jelas tentang agama Islam”³⁸⁵

Panel juga menjelaskan perkara yang sama iaitu membincangkan tentang perbandingan agama. Panel jelas dan maklum mengenai perbandingan agama yang melibatkan kepercayaan dan pegangan akidah seseorang. Bagi pandangan panel pemohon perlu mengetahui tentang akidah dalam kepercayaan agama Islam. Akidah kepercayaan dalam agama Islam adalah berbeza dengan agama yang lain. Perkara ini dibahaskan supaya memberi kefahaman yang jitu kepada pemohon.

Pendekatan ini digunakan oleh Rasulullah SWT dengan penggunaan kata-kata yang jelas dan mudah maksudnya. Metodologi ini signifikan kerana kata-kata yang jelas dan mudah dapat memberikan kefahaman kepada semua golongan masyarakat. Metode ini digunakan bertujuan untuk Baginda SWT membangunkan semua golongan manusia mengikut pendidikan pembangunan Insan yang dikehendakinya. Oleh itu, dengan cara memilih jalan yang memudahkan mereka mengikutinya akan menambahkan keberkesanan pengajaran Baginda. Ini berasaskan kenyataan bahawa setiap manusia `mempunyai beberapa perbezaan tingkat akal dan kemampuan fizikalnya. Justeru, segala bentuk pendidikan, pengajaran, bimbingan, nasihat dan seumpamanya perlu disampaikan dengan kata-kata yang mudah.³⁸⁶ Pelaksanaan pendekatan dakwah ini juga diimplementasi oleh Saudara Borhan:³⁸⁷

“Bila sesi bersama pemohon lebih-lebih lagi hal yang berkaitan dengan perbandingan agama, contohnya konsep Esa dalam Islam hanya menyembah Allah sahaja, dan tiada perantaraan di antara Allah dan makhluk, tiada patung, berhala atau apa saja, ia berbeza dengan agama

³⁸⁵ Temu bual bersama Shah Kirit bin Kakulal Govindji, panel penasihat akidah MAIS, pada 18 Disember 2015.

³⁸⁶ Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*, (Skudai Johor: Universiti Teknologi Malaysia), 2007, 44.

³⁸⁷ Borhan Abdullah, temu bual, 18 Disember 2015.

selain Islam, kena berbahas dengan pemohon supaya pemohon faham tentang agama Islam dan agama yang lain, bila pemohon faham barulah hilang salah anggap pemohon terhadap Islam”

Borhan menjelaskan bahawa salah anggap pemohon pengisytiharan murtad terhadap Islam perlu ditangani dengan berbahas secara baik kepada pemohon dan menyatakan tentang perbandingan agama Islam dengan agama yang lain. Seperti perkara yang berkaitan dengan akidah Islam tentang keesan Allah dalam konteks agama Islam ialah tiada tuhan melainkan Allah dan juga tiada perantaraan di antara hubungan Allah dengan hambaNya. Jaitu tiadanya perantaraan seperti patung, berhala atau selainnya dalam perhubungan penyembahan di antara manusia dan Allah SWT. Dengan cara berbahas boleh memberi kefahaman kepada pemohon tentang perbezaan agama Islam dengan agama yang lain. Hal ini turut dinyatakan oleh Ustaz Daruddin, beliau menjelaskan:³⁸⁸

“Tujuan utama pendekatan berbahas dengan cara yang baik dengan pemohon kerana nak menyedarkan dan memahamkan pemohon tentang agama Islam yang sebenarnya, Islam berbeza dengan agama yang lain, konsep akidah dalam Islam tidak ada percampuran dalam sudut kepercayaan dan peyembahan, bukan seperti agama lain kalau Kristian kahwin dengan Hindu tak apa...tapi bukan agama Islam...jadi hal-hal begini dibahaskan supaya pemohon jelas tentang konsep agama Islam”

Ustaz Daruddin memaklumkan bahawa pendekatan berbahas dengan cara yang baik digunakan kepada pemohon pengisytiharan murtad bertujuan untuk menyedarkan pemohon tentang ajaran agama Islam yang sebenarnya. Pemohon perlu tahu tentang perbezaan di antara agama Islam dan agama yang lain. Ajaran dan kepercayaan agama Islam tidak membenarkan kepercayaan kepada tuhan yang lain selain dari Allah SWT.

³⁸⁸ Mohd Daruddin Hj. Taib@Hasan, temu bual, 18 Mac 2015.

Kepercayaan dan keimanan mutlak hanya kepada Allah yang esa sahaja, tiada toleransi dalam hal ini. Begitu juga dalam hal berlainan kepercayaan seperti orang bukan Islam tidak boleh berkahwin dengan orang Islam melainkan apabila orang bukan Islam memeluk agama Islam selepas membuat pengakuan syahadah secara ikhlas keimanan kepada Allah SWT sahaja. Berbeza dengan agama yang lain boleh berkahwin di antara orang agama Kristian dengan penganut agama Hindu. Perkara ini dilarang sama sekali dalam agama Islam. Justeru itu perkara sebegini dibahaskan kepada pemohon supaya hal yang dibahaskan dapat difahami oleh pemohon.

4.3.3.2 Pendekatan Berbahas Dengan Cara Yang Baik (Mujadalah Billati Hiya Ahṣan) Dengan Memberi Keyakinan

Pendekatan seterusnya yang didapati diaplikasikan dalam pendekatan dakwah MAIS semasa sesi istiqārah ialah berbahas dengan cara yang baik (mujadalah billati hiya ahṣan) dengan memberi keyakinan digunakan oleh panel penasihat akidah MAIS, saudara Shah Kirit bin Kakulal Govindji, beliau menjelaskan:

“Saya akan memaklumkan tentang konsep ketuhanan dalam Islam yang berbeza dengan agama Kristian, Hindu, Buddha dan agama-gama lain, perbezaan secara *detail* akan dibincangkan dengan pemohon supaya dia tahu tentang kebenaran agama Islam. Konsep kepercayaan agama Kristian mempercayai tentang dosa, penyelamat, keselamatan. Dari sudut ketuhanan pula mereka percaya bahawa Tritunggal iaitu tiga tuhan dalam satu termasuk ketuhanan al-Masih dan Roh al-Quḍus. Jesus adalah anak tuhan turunnya ke bumi untuk mengorbankan dirinya untuk menebus dosa manusia. Islam menafikan ketuhanan Jesus sebagaimana dalam al-Quran, surah al-Maidah ayat 17 dan surah Maryam ayat 30. Ayat al Quran yang menolak tentang ketuhanan Jesus, begitu juga dengan penafian kitab Bible, Numbers 23:19. Agama Buddha percaya kepada empat kebenaran kepada kemuliaan iaitu Dukka, kesengsaraan di dunia. Samudaya, penyebab kesengsaraan ialah nafsu. Nirodha, untuk menggelakkan kesengsaraan

dengan mengawal nafsu. Magga, mengawal nafsu perlu mengikut lapan jalan. Lapan jalan yang dimaksudkan ialah pandangan yang baik, pemikiran yang baik, percakapan yang baik, pengawalan yang baik, kehidupan yang baik, usaha yang baik, pemikiran yang baik dan kosentrasi yang baik. Toism pula mempercayai tentang simbol Yin dan Yang. Yin adalah kegelapan, malam, perempuan menjadi kelembutan, kesejukan dan ketenangan. Yang pula cerah, syurga, siang, lelaki menjadi kuat, panas dan bertenaga. Confuciusnism pula berpegang kepada budaya cinta, kebaikan, perangai yang baik, keuntungan, perolehan, kesantunan, menghormati orang tua, kesetiaan dan penerimaan orang lain. Cara menghormati antara satu sama lain seperti bapa dan anak, pemerintah dan rakyat, suami dan isteri, abang dan adik dan antara sahabat-sahabat. Pegangan budaya yang menjadi tonggak utama dalam kepercayaan Toism. Semua perkara ini telah dinyatakan dalam Islam sebagaimana dalam al Quran, surah al-Qalam, ayat 4,³⁸⁹

Perbahasan berkisar tentang perbezaan kepercayaan agama, bagi memberi keyakinan kepada pemohon. Contohnya konsep kepercayaan agama Kristian mempercayai tentang dosa, penyelamat, keselamatan. Dari sudut ketuhanan pula mereka percaya bahawa Tritunggal iaitu tiga tuhan dalam satu termasuk ketuhanan al-Masih dan Roh al-Qudus. Jesus adalah anak tuhan turunnya ke bumi untuk mengorbankan dirinya untuk menebus dosa manusia. Islam menafikan ketuhanan Jesus sebagaimana dalam al-Quran, surah al-Maidah ayat 17 yang bermaksud:

لَقَدْ كَفَرَ الظَّالِمُونَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمَسِيحُ ابْنُ مَرْيَمَ قُلْ فَمَنْ يَمْلِكُ
مِنَ اللَّهِ شَيْئًا إِنْ أَرَادَ أَنْ يُهْلِكَ الْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ وَأَمَّا وَمَنْ فِي
الْأَرْضِ جَمِيعًا وَلَلَّهِ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنُهُمَا تَحْكُمُ مَا يَشَاءُ
وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Al-Maidah 5:17

³⁸⁹ Shah Kirit bin Kakulal Govindji, temu bual, 18 Disember 2015.

“Demi sesungguhnya kafirlah orang-orang yang berkata: “Bahawa Allah ialah Al Masih Ibni Maryam”. Katakanlah (wahai Muhammad): Dakwaan itu tidak benar kerana siapakah yang dapat menahan seksa dari Allah sedikit jua pun kalau ia masih membinasakan Al- Masih Ibni Maryam beserta ibunya dan orang-orang yang ada di muka bumi semuanya?”. Dan ingatlah bagi Allah jualah kuasa pemerintah langit dan bumi dan segala yang ada di antara keduanya”.

Manakala dalam al-Quran surah Maryam ayat 30 bermaksud:

قَالَ إِنِّي عَبْدُ اللَّهِ إِاتَنِي الْكِتَابَ وَجَعَلَنِي نَبِيًّا

Maryam 19:30

“Ia menjawab: “Sesungguhnya aku ini hamba Allah, ia telah memberi kepadaku Kitab Injil dan Ia telah menjadikan daku seorang nabi.”.

Ayat al Quran yang menolak tentang ketuhanan Jesus, begitu juga dengan penafian tentang ketuhanan dalam Kristian sebagaimana kitab Bible menyatakan,

“Tuhan bukan manusia, yang boleh berdusta, bukan pula anak manusia, yang boleh berbalik fikirannya.”

Numbers 23:19.

Adanya pertentangan yang mengatakan Jesus itu tuhan sedangkan Bible juga mengatakan tuhan bukan manusia atau lelaki. Perkara ini dibahaskan dengan baik oleh panel bersama pemohon ia bertujuan memberi kefahaman yang jelas kepada pemohon. Kepercayaan Buddha juga dibincangkan mengenai kepercayaan kepada empat perkara. Perkara yang dimaksudkan ialah empat kebenaran kepada kemuliaan iaitu Dukka, kesengsaraan di dunia. Samudaya, penyebab kesengsaraan ialah nafsu. Nirodha, untuk mengelakkan kesengsaraan dengan mengawal nafsu. Magga, mengawal nafsu perlu mengikut lapan jalan. Lapan jalan yang diamalkan ialah pandangan yang baik, pemikiran yang baik, percakapan yang baik, pengawalan yang

baik, kehidupan yang baik, usaha yang baik, pemikiran yang baik dan kosentrasi yang baik.

Toism pula mempercayai tentang simbol Yin dan Yang. Yin adalah kegelapan, malam, perempuan menjadi kelembutan, kesejukan dan ketenangan. Yang pula cerah, syurga, siang, lelaki menjadi kuat, panas dan bertenaga. Ajaran Confuciusnism pula lebih berbentuk kepada kebudayaan berbanding pegangan kepercayaan kepada tuhan. Iaitu berpegang kepada budaya cinta, kebaikan, perangai yang baik, keuntungan, perolehan, kesantunan, menghormati orang tua, kesetiaan dan penerimaan orang lain. Cara menghormati antara satu sama lain seperti bapa dan anak, pemerintah dan rakyat, suami dan isteri, abang dan adik dan antara sahabat-sahabat. Dapat difahamkan bahawa pegangan budaya yang menjadi keutamaan yang difokuskan dalam kepercayaan Toism. Namun begitu semua perkara yang dinyatakan dalam agama lain, telah dinyatakan dalam agama Islam sebagaimana dalam al-Quran, surah al-Qalam, ayat 4, menerangkan ertinya:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Al-Qalam 68:4

“Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung.”

Khuluq adalah ibarat dari kelakuan manusia yang membezakan baik dan buruk, lalu disenangi dan dipilih yang baik untuk diperlakukan dalam perbuatan, manakala yang buruk dijauhkan serta dilarang daripada melakukannya. Panel menerangkan secara terperinci mengenai berbandingan agama Islam dengan agama-agama yang lain dengan menggunakan pendekatan dakwah berbahas dengan cara yang baik bertujuan untuk memberi keyakinan kepada pemohon.

Saudara Borhan Abdullah juga menggunakan pendekatan yang sama, beliau menjelaskan:³⁹⁰

“Sebenarnya dari sudut tuntutan sikap yang baik agama lain juga menyatakan perkara yang sama, sebab manusia nak hidup gembira, bahagia, hormat menghormati tapi bila seseorang itu disakiti seperti dipukul pasangan, dikecewakan, ditipu ini adalah perkara yang salah dan tak bermoral, kalau dalam agama lain pun jadi jugak hal yang sama kena pukul, disakiti ini adalah orang ingkar pada ajaran agama..perkara yang menjadi perbezaan besar adalah berkenaan akidah dan kepercayaan yang membezakan antara agama Islam dan agama yang lain...sebab tu perlu kepada perbahasan apabila bersama pemohon untuk dia jelas dan faham tentang perbezaan tersebut, tidak perlu nak murtad disebabkan hal-hal macam ni, yakin Allah bantu orang yang dizalimi”

Perkara yang menjadi perbezaan besar di antara agama Islam dan agama bukan Islam adalah dari sudut akidah dan kepercayaan. Pemohon perlu jelas tentang perbezaan ini supaya akidah pemohon kekal dalam agama Islam. Borhan berpendapat bahawa perkara yang dilalui oleh pemohon tidak perlu untuk pemohon memohon pengisytiharan murtad. Perkara utama yang perlu dimaklum kepada pemohon pengisytiharan murtad ialah keyakinan kepada Allah, yakin Allah akan sentiasa membantu hambaNya yang teraniaya. Pendekatan ini juga diaplikasikan oleh Saudara Yazid Abdullah:³⁹¹

“Bila dengan pemohon memang saya berbahas dengan cara yang baik la pasal Islam...sebab satu saja nak pemohon yakin pada Allah, kalau ditimpa masalah bukan murtad cara nak selesai masalah tapi kena bincang masalah yang ada tu,

³⁹⁰ Borhan Abdullah, temu bual, 18 Disember 2015.

³⁹¹ Yazid Abdullah, temu bual, 20 Disember 2015.

dan faham...saya yakin masalah mualaf ni tak jauh beza antara satu sama lain tapi macam mana nak selesai masalah tanpa perlu murtad...ada cara nak selesai masalah tu, Islam ajar untuk sabar dalam segala hal dan yakin pada Allah, selalu doa pada Allah, tak perlu nak melalui orang lain atau benda lain terus mohon pada Allah beza dengan agama lain kena sembah patung, jumpa paderi”

Pendekatan berbahas dengan cara yang baik digunakan oleh Saudara Yazid kerana beliau ingin pemohon mempunyai keyakinan terhadap kekuasaan Allah SWT. Yazid juga menyatakan bahawa agama Islam berbeza dengan agama Hindu, Kristian mahupun Buddha. Apabila pemohon ditimpa masalah, pemohon perlu menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan membuat perbincangan yang sepatutnya. Ini kerana pada pandangan Yazid masalah yang dilalui oleh mualaf tidak jauh bezanya. Namun begitu perlu mencari penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi tanpa perlu untuk memohon keluar dari agama Islam. Yazid percaya bahawa permasalahan yang dilalui oleh pemohon ada cara penyelesaiannya. Dalam ajaran Islam menuntut supaya sentiasa sabar dalam menghadapi dugaan hidup, dengan selalu berdoa kepada Allah dan yakin Allah akan membantu hambaNya yang ditimpa kesusahan. Terus berdoa kepada Allah tanpa perlu melalui orang atau benda-benda yang lain. Dalam hal ini agama Islam berbeza dengan agama yang lain kerana agama Islam konsep doa dan penyerahan kepada Allah adalah secara langsung memohon kepada Allah.

Oleh yang demikian Yazid menggunakan pendekatan berbahas dengan cara yang baik bagi memberi keyakinan kepada pemohon untuk yakin kepada agama Islam. Kaedah yang digunakan oleh Yazid berusaha untuk meyakinkan pemohon atas kebaikan dan nasihat yang disampaikan mampu menimbulkan perasaan ingin berubah

dan sedar kejahanan akhlak buruk dalam diri.³⁹² Justeru pendekatan berbahas dengan cara yang baik dengan memberi keyakianan akan dapat menyedarkan pemohon.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa dakwah adalah tanggungjawab bagi seluruh umat Islam dan ia boleh dilakukan dalam segala apa bentuk sekalipun dalam berdakwah asalkan tidak bercanggah dengan prinsip syariat Islam dalam memastikan destinasi akhir dakwah itu adalah untuk menegakkan agama dan syariat Allah SWT. Setiap pendakwah perlu berdakwah seperti mana yang telah ditunjukkan oleh Nabi SAW serta para sahabat Nabi SAW dalam memastikan dakwah yang disampaikan memperolehi tindak balas yang positif daripada sasaran dakwah. Antara tunjang dalam dakwah Nabi SAW serta para sahabat adalah menitikberatkan elemen etika dan akhlak dalam menyampaikan risalah dakwah untuk memastikan dakwah yang disampaikan dapat diterima dan sekali gus menunjukkan keindahan Islam. Perkara ini dapat dilihat seperti mana yang dicatat di dalam sirah Nabi SAW ketika berdakwah kepada penduduk di Thoif yang mana Nabi SAW telah mendapat tentangan yang hebat daripada penduduk Thoif sehingga Nabi SAW dan juga Zaid Bin Harithah yang turut bersama Nabi SAW diejek, dimaki hamun dan dibaling batu sehingga darah mengalir membasahi kasut baginda SAW namun baginda tidak membalaunya sebaliknya baginda bersabar dan berdoa memohon bantuan dari Allah SWT.³⁹³

Jika dilihat aspek utama yang perlu disampaikan kepada golongan sasaran adalah perkara berkaitan akidah. Ini jelas sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW apabila baginda berusaha memurnikan akidah penduduk Makkah dalam usaha dakwahnya sekitar 13 tahun dengan menyeru masyarakat meninggalkan penyembahan berhala yang menyesatkan dan beriman kepada kebenaran Allah SWT

³⁹² Ab. Aziz Mohd Zain, *Metodologi Dakwah*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 10.

³⁹³ Muhammad Ramzi Omar, *Sirah Nabawiyah S.A.W.*, (terj.), (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2009), 78.

sahaja.³⁹⁴ Hilangnya akidah penganut agama samawi selain dari Islam apabila mereka menolak untuk mentauhidkan dan beriman kepada Allah serta tidak mengikuti ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Maka, aspek akidah ini perlu dijelaskan dengan sebaiknya sebelum syariat atau hukum Islam diperjelaskan.³⁹⁵ Perkara utama dan penting yang terkandung dalam akidah Islam ialah iman.³⁹⁶ Iman yang bermaksud dari sudut bahasa ialah membenarkan dengan hati, mengucapkan dengan perkataan dan melakukan dengan perbuatan terhadap segala aspek-aspek yang wajib diimani.

Dasar utama dalam akidah ialah keimanan hanya kepada Allah, Malaikat, al Kitab, para rasul, Hari Kiamat serta Qada' dan Qadar tanpa wujud sebarang syak, dengan kata lain ia bersifat makrifat terhadap Allah SWT.³⁹⁷ Meskipun begitu tanpa melupakan kepentingan syariah adalah jalan yang menjadi garis panduan untuk melaksanakan kewajipan yang zahir yang dilakukan oleh angota tubuh badan. Ia mengandungi kewajipan dalam konteks fardhu ain dan fardhu kifayah. Konsep syariah diterjemahkan sebagai suatu dimensi amali. Berbeza dengan konsep akidah yang menjurus kepada dimensi teori. Syariah membincangkan persoalan berkaitan peraturan yang disyariatkan oleh Allah SWT bagi mengatur kehidupan manusia serta menjadi suatu metode bagi manusia berinteraksi dan berhubung dengan Allah SWT, makhluk dan dengan alam sekeliling.³⁹⁸

Dapat dirumuskan bahawa, konsep penghayatan terhadap agama itu merangkumi penghayatan secara menyeluruh berdasarkan pemahaman akidah sebagai

³⁹⁴ Al-Aluri, Adam Abd Allah, *Tarikh al-Da'wah al-Islamiyyah min al-Ams al-Yawm*, (Beirut: Dar Maktabah al-Hayah), 10.

³⁹⁵ Mohd Fauzi Hamat , “Pendekatan Epistemologi Dalam Menangani Pluralisme Agama” dlm. *Konsep Asas Islam dan Hubungan antara Agama*, Wan Suhami Wan Abdullah (Eds.), (Kuala Lumpur : Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,2007), 105-106.

³⁹⁶ Mohd Fauzi Hamat , “Pendekatan Epistemologi Dalam Menangani Pluralisme Agama”, 4.

³⁹⁷ Salam, Ahmad , *Muqaddimah Fiqh Usul al Da'wah : Sharh Hadith Jibril (al Islam wa al Iman wa al Ihsan)*. (Bayrut : Dar Ibn Hazm, 1994), 78-79.

³⁹⁸ Abdullah Muhammad Zin , *Akidah Asas Kesempurnaan Insan*”dlm. Che Yussof Che Mamat (Eds.) *Dinamika Dakwah Dalam Masyarakat*. (Kuala Lumpur : Jabatan Akidah Pemikiran Islam, Akademi pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), 1997, 1-4

pegangan hidup, ibadah sebagai amalan hidup, syariah sebagai peraturan dan pertimbangan hidup serta akhlak mulia sebagai etika hidup yang perlu diamalkan.³⁹⁹

Oleh itu pendekatan dakwah yang sesuai telah diperaktikkan oleh pihak MAIS dalam menyampaikan dakwah kepada golongan pemohon pengisyiharan murtad. Penerangan dan penjelasan mengenai aspek akidah, syariat telah disampaikan secara holistik kepada pemohon melalui pendekatan dakwah yang telah dibincangkan seperti di atas. Adalah suatu situasi yang sukar perlu dihadapi oleh pihak MAIS untuk mendekati dan mengembalikan akidah Islam yang benar kepada pemohon pengisyiharan murtad dalam kalangan mualaf, meskipun susah dan berat cabaran ini namun demi menegakkan syiar Islam dan menyelamatkan akidah pemohon maka usaha dakwah diteruskan juga.

4.4 KESIMPULAN

Pihak MAIS menggunakan pendekatan dakwah yang selari dengan tuntutan Islam dan sesuai dengan sasaran dakwah yang disasarkan. Sebagaimana yang disarankan dalam al-Quran surah an-Nahl ayat 125. Dari aspek masa, MAIS mempunyai alasan yang sesuai dan bertepatan kenapa diberi tempoh enam bulan kepada pemohon pengisyiharan murtad. Pendekatan dakwah dengan hikmah dan kebijaksanaan yang digunakan meliputi pendekatan lemah-lembut dan merungkaikan masalah. Begitu juga dari aspek pemilihan panel penasihat akidah yang terdiri daripada mualaf yang terpilih dari sudut ketinggian ilmu pengetahuan tentang agama Islam dan agama-agama yang lain. Pendekatan dakwah yang dilaksanakan dengan nasihat dan pengajaran yang baik iaitu dengan memberi dorongan, mengatakan perkara yang baik dan memberi ingatan. Pengisian akidah juga telah diadakan secara menyeluruh tentang

³⁹⁹ Al-Qardawi Yusuf, *Ke Arah Pelaksanaan Syariah Ismiyyah*, terj. Abdul Rahman Ahmad Jerlun, (Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 1984), 12.

topik-topik perbincangan. Kaedah dakwah yang diguna pakai ialah dengan berbahas dengan cara yang baik iaitu memberi kefahaman dan membina keyakinan kepada pemohon. Seterusnya ziarah dilakukan kepada pemohon dengan tertib mengikut metode pendekatan dakwah seperti lemah-lembut, memberi dorongan, memberi nasihat kepada pemohon.

BAB LIMA : PENERIMAAN PENDEKATAN DAKWAH MAIS OLEH PEMOHON PENGISYTIHARAN MURTAD

5.0 PENGENALAN

Bab ini menganalisis dapatan kajian bagi menjawab objektif ketiga iaitu menganalisis sejauhmana penerimaan pendekatan dakwah MAIS oleh pemohon pengisyiharan murtad. Kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah teknik temu bual semi struktur dan secara secara bersemuka dengan informan. Seramai 10 orang informan di temu bual dalam kalangan pemohon isytihar murtad. Selain itu teknik pemerhatian juga digunakan bagi menyokong dapatan penting yang diperolehi berkenaan dengan penerimaan pendekatan dakwah MAIS oleh pemohon pengisyiharan murtad.

5.1 PENERIMAAN PELAKSANAAN PROSES ISTITABAH MAIS OLEH PEMOHON PENGISYTIHARAN MURTAD

Bahagian ini temu bual dibuat kepada sepuluh orang pemohon pengisyiharan murtad untuk mengenalpasti penerimaan mereka terhadap pelaksanaan proses istitabah MAIS yang merangkumi berkenaan tempoh masa yang ditetapkan, panel penasihat akidah, pengisian penasihat akidah, ziarah kepada pemohon pengisyiharan murtad.

5.1.1 Masa

Setiap pemohon isytihar murtad perlu mengikuti selama enam bulan sesi penasihat akidah, yang memerlukan pemohon menghadiri sebanyak 12 kali sesi dengan kekerapan sebanyak 2 kali sebulan dan setiap pertemuan mengambil masa 2 jam.

⁴⁰⁰Pengakuan penerimaan proses istitabah bersama pemohon isytihar murtad dari sudut masa dibincangkan dalam bahagian ini dan dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama pemohon menyatakan dengan masa yang diberikan dapat peluang untuk berfikir, bahagian kedua pemohon menyatakan proses terlalu lama.

1. Memberi Peluang Untuk Berfikir

Pemohon ketiga bersetuju dengan masa yang telah ditetapkan oleh MAIS dan ia sesuai untuk memberi tempoh kepada dirinya untuk berfikir semula dengan keputusan yang telah dibuat. Selain itu dengan masa yang diberikan boleh memberi tempoh untuk mereka sedar mengenai kesilapan yang telah dilakukan. Seterusnya dengan kesedaran ini membuatkan pemohon menarik balik permohonan pergisytiaran murtad. Perkara ini sebagaimana dijelaskan oleh pemohon:

”Masa yang diberikan adalah sesuai untuk saya fikir secara tenang dan baik pasal saya nak keluar dari agama Islam”.⁴⁰¹

Pemohon kesembilan pula bersetuju dengan masa yang diberikan ini kerana dengan tempoh masa yang diberikan beliau boleh membuat keputusan dengan baik. Selain daripada itu juga beliau boleh berfikir semula perkara yang telah dilakukan. Beliau menyatakan bahawa:

”Saya setuju dengan masa yang diberikan, saya boleh membuat keputusan dengan baik dan berfikir semula dengan apa yang telah saya lakukan.”⁴⁰²

Pemohon kesepuluh juga bersetuju dengan masa yang diberikan. Bagi dirinya masa yang diberikan dapat menyedarkan beliau tentang kesilapan yang dilakukan iaitu

⁴⁰⁰ Mohd Daruddin Hj. Taib@Hasan, temu bual,18 Mac 2015.

⁴⁰¹ Temu bual bersama Pemohon Isytihar Murtad Ketiga, pada 25 April 2015

⁴⁰² Temu bual bersama Pemohon Isytihar Murtad Kesembilan, pada 9 Mei 2015

dengan membuat permohonan pengisytiharan murtad. Justeru itu beliau telah menarik balik kes permohonan yang dilakukan. Beliau memberitahu:

”Masa yang diberikan boleh menyedarkan saya yang saya silap, saya boleh tarik balik apa yang dah saya lakukan.”⁴⁰³

Tujuh pemohon menganggap masa untuk memohon isytihar murtad adalah panjang dan perlu dipendekkan. Mereka tidak mahu menunggu lebih lama untuk keluar dari agama Islam. Mereka mengharapkan supaya proses untuk mereka keluar Islam dipermudahkan. Namun begitu, tiga pemohon yang bersetuju dengan masa yang telah ditetapkan oleh pihak MAIS selama enam bulan.

2. Proses Terlalu Lama

Pemohon pertama tidak mahu lagi mengikuti proses istitabah yang dilakukan oleh pihak MAIS dan beliau sebolehnya mahu supaya proses untuk permohonan pengisytiharan murtad dipercepatkan. Agar kelulusan untuk mendapatkan status pengisytiharan keluar dari agama Islam diperolehi dengan lebih cepat. Beliau menyatakan bahawa:

”Masa yang diberikan terlalu lama untuk menghabiskan program MAIS, lebih-lebih lagi apabila kes dibawa kepada Mahkamah Syariah ia mengambil masa yang panjang. Sebaiknya masa perlu dipendekkan”.⁴⁰⁴

Pemohon kedua hanya memikirkan untuk cepat keluar dari agama Islam dan kembali kepada agama asal. Dia merasakan masa diberikan adalah lama dan perkara ini mengganggu kehidupannya. Beliau telah menolak agama Islam. Pemohon menjelaskan bahawa:

”Masa yang diberikan adalah lama untuk memutuskan kes permohonan murtad yang

⁴⁰³ Temu bual bersama Pemohon Isytihar Murtad Kesepuluh, pada 10 Mei 2015

⁴⁰⁴ Temu bual bersama Pemohon Isytihar Murtad Pertama, pada 25 April 2015.

dipohon. Lebih elok dipendekkan saja masa untuk proses murtad”.⁴⁰⁵

Pemohon keempat tidak dapat menerima tempoh masa yang telah ditetapkan oleh pihak MAIS, kerana beliau ingin cepat keluar dari agama Islam. Jelasnya:

”Saya rasa ambil masa yang lama untuk keluar dari agama Islam. Saya rasa lama untuk tunggu masa yang diberikan oleh pihak MAIS”.⁴⁰⁶

Kenyataan pemohon kelima menunjukkan bahawa dia sudah tidak mahu lagi menunggu dan dia ingin cepat keluar dari agama Islam. Beliau mengharapkan supaya Mahkamah Syariah cepat membuat keputusan bahawa dia bukan Islam. Pemohon menyatakan:

”Saya rasa masa lama sangat untuk keluar dari agama Islam. Saya dah bosan tunggu bila hal ni boleh selesai”⁴⁰⁷

Pemohon keenam tidak bersetuju dengan tempoh masa yang diberikan oleh pihak MAIS. Pada pandangannya masa yang diberikan adalah panjang untuk proses keluar dari agama Islam. Beliau mengharapkan tempoh masa perlu dipendekkan kerana pada pendapatnya banyak perkara yang perlu dilalui oleh beliau, jelasnya:

”Masa panjang sangat untuk keluar dari agama Islam, banyak hal, perkara perlu saya lalui, masa perlu dikurangkan bagi orang senang untuk keluar dari agama Islam”⁴⁰⁸

Pemohon ketujuh tidak bersetuju dengan masa yang diberikan oleh pihak MAIS. Kerana beliau menyatakan bahawa masa yang diberikan oleh pihak MAIS adalah panjang selain itu juga pemohon mahu kes permohonannya untuk keluar Islam cepat diselesaikan. Beliau memaklumkan bahawa:

⁴⁰⁵ Temu bual bersama Pemohon Isytihar Murtad Kedua, pada 25 April 2015.

⁴⁰⁶ Temu bual bersama Pemohon Isytihar Murtad Keempat, pada 26 April 2015.

⁴⁰⁷ Temu bual bersama Pemohon Isytihar Murtad Kelima, pada 26 April 2015.

⁴⁰⁸ Temu bual bersama Pemohon Isytihar Murtad Keenam, pada 26 April 2015

”Masa lama sangat, lebih baik dicepatkan, saya mahu cepat kes saya selesai, saya mahu murtad”.⁴⁰⁹

Pemohon kelapan juga memberi pandangan yang sama iaitu masa perlu dipendekkan kerana padanya masa yang pendek mempercepatkan untuk dia keluar dari agama Islam. Beliau memberitahu:

”Pendekkan masa lagi senang pada saya untuk cepat keluar dari agama Islam.”⁴¹⁰

5.1.2 Panel Penasihatan Akidah

Bahagian ini akan membincangkan tentang penerimaan pelaksanaan proses istitabah MAIS oleh pemohon pengisytiharan murtad mengenai panel penasihatan akidah. Bahagian ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu yang pertama menerima dan bersetuju dengan panel penasihatan akidah, kedua menerima panel penasihatan akidah kerana mengikut prosedur MAIS sahaja dan yang ketiga panel penasihatan akidah tidak memahami kehendak pemohon.

1. Menerima Dan Bersetuju Dengan Panel Penasihatan Akidah

Pemohon ketiga boleh menerima panel penasihatan yang dilantik oleh MAIS dengan baik dan beliau memahami isi kandungan panel penasihatan yang telah disampaikan dan dibincangkan semasa sesi penasihatan berjalan. Beliau mulai faham tentang konsep ketuhanan dalam Islam iaitu konsep Esa, percaya Allah adalah tunggal dan tidak ada tuhan selain Allah. Kesedaran ini membawa kepada pengakuan beliau bahawa selama ini permohonan murtad yang dilakukan adalah kerana mengikut perasaan beliau sahaja. Dia memahami dengan jelas mengenai perkara yang dibincangkan dengan panel penasihatan. Beliau menyatakan bahawa:

⁴⁰⁹ Temu bual bersama Pemohon Isytihar Murtad Ketujuh, pada 9 Mei 2015

⁴¹⁰ Temu bual bersama Pemohon Isytihar Murtad Kelapan, pada 9 Mei 2015

”Saya mulai sedar pasal tuhan yang dipercayai oleh orang Islam, iaitu Allah, percaya kepada Allah, tidak ada tuhan selain Allah. Saya mulai yakin dengan agama Islam dan mula suka pada agama Islam. Saya dah sedar dan tau bahawa selama ini hanya mainan perasaan dalam diri saya saja, bila saya mohon untuk murtad. Saya faham dan tau apa yang dibincangkan dengan panel penasihat MAIS”.⁴¹¹

Manakala pemohon kesembilan dan pemohon kesepuluh masing-masing setuju dengan panel penasihat. Pemohon kesembilan berpendapat kematian suaminya tidak akan bermakna hidupnya sudah tidak mempunyai erti lagi. Bahkan dalam kehidupannya banyak perkara yang boleh beliau lakukan. Beliau juga menyatakan hasrat untuk belajar tentang agama Islam. Pemohon menyatakan bahawa:

”Saya setuju dengan panel penasihat, sebab apa yang dia bagi tahu saya tu betul, walaupun suami saya dah meninggal tu tak bermakna hidup saya musnah....saya yang masih hidup ni banyak benda lagi saya boleh buat, so saya kena belajar lagi pasal Islam”⁴¹²

Pemohon kesepuluh pula menyatakan semasa perjumpaan dengan panel penasihat akidah banyak perkara yang dibincangkan dengan panel. Beliau menyatakan tentang kemarahannya terhadap isterinya. Kerana pada pandangan beliau isterinya melakukan kesilapan sehingga menyebabkan berlakunya penceraian. Namun begitu dia sedar sebagai manusia biasa isterinya tidak lepas dari melakukan kesilapan. Dia menegaskan bahawa isterinya melakukan kesilapan tetapi kesilapan tersebut tidak ada kaitan dengan ajaran Islam, malahan dengan terjadinya perkara ini dia mahu menambah ilmu pengetahuannya tentang agama Islam. Pemohon memberitahu:

”Masa saya jumpa panel penasihat banyak perkara saya bincang dan cakap pada panel. Saya marah pada isteri saya tapi bukan pada agama Islam. Isteri saya manusia biasa yang buat silap

⁴¹¹ Pemohon Isytihar Murtad Ketiga, temu bual, 25 April 2015.

⁴¹² Pemohon Isytihar Murtad Kesembilan,temu bual , 9 Mei 2015

tapi Islam tidak silap dalam hal saya marah dan bercerai dengan isteri saya. Saya perlu belajar lagi pasal agama Islam.”⁴¹³

Pemohon kesepuluh mula sedar bahawa penceraian yang berlaku dalam hidupnya adalah perkara yang tidak ada kaitan dengan ajaran Islam dia perlu meneruskan hidupnya walaupun dia telah bercerai dengan isterinya. Begitu juga dengan pemohon kesembilan perlu hidup sebagai seorang Islam walaupun suaminya telah meninggal dunia.

2. Menerima Panel Penasihatan Akidah Kerana Mengikut Prosedur MAIS Sahaja

Pemohon pertama telah mengikuti semua prosedur yang ditetapkan oleh MAIS tetapi ia sekadar menurut perintah yang telah ditetapkan oleh mahkamah. Pemohon menyatakan dia tidak percaya kepada panel penasihatan yang dilantik oleh MAIS, malahan pemohon tidak dapat menerima semua perkara yang dilakukan oleh MAIS. Beliau hanya mendengar setiap apa yang disampaikan oleh panel dan mengikut semua peraturan yang telah ditetapkan oleh MAIS. Tetapi pada hakikatnya beliau telah menolak Islam dan masih ingin meneruskan permohonan untuk pengisytiharan murtad. Beliau menyatakan bahawa:

”Saya tidak percaya kepada panel penasihatan yang dilantik oleh MAIS dan tidak boleh menerima apa jua yang dilakukan oleh MAIS, saya hanya mendengar setiap apa yang disampaikan. Saya telah ikut semua peraturan yang telah ditetapkan oleh MAIS untuk melayakkan saya murtad”.⁴¹⁴

Pemohon keenam juga tidak mengambil kisah tentang panel penasihatan MAIS. Beliau tidak dapat menerima Islam sebagai agama anutannya lagi. Semua yang

⁴¹³ Pemohon Isytihar Murtad Kesepuluh, temu bual, 9 Mei 2015.

⁴¹⁴ Pemohon Isytihar Murtad Pertama, temu bual, 9 Mei 2015.

dinyatakan oleh panel pada dirinya tidak memberi kesan dan tidak akan mengubah niatnya untuk dia meneruskan permohonan untuk pengisytiharan murtad. Pemohon mengikuti proses istitabah MAIS adalah bagi memenuhi prosedur yang telah ditetapkan oleh MAIS sahaja. Pendiriannya juga seperti pemohon pertama, iaitu dengan menyatakan bahawa:

”Saya hanya mengikuti panel penasihat akidah yang dilantik oleh pihak MAIS kerana itu adalah prosedur yang perlu diikuti, tetapi apa jua yang dikatakan oleh panel akidah saya tidak dapat terima Islam sebagai agama saya, dan perbincangan itu hanya untuk memenuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh MAIS”.⁴¹⁵

Begitu juga dengan pemohon kelapan, meskipun beliau telah bertemu dengan panel penasihat akidah namun begitu pemohon tetap mahu meneruskan permohonan murtad. Ini kerana beliau menjelaskan bahawa hatinya telah tertutup kepada agama Islam apabila teman lelakinya menipu dirinya. Beliau menyatakan bahawa:

”Saya telah bertemu dengan panel penasihat seperti yang disuruh, tetapi hati saya telah tertutup dengan Islam kerana perbuatan *boyfriend* tipu saya, saya mahu keluar Islam.”⁴¹⁶

3. Panel Penasihat Akidah Tidak Memahami Kehendak Pemohon

Pandangan pemohon kedua terhadap panel penasihat akidah tidak memahami dirinya, kerana pada anggapannya panel tidak memahami dirinya malahan yang menanggung semua beban adalah dirinya. Ujar beliau:

”Panel yang mengadakan sesi dialog tidak faham saya, dia hanya boleh cakap saja..tapi saya yang kena tanggung semua derita ni”⁴¹⁷

⁴¹⁵ Pemohon Isytihar Murtad Keenam, temu bual, 26 April 2015.

⁴¹⁶ Pemohon Isytihar Murtad Kelapan, temu bual, 9 Mei 2015.

⁴¹⁷ Pemohon Isytihar Murtad Kedua, temu bual, 25 April 2015.

Pemohon keempat menyatakan panel penasihat akidah tidak memahami perkara yang berlaku pada dirinya, panel tidak merasai apa yang dilalui oleh pemohon. Justeru pemohon tidak berminat untuk membincangkan tentang panel penasihat tetapi dia hanya fokus kepada permasalahan peribadinya sahaja iaitu tentang masalah bekas suami dan keluarga suaminya. Beliau menyatakan kesukaran untuk menyatakan perbuatan bekas suami dan keluarga bekas suami yang telah mensia-siakan hidupnya. Ekoran daripada perbuatan bekas suami dan keluarganya menyebabkan pemohon tidak boleh memaafkan perbuatan yang telah dilakukan oleh mereka. Oleh yang demikian telah menolak panel penasihat dengan alasan bekas suaminya seorang Islam tetapi telah menyakitinya. Beliau mendakwa bahawa:

”Panel penasihat akidah tidak faham dan tidak merasakan apa yang dirasakan oleh diri saya. Sukar untuk dijelaskan perasaan saya apabila bekas suami telah mensia-siakan hidup saya. Saya tak boleh maafkan suami dan keluarganya sampai bila-bila. Saya tak dapat terima apa saja yang disampaikan oleh panel penasihat”.⁴¹⁸

Pemohon kelima tidak dapat menerima panel penasihat. Kerana pemohon menyatakan bahawa panel tidak memahami dirinya yang ingin keluar dari agama Islam. Selain itu juga pemohon menyatakan rasa tidak tenteram berada dalam agama Islam, oleh yang demikian itu dia mahu murtad. Jelas pemohon:

”Panel penasihat akidah tidak memahami kehendak saya ingin keluar dari agama Islam. Saya rasa tidak tenteram dan tenang berada dalam agama Islam”.⁴¹⁹

Perkara yang sama berlaku kepada pemohon ketujuh yang tidak dapat menerima apa-apa dari panel penasihat akidah sebab baginya panel tidak memahami dirinya kerana panel tidak mengalami apa yang dialami dirinya, dengan menyatakan:

⁴¹⁸ Pemohon Isytihar Murtad Keempat, temu bual, 26 April 2015

⁴¹⁹ Pemohon Isytihar Murtad Kelima, temu bual, 26 April 2015.

”Saya tidak boleh menerima apa-apa lagi dari panel dia tak faham sebab apa yang jadi pada saya tak jadi pada dia, saya hanya mahu keluar Islam.”⁴²⁰

Tujuh pemohon menyatakan bahawa mereka tidak setuju dengan panel penasihat akidah. Mereka menerima Panel Penasihat Akidah kerana mengikut prosedur MAIS sahaja. Mereka menyatakan bahawa panel penasihat akidah tidak memahami, hal ini merujuk kepada pemohon kedua, keempat dan kelima. Manakala pemohon keenam, kelapan, dan ketujuh hanya mengikut sahaja apa yang dikatakan oleh panel, bagi memenuhi prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak MAIS. Namun begitu pada hakikatnya ketujuh orang pemohon masih mahu meneruskan permohonan pengisytiharan murtad. Meskipun begitu pemohon ketiga, kesembilan dan kesepuluh menerima dan bersetuju dengan panel penasihat akidah yang menyebabkan mereka kembali semula kepada agama Islam.

5.1.3 Pengisian Penasihat Akidah

Semasa sesi pertemuan dengan panel penasihat akidah pemohon akan membincangkan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan sebab kenapa mereka memohon untuk isytihar murtad selepas memeluk Islam. Bahagian ini membincangkan tentang penerimaan pemohon isytihar murtad terhadap pelaksanaan istitabah MAIS mengenai pengisian penasihat akidah. Dalam bahagian ini terdapat dua bahagian iaitu pemohon yang dapat menerima pengisian penasihat akidah dan pemohon yang tidak dapat menerima pengisian penasihat akidah.

⁴²⁰ Pemohon Isytihar Murtad Ketujuh, temu bual, 9 Mei 2015

1. Dapat Menerima Pengisian Penasihat Akidah

Tiga orang pemohon isytihar murtad dapat menerima pengisian penasihat akidah yang dibincangkan. Mereka adalah pemohon ketiga, kesembilan dan kesepuluh, telah membuat pengakuan sebagaimana yang dinyatakan di bawah.

Pemohon ketiga dapat menerima pengisian penasihat akidah dengan baik. Beliau memahami dan percaya kepada Rukun Islam dan Rukun Iman. Selain itu beliau memahami dan menerima setiap perkara yang dibincangkan mengenai pengisian ini. Pemohon cuba untuk melaksanakan apa yang telah dibincangkan selama 12 jam mengenai hal ini. Beliau menjelaskan:

”Saya sudah faham lepas bincang pasal pengisian ni, pasal rukun Islam, rukun iman, saya percaya kepada Allah dan perkara yang saya bincang dalam pengisian ni. Saya muh buat apa yang saya dah bincang”,⁴²¹

Pemohon kesembilan juga membuat pengakuan yang sama apabila dia menyatakan bahawa dia menerima dan memahami setiap perkara yang dibincangkan dalam pengisian penasihat akidah. Dia mula redha apa yang terjadi dengan menerima tentang kematian suaminya. Dia mula faham tentang konsep kekal dalam Islam. Hanya Allah yang kekal selain Nya akan binasa. Pemohon memaklumkan bahawa:

”Saya setuju dan terima apa yang saya bincang pasal pengisian ni, saya kena redha dengan kematian suami saya, dan saya juga akan meninggal dunia...hanya Allah yang kekal yang lain akan rosak dan binasa”,⁴²²

Pemohon kesepuluh juga sedar dan tahu tentang tanggungjawab sebagai seorang Muslim selepas dia membincangkan berkenaan pengisian penasihat akidah. Dia faham dan menerima konsep dalam Islam yang tidak memaksa seseorang bukan Islam

⁴²¹ Pemohon Isytihar Murtad Ketiga, temu bual, 25 April 2015.

⁴²² Pemohon Isytihar Murtad Kesembilan, temu bual, 9 Mei 2015.

untuk memeluk Islam dan di dalam agama Islam tidak boleh keluar dari agama Islam selepas memeluk Islam. Beliau menyatakan:

”Masa saya masuk Islam saya tahu tak ada orang paksa saya, bila dah jadi Islam saya dah tak boleh keluar Islam. Sebab dalam Islam bila dah masuk Islam tak boleh keluar, saya terima perkara ini selepas saya bincang pasal pengisian ni”⁴²³

2. Tidak Dapat Menerima Pengisian Penasihat Akidah

Terdapat tujuh orang pemohon yang tidak dapat menerima tentang pengisian penasihat akidah. Mereka adalah pemohon pertama, kedua, keempat, kelima, keenam, ketujuh dan kelapan. Merujuk kepada pengakuan yang dinyatakan oleh pemohon pertama menyatakan bahawa beliau tidak sedar dan tidak tahu apa-apa mengenai pengisian penasihat akidah yang dijalankan, dia hanya mahu keluar dari agama Islam. Beliau menyatakan bahawa:

”Saya tak tahu apa-apa pasal pengisian ini jadi saya tak boleh nak terima..., saya cuma harap dapat keluar dari agama Islam”.⁴²⁴

Pemohon kedua tidak dapat menerima setiap apa yang dibincangkan dalam sesi bersama panel penasihat akidah, apa yang dibincangkan tidak memberi kesan kepada dirinya. Dia hanya dengar dan menceritakan tentang masalah dirinya. Dia masih percaya pada tuhan yang lama:

”Saya dah tak boleh terima apa-apapun dari pengisian ini, masa berbincang saya cuma cerita masalah saya dan saya dengar apa yang panel bagi tau, tapi tak bagi apa-apa kesan pada saya. Saya percaya kepada tuhan yang lama...⁴²⁵

⁴²³ Pemohon Isytihar Murtad Kesepuluh, temu bual, 10 Mei 2015.

⁴²⁴ Pemohon Isytihar Murtad Pertama, temu bual, 25 April 2015.

⁴²⁵ Pemohon Isytihar Murtad Kedua, temu bual, 25 April 2015.

Pemohon keempat hanya mendengar tentang pengisian penasihat akidah, tetapi hakikatnya dia menolak semua tentang pengisian yang dibincangkan, beliau sudah tidak dapat menerimanya. Pemohon menyatakan bahawa:

”Saya dengar pasal pengisian ni, tapi semua saya tolak...., saya tak boleh terima semua itu ”⁴²⁶

Pemohon kelima menolak segala apa saja yang dibincangkan tentang pengisian penasihat akidah pada dirinya tiada keperluan untuk dia mengetahuinya tetang agama Islam. Baginya tiada apa yang perlu dibincangkan lagi semuanya telah jelas dan dia hanya mahu untuk murtad. Beliau mendakwa bahawa:

”Saya tak mahu tahu apa-apa pasal Islam, saya tak perlu tahu, dan saya tak mau bincang apa-apa lagi, dah jelas saya mahu keluar dari Islam”.⁴²⁷

Pemohon keenam mengikuti selama 12 jam pengisian penasihat akidah, tetapi tidak bermakna apa-apa padanya dan dia tidak dapat menerima tentang pengisian yang dibincangkan. Beliau hanya fokus mahu isytihar untuk keluar dari agama Islam. Beliau menjelaskan:

”Saya dah ikut selama 12 jam dan dengar semua pasal pengisian ni, tapi tak ada makna pada saya sebab saya dah tak terima Islam, saya mau keluar Islam”.⁴²⁸

Manakala pemohon ketujuh memaklumkan dia tidak dapat fokus tentang pengisian penasihat akidah dia hanya menjawab soalan yang ditanya sahaja. Sebab dia hanya memikirkan tentang status permohonan isytihar murtad sahaja. Beliau memberitahu:

”Saya tak boleh fokus pasal pengisian tu, saya jawab la kalau ada tanya soalan, saya fikir pasal saya mau keluar Islam saja.”⁴²⁹

⁴²⁶ Pemohon Isytihar Murtad Keempat, temu bual, 26 April 2015.

⁴²⁷ Pemohon Isytihar Murtad Kelima, temu bual, 26 April 2015.

⁴²⁸ Pemohon Isytihar Murtad Keenam, temu bual, 26 April 2015.

⁴²⁹ Pemohon Isytihar Murtad Ketujuh, temu bual, 9 Mei 2015.

Pemohon kelapan tidak dapat menerima pengisian penasihat akidah, sebab hatinya dan kepercayaan beliau masih lagi kepada agama Hindu, dia mahu kembali kepada agama asalnya:

”Saya tak dapat terima apa-apa pasal pengisian tu, sebab saya percaya kepada agama Hindu, saya mahu jadi Hindu.”⁴³⁰

5.1.4. Ziarah Kepada Pemohon Pengisytiharan Murtad

Bahagian ini membincangkan tentang penerimaan pemohon pengisytiharan murtad terhadap pelaksanaan istitabah MAIS mengenai ziarah yang dilakukan oleh pihak MAIS kepada pemohon pengisytiharan murtad. Bahagian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pemohon pengisytiharan murtad menerima kunjungan ziarah yang dilakukan oleh pihak MAIS dengan terbuka dan pemohon menerima ziarah yang dilakukan oleh pihak MAIS tetapi kerana hanya mengikut prosedur sahaja. Perkara ini dibincangkan sebagaimana di bawah.

1. Menerima Dengan Terbuka

Pemohon yang menerima dengan terbuka kunjungan ziarah sukarelawan MAIS ialah pemohon ketiga, kesembilan dan kesepuluh. Sebagaimana mereka menyatakan di bawah. Pemohon ketiga menyatakan beliau tidak kisah dengan kehadiran pihak MAIS untuk menziarahinya dan keluarga. Dia dapat menerimanya dengan hati yang terbuka malahan gembira dengan kehadiran sukarelawan yang mengadakan ziarah. Sebagaimana beliau menjelaskan:

”Saya tak kisah orang datang ziarah saya, boleh saja, saya pun suka..”⁴³¹

⁴³⁰ Pemohon Isytihar Murtad Kelapan, temu bual, 9 Mei 2015.

⁴³¹ Pemohon Isytihar Murtad Ketiga, temu bual, 25 April 2015.

Pemohon kesembilan bersetuju dan menerima kunjungan ziarah MAIS dengan terbuka dan dia seronok dengan kunjungan tersebut. Beliau gembira apabila orang menziarahi dirinya dan bertanya khabar. Bagi dirinya kunjungan ziarah yang dilakukan oleh pihak MAIS tidak menganggu beliau:

”Saya suka ada orang ziarah saya dan tanya khabar saya, saya juga setuju dengan apa yang MAIS buat sebab tak ganggu saya pun”⁴³²

Pemohon kesepuluh berpendapat dia akan menerima tetamu yang datang untuk menziarahinya. Baginya tetamu yang datang tidak membebankan dirinya dan dia seronok dengan kunjungan yang datang serta bertanya khabar mengenai dirinya. Perkara ini bukan membebangkan dirinya. Pemohon menjelaskan:

”Kalau orang dah datang rumah saya, saya terima mereka, lagipun dari MAIS datang untuk tanya khabar pasal saya, bukan buat apa-apa pun, tak beri beban pada saya pun..saya seronok juga ada orang datang lawat saya”⁴³³

2. Mengikut Prosedur Sahaja

Lima orang pemohon iaitu pemohon pertama, kedua, keempat, kelima, keenam, ketujuh dan kelapan yang menyatakan bahawa ziarah kepada mereka diterima kerana hanya mengikut prosedur MAIS sahaja. Sebagaimana pengakuan mereka di bawah.

Pemohon pertama menyatakan bahawa dia bukan suka dengan kunjungan ziarah yang dilakukan oleh MAIS, tapi dia tahu bahawa itu adalah prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak MAIS kepadanya dan dia perlu mengikutinya. Oleh yang demikian dia menerima kunjungan tersebut:

”Bukan saya tak suka tapi saya tau dia orang kena buat ziarah tu semua, itu kerja dia, tak apa la saya kena terima la..”⁴³⁴

⁴³² Pemohon Isytihar Murtad Kesembilan, temu bual, Mei 2015.

⁴³³ Pemohon Isytihar Murtad Kesepuluh, temu bual, 10 Mei 2015.

⁴³⁴ Pemohon Isytihar Murtad Pertama, temu bual, 25 April 2015.

Pemohon kedua juga menyatakan perkara yang sama, dia tidak menghalang kedatangan pihak MAIS untuk menziarahinya dan bercakap dengannya kerana itu adalah tugas pihak MAIS. Namun dia tetap dengan pendiriannya untuk meneruskan permohonan murtad. Sebagaimana beliau menjelaskan:

”Kalau setakat nak datang lawat saya, saya tak kisah tak ada halangan untuk jumpa dan borak....sebab diaorang buat kerja dia, tapi saya masih nak mohon murtad”⁴³⁵

Pada pandangan pemohon keempat pula dia menerima sahaja kedatangan rombongan ziarah kerana pihak MAIS menjalankan tugasnya, dia tidak boleh berbuat apa-apa. Sekiranya semasa kunjungan diadakan dia berada di rumah maka rombongan ziarah dapat berjumpa dengannya sekiranya dia tiada di rumah maka rombongan ziarah tidak dapat berjumpa dengannya. Jelas beliau:

”Biar la orang datang ziarah saya sebab itu kerja dia, saya nak buat macam mana, kalau saya ada kat rumah ok, kalau saya tak ada tak dapat la jumpa saya”⁴³⁶

Pemohon kelima berpendapat kunjungan ziarah yang dilakukan oleh pihak MAIS adalah tugas pihak MAIS, dan organisasi ini berhak berbuat demikian. Dia mengikut sahaja prosedur yang telah ditetapkan oleh MAIS. Beliau menyatakan:

”MAIS hanya buat kerja dia, saya ikut saja la, itu hak dia..nak ziarah saya”⁴³⁷

Pemohon keenam tidak mahu ada sebarang masalah mengenai permohonan isytihar murtad yang telah dipohon, maka dia mengikut sahaja, prosedur yang telah ditetapkan oleh MAIS. Pemohon berkata:

⁴³⁵ Pemohon Isytihar Murtad Kedua, temu bual, 25 April 2015.

⁴³⁶ Pemohon Isytihar Murtad Keempat, temu bual, 26 April 2015.

⁴³⁷ Pemohon Isytihar Murtad Kelima, temu bual, 26 April 2015.

”Saya tak mau sebab hal ziarah nanti kes saya mau murtad tu *pending*, jadi saya ikut saja apa MAIS nak buat”⁴³⁸

Pemohon ketujuh, menerima kunjungan ziarah MAIS dengan hati yang terbuka. Sekiranya beliau berada di rumah semasa ziarah dilakukan beliau menerima tetamu yang datang. Namun begitu hal ini bergantung kepada keadaan dirinya, sekiranya mempunyai masa lapang dan dia berada di rumah maka dia akan menerima kunjungan ziarah tersebut. Sekiranya sebaliknya tidak ada perjumpaan yang akan berlaku. Walaupun begitu beliau tetap mahu meneruskan permohonan murtad. Beliau memberitahu:

”Ok saja kalau ada orang datang ziarah saya, kalau saya ada masa dan ada kat rumah saya terima la tetamu yang datang...apapun saya nak keluar Islam juga”⁴³⁹

Pemohon kelapan juga berpandangan yang sama, dia mahu semuanya berjalan dengan lancar, maka dia menerima rombongan ziarah dari pihak MAIS bagi memenuhi syarat yang ditetapkan. Sepanjang dia menerima kunjungan ziarah dia merasakan tiada apa yang menganggu dirinya. Beliau menjelaskan:

”Saya ikut semua syarat yang MAIS buat saya tak mau nanti jadi apa-apa pada kes saya mau murtad, lagipun beberapa kali orang ziarah saya...semuanya ok saja”⁴⁴⁰

⁴³⁸ Pemohon Isytihar Murtad Keenam, temu bual, 26 April 2015.

⁴³⁹ Pemohon Isytihar Murtad Ketujuh, temu bual, 9 Mei 2015.

⁴⁴⁰ Pemohon Isytihar Murtad Kelapan, temu bual, 9 Mei 2015.

5.2 PENERIMAAN PENDEKATAN DAKWAH MAIS OLEH PEMOHON PENGISYIHKARAN MURTAD

Berdasarkan penerimaan pelaksanaan proses istitabah MAIS oleh pemohon pengisytiharan murtad dapat dianalisis mengenai sejauhmana penerimaan pendekatan dakwah MAIS oleh pemohon pengisytiharan murtad.

5.2.1 Pendekatan Hikmah dan Kebijaksanaan (Bil-Hikmah)

Pemohon pengisytiharan murtad kesepuluh menerima pendekatan hikmah dan kebijaksanaan yang digunakan oleh panel penasihat akidah. Ini kerana berdakwah melalui pendekatan berhikmah mempunyai kekuatan yang boleh mempengaruhi sasaran. Ia juga membawa maksud sesuatu tindakan yang sesuai dan bijaksana yang dilakukan oleh pendakwah berpandukan kesesuaian sasaran untuk dipengaruhinya.⁴⁴¹

Justeru itu pemohon merasa selesa dan seronok selepas mengikuti proses istitabah MAIS disebabkan pendekatan hikmah dengan layanan yang baik diberikan kepada pemohon. Iaitu apabila pemohon menanyakan soalan pihak MAIS dapat menjawab persoalan dengan baik. Oleh yang demikian mewujudkan rasa puas hati kepada pemohon. Sehubungan itu pemohon dapat menerima Islam kembali. Berdasarkan pendekatan yang digunakan hasil pemerhatian mendapati pemohon bercakap dengan petah dan menjawab soalan yang dikemukakan tanpa rasa sensitif. Intonasi suara juga dalam keadaan nada biasa tetapi boleh didengar dengan jelas. Manakala rumah pemohon juga bersih serta persekitaran rumah pemohon tidak menampakkan sebarang

⁴⁴¹ Ali Ibn Saleh al-Mursyid, *Mustalzimat al-Da'wah al-Asr al-Hadir*, Damanhur, dalam Nur Raudah Siren, Yusmini Mohd. Yusoff dan Mahmudah Nawawi, ed., E-Dakwah: Kepentingan dan Pelaksanaannya di Malaysia, (Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2006), 108.

lambang yang menunjukkan penyembahan tuhan yang lain seperti gambar patung atau salib.⁴⁴² Hal ini sepetimana yang dimaklumkan oleh pemohon:

”Saya rasa seronok juga lepas ikut program MAIS ni, sebab dia orang layan saya bagus, jawab soalan saya dengan baik bila saya tanya pasal tuhan yang Esa, panel bagi tau tuhan dalam Islam bersifat Esa, tunggal dan tidak serupa dengan makhluk..Maha Besar dari segala-galanya, sifat Allah melangkaui dari sifat makhluk dari semua aspek..manusia hamba Allah yang kerdil tapi yang buat manusia hebat bila bertakwa pada Allah, yakin sepenuh hati pada Allah..bila ada keyakinan ni diri tak rasa hebat, sompong dan sifat-sifat buruk lain sebab tahu Allah SWT melebihi dari segalanya..so boleh terima Islam semula dan saya dah tarik balik untuk murtad”⁴⁴³

5.2.1.1 Pendekatan Hikmah dan Kebijaksanaan (Bil-Hikmah) Dengan Lemah Lembut

Pendekatan hikmah dan kebijaksanaan (bil-hikmah) dengan lemah lembut diterima oleh pemohon yang ketiga. Ini kerana apabila sukarelawan MAIS datang mengadakan ziarah terhadap pemohon mereka menggunakan perkataan dan cara percakapan yang lemah lembut. Sepetimana golongan ulama telah memberikan pengertian serta maksud bahawa al-hikmah adalah tepat dalam percakapan dan perbuatan⁴⁴⁴ serta meletakkan sesuatu kena pada tempat dan keadaan serta situasinya.⁴⁴⁵ Dakwah sememangnya mementingkan kepada tarikan serta keberkesanan. Maka terdapat beberapa aspek tentang keperluan dakwah yang perlu diambil perhatian untuk dikaji dan diteliti bagi memastikan matlamat penyampaian dakwah itu menarik dan berkesan. Matlamat utama dakwah bersifat sempurna dan lengkap kerana ia merangkumi aspek keseimbangan di antara keperluan rohani dan jasmani,

⁴⁴² Pemerhatian di rumah pemohon Isytihar Murtad Kesepuluh 10 Mei 2015.

⁴⁴³ Pemohon Isytihar Murtad Kesepuluh, temu bual, 10 Mei 2015.

⁴⁴⁴ Abu Jaafar Muhammad Ibn Jarir al-Tabari, *Tafsir al-Tabari*, (Cairo: Dar al-Ma’rif, 1996), 337.

⁴⁴⁵ Zairul Anuar Md Dawam, *Skip ke Skrin*, (Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2015), 96.

perundangan syarak yang lengkap meraikan fitrah manusia serta memberikan kemudahan dengan menghilangkan kesukaran.⁴⁴⁶

Pemerhatian yang dilakukan mendapati pemohon kelihatan tenang menjawab soalan yang dikemukakan, nada suara yang jelas dan boleh didengar. Kontak mata pemohon melihat kontak mata pengkaji. Keadaan rumah yang bersih dan teratur serta tiada sebarang lambang agama lain selain lambing agama Islam, pemohon menggantung tulisan “Bismillahirahmanirahim” dalam bahasa Arab, pemohon tidak menutup auratnya rambutnya.⁴⁴⁷ Kesannya pendekatan ini telah memberi ketenangan kepada pemohon. Hal ini dinyatakan oleh pemohon:

“Saya suka dengan orang datang (sukarelawan) tengok saya semua baik-baik...cakap baik-baik suruh saya selalu sabar dan tenang menghadapi ujian hidup...sukarelawan ni cakap Allah dah aturkan yang terbaik untuk hambaNya...cakap dengan lembut, muka pun senyum, dia masuk rumah saya pun sopan saja..hihi (sambil ketawa)...ya sukarelawan ada tanya bila saya mau pakai tudung...kalau pakai tudung saya nampak lagi cantik...nanti la saya pakai tudung tutup rambut saya..saya pun nak belajar pakai tudung...apapun hati saya senang dengan mereka, mereka ambil berat pasal saya”⁴⁴⁸

Pemohon kesembilan juga mengakui tentang penerimaan pendekatan dakwah dengan secara hikmah dan kebijaksanaan dengan lemah lembut oleh pihak MAIS kerana beliau mendapati bahawa semasa sesi ziarah dilakukan sukarelawan MAIS yang datang bercakap dengan suara yang lembut. Dengan menggunakan kata-kata yang lemah-lembut dan baik, perlu juga diiringi dengan sikap serta akhlak yang beradab ketika memberi nasihat yang merangkumi sifat ikhlas, mengamalkan nasihat yang dinyatakan, sangat berhati-hati dalam menangani sesuatu isu, sabar menghadapi

⁴⁴⁶ Sulaiman Ibrahim, Fariza Md. Sham, Metodologi Dakwah, (Pusat Perkembangan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008), 63.

⁴⁴⁷ Pemerhatian di rumah pemohon Isytihar Murtad Ketiga 25 April 2015.

⁴⁴⁸ Pemohon Isytihar Murtad Ketiga, temu bual, 25 April 2015.

cercaan, berlapang dada serta tidak mengeluh. Pendakwah juga perlu memberi penjelasan terhadap sesuatu perkara berdasarkan keadaan golongan sasaran yang merangkumi situasi yang dialami olehnya, watak, kedudukan, ilmu pengetahuan serta permasalah yang dihadapi oleh golongan sasaran.⁴⁴⁹

Setiap kata-kata yang dikeluarkan menyenangkan hati pemohon. Malahan perkara yang sama juga berlaku apabila pemohon menghadiri sesi bersama panel penasihat akidah. Pemohon menyatakan juga bahawa pihak MAIS menghormati dan memahami pemohon sebagai seorang isteri yang kematian suami. Kehadiran sukarelawan ziarah dan perjumpaan bersama panel penasihat telah menyenangkan perasaan pemohon. Hasil pemerhatian mendapati bahawa pemohon menjawab dengan baik setiap persoalan yang ditanya, nada suara yang sederhana dan boleh didengar, semasa sesi temu bual mata pemohon memandang mata pengkaji. Keadaan rumah pemohon juga bersih dan kemas serta tidak ada sebarang tanda penyembahan tuhan yang lain.⁴⁵⁰ Perkara ini dijelaskan oleh pemohon:

"Bila orang MAIS datang jumpa saya kat rumah,
dia orang cakap lembut dan baik-baik saja..saya
bagi tau pasal saya sedih suami sudah meninggal,
diaorang faham dan tenangkan saya supaya sabar
dan dia cakap setiap yang hidup pasti akan mati,
yang kekal hanya Allah SWT saja..kitapun akan
mati..bila kita mati kita pun tak nak orang sedih,
sebaik-baiknya selalu doa dan mohon pada Allah
supaya si mati di tempatkan di tempat yang baik-
baik... saya faham la dan saya rasa seronok dan
tenang bila diaorang datang..macam tu jugak la
bila saya jumpa panel MAIS dia pun cakap baik-
baik suruh saya redha dan terima dengan
kematian suami..memang mula-mula suami pergi
saya rasa sedih sangat, selalu ingat kat dia tapi
bila dah lama okay saya boleh terima, saya pun
ada tanggungjawab yang kena saya buat, hidup

⁴⁴⁹ 'Aidh Abdullah al-Qarni, *Petunjuk Berdakwah Dengan Berkesan*, (Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, 2007), 92.

⁴⁵⁰ Pemerhatian di rumah pemohon Isytihar Murtad Kesembilan, 10 Mei 2015.

kena diteruskan..saya pun dah tarik balik untuk murtad”⁴⁵¹

5.2.1.2 Pendekatan Hikmah dan Kebijaksanaan (Bil-Hikmah) Dengan Merungkaikan Masalah

Lazimnya pemohon yang memohon untuk isytihar murtad mempunyai masalah yang tersendiri. Melalui pendekatan hikmah dan kebijaksanaan dengan merungkaikan masalah diterima oleh pemohon isytihar murtad yang kesepuluh. Beliau mulai sedar apabila dia berkongsi masalahnya bersama panel dan panel merungkaikan permasalahan yang dihadapinya dengan baik. Malahan selain itu juga dapat memberi suntikan semangat kepada pemohon. Perkara ini disebabkan panel juga mengalami masalah yang sama sebelum ini. Tetapi dengan menggunakan cara yang betul maka permasalahan yang dihadapi dapat diselesaikan dengan baik tanpa perlu untuk memohon murtad. Pendekatan ini adalah sesuai dengan konsep dakwah, sebagaimana maksud istilah dakwah itu sendiri adalah proses mengajak dan memimpin individu lain ke jalan Allah SWT oleh pendakwah kepada golongan yang didakwahkan. Ia bertujuan semoga semua perbuatan serta tindakan yang dilakukan akan mendapat keredaan daripada Allah SWT, seterusnya membawa kepada kesejahteraan dan keharmonian hidup sasaran dakwah.⁴⁵² Oleh yang demikian pemohon menarik balik kesnya untuk memohon murtad. Sebagaimana dijelaskan oleh pemohon:

“Bila saya bagi tau pasal masalah saya, ada masalah dengan bekas isteri saya dah tak serasi dengannya jadi jalan terbaik berpisah, selesai masalah saya..saya pun dah maafkan dia dan dia pun dah maafkan saya..saya dah sedar bila panel bagi tau saya, bahawa saya bukan ada masalah dengan agama Islam jadi tak perlu saya murtad..tapi saya perlu belajar lagi pasal agama

⁴⁵¹ Pemohon Isytihar Murtad Kesembilan, temu bual, 10 Mei 2015.

⁴⁵² Ali Abd. Al-Halim Mahmud, *Fiqh al-Da'wah al-Fardiyah*, (t.p. : Dar al-Wafa), 25.

Islam supaya saya lebih kuat untuk terus hidup sebagai seorang muslim..”⁴⁵³

Perkara yang sama dinyatakan oleh pemohon yang ketiga. Beliau menerima pendekatan dakwah MAIS melalui hikmah dan kebijaksanaan dengan merungkaikan masalah. Ini kerana selepas kematian suaminya dia menganggap bahawa sudah hilang tempat bergantung, disebabkan sebelum ini suami yang menyediakan semua keperluan rumah tangganya. Selepas kematian suami beliau perlu bekerja untuk menyara kehidupannya dan anak-anak. Namun dengan gaji yang diperolehi tidak mampu untuk menampung perbelanjaan rumah dan persekolahan anak-anak. Apabila pihak MAIS berkunjung ke rumahnya dan mendapati keperluan rumah dan persekolahan anak tidak mencukupi maka pihak MAIS telah memberi bantuan kepada beliau dan keluarganya. Justeru itu dengan bantuan yang diberikan oleh pihak MAIS dapat merungkaikan masalah yang dihadapi oleh dirinya, iaitu bantuan persekolahan anak dan bayaran rumah sewa. Beliau juga memberitahu bahawa sebelum ini dia tidak tahu tentang bantuan yang disediakan oleh pihak MAIS kerana semuanya arwah suami yang menguruskan semua kehidupan beliau dan anak-anak. Situasi ini sesuai seperti yang dinyatakan oleh ahli tafsir yang menjelaskan tentang nasihat yang baik adalah dengan memalingkan seseorang dari sifat tercela kepada sifat mulia. Pendekatan yang dianjurkan adalah bercakap secara lemah-lembut, bersahabat secara baik atau berhubung rapat, bersifat fleksibel serta bertolak ansur dengan diri orang lain.⁴⁵⁴

Pendekatan dakwah yang digunakan telah membuatkan pemohon kembali kepada agama Islam. Hikmah merupakan pendekatan dakwah secara bijaksana yang memerlukan kombinasi serta gabungan ilmu pengetahuan secara teori dan praktikal dalam menyampaikan dakwah. Disamping itu juga ia merupakan dakwah secara halus

⁴⁵³ Pemohon Isytihar Murtad Kesepuluh, temu bual, 10 Mei 2015

⁴⁵⁴ Ghazali Darulsalam, Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 1996), 108.

serta memberi ransangan psikologi kepada manusia untuk berfikir berdasarkan tujuan, motif, tarikan, emosi, peneguhan, status serta pembinaan sosial.⁴⁵⁵ Perkara ini dimaklumkan oleh pemohon:

“MAIS ada bantu saya dan anak-anak, lepas suami meninggal saya kena kerja saya tak ada duit nak makan, bayar rumah, sekolah anak semua, tapi gaji saya kecik tak cukup...nasib baik MAIS tolong bagi bantuan sekolah untuk anak-anak dan bagi barang dapur kalau tak susah la saya”⁴⁵⁶

5.2.2 Pendekatan Nasihat Dan Pengajaran Yang Baik (Mauizah Al- Hasanah)

Pemohon yang kesepuluh menerima pendekatan nasihat dan pengajaran yang baik yang diaplikasikan oleh MAIS. Apabila beliau mengikuti proses pelaksanaan istitabah MAIS pemohon dapat mempelajari mengenai ajaran Islam. Perkara ini diperolehi melalui nasihat dan pengajaran yang disampaikan oleh pihak MAIS. Oleh yang demikian pemohon memahami mengenai ajaran Islam yang mana sebelum ini pemohon tidak mengambil tahu mengenai perkara ini. Ini adalah usaha dakwah iaitu mengubah suatu situasi kepada situasi yang lebih baik dan sempurna. Sama ada bersifat baik terhadap peribadi, organisasi mahupun masyarakat.

Dakwah juga bukan sekadar usaha untuk peningkatan bagi memahami ilmu agama, sikap, akhlak, tingkah laku dan pandangan hidup sahaja malahan dakwah adalah perkara yang lebih luas dan besar cakupannya. Terutamanya dewasa ini dakwah perlu lebih berfungsi da berperanan menuju kepada pelaksanaan ajaran Islam secara meluas dalam semua konteks yang berkaitan dengan kehidupan.⁴⁵⁷ Perkara ini dijelaskan oleh pemohon:

⁴⁵⁵ Ab. Aziz bin Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, (Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2001), 193-212.

⁴⁵⁶ Pemohon Isytihar Murtad Ketiga, temu bual, 25 April 2015.

⁴⁵⁷ Abdul Aziz Zin, *Islam dan Dakwah*, (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2006),77.

“Bila saya ikut program MAIS ni banyak ajar dan nasihat saya pasal Islam agama yang benar suruh penganutnya bersangka baik dengan orang lain, jangan cepat marah dan hukum orang, selidik dulu betul atau salah pasal sesuatu perkara tu...kalau ada orang buat salah maafkan orang tu, doa yang baik-baik untuknya...sebab saya pun manusia biasa buat salah juga dengan orang dan saya harap orang pun maafkan kesalahan saya...sekarang saya faham dan banyak tahu la pasal Islam berbanding sebelum ni”⁴⁵⁸

5.2.2.1 Pendekatan Nasihat Dan Pengajaran Yang Baik (Mauizah Al-Hasanah) Dengan Memberi Dorongan

Pendekatan nasihat dan pengajaran yang baik dengan memberi dorongan diterima oleh pemohon. Beliau menyatakan penerimaan kembali kepada agama Islam kerana setelah beberapa kali berjumpa panel penasihat MAIS dan beliau telah mendapatkan nasihat yang baik untuk dirinya meneruskan kehidupan sebagai seorang Islam. Kesan daripada pendekatan nasihat yang baik ini menimbulkan semangat dalam dirinya dan seterusnya memberi dorongan untuk terus menjadi seorang Islam. Ini kerana dakwah merupakan usaha perpindahan paradigma umat manusia kepada satu tahap yang sesuai dengan tabiat sifat semulajadi manusia yang diciptakan oleh Allah SWT. Ia membawa maksud perpindahan yang bersandarkan kepada kesedaran daripada kekufuran kepada keislaman. Seterusnya daripada kejahatan kepada kebaikan, kesesatan kepada kebaikan, negatif kepada positif serta perkara-perkara buruk kepada perkara-perkara berupa kebaikan.⁴⁵⁹ Pemohon menjelaskan:

“Saya mula boleh terima agama Islam semula la bila banyak kali jumpa panel dia selalu bagi nasihat yang baik-baik kat saya supaya saya teruskan dengan akidah Islam sebab Islam agama yang benar lagipun masa saya masuk Islam dulu

⁴⁵⁸ Pemohon Isytihar Murtad Kesepuluh, temu bual, 10 Mei 2015.

⁴⁵⁹ Zaydan, ‘Abd al-Karim, Usul al-da’wah, (Bayrut: Muassasat al-Risalah, 1975), 52.

tak ada orang paksa saya masuk Islam jadi lepas jumpa panel dan orang datang ziarah saya dah jelas pasal Islam...saya nak kekal dalam Islam tunaikan kewajipan saya sebagai seorang Islam...semua ni bagi semangat pada saya..”⁴⁶⁰

Begitu juga pengakuan penerimaan pendekatan dakwah melalui nasihat dan pengajaran yang baik dengan memberi dorongan yang dinyatakan oleh pemohon ketiga. Kesedaran timbul dalam diri pemohon apabila dia selalu berjumpa dengan panel penasihat. Selepas menerima nasihat dan pengajaran yang dinyatakan oleh panel penasihat beliau mengakui bahawa permohonan pengisytiharan murtad yang dilakukan hanya kerana mengikut perasan sahaja. Sesungguhnya nasihat yang baik mampu menjadi motivasi serta peransang kepada sasaran dakwah untuk konsisten melakukan perkara yang baik.⁴⁶¹

Pada pandangan pemohon sebelum ini, apabila suami meninggal dunia dia perlu murtad kerana dia hanya memeluk Islam disebabkan mengikut agama suami sahaja. Tetapi dengan kesedaran yang diperolehi dari nasihat dan pengajaran oleh panel penasihat telah mendorong pemohon untuk terus kekal dalam agama Islam. Malahan dia mula sedar bahawa walaupun suami telah meninggal dunia dia masih mempunyai anak, keluarga, saudara mara serta kawan-kawan dan dia bukan hidup keseorangan. Selain itu juga pendekatan ini mendorong beliau untuk belajar tentang agama Islam.

Hal ini kerana asas kepada pendekatan dakwah yang berkesan bagi mencapai kesejahteraan di dunia dan akhirat memerlukan kepada dua kompenan utama dalam dakwah iaitu, yang pertama isi kandungan atau pengajaran yang hendak disampaikan kepada sasaran dakwah. Kompenan yang kedua cara atau kaedah untuk menyampaikan pengajaran tersebut. Oleh itu pendekatan yang sesuai sangat penting

⁴⁶⁰ Pemohon Isytihar Murtad Kesembilan, temu bual, 9 Mei 2015.

⁴⁶¹ Ab. Aziz bin Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur, (Universiti Malaya, 1997), 8.

digunakan dalam menyampaikan dakwah kerana ia merupakan cara bagaimana pengajaran yang hendak disampaikan itu dapat diterima oleh golongan sasaran.⁴⁶²
Pemohon menyatakan bahawa:

”Apabila saya berjumpa dengan panel sedikit demi sedikit saya mulai sedar apa yang saya lakukan salah sebab panel nasihatkan saya dan bagi tau supaya saya sentiasa sabar dan saya kena terima suami saya telah meninggal dunia..setiap yang hidup akan mati saya pun akan mati juga..saya terlalu ikut hati saya yang sedih bila suami meninggal saya pun nak murtad..padahal saya kena kuat sebab saya masih ada anak-anak, saudara-mara, kawan, jiran yang ada dengan saya dan bantu saya pihak MAIS pun banyak bagi bantuan untuk saya dan anak-anak..bagi beras, gula, makanan asas..duit bantuan zakat..bantu anak sekolah..semua ni bagi semangat kepada saya untuk hidup dalam agama Islam”⁴⁶³

5.2.2.2 Pendekatan Nasihat Dan Pengajaran Yang Baik (Mauiżah Al- Hasanah)

Dengan Mengatakan Perkara Yang Baik

Perasaan silap dan salah mulai timbul dalam hati pemohon apabila dia berkasar dengan panel penasihat akidah MAIS. Pada permulaan beliau berjumpa dengan panel beliau menunjukkan sikap marah terhadap panel, dengan menggunakan suara yang tinggi dan bahasa yang kasar. Namun begitu pendekatan nasihat dan pengajaran yang baik dengan mengatakan perkara yang baik telah dipraktikkan oleh panel menjadikan pemohon sedar tentang kesilapannya yang dilakukan. Kerana impak nasihat yang diterima dari seorang yang rapat adalah lebih mempengaruhi sasaran dakwah berbanding daripada nasihat yang diberikan oleh orang asing. Oleh yang demikian pendakwah perlu membina dan memelihara perhubungan persahabatan dengan sasaran dakwah melalui cara sentiasa tenang, tidak gopoh dalam menentukan

⁴⁶² Ab. Aziz bin Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*,76.

⁴⁶³ Pemohon Isytihar Murtad Ketiga, temu bual, 25 April 2015.

suatu keputusan.⁴⁶⁴ Panel hanya diam dan tidak membala perbuatan pemohon dengan keadaan marah menggunakan suara yang tinggi ataupun bahasa yang kasar. Tetapi panel menggunakan perkataan yang baik bagi memujuk pemohon supaya kembali kepada Islam. Ini kerana akhlak yang baik memberi pengaruh yang besar dalam membentuk perbadil insan.⁴⁶⁵ Pengakuan ini dinyatakan oleh pemohon:

“Mula-mula pegi jumpa panel saya marah jugak, cakap pun kuat, kasar, saya cakap macam tu pun panel diam saja..dan lepas tu dia cakap baik-baik je dengan saya dan nasihatkan saya supaya tenang, jangan marah-marah...syaitan suka kalau kita marah, ambil masa untuk redakan kemarahan, sebab tu panel bagi masa pada saya untuk saya lepaskan segala yang kemarahan yang terpendam dalam diri saya...pasal saya tak puas hati dengan isteri saya...panel bagi tahu kalau tak puas hati dengan isteri selesaikan masalah dengan dia cara elok...macam mula-mula kenal isteri dulu..sebab sayang dan cintakan dia la sampai dia jadi isteri saya..so sekarang kalau nak berpisah pun buat cara baik juga sebab tak untung pun bergaduh ni...jadi saya pun dah berpisah dengan isteri tapi masih boleh berkawan...saya mulai sedar kesilapan saya bergaduh dengan isteri tak perlu sampai nak murtad...sebab tu saya terus nak jadi orang Islam”,⁴⁶⁶

Pendekatan ini juga dapat diterima oleh pemohon kesembilan. Beliau terkesan dengan nasihat dan pengajaran yang baik melalui kata-kata yang baik yang diberikan kepadanya oleh panel penasihat akidah MAIS. Di awal kematian suaminya dia sangat sedih kerana tanpa suami dia rasa sepi dan sunyi lebih-lebih lagi beliau tidak mempunyai anak. Namun begitu panel menjelaskan bahawa kelebihan yang ada pada dirinya ialah beliau mempunyai harta yang boleh beliau gunakan untuk meneruskan

⁴⁶⁴ ‘Aidh Abdullah al-Qarni, *Petunjuk Berdakwah Dengan Berkesan*, (Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, 2007), 92.

⁴⁶⁵ Zaydan, Abd, Karim, Dasar-dasar Ilmu Da’wah, (terj. Asywadi Syukur), (Jakarta Media Dakwah, 1980), 82.

⁴⁶⁶ Pemohon Isytihar Murtad Kesepuluh, temu bual, 10 Mei 2015.

kelangsungan kehidupan sehari-hari beliau tanpa perlu meminta bantuan daripada orang lain. Perniagaan yang ditinggalkan oleh suami boleh dikembangkan, dengan keuntungan perniagaan juga dapat membantu orang-orang yang susah. Pendekatan dakwah melihat dari aspek yang positif bukan aspek negatif, oleh yang demikian kehidupan mempunyai makna kepada pemohon. Ia disebabkan setiap manusia secara umumnya memerlukan motivasi melalui keperluan dan ransangan untuk sesuatu perubahan tingkah laku. Seseorang individu mempunyai potensi untuk mengambil inisiatif sendiri dengan tujuan mendapat kepuasan dalam mencapai potensi diri yang sebenar.⁴⁶⁷ Justeru itu, hidup perlu diteruskan dengan memenafaatkan apa yang ada.

Pemohon menjelaskan:

“Masa mula-mula suami saya meninggal saya sedih sangat rasa kosong...tapi bila saya jumpa panel dia cakap pada saya syukur la walau saya tak ada anak tapi saya ada *business* ada la harta sikit-sikit...banyak benda yang boleh buat saya gembira, jaga *business* elok-elok dapat duit boleh pegi Umrah, Haji, bantu orang susah...so sekarang saya rasa ok, saya dah boleh hidup dengan normal dan jadi orang Islam”⁴⁶⁸

5.2.2.3 Pendekatan Nasihat Dan Pengajaran Yang Baik (Mauiyah Al-Hasanah)

Dengan Memberi Ingatan

Pemohon kesepuluh juga mahu kembali kepada agama Islam selepas menjalani program Istitabah MAIS, melalui pendekatan nasihat dan pengajaran yang baik dengan memberi ingatan menyebabkan beliau tidak mahu lagi meneruskan permohonan pengisytiharan murtad. Beliau berpendapat bahawa permohonan pengisytiharan murtad hanya menyusahkan dirinya sahaja, kerana sebelum ini beliau

⁴⁶⁷ Mok Soon Sang, *Psikologi Pendidikan untuk Pengajaran dan Pembelajaran*, (Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd. 2009), 451-452.

⁴⁶⁸ Pemohon Isytihar Murtad Kesembilan, temu bual, 9 Mei 2015.

kerap ke Mahkamah Syariah untuk menghadiri sesi perbicaraan keadaan ini agak mengganggu kehidupannya. Hasil daripada pendekatan ini juga beliau mahu mendalami tentang agama Islam. Dia menerima dengan redha bahawa apabila memeluk agama Islam sudah tidak boleh keluar dari agama Islam. Keadaan ini mengigatkan kembali beliau untuk menerima Islam. Seruan dakwah adalah untuk beriman kepada Allah SWT dan beriman kepada apa yang dibawa oleh Rasul dengan kaedah pendekatan membenarkan perkara yang diberitakan serta mentaati segala apa yang diperintah dan menjauhi segala perkara yang dilarang.⁴⁶⁹ Pemohon kesepuluh memberitahu bahawa:

”Saya dah tak mau lagi naik turun mahkamah dan cerita pasal saya mau murtad, saya kena kerja susah kalau selalu kena pergi mahkamah. Lepas saya pergi program MAIS banyak saya tahu pasal agama Islam..panel, sukarelawan dan pihak MAIS selalu nasihat dan ingatkan saya supaya redha dan menerima takdir yang ditetapkan oleh Allah SWT yang penting saya kena sentiasa usaha untuk dapatkan hidup yang lebih baik dan bahagia kena selalu solat dan berdoa kepada Allah minta pertolongan Allah supaya saya lebih tenang, bahagia untuk meneruskan kehidupan saya..saya pun kena banyak lagi belajar pasal agama Islam. Saya kena terima hakikat bila masuk Islam tak boleh keluar Islam.”⁴⁷⁰

Pendekatan ini juga diterima oleh pemohon yang ketiga. Belia menyatakan bahawa pihak MAIS menasihatinya dengan memberi ingatan kepadanya supaya menerima hakikat tentang kematian suaminya, tidak perlu sedih sehingga memohon untuk isytihar murtad. Hal ini terjadi disebabkan beliau memeluk Islam kerana mengikut suami sahaja. Bukan dengan kerelaan hati lebih-lebih lagi dia juga tidak mempelajari tentang agama Islam. Sepanjang perkahwinan beliau, suami tidak mendidik beliau

⁴⁶⁹ Ali Abd. al-Halim Mahmud, *āl-Dā’wah Ilā Allāh*, (al-Qaherah : Dar al-Wafa’, 1990),7.

⁴⁷⁰ Pemohon Isytihar Murtad Kesepuluh, temu bual, 10 Mei 2015.

tentang agama Islam, suami juga tidak mengamalkan ajaran Islam. Tetapi perkara ini berubah apabila panel menasihatinya dengan mengigatkan bahawa kematian suami bukan bermaksud terputusnya hubungan beliau dengan agama Islam. Sesuai dengan pendekatan al-Maw'izah al-Hasanah yang membawa maksud menyampaikan nasihat yang baik dengan mengigatkan segala larangan yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah.⁴⁷¹ Kematian itu pasti seperti yang dinyatakan dalam al-Quran, surah Al-Imran ayat 185, yang bermaksud:

كُلُّ نَفْسٍ ذَآيِقَةٌ لِّمُوْتٍ ...

Al-Imran 3:185

“Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati...”

Sebagai orang Islam juga wajib percaya bahawa tidak ada sesuatu pun di dalam dunia ini kekal kecuali Allah. Perkara ini dijelaskan oleh pemohon:

“Saya sedih sangat bila suami meninggal, sebab tu saya mau murtad, suami pun tak ajar apa-apa pasal Islam dan dia tak pernah sembahyang dan buat macam orang Islam buat...tapi bila panel nasihatkan dan ingatkan saya, bagi tau saya jangan sedih sangat...semua orang akan mati...dan mati tu pasti cuma kita tak tau bila bila masanya...dia suruh saya banyakkan berdoa dan mohon pada Allah supaya saya kuat untuk teruskan hidup saya dan jaga anak-anak, didik mereka jadi orang berguna dan jadi orang Islam yang baik. Sekarang saya belajar sembahyang saya nak doa banyak-banyak pada Allah supaya murahkan rezeki saya dan anak-anak, semoga suami saya ditempatkan di tempat orang beriman...saya dah dapat terima Islam semula”⁴⁷²

⁴⁷¹ Sulaiman Ibrahim, Fariza Md. Sham, *Metodologi Dakwah*, (Pusat Perkembangan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008), 107.

⁴⁷² Pemohon Isytihar Murtad Ketiga, temu bual, 25 April 2015.

5.2.3 Pendekatan Berbahas Dengan Cara Yang Baik (Mujadalah Billati Ḥiya Aḥsan)

Kaedah pendekatan berbahas dengan cara yang baik dapat diterima oleh pemohon. Pemohon dapat menerima pendekatan ini selepas berbincang dan berbahas dengan baik mengenai ajaran Islam bersama panel. Disebabkan perbincangan dan perbahasan ini menjadikan pemohon memahami tentang ajaran Islam. Konsep ketuhanan dalam Islam Allah Esa dan berbeza dengan konsep ketuhanan dalam agama yang lain. Pengetahuan tentang ilmu tauhid serta Rukun Iman adalah contoh kepada isi kandungan dalam bentuk akidah. Pemilihan isi melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan ketuhanan, Malaikat, Kitab, para Rasul, Qada' dan Qadar serta Hari Kiamat. Rukun Islam pula berbentuk syariat yang lebih memfokuskan kepada pengenalan, kefahaman serta pelaksanaan tanggungjawab sebagai seorang Islam umpamanya seperti memahami konsep syahadah, ibadah khusus solat, puasa, zakat, Haji dan lain-lain ibadat yang wajib bagi orang Islam.⁴⁷³ Pemohon memaklumkan:

“Banyak perkara juga cerita dan bincang dan bahas pasal agama Islam masa jumpa panel jadi lepas bincang tu saya faham la pasal tuhan dalam Islam macam mana...dalam Rukun Iman yang pertama wajib percaya kepada Allah, Allah Yang Esa dalam agama Islam, perkara yang wajib diyakini Allah ada walaupun tak nampak Allah tu macam mana, macam tu juga dengan percaya pada Rasul dan Malaikat, Hari Akhirat. Rukun Islam pula perkara yang perlu dilakukan hasil dari yakin pada Allah dengan membuktikan mengucap dua kalimah syahadah, solat 5 waktu sehari semalam...so saya faham la kaitan Rukun Iman dan Rukun Islam...saya boleh terima apa yang dibahaskan sebab itu perkara yang benar”⁴⁷⁴

⁴⁷³ Hamdy Salad, *Agama, Seni, Refleksi Teologis dalam Ruang Estetik*, (Yogyakarta, Indonesia: Yayasan Semesta, 2000), 16.

⁴⁷⁴ Pemohon Isytihar Murtad Kesepuluh, temu bual, 10 Mei 2015.

5.2.3.1 Pendekatan Berbahas Dengan Cara Yang Baik (Mujadalah Billati Ḥiya Aḥsan) Dengan Memberi Kefahaman

Melalui pendekatan berbahas dengan cara yang baik dengan memberi kefahaman kepada pemohon pengisytiharan murtad ketiga mulai berfikiran rasional dan oleh sebab itu dia menarik semula permohonan untuk pengisytiharan murtad. Penyampaian dakwah yang berkaitan tentang syariah Islam meliputi aspek ibadah, muamalah, munakahat, jenayah dan seluruh aspek kehidupan yang berpandukan ajaran Islam.⁴⁷⁵ Pada pandangan pemohon ketiga perbuatannya untuk memohon isytihar murtad adalah satu kesilapan yang telah dilakukannya. Perkara ini berlaku kerana dia tidak mengetahui tentang agama Islam secara jelas. Sehingga kini MAIS masih mengadakan ziarah kepada keluarga pemohon ketiga bagi memastikan dia faham tentang agama Islam dan supaya kelangsungan kehidupannya dan keluarga mencukupi dari segi keperluan material dan rohani. Pemohon ketiga menjelaskan:

”Selepas saya ikut program MAIS saya mau terus hidup dalam agama Islam. Saya dah dapat terima, faham dengan baik pasal Islam, bila dah masuk Islam dah tak boleh keluar Islam sebab saya dah janji dengan Allah saya mengaku Allah tu tuhan yang Esa, saya tak boleh patah balik pada agama asal saya..saya tak nak jadi orang yang mungkir janji saya nak jadi orang Islam yang baik, saya dah faham kenapa saya tak boleh keluar dari agama Islam sebab tu saya kena belajar Saya dah buat silap dulu bila saya mohon untuk murtad, sebab saya tak tau pasal Islam”⁴⁷⁶

Perkara yang sama juga terjadi kepada pemohon yang kesepuluh. Apabila dia menjalani proses istitabah MAIS beliau menerima pendekatan berbahas dengan cara yang baik dengan memberi kefahaman. Pada mulanya beliau tidak memahami tentang

⁴⁷⁵ Syriāṭī Ḫalī, *Tentang Sosiologi Islam*, terj. Saifullah Mahyudin, (Yogyakarta: Ananda, 1982), 107.

⁴⁷⁶ Pemohon Isytihar Murtad Ketiga, temu bual, 25 April 2015.

konsep hubungan suami isteri dalam agama Islam secara jelas. Panel memberi kefahaman kepada beliau tentang peranan seorang suami sebagai pemimpin dalam rumah tangga. Sekiranya isteri melakukan kesilapan isteri wajib ditegur oleh suami kerana suami merupakan ketua dalam sesebuah keluarga. Adalah menjadi tanggungjawab suami untuk mendidik isteri dan memperbetulkan kesilapan yang isteri lakukan. Perkahwinan atau nikah dalam Islam dari segi bahasa membawa maksud himpunan, pengumpulan, percantuman, persetubuhan dan akad.⁴⁷⁷

Perkahwinan sebagai akad perjanjian untuk menyatukan lelaki dan perempuan bertujuan menghalalkan hubungan kelamin, mencapai kebahagiaan yang berkekalan sepetimana menurut saranan serta ketetapan yang ditetapkan oleh syarak. Dalam agama Islam menekankan faktor penerusan zuriat yang halal sebagai matlamat utama kepada sesebuah perkahwinan.⁴⁷⁸ Justeru itu pemohon faham tentang konsep hubungan suami isteri dalam Islam. Pemohon menjelaskan:

”Sebelum ni saya tak faham sangat pasal hal suami isteri dalam Islam macam mana, isteri saya menyakiti hati saya sebab tu saya bercerai dengan dia, tapi saya pun tak ajar dia elok-elok..lepas bincang dengan panel bagi tau setiap suami dan isteri ada tanggungjawab masing-masing...tap isuami lagi besar tanggungjawabnya...sebab dia ketua dalam rumah tangga bukan isteri, walaupun saya mualaf sepatutnya saya belajar dulu pasal Islam dan faham pasal Islam..kerana suami kena bimbang isteri kejalan yang benar ikut apa yang diwajibkan oleh Islam...suruh isteri berperangai elok jaga maruah suami, hormat suami, jaga harta suami..saya pun kena buat juga tugas saya sediakan rumah, makan minum, pakaian untuk isteri dan layan dia baik-baik..apa-apa yang berlaku tak boleh terus marah isteri kena siasat dulu, dan kalau salah pun tegur isteri dengan cara yang baik..mungkin salah saya juga la tak didik

⁴⁷⁷ Muhammad Qasim al-Ghazzi , *Sharh Fath al-Qarib al-Mujib 'Ala al-Kitab al-Musamma Bi al-Taqrif*, juz. 4, (Mesir : Mustafa al-Babi al-Halabi, 1970), 43.

⁴⁷⁸ Rozumah Baharudin dan Rumaya Juhari, *Pengantar Perkahwinan dan Keluarga*, (Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2002), 2.

isteri saya dulu, pengajaran pada saya, sekarang saya sudah faham”⁴⁷⁹

5.2.3.2 Pendekatan Berbahas Dengan Cara Yang Baik (Mujadalah Billati Ḥiya Aḥsan) Dengan Membina Keyakinan

Pendekatan berbahas dengan cara yang baik dengan membina keyakinan pemohon menjadikan pemohon pengisytiharan murtad kesepuluh yakin dan sedar kesilapannya memohon murtad. Oleh yang demikian dia ingin kembali kepada agama Islam. Walaupun pada permulaannya beliau rasa terpaksa untuk mengikuti program MAIS dan hanya untuk memenuhi tuntutan prosedur. Namun begitu melalui perbahasan dengan cara yang baik dapat membina keyakinannya kepada agama Islam. Dia yakin untuk meneruskan kehidupan sebagai seorang Islam walaupun suaminya telah meninggal dunia. Beliau juga mulai yakin tanpa suami bersama beliau boleh meneruskan kehidupannya seperti biasa sebagai seorang Muslim. Keyakinannya pada Allah juga wujud apabila dia menjelaskan tentang konsep penyerahan kepada Allah melalui doa.

Sebagaimana dakwah juga dimaksudkan dengan ibadah, ajakan, permohonan (al-istighatahah) permintaan serta azam. Dari sudut terminologinya dakwah bemaksud mengajak manusia kepada kebaikan dan petunjuk serta menyuruh kepada perkara yang baik dan melarang melakukan kemungkaran. Ia bertujuan untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Kategori ini terbahagi kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama dakwah umat Rasulullah SAW kepada sekalian umat untuk memeluk agama Islam. Bahagian kedua pula dakwah kepada umat Islam supaya sentiasa membuat kebaikan. Bahagian yang terakhir, ketiga dakwah kepada diri sendiri

⁴⁷⁹ Pemohon Isytihar Murtad Kesepuluh, temu bual, 10 Mei 2015.

untuk menggerakkan kebaikan dan mendorong untuk melakukan kebaikan tersebut.⁴⁸⁰

Selain itu juga dia mahu mempelajari agama Islam dengan lebih mendalam. Pemohon kesembilan memberitahu:

”Saya dah pergi program yang diarahkan, pada mulanya saya rasa terpaksa tetapi bila saya dah cerita masalah saya pada panel dan dia faham apa yang saya alami..dia memberi keyakinan kembali kepada saya pasal agama Islam..sebab suami meninggal dunia saya nak murtad..nabi Muhammad dari kecil ibunya meninggal dunia, ayahpun meninggal sebelum nabi Muhammad dilahirkan..bila berkahwin isteri juga meninggal tapi nabi tetap kuat, dan baginda terima ujian dari Allah juga..saya cakap dia nabi tapi saya orang biasa..panel bagi tau nabi pun manusia biasa sebab ada rasa penat, letih, lapar, mengantuk, sakit..sebab itu Allah datangkan Rasulullah SAW untuk bimbing umat manusia ke jalan yang benar, hanya takwa kepada Allah SWT yang membezakan kemuliaan dan kedudukan kita dengan orang lain..tak semestinya kita bukan nabi kita tak boleh masuk syurga..syurga adalah untuk orang-orang beriman dan bertakwa..jangan ikutkan hawa nafsu gunakan akal fikiran dan dipandu dengan iman..sebab tu saya mulai faham pasal Islam lepas perbincangan ni.. saya nak jadi orang beriman saya kena belajar lagi pasal agama Islam”⁴⁸¹

Pemohon kesepuluh juga membuat pengakuan yang sama. Melalui pendekatan ini dia menerima pendekatan yang baik dengan membina keyakinan terhadap agama Islam. Beliau memohon untuk murtad adalah kerana dia tidak yakin kepada agama Islam. Keadaan ini berlaku kerana tidak ada keyakinan dan keimanan kepada Allah. Namun begitu selepas pertemuan dengan panel penasihat akidah, pemohon menyatakan bahawa Allah sebagai tuhan dalam agama Islam adalah tidak bersifat sama dengan mana-mana makhluk di atas muka bumi ini. Pemohon mulai yakin dan percaya tentang kebesaran Allah melebihi dari segala-galanya. Allah bukan seperti

⁴⁸⁰ Ali Mahfuz, Muhammad Jamal al-Din, *al-Askariyyah al-Islamiyyah wa nahdasina al-hadariyyah*, (al-Qahirah: Dar al-I'Tisham, 1977), 82.

⁴⁸¹ Pemohon Isytihar Murtad Kesembilan, temu bual, 9 Mei 2015.

patung yang berbentuk binatang, manusia dan lain-lain. Selagi manusia dapat menggambarkan sesuatu maka itu bukan Allah. Perkara ini jelas dinyatakan dalam surah al-Ikhlas. Bertepatan dengan dakwah itu sebagai usaha membawa orang lain kepada Islam supaya mengikut petunjuk agama ini dengan melaksanakan ketetapan Allah di dunia. Selain itu juga mengkhususkan semua bentuk perhambaan diri hanya kepada Allah, permohonan serta ketaatan hanya kepada Allah SWT juga. Menyeru kepada perkara-perkara kebaikan dan mencegah dari segala kemungkaran serta berjihad pada jalan Allah SWT.⁴⁸² Pemohon menegaskan:

”Bila panel bagi tau kenapa Allah tak sama sifat dengan mahluk yang ada di bumi dan di mana-mana pun sebab kebesaran Allah melebihi segala-galanya..so saya tanya kenapa tak sama?...Panel jawab tidak mungkin pencipta sama dengan makhluk yang dicipta, sebab ini bukan seperti anak dan bapa atau anak dengan mak..tapi pencipta yang membawa maksud Maha Besar dari segala-galanya, tiada taranya..jadi saya faham beza Allah dengan tuhan agama lain yang digambarkan dengan macam-macam..dalam Islam itu salah..panel juga cakap hal ni ada dalam surah al-Ikhlas”⁴⁸³

5.3 PENOLAKAN PENDEKATAN DAKWAH MAIS OLEH PEMOHON PENGISYTIHARAN MURTAD

Kajian mendapati seramai tujuh orang pemohon yang mahu meneruskan permohonan pengisytiharan murtad walaupun mereka telah menjalankan proses istitabah MAIS melalui pendekatan dakwah hikmah dan kebijaksanaan dengan lemah lembut serta merungkaikan masalah. Seterusnya melalui pendekatan nasihat dan pengajaran yang baik dengan memberi dorongan, mengatakan perkara yang baik dan memberi ingatan.

⁴⁸² Yusuf al-Qardawi, *Thaqafah al-Da'iyah*, (Beirut : Mu'assasah al-Risalah, 1978), 5.

⁴⁸³ Pemohon Isytihar Murtad Kesepuluh, temu bual, 10 Mei 2015.

Selanjutnya juga melalui pendekatan berbahas dengan cara yang baik dengan memberi kefahaman dan membina keyakinan. Mereka adalah pemohon pertama, kedua, keempat, kelima, keenam, ketujuh dan kelapan. Tujuh orang pemohon telah melalui pendekatan dakwah yang digunakan oleh MAIS tetapi mereka tetap menolak secara keseluruhan pendekatan yang digunakan kepada mereka. Perkara ini sebagaimana yang dinyatakan oleh pemohon.

Pemohon pertama sudah tidak boleh menerima apa sahaja nasihat atau tunjuk ajar dari panel penasihatan akidah ataupun sukarelawan ziarah MAIS. Walaupun semua pendekatan dakwah digunakan dalam sesi ziarah oleh sukarelawan serta perbincangan bersama panel penasihatan akidah dibuka seluas-luasnya untuk berosal jawab dan merungkai sebarang kekeliruan tentang agama Islam, tetapi pendiriannya tetap sama iaitu mahu meneruskan untuk memohon pengisytiharan murtad. Beliau hanya menunggu untuk menyelesaikan kes permohonannya dan sememangnya dia ingin murtad. Melalui pemerhatian yang dilakukan mendapati pemohon menjawab soalan yang dikemukakan dengan baik, suara pemohon jelas dan boleh didengar. Pemohon memakai tanda hitam di dahinya, memakai seluar pendek dan berbaju *t-shirt*, di dalam rumah pemohon terdapat gambar patung gajah yang mempunyai tangan.⁴⁸⁴ Pemohon menjelaskan:

”Saya dah lalui semua proses istitabah MAIS, tapi saya tak dapat terima Islam, semua perkara yang diberitahu saya hanya dengar saja, saya nak kembali kepada agama asal...sebabnya masa saya masuk Islam tu saya tak sedar apa yang dah jadi, berlaku, saya hanya menurut sahaja apa yang perlu dilakukan, bila saya sedar saya rasa ditipu dan mak ayah saya tahu mereka marah dan malu dengan perbuatan saya, sebab tu saya mohon murtad..memang saya dah tak boleh terima Islam”⁴⁸⁵

⁴⁸⁴ Pemerhatian di rumah Pemohon Isytihar Murtad Pertama, 25 April 2015.

⁴⁸⁵ Pemohon Isytihar Murtad Pertama, temu bual, 25 April 2015.

Begitu juga dengan pemohon kedua telah menyertai semua program yang diajurkan oleh MAIS, beliau telah melalui semua perbincangan dan perbahasan bersama pihak MAIS, yang mengambil masa selama enam bulan, namun begitu dia masih kekal dengan pendiriannya untuk memohon isytihar murtad. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan didapati beliau bercakap dengan petah semasa menjawab persoalan yang dikemukakan dan melihat kontak mata pengkaji, nada suara boleh didengar dengan jelas. Pemohon memakai tanda putih di dahinya dan didinding rumahnya digantung gambar patung tuhan Hindu berwajah manusia bertangan enam.

⁴⁸⁶ Dia menyatakan bahawa:

”Saya dah ikut semua program istitabah MAIS, lepas bawa kes mohon murtad ke Mahkamah Syariah, MAIS bawa kes saya kat Jabatan Mufti dan ikut program istitabah selama enam bulan, selama dua puluh empat jam saya dah jumpa jumpa panel Penasihat MAIS, tapi saya masih mau murtad sebab saya tak boleh terima Islam agama saya, saya mahu cepat keluar dari agama Islam... sebab isteri dah tipu saya dia kata masuk Islam (buat pengislaman) hanya untuk memenuhi prosedur masuk Islam sahaja. Tetapi apa yang terjadi selepas masuk Islam saya kena hidup sebagai seorang Islam..malahan isteri saya juga menipu lagi dia kata dia pegawai di salah sebuah syarikat swasta terkemuka di Kuala Lumpur, tetapi sebenarnya dia hanya seorang kerani sahaja di syarikat tersebut, dia juga curang, saya pernah nampak isteri menaiki kereta dengan seorang lelaki dan berpelukan dengan lelaki tersebut..dia tak amal ajaran Islam, tak solat, bergaul dengan lelaki secara bebas..saya dah sakit hati sangat banyak yang saya kena tipu dengan dia saya dah tak boleh terima Islam..walau macam-macam program saya dah ikut untuk masuk Islam semula saya dah tak mahu ”⁴⁸⁷

⁴⁸⁶ Pemerhatian di rumah Pemohon Isytihar Murtad Kedua, 25 April 2015.

⁴⁸⁷ Pemohon Isytihar Murtad Kedua, temu bual, 25 April 2015.

Pengakuan yang sama diperkatakan oleh pemohon yang keempat, beliau masih mahu untuk meneruskan permohonan pengisytiharan murtad walaupun dia telah melalui perkara yang sama seperti pemohon yang lain. Merujuk kepada pemerhatian yang dibuat mendapati pemohon dapat menjawab persoalan yang dikemukakan dengan baik tanpa ada rasa sensitif dan nada suara biasa, pemohon memakai gelang tangan yang bertanda salib, memakai baju tanpa lengan dan berseluar *jeans*.⁴⁸⁸ Beliau menyatakan:

”Saya dah menjalani program Istitabah MAIS dan ikut semuanya tapi saya tolak semua pasal Islam saya nak keluar Islam juga..saya dah tak boleh terima agama Islam..saya nak teruskan permohonan murtad saya...kerana lepas saya berkahwin dengan suami kehidupan tidak seperti yang diharapkan. Suami saya berasal dari Pulau Pinang dan di balik ke sana. Suami tinggalkan saya bersama ibu mertua saya di Pulau Pinang sedangkan suami pula bekerja di Kuantan, Pahang. Saya tidak dapat hidup bersama dengan suami. Ibu mertua saya tidak menghiraukan saya, dia tidak didik dan bimbing saya tentang agama Islam, dia layan saya dengan teruk. Saya mahu menumpang kasih dengannya supaya dia dapat bimbing dan sayang saya, tapi sebaliknya yang berlaku, kata-kata kesat pula selalu dikatakan pada saya. Saya sudah tidak tahan lagi menanggung penderitaan ini. Perbuatan yang dilakukan oleh suami saya kepada diri saya adalah satu penganiayaan dan bersifat zalim. Sebab itu saya telah membuat keputusan untuk bercerai dengan suaminya dan keluar dari agama Islam”⁴⁸⁹

Seterusnya pemohon kelima juga tekad untuk meneruskan permohonan pengisytiharan murtad walaupun dia telah menjalani proses istitabah MAIS dan pihak sukarelawan MAIS juga membuat ziarah kepadanya. Hasil pemerhatian mendapati bahawa pemohon menjawab semua soalan yang ditanya, suara pemohon juga sederhana dalam

⁴⁸⁸ Pemerhatian ke atas Pemohon Isytihar Murtad Keempat, (Perjumpaan di adakan di luar bukan di rumah pemohon), 26 April 2015.

⁴⁸⁹ Pemohon Isytihar Murtad Keempat, temu bual, 26 April 2015.

percakapan biasa yang boleh didengar, pemohon memakai baju tanpa lengan dan berseluar pendek, dalam rumah pemohon mempunyai anjing peliharaannya, tokong batu yang berwarna hitam yang dicalitkan dengan warna putih.⁴⁹⁰ Pemohon menyatakan bahawa:

”Saya dah ikut semua apa MAIS suruh saya buat, dan ada pihak sukarelawan datang ziarah saya, saya dah tak boleh terima Islam, saya tetap mahu memohon untuk murtad..ini semua jadi sebab kekasih saya, dia janji nak nikah dengan saya lepas saya masuk Islam tapi bila saya dah masuk Islam dia cakap dia tak boleh kahwin dengan saya pula, kerana kedua ibu bapanya suruh dia kahwin dengan calon isteri yang mereka dah pilih, so dia batalkan rancangan untuk berkahwin dengan saya, dia kata dia tak mahu mahu jadi anak yang derhaka dia terpaksa berkahwin dengan calon isteri pilihan ibu bapanya...saya tak boleh terima apa yang dia dah buat pada saya, dia tipu saya, sakit sangat hati saya boleh je dia pegi macam tu lepas saya dah berkorban untuk dia, saya masuk Islam sebab dia.. sebab tu saya nak keluar dari agama Islam..saya dah tak boleh terima Islam.”⁴⁹¹

Diikuti dengan pengakuan pemohon keenam, walaupun selepas menjalani program Istatabah MAIS beliau tetap mahu meneruskan permohonan untuk pengisytiharan murtad. Melalui permerhatian yang dilakukan mendapati pemohon menjawab setiap soalan dengan petah dan melihat kontak mata pengkaji, pemohon memakai memakai tanda putih di dahinya, memakai baju tanpa lengan dan berseluar pendek. Manakala di dalam rumah pemohon mempunyai gambar patung tuhan Hindu yang berupa manusia bertangan lapan.⁴⁹² Beliau menjelaskan bahawa:

”Saya tetap mahu keluar dari agama Islam dan kembali kepada agama asal saya..sebab isteri saya bila saya dah kahwin dengan dia tidak menunjukkan sikap sebagai seorang isteri dan

⁴⁹⁰ Pemerhatian di rumah Pemohon Isytihar Murtad Kelima, 26 April 2015.

⁴⁹¹ Pemohon Isytihar Murtad Kelima, temu bual, 26 April 2015.

⁴⁹² Pemerhatian di rumah Pemohon Isytihar Murtad Keenam, 26 April 2015.

muslim yang baik, dia tak mberi bimbingan dan dorongan tentang ajaran Islam yang sepatutnya kepada saya, dia sendiri pun tak jaga solatnya, jarang-jarang je buat. Sikap dia yang terlalu cemburu sebab saya ramai kenalan perempuan mereka tu rakan sekkerja saja, dia kata mereka semua tu *girlfriend* saya, tu yang buat saya rimas dan bosan dengan dia..dia tak memahami saya dan dia jenis yang tak sabar..sebab tu saya dah bercerai dengan dia kalau hidup bersama pun bergaduh 24 jam..saya menyesal dan kecewa sangat kahwin dengan dia dan masuk Islam sebab dia..sebab tu saya nak mohon murtad dan saya dah tak nak Islam".⁴⁹³

Selanjutnya pemohon ketujuh juga mahu meneruskan permohonan pengisyiharan murtad walaupun selepas menjalani program Istitabah MAIS. Pemerhatian mendapati bahawa pemohon menjawab soalan yang dikemukakan dengan baik dengan menggunakan nada suara yang biasa, pemohon juga melihat kepada kontak mata pengkaji, memakai baju *t-shirt* dan berseluas pendek, di dalam rumahnya mempunyai gambar tuhan Hindu berupa manusia yang mempunyai banyak tangan.⁴⁹⁴ Pemohon memaklumkan bahawa:

"Saya tetap mahu keluar dari agama Islam..walaupun saya dah ikut program yang diarahkan MAIS sebab lepas saya nikah dengan suami saya tak sangka suami sanggup menduakan saya, kami baru berkahwin dua tahun dan dia dah ada kekasih hati yang lain, dia telah sia-siakan hidup saya, hanya dua tahun saya berkahwin dengannya selepas itu dia ada perempuan lain yang menjadi kekasihnya, suami tidak setia dengan saya, saya sangat kecewa... Saya sangat bencikan dia, saya bercerai dan mahu murtad, saya dah tak boleh terima Islam"⁴⁹⁵

⁴⁹³ Pemohon Isytihar Murtad Keenam, temu bual, 26 April 2015.

⁴⁹⁴ Pemerhatian di rumah Pemohon Isytihar Murtad Ketujuh, 9 Mei 2015.

⁴⁹⁵ Pemohon Isytihar Murtad Ketujuh, temu bual, 9 Mei 2015.

Pemohon kelapan juga telah menyertai semua proses istitabah MAIS, mengikuti sesi perbincangan, perbahasan, nasihat, diberi pengajaran oleh pihak MAIS, tetapi beliau tetap mahu memohon untuk keluar dari agama Islam. Hasil pemerhatian mendapati pemohon menjawab setiap persoalan yang dikemukakan dengan petah, memakai baju baju t-shirt dan skrit pendek paras lutut, memakai tanda hitam di dahi. Keadaan didalam rumah pemohon mempunyai patung tuhan Hindu yang diukir berupa wajah manusia, di dalam almari rumah pemohon mempunyai pelbagai koleksi botol arak pelbagai bentuk.⁴⁹⁶ Pemohon menjelaskan bahawa:

”Saya telah ikut semua yang perlu saya buat saya dah pergi jumpa panel penasihat dan sudah cukup 12 kali tapi saya mau keluar Islam juga...sebab saya sangat kecewa dan kekasih saya, saya sangat cinta pada dia sehingga saya sanggup masuk Islam demi untuk bersama dengannya. Tapi selepas saya masuk Islam dia pula pergi tinggalkan saya, saya tidak tahu dia pergi ke mana, dia dah berjanji untuk berkahwin dengan saya, tetapi selepas itu dia hilang, saya tidak percayakan dia, sebab tu saya mahu kembali ke agama asal saya.”⁴⁹⁷

Berdasarkan pengakuan yang dimaklumkan oleh tujuh orang pemohon menunjukkan mereka tidak dapat menerima agama Islam sebagai agama kepercayaan mereka. Namun begitu ini tidak bermakna pendekatan dakwah yang dilaksanakan oleh pihak MAIS tidak berjaya. Kerana berdasarkan pengakuan yang dilakukan oleh pemohon mereka menolak agama Islam kerana masalah peribadi pemohon sendiri tetapi bukan disebabkan oleh pendekatan dakwah MAIS yang dilakukan selama enam bulan kepada pemohon.

Sebagaimana pemohon pertama jelas menyatakan bahawa dia memohon pengisytiharan murtad kerana desakan keluarganya yang mahukan beliau kembali kepada agama asal. Pemohon perlu mengikut kehendak keluarga kerana kehidupan

⁴⁹⁶ Pemerhatian di rumah Pemohon Isytihar Murtad Kelapan, 9 Mei 2015.

⁴⁹⁷ Pemohon Isytihar Murtad Kelapan, temu bual, 9 Mei 2015.

beliau bergantung kepada keluarga yang menyediakan tempat tinggal, makan dan minum serta keperluan kewangan bagi membiayai pengajian beliau di Universiti. Beliau seperti tidak ada pilihan dan perlu akur dengan kehendak keluarga. Selain itu juga beliau mendakwa semasa beliau memeluk Islam dia dalam keadaan tidak sedar dan hanya menurut sahaja apa yang diarahkan.

Pemohon kedua pula memohon murtad kerana rasa kebencian terhadap bekas isteri yang curang terhadapnya, pada pandangannya dia gagal dalam rumahtangganya. Beliau juga menyatakan bahawa beliau memeluk Islam hanya kerana mengikuti prosedur sahaja bagi membolehkan beliau berkahwin dengan isterinya. Beliau memang tidak berminat untuk mempelajari agama Islam. Keruntuhan rumahtangga menyebabkan pemohon memohon pengisytiharan murtad.

Manakala pemohon keempat menolak agama Islam juga kerana keruntuhan rumahtangga. Beliau kecewa dengan sikap suami yang dianggap bersikap zalim terhadap dirinya. Malahan keluarga suami pula tidak melayan beliau dengan baik dan tidak mendidik beliau mengenai ajaran agama Islam. Oleh yang demikian beliau memohon pengisytiharan murtad.

Seterusnya pemohon kelima, sebab utama beliau memohon pengisytiharan murtad kerana putus cinta dengan kekasihnya. Ini kerana kekasihnya telah berjanji untuk berkahwin dengan beliau selepas dia memeluk Islam namun begitu beliau mendakwa bahawa kekasihnya tidak menunaikan janji tersebut walaupun dia telah memeluk Islam. Pemohon memeluk Islam kerana ingin berkahwin dengan kekasihnya bukan kerana minat dengan ajaran agama Islam. Disebabkan hal ini pemohon mulai membenci kekasihnya dan dia telah membuat permohonan pengisytiharan murtad.

Selanjutnya pemohon keenam, kerana keruntuhan rumahtangga beliau memohon pengisytiharan murtad. Disebabkan rasa tidak puas hati dengan sikap isteri

beliau menyesal berkahwin dan memeluk Islam, oleh yang demikian beliau bercerai dengan isteri dan membuat permohonan pengisytiharan murtad.

Diikuti dengan pemohon ketujuh, membuat permohonan pengisytiharan murtad juga kerana keruntuhan rumahtangga. Ini kerana selepas beliau memeluk Islam dan berkahwin dengan suami, tetapi selepas dua tahun berkahwin suami menduakan dirinya. Apabila suami mempunyai kekasih beliau merasakan perbuatan suami mensia-siakan hidupnya. Disebabkan hal ini pemohon sangat kecewa dan memohon pengisytiharan murtad.

Hal yang hampir sama berlaku kepada pemohon kelapan memohon pengisytiharan murtad kerana putus cinta. Beliau sangat kecewa dengan sikap kekasihnya, kerana beliau memeluk Islam dengan tujuan untuk berkahwin dengan kekasihnya. Namun begitu selepas pemohon memeluk Islam kekasihnya menghilangkan diri. Hilang kepercayaan beliau terhadap kekasihnya, oleh itu pemohon telah membuat permohonan pengisytiharan murtad.

Penolakan pendekatan dakwah MAIS oleh tujuh orang pemohon isytihar murtad daripada 10 orang pemohon, menunjukkan MAIS berjaya dalam usaha pendekatan dakwah terhadap pemohon pengisytiharan murtad tetapi tidak sepenuhnya. Oleh yang demikian pihak MAIS perlu mempertingkatkan usaha dalam melaksanakan kerja-kerja dakwah terhadap golongan ini. Membuat penambahbaikan terhadap pendekatan dakwah kepada pemohon pengisytiharan murtad seperti menambahkan masa pemohon bersama panel penasihat akidah untuk memberi kefahaman yang lebih dalam tentang agama Islam selain itu juga dapat membina hubungan yang baik di antara panel penasihat akidah supaya dapat memulihkan akidah mereka supaya kembali kepada Islam. Begitu juga dengan ziarah terhadap pemohon perlu lebih kerap dengan membawa hadiah atau buah tangan kepada pemohon semasa sesi ziarah dilakukan bagi memujuk mereka supaya boleh menerima Islam. Seterusnya perlu

membina modul penasihatuan akidah bagi pemohon pengisytiharan murtad supaya pengisian yang diberikan bersesuaian dengan masalah atau isu yang dihadapi oleh pemohon.

Justeru itu dalam bahagian saranan kajian ini menyarankan supaya selepas berlakunya pengislaman dalam kalangan mualaf pendekatan dakwah secara lebih tersusun, sistematik dan secara menyeluruh perlu dilakukan terhadap mualaf bagi mengelakkan berlakunya permohonan pengisytiharan murtad. Pencegahan awal dari berlakunya permohonan pengisytiharan murtad perlu dilaksanakan secara tuntas dan berkesan.

Walau bagaimanapun perlu dijelaskan bahawa pihak MAIS telah melaksanakan peranan dakwah iaitu mengajak dan memimpin individu lain kepada jalan Allah oleh pendakwah kepada golongan sasarannya dengan maksud segala perlakuan dan tindakannya akan mendapat keredhaan daripada Allah SWT. Seruan dan ajakan itu seterusnya membawa kepada kesejahteraan hidup sasaran dakwah.⁴⁹⁸ Tugas pendakwah adalah menyuruh (*al-amru*) melaksanakan apa yang disukai Allah dan rasul-Nya yang merangkumi perkara yang wajib dan sunat, zahir dan batin. Manakala tugas dan peranan dakwah juga meliputi dengan menegah (*an-nahyu*) segala larangan Allah dan rasul-Nya sama ada zahir atau batin. Adalah tidak sempurna dakwah sekiranya tidak melaksanakan apa yang dikehendakiNya serta meninggalkan apa yang tidak disukai oleh Allah SWT, sama ada dari sudut perkataan maupun perbuatan yang zahir.⁴⁹⁹

Meskipun begitu terdapat juga dalam kalangan pemohon yang tidak dapat menerima pendekatan dakwah yang disampaikan kepada mereka. Perkara ini terjadi kerana halangan atau dikenal juga sebagai gangguan dalam proses komunikasi adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Malahan ia kadangkala menjadi satu masalah yang

⁴⁹⁸ ‘Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, *Fiqh al-Dakwah al-fardiyah*, (Dar al-Wafa’, 1992), 25.

⁴⁹⁹ Abu ‘Urwah, *Konsep-konsep Umum Islam*, (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1999), 124.

menimbulkan kerumitan dan memerlukan kepada penyelesaian. Sesuatu kerumitan, kesukaran yang dihadapi menunjukkan bahawa perkara tersebut adalah sesuatu keadaan adalah diluar kemampuan dan tidak diduga berlaku. Berlainan dengan dakwah pada zaman Rasul, tidak timbul masalah pada baginda kerana baginda merupakan utusan Allah SWT yang telah disempurnakan sifatnya untuk menjadi pendakwah. Berbeza keadaan dengan masa sekarang, pendakwah bukan dalam kalangan Nabi dan juga Rasul. Mereka hanyalah orang menyebarkan dakwah dan para pendakwah ini banyak terdedah kepada pelbagai kelemahan dan kekurangan tertentu.⁵⁰⁰ Sebagaimana dalam al-Quran surah Al-Maidah ayat 67, yang bermaksud,

﴿ يَأَيُّهَا أَرْرَسُولُ بَلَغَ مَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغَتِ رِسَالَتُهُ ۚ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهِدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ﴾
[5]

Al-Maidah 5:67

”Wahai Rasulullah sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya) maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusan Nya dan Allah jualah akan memeliharamu dari (kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang kafir.”

Begitu juga dalam surah al-Nur ayat 54 yang bermaksud,

﴿ قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ ۖ فَإِنْ تَوَلُّوْا فَإِنَّمَا عَلَيْهِ مَا حَمَلَ وَعَلَيْكُمْ مَا حَمَلْتُمْ ۖ وَإِنْ تُطِيعُوهُ تَهْتَدُوا ۖ وَمَا عَلَى الرَّسُولِ إِلَّا أَبْلَغَ الْمُبِينَ ۝ ﴾
[5]

Al-Nur 24:54

⁵⁰⁰ Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, *Seruan Tauhid: checklist Buat para Daie*, 1st ed. (Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. 2011), 78.

”Katakanlah lagi kepada mereka, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasulullah. Kemudian jika kamu berpaling ingkar, maka ketahuilah bahawa sesungguhnya Rasulullah hanya bertanggungjawab akan apa yang ditugaskan kepadanya, dan kamu pula bertanggungjawab akan apa yang ditugaskan kepada kamu. Dan jika kamu taat kepadanya nescaya kamu beroleh hidayah petunjuk, dan sebenarnya Rasulullah hanyalah bertanggungjawab menyampaikan perintah-perintah Allah dengan penjelasan terang dan nyata.”

Tugas, tanggungjawab serta amanah rasul dan nabi hanyalah menyampaikan dakwah kepada umatnya. Begitu juga dengan pihak MAIS telah menjalankan tugas menyeru serta menyampaikan dakwah kepada pemohon pengisytiharan murtad, namun begitu petunjuk dan hidayah adalah daripada Allah SWT.

5.4 KESIMPULAN

Sesungguhnya dengan bersumberkan al-Quran dan Sunnah sebagai panduan untuk menyampaikan dakwah kepada golongan sasaran menjadikan penyampaian dakwah lebih mudah dan teratur. Dapat disimpulkan bahawa penerimaan pendekatan dakwah MAIS yang meliputi pendekatan hikmah dan kebijaksanaan, dengan lemah lembut dan merungkaikan masalah. Pendekatan nasihat dan pengajaran yang baik dengan memberi dorongan, mengatakan perkara yang baik serta memberi ingatan. Seterusnya pendekatan berbahas dengan cara yang baik dengan memberi kefahaman serta membina keyakinan dapat diterima oleh tiga orang pemohon pengisytiharan murtad daripada sepuluh pemohon yang telah dikenalpasti oleh penyelidik. Manakala tujuh lagi pemohon menolak pendekatan ini sebagaimana mereka juga tidak dapat menerima pelaksanaan proses istitabah MAIS. Namun begitu ini tidak bermaksud pemohon menolak pendekatan dakwah MAIS yang dilakukan selama tempoh enam bulan

terhadap pemohon, tetapi penolakan berlaku kerana disebabkan permasalahan yang terdapat dalam diri pemohon. Sebagaimana faktor berlakunya permohonan pengisyiharan murtad dalam kalangan pemohon adalah kerana desakan keluarga, keruntuhan rumahtangga dan putus cinta. Isu ini juga berlaku kerana niat asal pemohon memeluk Islam bukan kerana minat dan ikhlas kepada agama Islam tetapi disebabkan ingin berkahwin dan tidak sedar semasa berlakunya proses pengislaman. Oleh yang demikian usaha dakwah yang berterusan perlu dilakukan bagi membantu pemohon yang masih mahu meneruskan permohonan pengisyiharan murtad. Semoga golongan ini juga mendapat petunjuk daripada Allah SWT.

BAB ENAM : RUMUSAN DAN SARANAN

6.0 PENGENALAN

Bab ini merupakan bab yang mengandungi kesimpulan secara keseluruhan kajian dan juga beberapa saranan yang dicadangkan hasil dapatan kajian terhadap pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisyiharan murtad. Ia bertujuan untuk penambahbaikan dan memperkasakan pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisyiharan murtad.

6.1 PERBINCANGAN

MAIS mentafsirkan mualaf di Selangor tempoh maksima 5 tahun diberikan untuk panggilan mualaf berdasarkan ūrf dengan syarat mengikuti kelas-kelas agama yang diiktirafkan dan dianjurkan oleh MAIS. MAIS juga bertanggungjawab membiayai segala kos pembelajaran bagi mualaf-mualaf tersebut. Ianya telah diwartakan pada 25 Oktober 2007, Nombor Rujukan: Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM, Akta/Enakmen: Sel. P.U. 332.⁵⁰¹

Oleh sebab demikian MAIS mengadakan konsep tawaran diadaptasikan ke atas kumpulan mualaf tahun pertama (berdasarkan tarikh dan tahun pengIslam) yang mendaftarkan pengIslam di MAIS. Manakala, mualaf tahun kedua dan seterusnya, agihan adalah berdasarkan penyambungan permohonan tahun sebelumnya beserta tapisan khas bagi bantuan yang melibatkan kos yang besar.

Kesemua aspek bantuan yang disediakan oleh MAIS adalah berdasarkan Garis Panduan dan Syarat Kelayakan Agihan Zakat Asnaf Mualaf yang telah ditetapkan

⁵⁰¹“Had Tempoh Panggilan Muallaf”, laman sesawang e-fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia, 27 Mei 2014, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/had-tempoh-panggilan-muallaf>

melalui suatu entiti jawatankuasa yang diwujudkan. Jawatankuasa ini dinamakan Jawatankuasa Hal Ehwal Mualaf Selangor (JHEMS).⁵⁰²

Sehubungan dengan itu dapat difahamkan bahawa had tempoh panggilan mualaf di negeri Selangor adalah untuk pengawalan dan pentadbiran dalam agihan zakat dan bantuan kebajikan terhadap golongan mualaf. Manakala bagi permohonan mualaf yang melebihi had tempoh panggilan, permohonan akan dirujuk kepada Lembaga Zakat Selangor (MAIS) untuk saringan Had Kifayah. Proses ini dilakukan untuk menentukan pemohon layak dikategorikan dalam Asnaf Fakir atau Asnaf Miskin. Jika pemohon tidak dalam kedua-dua kategori berkenaan, pemohon boleh diberikan bantuan kewangan segera menerusi Kaunter Express LZS (MAIS) yang disediakan, sementara bagi permohonan selanjutnya dirujuk kepada Bahagian Pembangunan Mualaf (MAIS) untuk tindakan selanjutnya.

Pemberian zakat adalah untuk membantu golongan yang lemah iaitu golongan asnaf, yang mana sebab lain juga untuk menyampaikan dakwah kepada mereka. Pelbagai bantuan diberikan kepada asnaf mualaf adalah untuk menjinakkan hati, membantu dan memberi dakwah kepada mereka. Hal ini bersesuaian dengan takrifan yang telah diberikan kepada mualaf. Keadaan ini merupakan pendekatan dakwah awal MAIS kepada mualaf bertujuan untuk menjinakkan mereka supaya lebih dekat dengan agama Islam.

Meskipun begitu terdapat juga permohonan pengisytiharan murtad murtad berlaku dalam kalangan mualaf di MAIS. Justeru itu adalah menjadi tanggungjawab MAIS dalam menangani permasalahan ini disamping dibantu oleh agensi yang berkaitan. Oleh yang demikian pihak MAIS telah berusaha menyedarkan pemohon isytihar murtad supaya kembali kepada ajaran Islam. Melalui pelaksanaan proses

⁵⁰² Garis Panduan Perkhidmatan Kebajikan Mualaf Negeri Selangor 2008. Garis panduan ini telah dikemaskini dan dinamakan Garis Panduan dan Syarat Kelayakan Agihan Zakat Asnaf Muallaf Tahun 2013

istitabah yang diberikan kepada pemohon pengisytiharan murtad didapati pihak MAIS menggunakan kaedah pendekatan dakwah secara hikmah dan kebijaksanaan, perbincangan, penerangan, nasihat yang baik, memberi pengajaran dan perbahasan dengan cara yang baik.

Pendekatan dakwah yang digunakan oleh MAIS selari dengan ayat al-Quran dalam surah al-Nahl ayat 125, iaitu pendekatan secara hikmah dan kebijaksanaan, nasihat dan pengajaran yang baik dan berbahas dengan cara yang baik. Semua pendekatan ini diaplikasikan oleh MAIS untuk mengendalikan pemohon pengisytiharan murtad yang melibatkan sesi ziarah kepada pemohon, sesi bersama penasihat akidah, pengisian penasihat akidah serta tempoh masa yang diberikan oleh MAIS kepada pemohon.

Pendekatan ini digunakan untuk membincangkan tentang perbandingan agama berkisar tentang konsep ketuhanan, amalan, akhlak dalam agama Kristian, Hindu dan Buddha perbincangan akan menjurus kepada agama asal pemohon pengisytiharan murtad. Perbincangan yang diadakan bertujuan memberi kesedaran kepada pemohon supaya menyedari tentang konsep Esa kepada Allah dalam agama Islam dan tiada Tuhan lain melainkan Allah.

Seterusnya pendekatan nasihat dan pengajaran yang baik banyak digunakan dalam sesi dialog apabila pemohon menceritakan masalah yang dialami dan perlu dihadapi dalam hidup mereka. Tidak dapat dinafikan selepas memeluk agama Islam mualaf mendapat tentangan dari ibu bapa, keluarga atau saudara mara mereka. Tentangan ini yang menjadi ujian kepada mereka dan untuk menghadapi keadaan ini mereka perlu tabah serta kuat menghadapi cabaran yang mendarang. Disebabkan hal ini mereka memerlukan sokongan yang padu dari kenalan, kekasih atau keluarga Islam yang baru untuk membantu mereka meneruskan kehidupan seperti biasa dan yang paling penting sebagai seorang Islam.

Panel penasihatan mendengar dan membenarkan apa yang berlaku kepada mualaf kerana panel juga pernah mengalami perkara yang sama (panel adalah dalam kalangan mualaf). Apabila pemohon mula menceritakan tentang kekecewaan, derita, putus cinta, penipuan dan semua perkara negatif panel mengiyakan perkara tersebut dan mula menasihati pemohon untuk menghadapi situasi yang tertekan itu dengan keadaan yang tenang dan tidak mengikut perasaan. Untuk menghadapi situasi ini kaedah pendekatan dakwah dengan memberi nasihat dan pengajaran yang baik dengan memberi dorongan, mengatakan perkara yang baik dan memberi ingatan yang baik kepada pemohon adalah sangat penting. Setiap perkara yang berlaku ada hikmahnya. Sebagaimana dinyatakan dalam surah Al-Baqarah ayat 216, yang bermaksud:

وَعَسَىٰ أَن تُكَرِّهُوْا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَعَسَىٰ أَن تُحِبُّوْا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَكُمْ وَاللَّهُ أَعْلَمُ^ص

يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Al-Baqarah 2:216

“Boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Allah Maha Mengetahui semuanya yang kamu tidak ketahui”

Begitu juga dengan pendekatan berbahaslah dengan cara yang baik digunakan semasa menerangkan tentang kepentingan dan keperluan rukun iman dan rukan Islam kepada pemohon. Berbahas bertujuan untuk memberi kefahaman dan membina keyakinan kepada pemohon. Hidup yang berlandaskan rukun yang telah ditetapkan oleh syarak dapat mendidik orang Islam hidup dengan lebih baik dan sempurna. Kaedah ini juga digunakan semasa perbincangan mengenai perbandingan agama yang mempunyai pertentangan tentang ketuhanan Jesus itu tuhan Bible sedangkan dalam Bible juga mengatakan tuhan bukan manusia atau lelaki, pemahaman Kristian pula Jesus manusia dan lelaki.

Kaedah yang sama digunakan semasa sesi ziarah diadakan sukarelawan MAIS berusaha mendekati pemohon untuk memberi nasihat kepada pemohon supaya insaf dan kembali kepada ajaran Islam. Namun begitu ada dalam kalangan pemohon yang enggan kembali kepada ajaran Islam dan memilih untuk meneruskan permohonan pengisytiharan murtad. Sepuluh orang pemohon yang ditemu bual oleh pengkaji berkenaan penerimaan dakwah MAIS terhadap mereka tiga daripadanya menerima pendekatan tersebut. Manakala tujuh pemohon tidak dapat menerima pendekatan ini dan mereka masih meneruskan permohonan pengisytiharan murtad. Ayat al-Quran menjelaskan tentang golongan murtad secara jelas, dalam surah Muhammad ayat 25, bermaksud:

إِنَّ الَّذِينَ أَرْتَدُوا عَلَىٰ أَدْبَرِهِم مِّنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ الْهُدَىٰ الْشَّيْطَنُ سَوَّلَ

لَهُمْ وَأَمْلَى لَهُمْ

Muhammad 47:25

“Sesungguhnya orang-orang murtad sesudah terang kepada mereka petujuk, syaitanlah yang memperdayakan mereka”.

Ayat al-Quran di atas menerangkan bahawa keingkaran dengan melakukan murtad adalah seumpama dosanya mempersekuatkan Allah, menyembah dan percaya selain Allah. Golongan yang murtad tidak akan diampunkan dosanya sehingga dia bertaubat kembali. Kerana apabila murtad mereka sudah tidak percaya kepada segala ketentuan Allah. Keadaan ini berlaku disebabkan jiwa pemohon yang kosong dengan pengetahuan Islam. Rasa cinta, suka kepada Islam tidak wujud dalam diri mereka, tetapi hanya rasa kecintaan yang tinggi kepada manusia semata tetapi bukan kepada Allah. Jelasnya dapat difahamkan bahawa dalam Islam tidak ada konsep murtad. Apabila seseorang telah memeluk Islam maka mereka mesti kekal dalam agama Islam sehingga ke akhir hayat mereka.

Hal berkenaan murtad dibincangkan dalam bab 2. Dapat difahamkan bahawa kesalahan murtad di Selangor diletakkan dibawah hukuman *takzir*⁵⁰³ yang bermaksud hukuman yang dijatuhkan atas dasar kebijaksanaan hakim kerana tidak terdapat dalam al-Quran dan hadis bertujuan untuk pengajaran.

Tazir adalah hukuman yang tertakluk kepada budi bicara pemerintah, badan perundangan atau hakim kerana hukuman bagi kesalahan ini tidak disebut di dalam al-Quran atau Sunnah. Skop kesalahan takzir adalah luas kerana semua bentuk kesalahan yang tidak tertakluk kepada hukuman qisas dan hukuman hudud adalah tertakluk kepada hukuman tazir. Bentuk hukuman adalah berbagai-bagai dan tertakluk kepada budi bicara pemerintah, badan perundangan atau hakim.

Sebahagian dari kesalahan ta'zir disebut dalam al-Quran dan Sunnah, tetapi hukumannya tidak dinyatakan. Al-Quran ada menyebut beberapa kesalahan tanpa menyebut hukumannya. Contohnya kesalahan memakan makanan haram seperti bangkai, darah, daging babi dan daging yang tidak disembelih secara sah⁵⁰⁴, tidak menunaikan amanah atau melanggar kontrak serta tidak menjatuhkan hukuman dengan adil⁵⁰⁵, mengkhianati harta anak yatim⁵⁰⁶, menipu dalam sukatan atau timbangan⁵⁰⁷, mengenakan dan memakan riba⁵⁰⁸, menyembunyikan keterangan atau bukti⁵⁰⁹ dan banyak lagi.

Hukuman yang dimaksudkan adalah pemohon pengisyiharan murtad perlu mengikuti program Istitabah yang diarahkan oleh Mahkamah Syariah. Pendekatan dakwah diberikan kepada setiap pemohon pengisyiharan murtad yang mengambil masa selama lebih kurang enam bulan untuk bertaubat kembali kepada jalan yang benar. Semasa tempoh enam bulan ini implementasi pendekatan dakwah mengikut al-

⁵⁰³Kamus Dewan Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka 2013, 1581.

⁵⁰⁴Surah al-Baqarah:173

⁵⁰⁵Surah al-Nisa':58

⁵⁰⁶Surah al-Nisa':2

⁵⁰⁷Surah al-Mutaffifin: 3

⁵⁰⁸Surah al-Baqarah:275

⁵⁰⁹Surah al-Hajj: 30

Quran telah digunakan sepenuhnya oleh pihak MAIS dan Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Berdasarkan dapatan kajian ini melalui pengakuan pemohon pengisyiharan murtad seramai sepuluh orang, tiga daripadanya kembali bertaubat dan tujuh kekal untuk meneruskan permohonan murtad, menunjukkan MAIS telah berjaya dalam pendekatan dakwah dakwah terhadap pemohon pengisyiharan murtad tetapi tidak sepenuhnya. Oleh yang demikian pihak MAIS mempertingkatkan usaha dakwah terhadap pemohon pengisyiharan murtad. Selain itu juga pihak-pihak yang berkaitan perlu berpadu tenaga, buah fikiran untuk menagani isu permohonan isytihar murtad ini.

6.2 RUMUSAN

Hasil daripada kajian yang dilakukan beberapa kesimpulan telah dirumuskan berdasarkan penemuan kajian yang telah dibuat, antaranya;

6.2.1 Pendekatan Dakwah Terhadap Pemohon Pengisyiharan Murtad dari Perspektif Islam

Islam mempunyai garis panduan yang telah ditetapkan dalam melakukan pendekatan dakwah terhadap sasaran dakwahnya. Secara jelasnya dinyatakan dalam surah al-Nahl berkenaan pendekatan dakwah yang menjadi panduan kepada umat Islam dalam menyampaikan dakwah Islamiyyah.

Tiga kaedah utama dalam ayat ini menjelaskan tentang pendekatan dakwah untuk menyeru umat manusia ke jalan Allah. Pendekatan yang dimaksudkan ialah hikmah dan kebijaksanaan dengan lemah lembut dan merungkaikan masalah. Seterusnya pendekatan nasihat dan pengajaran yang baik dengan memberi dorongan,

mengatakan perkara yang baik dan memberi ingatan. Selanjutnya pendekatan berbahas dengan cara yang baik dengan memberi kefahaman dan membina keyakinan. Pendekatan ini telah digunakan oleh rasul terdahulu dalam menyampaikan dakwah kepada umatnya. Sebagaimana dalam surah al-Fath, ayat 1-3 yang bermaksud:

إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُّبِينًا ﴿١﴾ لَيَغْفِرَ لَكَ اللَّهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِكَ وَمَا تَأْخَرُ وَيُتَمَّنِعُمَّتُهُ عَلَيْكَ
وَهُدًى يَكَ صِرَاطًا مُّسْتَقِيمًا ﴿٢﴾ وَيَنْصُرُكَ اللَّهُ نَصْرًا عَزِيزًا ﴿٣﴾

Al-Fath 48:1-3

“Sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuanganmu (wahai Muhammad) satu kemenangan yang jelas dan nyata, kemenangan yang dengan sebabnya Allah mengampunkan salah silamu yang telah lalu dan yang terkemudian, dan menyempurnakan nikmatNya kepadamu, serta menambahkan hidayah ke jalan yang lurus (dalam mengembangkan Islam dan melaksanakan hukum-hukumnya. Dan dengan sebabnya Allah memberikanmu pertolongan (untuk mencapai kejayaan) dengan sepenuh-penuh dan sehandal-handal pertolongan (yang tidak ada tolok bandingnya)”

Ayat ini menjelaskan tentang pendekatan dakwah secara hikmah yang digunakan oleh nabi Muhammad SAW tentang kemenangan yang disebabkan Perjanjian Damai Hudaibiyyah di antara nabi Muhammad dengan musyrik Mekah.⁵¹⁰ Kerana pendekatan hikmah yang digunakan perjanjian ini akhirnya membawa kemenangan yang besar kepada Rasulullah sehingga baginda berjaya menguasai Kota Mekah seterusnya dapat menegakkan Islam di Mekah. Di dalam perjanjian tersebut dinyatakan bahawa kedua pihak Muslimin dan kaum Quraisy tidak akan saling berperang dalam jangka masa 10 tahun. Pada tahun itu Nabi Muhammad SAW dan para sahabat bersetuju keluar semula dari Mekah dan pulang ke Madinah, mereka dibenarkan ziarah Mekah pada musim haji berikutnya. Rasulullah s.a.w

⁵¹⁰Tafsir Pimpinan Ar Rahman, 1369.

bersetuju dengan syarat perjanjian ini, walaupun ramai dalam kalangan sahabat-sahabat baginda tidak setuju kerana perjanjian ini seperti berat sebelah. Ia seolah-olah menampakkan kemenangan bagi musuh. Walaupun begitu, tempoh 10 tahun itu menyebabkan ramai para Muslimin datang ke Mekah dengan selamat. Situasi ini memberi impak besar kepada penyebaran Islam dan perkembangan umat Islam.⁵¹¹ Begitu juga dengan pendekatan nasihat sebagaimana di dalam surah al-An'am , ayat 74 yang bermaksud:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ لِأَبِيهِ إِنَّ رَبَّكَ أَنْتَ خَيْرٌ مَّا أَنْتَ صَانِعٌ
فِي صَلَلٍ مُّبِينٍ

Al-An'am 6:74

“Dan ingatlah ketika nabi Ibrahim berkata kepada bapanya Aazar: patukkah ayah menjadikan berhala-berhala sebagai tuhan? Sesungguhnya aku melihatmu dan kaummu dalam kesesatan yang nyata”

Seterusnya dinyatakan pula dalam surah al-Ankabut ayat 16 yang bermaksud:

وَإِبْرَاهِيمَ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَعْبُدُو اللَّهَ وَاتَّقُوهُ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Al-Ankabut 29:16

“Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Ibrahim tatkala ia berkata kepada kaumnya: Sembahlah kamu akan Allah dan bertaqwalah kepadaNya, yang demikian itu adalah baik bagi kamu jika kamu tahu (membezakan yang baik dari yang buruk)”

⁵¹¹ Abdul Ghafar Don, Nurul Nazuha Hazizan, Razaleigh Muhamat@Kawangit, *Dakwah Kepada Non-Muslim: Sorotan Pendekatan Rasul Ulul Azmi*, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, (Universiti Kebangsaan Malaysia, Islamiyyat 33, 2011), 48.

Pendekatan nasihat digunakan oleh Nabi Ibrahim dalam menyampaikan dakwah kepada kaumnya. Pendekatan ini dapat dilihat dari seruan berbentuk ingatan yang disampaikan kepada kaumnya. Pendekatan berbahas dengan cara yang baik sebagaimana digunakan oleh Nabi Musa yang dinyatakan dalam surah asy-Syu'aara ayat 23-24 yang bermaksud:

قَالَ فِرْعَوْنُ وَمَا رَبُّ الْأَنْعَمِينَ ﴿٢٣﴾ قَالَ رَبُّ الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا

بَيْنَهُمَا إِنْ كُنْتُ مُوقِنًا ﴿٢٤﴾

Asy-Syu'aara 26:23-24

“Firaun berkata (dengan sombongnya): Dan apa dia Tuhan sekalian alam itu? Nabi Musa menjawab, Dialah yang memiliki dan mentadbirkan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya, kalaular kamu mahu mendapatkan keyakinan dengan berdalil maka inilah jalannya”

Ayat ini menjelaskan tentang dialog di antara Nabi Musa dan Firaun mengenai ketuhanan. Nabi Musa memperkenalkan dirinya kepada Firaun bahawa dia adalah pesuruh Allah Tuhan sekalian alam. Selama ini Firaun mendakwa bahawa dirinya menjadi tuhan oleh sebab itu dia bertanya dengan sombong dan takburnya mengenai tuhan.⁵¹²

Justeru itu dapat disimpulkan bahawa Islam telah memberi panduan kepada umatnya dalam menyampaikan dakwah kepada pemohon pengisytiharan murtad.

6.2.2 Pendekatan Dakwah MAIS Terhadap Pemohon Pengisytiharan Murtad

Objektif kedua kajian ini adalah menganalisis pendekatan dakwah MAIS terhadap pemohon pengisytiharan murtad. Secara umumnya didapati bahawa pihak MAIS menggunakan pendekatan dakwah sebagaimana yang dibincangkan dalam bab 2, yang

⁵¹²Tafsir Pimpinan Ar Rahman, 943.

menjelaskan tentang teori pendekatan dakwah kepada pemohon pengisytiharan murtad.

Bagi menangani pemohon pengisytiharan murtad di MAIS mengenakan proses pelaksanaan istitabah yang melibatkan pemohon perlu mengikuti proses ini. Ia mengambil masa sekurang-kurangnya enam bulan. Dalam tempoh tersebut pemohon perlu menghadiri sesi bersama panel penasihat akidah MAIS bagi membincangkan perkara berkenaan agama Islam yang merangkumi tentang Rukun Iman, Rukun Islam dan perbandingan agama. Selain itu juga perbincangan mengenai punca dan sebab sehingga membawa kepada permohonan pengisytiharan murtad. Seterusnya pihak MAIS juga mengadakan ziarah kepada pemohon bagi mengetahui perkembangan dan status permohonan murtad pemohon.

Semasa melaksanakan proses pelaksanaan ini didapati bahawa pihak MAIS menggunakan pendekatan dakwah secara berhikmah dan kebijaksanaan dengan lemah lembut dan merungkaikan masalah pemohon. Selanjutnya MAIS menggunakan pendekatan nasihat dan pengajaran yang baik dengan memberi dorongan, mengatakan perkara yang baik serta memberi ingatan kepada pemohon. Begitu juga dengan pendekatan berbahas dengan cara yang baik dengan memberi kefahaman dan membina keyakinan kepada pemohon diaplikasikan oleh MAIS.

6.2.3 Penerimaan Pendekatan Dakwah MAIS Oleh Pemohon Pengisytiharan Murtad

Objektif ketiga merupakan objektif terakhir dalam kajian ini ialah mengenalpasti sejauhmana penerimaan pendekatan dakwah MAIS oleh pemohon pengisytiharan murtad. Oleh yang demikian dapatan kajian mendapati bahawa daripada sepuluh orang pemohon pengisytiharan murtad yang ditemu bual, tiga orang menerima pendekatan dakwah MAIS, manakala tujuh pemohon tidak menerima pendekatan dakwah ini.

Meskipun pendekatan dakwah yang sama digunakan kepada tujuh pemohon mereka tetap menolak pendekatan dakwah yang diberikan. Malahan mereka juga tidak dapat menerima proses istitabah yang dilalui oleh mereka. Melalui temu bual yang dilakukan mendapati mereka hanya mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak MAIS bagi memastikan permohonan pengisytiharan murtad yang dipohon berjalan lancar.

Keadaan ini berlainan dengan tiga orang pemohon yang menerima pendekatan dakwah MAIS dan mereka juga penerima proses pelaksanaan istitabah MAIS. Justeru itu menyebabkan mereka telah menarik balik permohonan pengisytiharan murtad. Mereka sedar dengan kesilapan yang dilakukan dan mereka bertaubat serta mahu belajar mendalam agama Islam dengan lebih baik. Perkara ini merupakan kejayaan kepada pihak MAIS dalam menyeru kembali pemohon isytihar murtad kembali kepada akidah Islam.

6.3 SARANAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan beberapa saranan yang perlu dikemukakan kepada badan yang berkaitan bagi memastikan saranan yang ini dipertimbangkan untuk penambahbaikan dan mempertingkatkan serta memperkemaskan lagi pendekatan dakwah kepada mualaf berkenaan permohonan pengisytiharan murtad.

6.3.1. Memberi Kesedaran Kepada Mualaf Tiada Konsep Murtad Dalam Agama Islam

MAIS dan badan yang berkaitan perlu memberi kefahaman kepada mualaf bahawa tiada konsep murtad dalam Islam. Oleh yang demikian semasa sesi pengislaman

berlaku perlu diadakan satu sistem yang lebih kemas dan teratur yang telah ditetapkan serta menjelaskan tentang Islam dan murtad.

Oleh yang demikian adalah disarankan supaya kuasa Jabatan Mufti diperluaskan. Iaitu sebarang permohonan untuk pengisytiharan murtad tidak boleh dilakukan di Mahkamah Syariah tetapi hanya melalui Jabatan Mufti sahaja yang boleh menguruskan, menangani serta membuat keputusan ke atas permohonan yang dilakukan. Tanpa melibatkan Mahkamah Syariah. Pemohon perlu menyelesaikan kes permohonannya hanya di Jabatan Mufti sahaja.

Ini kerana setiap kes yang dibawa ke Mahkamah Syariah anak guam yang membuat permohonan untuk melakukan permohonan pengisytiharan murtad akan diwakili oleh Peguam Syariah yang beragama Islam. Bagi membuat penghujahan kepada anak guam, Peguam Syariah seolah-olah bersetuju atau membenarkan berlakunya pengisytiharan murtad dalam kalangan orang Islam. Sangat dibimbangi mengenai kedudukan akidah peguam yang mewakili anak guam yang memohon untuk pengisytiharan murtad.

Justeru itu, situasi ini akan memberi penjelasan dan kesedaran kepada mualaf ataupun orang Islam asal bahawa tiadanya konsep keluar daripada agama Islam selepas mereka memeluk Islam. Senario ini mendidik masyarakat Islam tentang kedudukan murtad dalam Islam.

6.4.2 Memahami Isu Permohonan Pengisytiharan Murtad

Badan berkaitan yang mengendalikan permohonan pengisytiharan murtad perlu memahami isu berlakunya Permohonan Pengisytiharan Murtad. Dengan memahami isu adalah lebih mudah untuk menangani permasalahan gejala murtad. Persoalan mengapa berlakunya permohonan pengisytiharan murtad dalam kalangan mualaf akan timbul. Permohonan pengisytiharan murtad berlaku kerana mualaf mempunyai sebab

dan alasan yang tertentu, justeru itu perlu memahami isu yang menyebabkan berlakunya permohonan murtad.

Oleh yang demikian perlu memberi kefahaman awal tentang konsep murtad dalam Islam, dosa dan pahala serta qada' dan qadar adalah sangat penting kepada mualaf. Mereka perlu sedar dan mengetahui bahawa yang bersifat kekal dan sempurna hanya Allah SWT sahaja. Tetapi selainNya adalah makhluk yang tidak sempurna dan akan binasa.

Memberi kefahaman yang jitu kepada mualaf diperangkat awal akan membina keyakinan dan keimanan yang teguh kepada Allah SWT. Selain itu juga dengan memahami isu murtad yang berlaku dalam kalangan mualaf maka modul yang bersesuaian boleh dibina bagi mengadakan satu garis panduan dalam gerak kerja melakukan pendekatan dakwah kepada pemohon pengisytiharan murtad.

6.4.3 Pendekatan Dakwah Kepada Pemohon Pengisytiharan Murtad

Pihak MAIS telah melakukan pendekatan dakwah yang sesuai kepada pemohon pengisytiharan murtad. Selari dengan apa yang dinyatakan di dalam al-Quran. Namun begitu bukanlah sesuatu yang mudah untuk mendekati dan menjinakkan pemohon pengisytiharan murtad kerana dengan alasan tertentu seperti putus cinta, kegagalan dalam rumah tangga serta desakan keluarga menyebabkan mereka memohon untuk melakukan permohonan pengisytiharan murtad.

Selepas berlakunya pengislaman perlu ada dakwah susulan kepada mualaf. Seperti mengadakan ziarah kepada mereka bagi mengenalpasti tempat tinggal mereka, jiran dan masjid atau surau yang berdekatan dengan rumah mualaf. Iaitu dengan menggunakan surau atau masjid sebagai medium dakwah untuk mualaf memperkuatkan akidah mereka. Selain dari mengetahui keadaan persekitaran mualaf

juga ia bertujuan untuk bertanya khabar tentang perkembangan kehidupan mereka selepas memeluk Islam.

Seterusnya membantu menyediakan keperluan untuk mereka bagi menjalani hidup sebagai seorang Islam. Seperti keperluan bantuan dari sudut pendidikan Islam, dengan mewajibkan mualaf untuk belajar agama Islam selepas memeluk Islam. Memberi bantuan material sekiranya mereka memerlukan. Sentiasa mengadakan perjumpaan dalam kalangan mereka bagi mengukuhkan hubungan sesama Islam.

Supaya perasaan keseorangan, tiada saudara, tiada kawan lenyap dari perasaan golongan mualaf. Pendekatan dakwah susulan perlu dilakukan dari awal kemasukan Islam bagi seseorang mualaf akan menjadikan akidah mualaf lebih terpelihara. Sebelum mereka mengalami atau menghadapi sebarang masalah adalah lebih baik jiwa mereka diisi dengan kebaikan Islam.

Disarankan juga kepada mualaf yang mahu berkahwin dengan pasangan muslim perlu diwajibkan untuk turut sama menghadiri kelas yang dianjurkan oleh agensi yang terlibat. Ini kerana dengan memberi pendedahan dan ilmu pengetahuan kepada mualaf dan juga pasangan mengenai Islam dapat mengukuhkan lagi kefahaman dan juga keyakinan pasangan yang muslim terhadap pegangan agama Islam itu sendiri. Situasi ini akan lebih membantu pasangan yang akan berkahwin.

Setiap penyampaian dakwah yang dilakukan perlu dipastikan bahawa dakwah sampai kepada golongan Sasaran. Golongan Sasaran perlu jelas dan faham dengan dakwah yang sampaikan kepada mereka. Modul istitabah yang sesuai perlu dibina bagi menepati dengan setiap masalah dan isu yang berlaku kepada pemohon yang menjadi indikator menyebabkan berlakunya permohonan pengisytiharan murtad.

Semasa mengadakan sesi ziarah kepada pemohon disarankan supaya membawa buah tangan atau hadiah kepada mereka tanda penghargaan pihak MAIS yang sentiasa

mengambil berat dan menyanyangi mereka dengan sentiasa mengajak mereka supaya kembali bertaubat kepada ajaran Islam.

Konsep mentor-menti juga perlu diwujudkan kepada mualaf seawal mereka memeluk Islam. Ini bagi menjaga mualaf supaya terhindar dari perkara-perkara yang boleh menyebabkan akidah mereka rosak sehingga membawa kepada permohonan untuk pengisytiharan murtad. Sukarelawan atau sesiapa yang berminat untuk menjadi keluarga angkat adalah dialu-alukan bagi menjaga mualaf sama ada dari sudut keperluan rohani dan juga keperluan material. Pemilihan sukarelawan perlu dilakukan kepada pihak atau keluarga yang sesuai sahaja dijadikan sebagai mentor atau keluarga angkat. Kursus yang sesuai juga perlu diberikan kepada mentor menti atau keluarga angkat sebelum mengambil mualaf sebagai anak angkat mereka.

Begitu juga dengan pertubuhan-pertubahan agama yang lain perlu mengembang tenaga dalam usaha dakwah mengadakan pendekatan dakwah mentor menti ini. Sama ada berkonsep keluarga angkat ataupun rakan yang akan sentiasa bersama mualaf.

6.4 KESIMPULAN

Kesimpulan dari hasil kajian yang dijalankan, pengkaji berharap agar usaha dakwah kepada pemohon pengisytiharan murtad dapat dilakukan dengan kaedah pendekatan yang lebih sesuai dan berkesan kepada golongan sasaran. Adalah juga diharapkan supaya dengan terhasilnya kajian ini dapat memberi kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat Islam tentang pendekatan dakwah kepada permohonan pengisytiharan murtad dan sekaligus dapat mengurangkan bilangan permohonan pengisytiharan murtad secara keseluruhannya.

BIBLIOGRAFI

Bahasa Arab

Al-Quran al-Karim.

‘Abd al-Karim Zaydan, *al-Madkhal li Dir’sat al-Shariah al-Islamiyyah*. Beirūt: Mu’assasah al-Risalah, Baghdad: Maktabah al-Quds. 1989.

‘Abd al-Karim Zaydan , *Uṣul al-Da’wah*, c. 3, Birut: Mu”assasah al-Risalah 1993.

‘Abdul Karim Zaidan, *al-Mufassol fi ahkam al-Mar’ah wa al-Bait al-Muslim*, Beirut : al-Muassasah al-Risalah, 1994.

‘Abd al-Wahhab Khallaf. t.t. *‘Ilm Usul āl-Fiqh*. (Kaherah: Maktabah al-Da’wah al-Islamiyyah Shabab al-Azhar).

‘Abdul Qadir ‘Audah, *Al-Tasyri’ al-Jinai’ al-Islami, muqaranan bi Qanun al-Wadi’e*, Jilid 1, Beirut: Muassasah al-Resalah, 1998.

Abd al-,,Aziz Barghus , *Mānāhij āl-Dā, wāḥ fī āl-Mūjtāmā, āl-Mūṭā, āddīd āl-Ādyān wā āl-Ājnāṣ*. Kuala Lumpur: Research Centre, 2005.

Abdul ‘Aziz Barghus, *Manahij al-Da’wah fi al-Mujtama’ al-Muta’adid al-Adyan Wal Ajnas*, Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2011.

Abi al-Fadl Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud al-Alusi, *Ruh al-Maani fi Tafsir al-Quran al-azim wa al-Sab al-Mathani*, j. 13, Birut: Dar al-Fikr, 1994.

Abi Muhammad Abd al-Hak b. Ghalib b. Atiyyah al-Andalusi, *al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-,,Aziz*, j. 3, Birut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2001.

Abi al-Fadl Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud al-Alusi, *Ruh al-Maani fi Tafsir al-Quran al-azim wa al-Sab al-Mathani*, j. 13, Birut: Dar al-Fikr, 1994.

Abi Jafar Muhammad b. Jarir al-Tabari, *Jami,, al-Bayan „an Ta“wil ay al-Qur“an*, j. 14, c. 3, Misr: Maktabah Mustafa al-Babi al-Hilbi, 1967,194. Abi al-Fida“ Isma,,il Ibn Kathir, *Tafsir al-Quran al-,,Azim*, j. 2, c. 3. Qahirah: Mu”assasah al-Mukhtar, 2002.

Abū al-Faḍl Muḥammad bin Mukarram ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, Beirut: Dār al-Şādir, j. 14, 1990.

Ahmad Abu Zayd, *Mānhāj āl-Dāīyāh*, Makkah: Rabitah al-Alam al-Islami, 1994.

Al-Bardisi Muhammad Zakariyya, *Usul al-Fiqh*, Beirut: T.P, 1969.

Al-Bayanuniyy, Muhammad Abu al-Fath, *āl-Mādkhāl Īlā Īlmī Ād-Dā’wāh*, Beirut, Lubnan: Darul Risalah al-Alamiyah, 2010.

Al-Bustani, Fuad Afram, *Munjid Al-Tullab*, Bairut. Dar Al-Masriq, 1956.

Al-Husni, *kifayat al-ākhyar fi hil ghayat al-ikhtiṣar*, Beirut: Dar al khayr, jilid 2, 1995/1416h.

Ali Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, *Fīqh āl-Dā’wāh āl-Fārdīyyāh*, t.tp.: Dār al-Wafā’, 1992.

Ali Mahfuz, Muhammad Jamal al-Din, *al-Askariyyah al-Islamiyyah wa nahdasina al-hadariyyah*, al-Qahirah: Dar al-I’Tisham, 1977.

Al-Jaza’iri, cAbd al-Rahman, *Kiṭāb āl-fīqh cālā āl-mādkhālib āl-ārbācāh*, Beirut. Dar al-Fikr, 1990.

Al-Jurjani, *Kiṭāb āl-Tā’rifāt*, Dar al-Nafais 2003.

Al-Qaradawi, *āl-Mādkhāl lī Dirāṣāt āl-Shāriāh āl-Īslāmiyyāh*, Kaherah: Maktabah Wahbah, 1990.

Al-Ražī (t.t.), *Mūkhṭār āl ṣīḥāh*, (Beirut: Maktabah Lubnan, 210); Lihat juga Jabran Mas’ud (1986), *al-Ra’id*, Beirut: Daral-Ilm al-Malayin, jilid 1,725-726; Lihat juga al-Fayruz Abadi (t.t.), *al-Qamus al Muhit*, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi, jilid1.

Al-Ṣhaṭibi, Ibrahim ibn Musa. t.t, *āl-Mūwāfāqāt fī Uṣūl āl-Syārī’āh*, Beirut: Dar al-Kutub al- ‘Ilmiyyah.

Al-Ṣuyuti Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman ibn Abu Bakr, *āl-Āṣybāh wā āl-Nāzā’ir*, Beirut: Dar al-Kutub al- ‘Ilmiyyah, 1990.

Al-Zuhaily, *āl Fiqh āl iṣlāmī wā ādīllātūhū*, Dimashq: Dar al-Fikr, jilid 6, (1989/1409h.

Al-Zuhayli, Wahbah, *āl-Fiqh āl-Īslāmī wā Ādīllātūhū*, Cet. ulangan, Damsyiq: Dar al-Fikr, 1417H/1996M.

Āwdah, *āl-Tāṣḥīk āl-Jīnā’i āl Īslāmī Mūqārinān bī āl Qānūn āl wād’i*, (Beirut: Mu’assasah al-Risalah, jilid 1, 1994/1415h.

Bahi al-Khuli, 1983, *Tāzkiyāh āl-Dū’āt*, Beirut, (Dar al-Qur‘an al-Karim *Ensiklopedia Islam*. 2005.

Bultaji, Ali Abdul Hamid, *Āl-Mū’tāmād fī āl-Fiqh āl-Īmām Āhmād*, Beirut: Dar al-Fikr, 1995.

Dr. Yusof Al-Qardawi, *Thāqāfāh Āl-Dā’iyāh*, Beirut : Dar Al-Ahya Al- Turath, 1978.

Ibn Manzur, *Lisan al-cArab*, Cet. berwarna, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al- Arabi, 1416H/1996M. Lihat; *Lisan al- ‘Arab*, Jilid 3. 1374H/ 1955M. Beirut: Dar Sadir, 173; Bustani. 1987, *Muhit al-Muhit*. Beirut: Maktabah Lubnan.

Imam al-Nawawi, Abu Zakariya, Yahya Ibn Syaraf al-Nawawi, *Syarh Sahih Muslim*, (Beirut: Dar al-Fikr, kitab “al-birr wa al-silah wa al-adab” bab “tarahum al-mukminun wa ta’atufihim wa ta’adudihim”, juz 16, 1981.

Mahmud ‘Abdul Rahman’ Abdul Mun’im, Dr Mu’jam al-Mustalahat wa al-Al-faz al-Fiqhiyyah, Dar al-Fadilah, juzuk 2,t.t.

Majid Abu Rukhaih, *al-Wajiz fī ahkam al-hudud wa al-qisas*, ‘Amman: Maktabah al-Aqsa, 2001.

Mūḥāmmād āl-Qūrtūbī, *āl-Jāmī’ lī Āhkām āl-Qūrān*, Juz 10, Beirut: Dar al-Kutub al-Arabiyyah, 1993.

Muhammad b. Hamid Al Uthman al-Ghamiri, *āl-Dāwāh ilā Allāh fī Māyādīnīhā āl-Thālāthāh āl-Kūbrā*, T.T.P.: Dar al-Tarfiyn, 1999.

Muhammad b. Yusuf b. Ali b. Yusuf b. Hayyan al-Andalusi (t.t.), *Tafsīr āl-Bāhr āl-Mūhiṭ*, j. 2. Riyad: Maktabah al-Nasr al-Hadithah.

Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi, *Tāfṣīr ʻal-Qāṣīmī ʻal-Muṣāmmā Māhāṣīn ʻal-Tāwīl*, j. 4. Birut: Dar al-Ihya al-Turath al-„Arabi, 1994.

Muhammad Khayr Ramadan Yusuf , *ʻal-Dākwāḥ ʻal-Īslāmiyyāḥ ʻal-Wāṣṭā”il wā ʻal-Āṣālīb*, c. 2. Riyad: Dar Tawiq, 1414H.

Mustafa al-Khin,*al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Mazhab al-Imam al-Syafie*, Damsyik : Dar al-Qalam, 1996.

Muhammad Qasim al-Ghazzi , *Sharh Fath al-Qarib al-Mujib ‘Ala al-Kitab al-Musamma Bi al-Taqrib*, juz. 4, Mesir : Mustafa al-Babi al-Halabi, 1970.

Prof. H. Mahmud Yunos, ed., *Kamus Arab – Indonesia*, Indonesia : Padang, Jakarta, 1998.

Sabiq , *Fikih Sunnah*, Victory Agencie, Kuala Lumpur, jil. 9, 1990.

Salam, Ahmad , *Muqaddimah Fiqh Usul al Da’wah : Sharh Hadith Jibril, al Islam wa al Iman wa al Ihsan*. Bayrut : Dar Ibn Hazm, 1994.

Said b. Ali b. Wahaf al-Qahtani, *ʻal-Hīkmāḥ fī ʻal-Dāwāḥ ʻilā Allāh Ṭāālā*, (Riyad: Maktabah al-Malik Fahad al-Wataniyyah, 1421H.

Sayid Sabiq, *Fiqh ʻal-Šūnāḥ*, Beirut: Dar al-Fikr, 1995.

Sayyid Qutub, *Fi Ẓilāl ʻal-Qūr“ān*, j. 4, c. 22. Birut: Dar al-Shuruq, 1994.

Sufi Hasan Abu Talib, *Tātbiq ʻal-Syārī’āḥ ʻal-Īslāmiyyāḥ fī Bilād ʻal-‘Arābiyyāḥ*, Kaherah: Dar al-Nahdah al-‘Arabiyyah, 1990.

Bahasa Melayu

Ab. Aziz Mohd Zain. *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003.

Ab. Aziz Mohd Zin. *Metodologi Dakwah* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2004.

Abdullah Muhammad Basmeh. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Terj. Kuala Lumpur: Darul Fikr, 2000.

Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2010.

A.Hasjmy. *Dustur Dakwah Menurut Al-Qur'an*. Jakarta: PT Bulan Bintang, 1994.

Abd Rasyad Shaleh. *Manajemen Da'wah Islam*. Jakarta: Bulan Bintang, 1977.

Abdul Aziz Bari. *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya, Selangor: Intel Multimedia, Kuala Lumpur, 2005.

Abdul Ghafar Don, Nurul Nazuha Hazizan, Razaleigh Muhamat@Kawangit. *Dakwah Kepada Non –Muslim: Sorotan Pendekatan Rasul Ulul Azmi*. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam: Universiti Kebangsaan Malaysia, Islamiyyat 33, 2011.

Abdul Ghafar Don. *Peranan Institusi Dakwah di Britain: Kajian di Islamic Foundation (IF)*. Tesis Kedoktoran Universiti Malaya: 2003.

Abdul Majid Omar. "Pengenalan Dakwah" (Makalah Kursus Pendekatan Dakwah Kontemporeri. Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP: Bangi, 2007.

Abdullah Ishak. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.

Abdullah Muhammad Zin. *Akidah Asas Kesempurnaan Insan*" dlm. Che Yussof Che Mamat (Eds.) *Dinamika Dakwah Dalam Masyarakat*. Kuala Lumpur : Jabatan Akidah Pemikiran Islam, Akademi pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997.

Abu 'Urwah. *Konsep-konsep Umum Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1999.

Ahmad Ibrahim. *Murtad: Hukuman dan Kesannya Dari Segi Undang-undang, Dakwah*. April 1995, 5-8 yang diedarkan dalam Bengkel Menangani Gejala Murtad, Anjuran ABIM, Kuala Lumpur, 1998.

Ahmad Jelani Halimi. *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2008.

Ahmad Mahmud Abu Zaid. *Pendakwah Masa Kini; Sikap & Pendekatan*. Cet. 2. (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), 2003.

Ahmad Redzuan Mohd Yunus dan Che Yusoff Che Mat, “*Pendekatan Dakwah kepada Masyarakat India Muslim: Kajian ke Atas Persekutuan Muslimin Indo-Malaysia (PERMIM)*”. Jurnal Usuluddin, bil. 17, 2003).

Ahmad Redzuwan Mohd Yunus & Nur Kareelawati Abd. Karim, Dlm. Razaleig Muhamat@Kawangit, Faudzinain Badaruddin & Khairil KhuzairiOmar (pnyt.). *Masa Depan Saudara Baru: Harapan, Realiti dan Cabaran*. Bangi: Pusat Islam UKM, 2005.

‘Aidh Abdullah Al-Qarni. *Petunjuk Berdakwah Dengan Berkesan*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, 2007.

Audit Ghazali dan Zulkifli Abd Hamid. “*Kajian Berkaitan Kepuasan Responden Terhadap Program Bantuan Kepada Muallaf di Selangor*”. Prosiding Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf (ICMUD) 2013, pada 7-8 September 2013 di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bangi (KUIS), 2013.

Amran Kasimin. *Saudara baru Cina di Wilayah Persekutuan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1985.

Ann Wang Seng. *Murtad Jangan Pandang Sebelah Mata*. Kuala Lumpur: Mustread Sdn. Bhd., 2009.

Anuar Puteh. *Khidmat Nasihat Dalam Menangani Masalah Saudara Baru, Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*. Bangi: UKM, 2006.

Auni Abdullah. *Tradisi Pemerintahan Islam dan Kolonialisme Dalam Sejarah Alam Melayu*. Kuala Lumpur : Darul Fikir 2005.

Azhar Yaakub @Ariffin. *Murtad Di Kalangan Saudara Baru Keturunan India; Satu Kajian Di Wilayah Persekutuan*. Tesis Master Universiti Malaya, 2000.

Dina Imam Supaat, Bidah Abdul Ghafar dan Abdul Manan Ismail. *Pertukaran Agama Dan Murtad Dikalangan Orang-Orang Cina Di Malaysia; Isu cabaran*

dan Perundangan. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Masyarakat Cina dan Perkembangan Islam Di Malaysia Di Selangor, 2004.

Dokumen rasmi. *Permohonan Keluar Agama Islam (Mualaf).* Tetuan Tengku Azlina, Azlan Shah dan Azman, Peguambela & Peguamcara, Peguam Syarie, Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur, Januari 2015.

Dato' Wan Hussein Azmi. *Panduan Dakwah Islamiah.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

Dr. Afif Ābdūllāh Fātṭāh Thābārāh. *Āl Ānbīyāā' Fil Al-Quran.* Kuala Lumpur: Victory Agency, Cet. Ketiga, 2005.

Dusuki Haji Ahmad. *Kamus Pengetahuan Islam.* Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1980.

Faizal Arif Tajul Ariffin. "Dahulu Mualaf Kini Murtad". Prosiding Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf (ICMUD) 2013, pada 7-8 September 2013 di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bangi (KUIS), 2013.

Farid Sufian. *Murtad : Kedudukannya di Sisi Islam dan Perlembagaan Malaysia.* Petaling Jaya, Selangor: Intel Multimedia, Kuala Lumpur, 2005.

Faridah Jalil, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia,(UKM) Rohaizan Halim, Kolej Undang-undang , Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM). *Kebebasan Beragama : Gambaran Malaysia.* 2014.

Fariza Md Sham dan Anuar Puteh. *Pendekatan Psikologi Dakwah Dalam Bimbingan Saudara Baru: Pengalaman di Malaysia.* Makalah, Seminar Serantau Pemikiran Dakwah: Peranan dan Pengalaman, Jabatan Usuluddin, Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam, Brunei, 19-20 September 2006.

Mohd Fauzi Hamat. "Pendekatan Epistemologi Dalam Menangani Pluralisme Agama" dlm. *Konsep Asas Islam dan Hubungan antara Agama,* Wan

Suhaimi Wan Abdullah (Eds.). Kuala Lumpur : Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,2007.

Garis Panduan Perkhidmatan Kebajikan Mualaf Negeri Selangor 2008. Garis panduan ini telah dikemaskini dan dinamakan Garis Panduan dan Syarat Kelayakan Agihan Zakat Asnaf Muallaf Tahun 2013.

Ghazali Darul Salam. *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 1996.

Ghazali Darusalam, Sufean Hussin. *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur, 2016.

Hamdy Salad. *Agama, Seni, Refleksi Teologis dalam Ruang Estetik*. Yogyakarta, Indonesia: Yayasan Semesta, 2000.

Hasan Al-Bana. *Detik-detik Hidupku*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1990.

H. Asep Muhiddin. *Dakwah dalam Perspektif al-Qur'an*. Bandung: CV Pustaka Setia, 2002.

Haji Mohd Amin Abdul Rahim. *Undang-undang Jenayah Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Brunei, 2009.

Helwa Mohammad Zainal dan Jasri Jamal. *Kedudukan Murtad dan Penyebaran Agama Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia: Satu Analisa Isu dan Cabaran*. Jurnal UUM, 2013.

Hj. Abdullah Hanafi b. Hj. Dollah *et al*, *Kamus al-Khalil*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2006.

Ibn Qasim dan Abu M.Baqir. *Bagaimana Menyeru Kepada Islam*. Terj. Al-Ustadh Fathi Yakan, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1987.

Imam Al-Ghazali Al- Syeikh Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi Ad- Dimasqi, *Mutiara Ihya' Ulumuddin*. Buku-buku : Ipoh Perak, Cetakan Ketujuh 2014.

Ismail Hamid. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur 1988.

Ismail R. al-Faruqi dan Lois Lamya al-Faruqi. *Atlas Budaya Islam*. Penterjemah Mohd. Ridzuan Othman, Mohd. Sidin Ishak dan Khairuddin Harun, Dewan Bahasa dan Pustaka : Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur, 1992.

Jum'ah Amin Abdul Aziz. *Fiqih Dakwah* . Panjang Solo: Era Intermedia, 2008.

Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Skudai Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2007.

K.H Mawardi Labay El Sultahani. *Taubat Penghapus Dosa*. Penerbit Al-Mawardi Prima: Jakarta, 2000.

Kamus Dewan Edis Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 2013.

Ku Md Ali bin Ku Ramli. *Dakwah Kepada Saudara Baru: Satu Kajian Mengenai Pendekatan dalam Aspek Bimbingan dan Kebajikan*. Disertasi sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997.

Mahfodz Mohamad. *Jenayah Dalam Islam: Satu Kajian Ilmiah Mengenai Hukum-hukum Hudud*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1993.

Mariam Abdul Majid. *Mualaf Di Selangor Darul Ehsan : Kajian Tentang Kepuasan Diri Dalam Kehidupan Islam*. Tesis Kedoktoran ,Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012.

Mat Saad Abd Rahman. *Undang-undang Jenayah Islam, Jenayah Hudud*. Shah Alam: Hizbi, 1993.

M.Isa Anshary. *Mujahid Dakwah, Pembimbing Mubaligh Islam*. Cet. 2, Bandung: Depanegara, 1979.

Mizan Adillah Ahmad Ibrahim (Prof. Datin Dr.), Prof. Madya Dr. Ali Yakob Matondang, Asma Abdul Rahman. *Pembentukan PengukuranPersonaliti Pendakwah*, Laporan Penyelidik: UPU (1)/D/ 2003, Kolej Universiti Malaysia, Kuala Lumpur, Julai 2004.

Mazuen Yahya. *Islam Pilihanku Pengucapan Syahadah 39 Insan di Malaysia*. Selangor Karya Bestari Sdn. Bhd. , 2005.

Micheal H. Hart. *Seratus Tokoh yang Paling Berpengaruh Dalam Sejarah*. Penterjemah : Mahbub Djunaidi, Jakarta : Pustaka Jaya, 1986.

Mohamad Zaid bin Mohd Zain. *Kesan Pengajaran dan Pendidikan Agama di Kalangan Saudara Baru: Kajian di PERKIM Negeri Sembilan*. Kajian Kolej Universiti Islam Malaysia, 2004.

Mohamed Azam Mohamed Adil. *Pendekatan Ahmad Ibrahim Dalam Undang-undang Murtad: Satu Kupasan, Seminar Ahmad Ibrahim: Sumbangan dan Pemikiran Ilmiah*. Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), bertempat di Hotel PJ Hilton, 21-22 Ogos 2007.

Mohamed Azam Mohamed Adil. *Kebebasan Beragama dan Hukuman ke Atas Orang Murtad di Malaysia*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam, 2005.

Mohamed Azam Mohamed Adil. *Hak Tukar Agama dalam Perlembagaan: Konflik Kebebasan Beragama dan Hukum Islam* dalam Jurnal Syariah, Vol. 11 No. 1, Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam, 2003.

Mohamed Azam Mohamed Adil. *Undang-Undang Murtad: Suatu Penilaian dari Perspektif Fiqh dan Undang-Undang di Malaysia dalam Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*. Mac 1997, 9 Kanun (1), 1-3; Paizah Hj Ismail, *Undang-Undang Jenayah Islam*, (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam, 1991), 244; Mahfodz Mohamad, *Jenayah Dalam Islam: Suatu Kajian Ilmiah Mengenai Hukum-hukum Hudud*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1993.

Mohd Azam Mohd Adil. *Hak Kebebasan Beragama Dari Perspektif Islam dan Perlembagaan Persekutuan: SatuPerbahasan*. Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor, 2005.

Mohd Ridhuan Tee Abdullah. *Cabaran Saudara Baharu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd., 2012,

Mohd Sopiee Shiddeq. *Jenayah Murtad di Malaysia: Permasalahan dar Perspektif Undang-undang Syariah*. Jurnal UUM, 2015.

Mok Soon Sang. *Psikologi Pendidikan untuk Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd. 2009.

Muhammad Abu Fath Al-Bayanun. *Fiqih Dakwah, Panduan Sukses Dan Nasihat Para Dai*. Surakarta. Indiva Pustaka, 2008.

Muhammad Isa Selamat. *Murtad: Kesan dan Kisah Mengenainya*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, 1998.

Muhammad Ramzi Omar. *Emergency Taubat*. PSN Publication Sdn Bhd: Selangor, 2014.

Muhammad Uthman El- Muhammady. *Peranan Islam Dalam Pembentukan Kebudayaan Melayu*. Bangi: UKM, 1976.

Mukti Ali. *Faktor-faktor Penyiaran Islam*. YPTDI: Jakarta, 1971.

Mustafa Ar-Rafie yang telah diterjemahkan oleh Abd. Wahab Latif, Badlihisham Mohd Nasir dan Mashitah Ismail. *Dakwah Dan Keunggulan Para Daie*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd, 2004.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-69 yang bersidang pada 13-15 Jun 2005 telah membincangkan Hukum Menulis Dan Menerbit Bahan-Bahan Yang Mengandungi Ayat-Ayat Al- Qur'an, Hadis Beserta Pandangan-Pandangan Agama Lain (Cina, Buddha, Hindu, Sikh Dan Kristian), 2005.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1-3 Februari 2008 telah membincangkan Hukum Menggunakan Barang Yang Mempunyai Lambang Agama Lain, 2008.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-71 yang bersidang pada 22-24 November 2005 telah membincangkan Hukum Orang Islam Menyambut Perayaan Valentine's Day, 2005.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-82 yang bersidang pada 5-7 Mei 2008 telah membincangkan Isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah, 2008.

Nabila Yusof. *Usaha-Usaha Kerajaan Pusat Dalam Menangani Gejala Murtad: Satu Penilaian Menurut Perspektif Siyasah Syar'iyyah*. Tesis Master Jabatan Siyasah Syar'iyyah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2006.

Nawi Jusoh. *Mengapa Kami Memeluk Islam*. DNJ Consultant Sdn. Bhd. 2001.

Nazri Muslim. *Islam dan Melayu dalam Perlembagaan, Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2014.

Noor Hanim Mohd Ghazali. *Kaedah Menangani Isu Murtad di Selangor*. Tesis Master, Jabatan Syariah Dan Undang-Undang Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012.

Nor Azilah Abdul Ghani. *Murtad: Kajian Kes di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur*. Universiti Malaya, 1999.

Noraini Idris. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education, 2010.

Nur A'thirah Masyaa'il Tan Bin Abdullah. *Program Dakwah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kepada Saudara Muslim: Kajian Tentang Persepsi dan Keberkesanannya*. Tesis Kedoktoran, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2013.

Nur A'Thiroh Masyaa'il Tan, A. @ Tan Ai Pao, & Fariza Md Sham. *Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim*. Jurnal Hadhari Bil. 2, 2009.

Nur Kareelawati Abd. Karim. *Metodologi Dakwah Kepada Saudara Baru: Kajian Khusus di Darul Arqam, Singapura*. Disertasi sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.

Nuraisyah Chua Abdullah. *Kisah Saya: Saudara Baru*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2005.

Othman Lebar. *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Universiti Sultan Idris, Tanjung Malim, 2012.

Paizah Haji Ismail. *Undang-undang Jenayah Islam*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1991.

Tun Salleh Abbas. *Singa Di bawah Takhta Di jerat (Satu Kezaliman)*, cetakan pertama, Penerbitan Pena Sdn. Bhd. Mac 1989.

Perlembagaan Persekutuan, Hingga 10 Oktober 2014. International Law Books Servis, 2014.

Pg Ismil dan Siti Zubaidah Ismail. *Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah*. Jurnal Syariah, Universiti Malaya, 2015.

Ramlah Adam. *Maktab Melayu Melaka 1900-1922*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Dr. Faudzinain Hj. Badaruddin dan Khairil Khuzairi Omar, ed. *Masa Depan Saudara Baru: Harapan, Realiti dan Cabaran*. Bangi Pusat Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.

Roslan Mohamed. *Dakwah Non-Muslim: Satu Introspeksi Ringkas*. Jurnal YADIM, bil. 3, Jun 2002.

Rozumah Baharudin dan Rumaya Juhari. *Pengantar Perkahwinan dan Keluarga*, Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2002.

Ruslan Zainuddin. *Sejarah Malaysia*. Edisi Kedua, Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2003.

Sabitha Marican. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 2005.

Salleh Bin Ismail. *Murtad Di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis PhD, UKM, 1998.

Samarudin Rejab dan Nazri Abdullah. *Panduan Menulis Tesis* . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1982.

Suhaimi Muhamad. *Tahap kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi Bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam*. Johor, Universiti Teknologi Malaysia, 2007.

Sulaiman Ibrahim, Fariza Md. Sham. *Metodologi Dakwah*. Pusat Perkembangan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008.

Suseela Malakolunthu. *Pengumpulan Dan Analisis Data Kualitatif: Satu dalam Marohaini Mohd Yusoff, Penyelidikan Kualitatif : Pengalaman Kerja Lapangan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013.

Syed Naquib al-Attas. *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: UKM, 1972.

Taqiyah Abdul Hadi. *Faktor Kecenderungan Saudara Kita Memeluk Islam: Satu Kajian Di Darul Ukhwah, Tampoi, Johor*. Tesis, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 2004

Tardjono Abu M.Muaz. *Kembali Ke Pangkuhan Islam Kisah Perjalanan Ruhaniah Para Muallaf*. Selangor Karya Bestari Sdn. Bhd., 2002.

Tarmizi Abdul Halim. *Nyonya Tahir Bukan Islam: Mahkamah Syariah Benarkan Si Mati Disemadi Cara Buddha dalam akhbar Utusan Malaysia bertarikh 23 Januari 2006*.

Utusan Malaysia. *Mahkamah Ketepi Permohonan Keluar Islam*. 31 Ogos 2006.

Utusan Malaysia. *Tiada Peruntukan Gubal Undang-Undang Murtad*. 22 Januari 1998.

Wan Hussein Azmi Abdul Kadir. *Islam Agama Dakwah: Suatu Pengenalan*, dalam Abdullah Muhammad Zin *et al.* (eds.), *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*, c. 2. Bangi: Penerbit UKM, 1998.

Zairul Anuar Md Dawam. *Skrip ke Skrin*. Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2015.

Zulkifli Hasan & Norfadhilah Mohd Ali. *Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia*. Kertas Kerja dalam *Diskusi Syariah dan Undang-undang* anjuran Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 17 Januari 2007.

Zulkifly bin Muda. *Jenayah Hudud dan Pembunuhan Menurut Perundangan Islam*. Universiti Malaysia Terengganu: Terengganu, 2010.

Bahasa Inggeris

ABM Mahbubul Islam. *Freedom Of Religion: A Comparative Study Between Malaysian, Bangladesh and Shari'a Law*. AS Noorden, Kuala Lumpur, 2002.

Anwarullah. *Criminal Law of Islam*. A.S.Noordien, Kuala Lumpur, 1997.

Badlihisham Mohd Nasir. *Islamic Movements in Malaysia: A Study Of Da'wah in PAS and ABIM*. Tesis Kedoktoran, The University of Birmingham, United Kingdom, 1998.

Badlihisham Mohd Nasir. *Da'wah and The Malaysian Islamic Movements*. Kajang: Synergymate Sdn. Bhd, 2003.

Charles Stewart, dan William Cash. *Interviewing: Principles and Practices* (10th ed). Boston: McGraw Hill, 2003.

Chris Fox et al. *Longman Dictionary Of Contemporary English*. c. 4. England: Pearson Education Limited, 2003.

D.J. Prentice et al., Kamus Inggeris -Melayu Dewan, c. 3. Kuala Lumpur: DBP, 2002.

Hisham Dzakiria. *Pragmatic Approach to Qualitative Case Study Research, learning by doing: A Case of Distance Learning Research in Malaysia*. Sintok: UUM Press, 2008.

Khaled Esseissah. *The Increasing Conversion To Islam Since 9/11: A Study of White American Muslim Converts In Northwest Ohio*. Tesis Master of Arts, Graduate College Of Bowling Green State University, 2011.

Merriam,B.S. *Case Study Research In Education: A Qualitative Approach*. California: Josey – Bass Inc.,1998.

Mohamad Hashim Kamali. *Freedom of Expression in Islam*. Cambridge: Islamic Text Society, 1997.

Mohamed Salim El-Awa. *Punishment in Islamic Law*. Indianapolis: American Trust Publication, 2000.

Mohammad Redzuan Othman. “*The Arabs Migration and Its Importance in the Historical Development of the Late Nineteenth and Early Twentieth Century Malaya*”, .Kertas Kerja yang dibentangkan di Persidangan Persatuan Sejarah Dunia yang ke 15 yang diadakan di California, Amerika Syarikat pada 22-25 Jun 2006.

Mohd Roslan Mohd Nor, et. al. “*Madrasah System in Malaysia: Its Contribution and Challenges*”. Kertas kerja yang dibentangkan dalam International Conference on Islamic Area Studies, anjuran National Institute of Humanities, Japan & Asia- Europe Institute, Malaysia, 22-24 November 2008.

Nabih Amin Faris. *The mysteries of almsgiving*. Bairut: The Haildeberg Press,1996.

Nelson, M. L., & Quintana, S. M. *Qualitative Clinical Research With Children And Adolescents*. Journal of Clinical Child and Adolescent Psychology, 34, 2005.

Nur Suriya, M. N. *The phenomenon of apostasy in Malaysia: A study of its causes from 2003 until 2006*. Unpublished dissertation Master of Islamic Revealed Knowledge and Heritage, UIA, 2008.

Osman Chuah Abdullah @ Chua Hock Leng dan Abdul Salam Muhamad Shukri. *Muslim Converts In Malaysia: The Problem Of Culture Adjustment*. Gombak: Int. Islamic Univ. Malaysia Press, 2008.

Patrik D. Bowen. *Conversion to Islam in the United States: A Case Study in Denver, Colorado*. Intermountain West Journal of Religious Studies, v. 1, no. 1, 2009.

Patton, M. Q. *Qualitative research and evaluation methods*. (3rd ed.), (Thousand Oaks, CA: Sage, 2002.

Rafic Ali Al-Banawi. *Religious Conversions: The Personal Experience Of The Muslim Converts*. Tesis kedoktoran, School Of Education, Indiana Universiti, 1994.

Robert K. Yin. *Case Study Research: Design and Methods, 2nd Edition*. London: SAGE Publications, 1994.

Steven A.Beebe Susan J.Beebe dan Diana K.Ivy. *Communication Principles For A Lifetime*. Ed. Ke-3 rev, (Amerika: Person Education, Inc, 2007).

Waheeda Kamalam Ambigay Abdullah. *Conversion and Apostacy in the Context of Freedom of Religion*. Tesis Sarjana Perbandingan Undang-undang UIAM, 1998.

Wiersma, W. *Research methods in education: An introduction*. (6th ed.), Boston, MA: Allyn and Bacon, 1995.

Zulkiple Abdul Ghani. *Diffusion of Da'wah Through Broadcasting Media: The Experience of Radio Television Malaysia (RTM)*. Tesis kedoktoran, The University of Edinburgh, United Kingdom, 1997.

Senarai Statut

Akta Bidang Kuasa Mahkamah Syariah (Jenayah) Pindaan 1984.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, Seksyen 74 menyatakan bahawa: “*Tiada keputusan Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah boleh melibatkan hak atau harta seseorang bukan Islam*”.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Dan Pindaan 2008,

Bahagian I (Tafsiran) hlm. 8: Lihat Juga Seksyen 107 (a) (b) (c), Dalam Bahagian IX (Memeluk Agama Islam), (2003).

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 1991, Seksyen 66 menggunakan istilah ‘percubaan murtad’, 1991.

Seksyen 22, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) (Negeri Kelantan) 1993 dan Bahagian VII, Rang Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Negeri Terengganu 2002.

Di Perlis, satu Rang Undang-undang Perlindungan Aqidah Islam (Perlis) 2000 mengenakan hukuman rehabilitasi selama tidak lebih satu tahun sekiranya didapati cuba menukar agama Islam, 2000.

Seksyen 63, Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor), 2003.

Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor), 2003.

Seksyen 112, Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor), 2003.

Seksyen 114, Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor), 2003.

Kes Mahkamah

Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan yang lain [2007] CLJ JT (1) (Mahkamah Persekutuan).

Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kerajaan Malaysia dan Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara. Sivil No. 01-2-2006 (w) (Mahkamah Rayuan) 10 Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Anor [2004] 6 CLJ 242 (Mahkamah Tinggi).

Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Anor [2004] 6 CLJ 242 (Mahkamah Tinggi).

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan v Hun Mun Meng [1992] 2 MLJ 676.

Majlis Agama Islam Pulau Pinang lwn. Siti Fatimah Tan binti Abdullah [1430H] JH 27/2; Sumanthi a/p maniam lwn. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (1434H) JH36/1, 143-159.

Sia Kwee Hin lwn. JAIWP [1992] 2 CLJ, 1-4; Lim Yoke Khoon lwn. Pendaftar Muallaf, Majlis Agama Islam Selangor & Yang Lain [2006] 4 CLJ, 513-526;

Teoh Eng Huat v Kadhi. Pasir Mas & lain-lain [1990] 2 MLJ 300.

Laman Sesawang

Laman sesawang, Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, dicapai 7 Jun 2017, <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=terhadap>.

Laman sesawang, “Had Tempoh Panggilan Muallaf”, laman sesawang e-fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia, dicapai 27 Mei 2014, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/had-tempoh-panggilan-muallaf>.

Temu bual

Che Mohd Noorlee Abdullah (Eksekutif Unit Pendaftaran Dan Pengurusan Rekod Mualaf), dalam temu bual dengan pengkaji, 2 Februari 2015.

Borhan Abdullah (Panel Penasihat Akidah MAIS), dalam temu bual dengan pengkaji, 18 Disember 2015.

Fahimi Mahamad Madani (Peguam Syarie MAIS), dalam temu bual dengan pengkaji, 23 Julai 2015.

Faisal Qayyum Ismail (Eksekutif Pengurusan Kes Mahkamah), dalam temu bual dengan pengkaji, 2 Februari 2015.

Mohd Daruddin Hj. Taib@Hasan (Penolong Mufti, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Selangor), dalam temu bual dengan pengkaji, 18 Mac 2015.

Nur Ain T. Abdullah (Sukarelawan Ziarah MAIS), dalam temu bual dengan pengkaji, 20 Disember 2015.

Puteri Abdullah, (Sukarelawan Ziarah MAIS), dalam temu bual dengan pengkaji, 20 Disember 2015.

Shah Kirit bin Kakulal Govindji (Panel Penasihat Akidah MAIS), dalam temu bual dengan pengkaji, 18 Disember 2015. Yazid Abdullah (Sukarelawan Ziarah MAIS), dalam temu bual dengan pengkaji, 20 Disember 2015.

Pemohon Isytihar Murtad Pertama, dalam temu bual dengan pengkaji, 25 April 2015.

Pemohon Isytihar Murtad Kedua, dalam temu bual dengan pengkaji, 25 April 2015.

Pemohon Isytihar Murtad Ketiga, dalam temu bual dengan pengkaji, 25 April 2015.

Pemohon Isytihar Murtad Keempat, dalam temu bual dengan pengkaji, 26 April 2015.

Pemohon Isytihar Murtad Kelima, dalam temu bual dengan pengkaji, 26 April 2015.

Pemohon Isytihar Murtad Keenam, dalam temu bual dengan pengkaji, 26 April 2015.

Pemohon Isytihar Murtad Ketujuh, dalam temu bual dengan pengkaji, 9 Mei 2015.

Pemohon Isytihar Murtad Kelapan, dalam temu bual dengan pengkaji, 9 Mei 2015.

Pemohon Isytihar Murtad Kesembilan, dalam temu bual dengan pengkaji, 9 Mei 2015.

Pemohon Isytihar Murtad Kesepuluh, dalam temu bual dengan pengkaji, 10 Mei 2015.

Pemerhatian

Pemerhatian di rumah Pemohon Isytihar Murtad Pertama, 25 April 2015.

Pemerhatian di rumah Pemohon Isytihar Murtad Kedua, 25 April 2015.

Pemerhatian di rumah Pemohon Isytihar Murtad Kelima, 26 April 2015.

Pemerhatian di rumah Pemohon Isytihar Murtad Keenam, 26 April 2015.

Pemerhatian di rumah Pemohon Isytihar Murtad Ketujuh, 9 Mei 2015.

Pemerhatian di rumah Pemohon Isytihar Murtad Kelapan, 9 Mei 2015.

Pemerhatian di rumah Pemohon Isytihar Murtad Ketiga, 25 April 2015.

Pemerhatian di rumah Pemohon Isytihar Murtad Kesembilan, 9 Mei 2015.

Pemerhatian di rumah Pemohon Isytihar Murtad Kesepuluh, 10 Mei 2015.

Pemerhatian ke atas Pemohon Isytihar Murtad Keempat, 26 April 2015.